UNIVERSITI MALAYA

PUSAT PERUBATAN UM

Medical Centre Pusat Perubatan Universiti Malaya

Laporan Tahunan Annual Report

2014



Leading Healthcare

UNIVERSITI MALAYA

PUSAT PERUBATAN UM

LAPORAN TAHUNAN 2014

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

KANDUNGAN

Sekapur Sirih	**4**
Visi Misi	**5**
Laporan Eksekutif	**7**
Carta Organisasi	**25**
Lembaga Pengurus PPUM	**28**
Klinikal	31
Jabatan Kawalan Jangkitan	32
Jabatan Mikrobiologi Perubatan	34
Jabatan Oftalmologi	36
Jabatan Onkologi Klinikal	37
Jabatan Otorinolaringologi (ENT)	43
Jabatan Patologi Forensik	45
Jabatan Patologi	46
Jabatan Pediatrik	50
Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan	61
Jabatan Perubatan Kecemasan	65
Jabatan Perubatan Pemulihan	65
Jabatan Perubatan Rawatan Utama	77
Jabatan Perubatan Transfusi	81
Jabatan Perubatan	86
Jabatan Surgeri	92

Sokongan Klinikal 93
Jabatan Dietetik 94
Jabatan Farmasi 98
Jabatan Kejururawatan 109
Jabatan Kerja Sosial Perubatan 120
Jabatan Maklumat Pesakit 124
Unit Fizik Perubatan 127

Bukan Klinikal 135
Jabatan Audit Dalam 136
Jabatan Kejuruteraan 137
Jabatan Kewangan 142
Jabatan Kualiti 145
Jabatan Pembangunan Perniagaan 156
Jabatan Perhubungan Awam 162
Jabatan Perolehan 164
Jabatan Sumber Manusia 167
Jabatan Teknologi Maklumat 176
Kolej Sains Kesihatan (KSK) 179
Unit Kejuruteraan Biomedikal 181
Unit Keselamatan 183
Unit Perundangan 189

Penyata Kewangan 191
Diari Lawatan & Majlis 2014 225
Penerbitan 231
Objektif Kualiti Teras PPUM & Piagam Pelanggan 247

SEKAPUR SIREH

PENGERUSI LEMBAGA PENGURUS PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA



Salam Sejahtera & Salam 1 Malaysia

Sekalung tahniah diucapkan kepada sidang pengarang yang berusaha menyiapkan laporan tahunan ini. Selain itu, penghargaan dan ucapan terima kasih turut diberikan kepada semua jabatan, bahagian dan unit atas kerjasama memberikan maklumat bagi memastikan laporan tahunan ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

Sesungguhnya penerbitan laporan tahunan Pusat Perubatan Universiti Malaya amat penting dalam mendokumentasikan semua aktiviti dan kejayaan hospital sepanjang tahun 2014. Adalah diharapkan dengan terhasilnya laporan ini, ia membantu ke arah memperkemaskan lagi perancangan dan pelaksanaan kerja semua jabatan di PPUM pada masa akan datang.

Saya berharap penerbitan buku laporan tahunan ini akan memberi manfaat kepada semua pihak yang ingin mengetahui dengan lebih terperinci mengenai peranan dan aktiviti Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR EMERITUS DATO' DR. LIAN CHIN BOON
Pengerusi
Lembaga Pengurus Pusat Perubatan Universiti Malaya



VISI

PPUM berhasrat untuk menjadi sebuah pusat perubatan bertaraf dunia yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan, latihan dan penyelidikan perubatan yang berkualiti tinggi berdasarkan standard-standard antarabangsa.

MISI

PPUM adalah komited untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan, latihan dan penyelidikan yang berkualiti tinggi dalam perkhidmatan perubatan tertiar, komuniti dan kebajikan pesakit.

NILAI TERAS (CORE VALUES)

Kecemerlangan
Efisien
Empati
Etika
Berpusatkan pesakit
Kemesraan

UNIVERSITI MALAYA

PUSAT PERUBATAN UM



UNIVERSITI MALAYA

PUSAT PERUBATAN UM

LAPORAN EKSEKUTIF

LAPORAN EKSEKUTIF PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) adalah sebuah hospital pengajaran di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya. Objektif PPUM adalah:

(a) menubuhkan, mengendalikan dan membangunkan pusat perubatan yang bertaraf dan berkedudukan antarabangsa; dan
(b) bekerjasama dengan Fakulti Perubatan dalam mengadakan kemudahan-kemudahan bagi pendidikan, latihan penyelidikan, pensiswazahan dan perundingan perubatan.

PPUM ditadbir urus oleh Lembaga Pengurus yang dilantik di bawah subseksyen 15(1) Perlembagaan Universiti Malaya yang terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) Pengerusi yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti daripada kalangan anggotanya;
(b) Naib Canselor Universiti, jika tidak dilantik sebagai Pengerusi;
(c) Pengarah;
(d) Dekan Fakulti Perubatan;
(e) Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan atau wakilnya;
(f) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan atau wakilnya;
(g) Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan atau wakilnya.

PPUM telah menerima Pensijilan MS ISO 9001:2008 bagi perkhidmatan penjagaan pesakit termasuk perkhidmatan sokongan serta Akreditasi Makmal Perubatan MS ISO 15189:2007 bagi perkhidmatan diagnostik. PPUM juga telah melaksanakan penambahbaikan berterusan pada tahun 2014 bagi memastikan organisasi ini sentiasa memberikan perkhidmatan yang cemerlang, konsisten, efisyen dan beretika bagi memenuhi keperluan pelanggan. Laporan ini dikemukakan untuk memaklumkan tindakan-tindakan penambahbaikan yang telah dilakukan pada tahun 2014 antaranya penambahbaikan terhadap proses perkhidmatan, penambahbaikan terhadap infrastruktur serta pembelian peralatan-peralatan baru yang dapat memberi gambaran pencapaian prestasi keseluruhan PPUM dalam menyediakan perkhidmatan kepada pesakit.

RINGKASAN PRESTASI KESELURUHAN

LAPORAN PERANGKAAN PESAKIT

Perangkaan pesakit adalah hasil pengumpulan data statistik pesakit yang mendapat rawatan di PPUM melalui Perkhidmatan Pesakit Luar dan Pesakit Dalam. Perkhidmatan Pesakit Luar meliputi perawatan yang diberikan di Klinik-klinik Pakar, Jabatan Perubatan Rawatan Utama, Jabatan Perubatan Pemulihan, Jabatan Trauma dan Kecemasan, Klinik Kesihatan Kakitangan dan Pusat Pengambilan Darah.

Manakala, bagi Perkhidmatan Pesakit Dalam pula melibatkan perkhidmatan perawatan yang dijalankan di semua wad.

Perkhidmatan Pesakit Luar

Dalam tempoh 10 tahun, statistik bilangan pesakit luar yang telah menerima rawatan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 69.6% iaitu pertambahan seramai 400,333 orang pesakit.

Jadual 1 : Statistik Pesakit Luar Tahun 2004 hingga 2014

Tahun	Semua Klinik	Trauma & Kecemasan	Jumlah
2005	502,458	72,758	575,216
2006	580,775	84,296	665,071
2007	662,855	88,003	750,858
2008	784,364	95,846	880,210
2009	773,904	103,442	877,346
2010	775,403	107,644	883,047
2011	799,413	106,749	906,162
2012	800,426	110,246	910,672
2013	822,978	109,319	932,297
2014	587,057	118,492	975,549

Sumber : Jabatan Maklumat Pesakit

Pada tahun 2014, Jumlah pesakit yang menerima rawatan daripada perkhidmatan pesakit luar telah meningkat sebanyak 4.6% iaitu 975,549 orang pesakit berbanding 932,297 pada tahun 2013

Jadual 2 : Statistik Pesakit Luar Mengikut Disiplin Klinikal

Klinik	Tahun		Perbezaan (%)
	2013	2014	
Klinik Perubatan	130,229	129,694	-0.4
Klinik Surgeri	37,871	42,289	11.7
Klinik Surgeri Ortopedik	58,663	55,452	-5.5
Klinik Perubatan Psikologi	30,746	32,463	5.6
Klinik Pediatrik	22,989	23,754	3.3
Klinik Oftalmologi	48,306	48,050	-0.5
Klinik Otorinolaringologi	32,095	33,190	3.4
Klinik Ginekologi	19,593	15,644	-20.2
Klinik Obstetrik	64,340	51,256	-20.3
Klinik Kesihatan Kakitangan	21,592	30,891	43.1
Klinik Perubatan Rawatan Utama	139,080	151,224	8.7
Klinik Perubatan Pemulihan	109,319	118,492	8.4
Pusat Pengambilan Darah	32,591	34,176	4.9
Klinik Onkologi	90,490	91,821	1.5
Trauma dan Kecemasan	68,885	99,520	44.5
Cucian Luka	25,217	17,396	-31.0
Perawatan Di Rumah	291	237	-18.6
Jumlah	**932,297**	**975,549**	**4.6**

Sumber : Jabatan Maklumat Pesakit

Perkhidmatan Pesakit Dalam

Pada tahun 2014, seramai 59,387 pesakit mendapatkan rawatan sebagai pesakit dalam iaitu peningkatan sebanyak 6.4% berbanding 55,822 orang pada tahun 2013. Manakala bilangan katil bagi tahun 2014 adalah sebanyak 1,087 buah katil dengan kadar penggunaan adalah sebanyak 73.9%.

Jadual 3 : Jumlah Kemasukan dan Penggunaan Katil

Tahun	Kemasukan	Jumlah Katil	Kadar Penggunaan Katil (%)
2005	48,588	916	71.2
2006	50,619	839	89.8
2007	51,814	875	80.4
2008	47,040	854	80.0
2009	49,231	983	69.3
2010	49,843	895	78.6
2011	51,256	911	78.8
2012	53,825	979	77.5
2013	55,822	1,109	75.36
2014	59,387	1,087	73.9

Sumber : Jabatan Maklumat Pesakit

Jadual 4 : Bilangan Discaj dan Kematian Mengikut Disiplin

Disiplin Klinikal	2013			2014		
	Jumlah Discaj	Bilangan Kematian	Kadar Kematian (setiap 1000 discaj)	Jumlah Discaj	Bilangan Kematian	Kadar Kematian (setiap 1000 discaj)
Obstetrik M *(Maternity)*	8,996	0	0	7,664	1	0.13
Obstetrik B (Baby)	2,105	10	4.8	1,633	11	6.7
Otorinolaringologi	1,479	4	2.7	1,647	12	7.3
Oftalmologi	1,596	2	1.3	1,652	1	0.6
Ginekologi	3,485	27	7.7	3,793	48	12.65
ICU	967	173	178.9	1,450	260	179.3
Perubatan	15,015	1,252	83.4	18,270	1,270	69.5
Pediatrik	6,862	93	13.6	7,885	74	9.4
Perubatan Psikologi	1,420	1	0.7	1,346	1	0.7
Ortopedik Surgeri	4,634	53	11.4	4,723	46	9.7
Surgeri	8,125	242	29.8	9,008	282	31.3
Trauma	1,004	0	0	908	1	1.1
Jumlah	**54,684**	**1,857**	**33.9**	**908**	**2,007**	**33.5**

Nota: Kadar Kematian=Jumlah Kematian/Jumlah Discaj x 1000

Sumber : Jabatan Maklumat Pesakit

Discaj dan Kematian

Pada tahun 2014, seramai 59,979 orang telah didiscaj dari wad berbanding 57,545 orang pesakit pada tahun 2013. Manakala, kadar kematian meningkat sedikit daripada 32.3 kes pada tahun 2013 kepada 33.5 kes pada tahun 2014.

PERJAWATAN

Kedudukan perjawatan dari segi bilangan perjawatan, pengisian dan kekosongan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
Pengurusan Tertinggi	1	1	0
Pengurusan & Profesional	691	650	41
Kumpulan Sokongan 1	3,660	3,593	67
Kumpulan Sokongan 2	1,295	1,270	25
Jumlah Keseluruhan	5,647	5,514	133

PEROLEHAN

Peralatan dan Kelengkapan

Secara keseluruhannya, pada tahun 2014, Seksyen Peralatan dan Kelengkapan telah menguruskan perolehan dan pembelian bagi perkhidmatan rawatan pesakit dan peralatan keperluan pejabat. Nilai keseluruhan perolehan yang telah diuruskan bagi peralatan adalah sebanyak **RM 38,193,503.72**.

Di antara perolehan peralatan perubatan penting yang telah dapat diuruskan adalah seperti berikut:

- Satu (1) unit *Extracorporeal shock wave lithotripsy* yang bernilai RM3,000,000.00 untuk kegunaan Pusat Pembedahan Harian.
- Lima Belas (15) unit *Medium End Adult Ventilator* yang bernilai RM1,049,700.00 untuk kegunaan Perkhidmatan Penjagaan Kritikal (ICU).
- Empat (4) unit *Steam Sterilizer* yang bernilai RM1,650,000.00 untuk kegunaan Jabatan Mikrobiologi Perubatan dan Unit Pembekalan Alat & Steril.
- Empat (4) unit *Anesthetic Machine with Integrated Ventilator and Physiological Monitor* yang bernilai RM906,000.00 untuk kegunaan Jabatan Anestesiologi.

Ubat-ubatan

Pada tahun 2014, sebanyak 16 tender dan 4 sebut harga ubat-ubatan telah diuruskan dengan nilai perolehan sebanyak **RM74,497,136.18**. Perolehan ubat-ubatan yang betul dan pada harga yang berpatutan adalah penting bagi memastikan keperluan di PPUM mencukupi untuk tujuan perawatan. Secara keseluruhan permintaan terhadap penggunaan ubat-ubatan semakin meningkat seiring dengan peningkatan bilangan pesakit yang mendapat rawatan di PPUM dan penyenaraian ubat baru ke dalam formulari PPUM.

Bekalan Guna Habis

Pada tahun 2014, sebanyak 35 tender, 20 sebut harga dan 1 rundingan terus bekalan guna habis telah diuruskan dengan nilai perolehan sebanyak **RM69,605,423.19**. Nilai perolehan ini dilihat menurun berbanding tahun 2013 berikutan terdapat bekalan guna habis *(consignment)* dikeluarkan dari tender yang hendak diperbaharui dan diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Perniagaan di samping faktor kenaikan/penurunan harga tawaran daripada pihak pembekal.

Perkhidmatan/ Kerja-Kerja

Beberapa perubahan telah berlaku pada tahun 2014 yang memberi kesan kepada Jumlah perolehan seksyen ini. Terdapat peratusan pengurangan sebanyak **32.2%** dari segi nilai perolehan dengan melibatkan Jumlah kewangan sebanyak **RM22,069,281.58** melalui perolehan secara sebut harga, tender, runding terus dan pelanjutan kontrak. Keseluruhan perolehan yang berJumlah **RM46,540,217.71** ini adalah terdiri daripada perolehan kerja-kerja sebanyak **RM8,063,592.00**, perkhidmatan berJumlah **RM35,953,067.97**, runding terus berJumlah RM1,672,908.00 dan pelanjutan kontrak yang berJumlah **RM850,649.74**. Beberapa kontrak perkhidmatan telah diperbaharui bagi jangka masa tiga tahun dan satu tahun seperti yang disenaraikan berikut:

- Tawaran Bagi Perkhidmatan Penyediaan dan Penghidangan Makanan Pesakit.
- Tawaran Bagi Perkhidmatan Pembersihan Kawasan Termasuk Memotong Rumput, Menyapu Sampah, Membersih Bumbung Serta Membersih Saliran Perparitan dan Perkhidmatan Penyelenggaraan Landskap Termasuk Menyiram, Merumput, Membaja, Mengandam Serta Meracun Di Seluruh Kawasan dan Bangunan.
- Tawaran Bagi Perkhidmatan Polisi Insuran Am Dan Insuran *Medical Malpractice Liability*.

Manakala kontrak perkhidmatan baru yang diuruskan berkaitan dengan teknologi maklumat dan maklumat pesakit ialah:

- Tawaran Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Pengurusan dan Penggunaan Ubat-Ubatan (*Medication Management and Use System/* M.M.U.S).
- Tawaran bagi Perkhidmatan Mengimbas, Mengindeks dan Memuat Naik Dokumen Ke Dalam Document Management System (DMS) iPesakit Untuk Tempoh Satu (1) Tahun.

Mulai bulan April 2014, Jabatan Perolehan telah mula menguruskan kembali proses perolehan untuk sewa ruang niaga. Antara perolehan sewa ruang niaga yang dikendalikan ialah:

- Sebut Harga Bagi Menjalankan Perniagaan Kedai Serbaneka Di Bangunan Rawatan Utama (RUKA).
- Sebut Harga Bagi Menjalan dan Menguruskan Perkhidmatan Dobi Layan Diri Di Kompleks Penginapan untuk tempoh dua (2) tahun.
- Sebut Harga Bagi Menjalankan Perniagaan Kedai Makanan dan Minuman Di Satu (1) Lot Ruang Niaga Asrama Jururawat untuk tempoh dua (2) tahun.
- Sebut Harga Bagi Menjalankan Perniagaan Kedai Makanan Dan Minuman Di Satu (1) Lot Ruang Niaga Kompleks Kesihatan Wanita Dan Kanak-kanak (KKWK) untuk tempoh dua (2) tahun.
- Tawaran Bagi Menjalankan Perkhidmatan Pembuatan Prostetik dan Ortotik untuk tempoh dua (2) tahun.

Walau bagaimanapun, dari segi bilangan perolehan, Jumlah kenaikan adalah ketara pada tahun 2014 dengan perbezaan peratusan sebanyak **97.2%**. Ini adalah kerana terdapat peningkatan ketara pada perolehan sebut harga terutamanya kerja-kerja. Selain itu, peningkatan ini juga adalah disebabkan oleh pelanjutan kontrak perkhidmatan yang sedia ada dan perolehan secara runding terus untuk perkhidmatan teknologi maklumat.

Manakala bagi perolehan **penyelenggaraan peralatan perubatan**, terdapat pengurangan peratusan sebanyak 0.51% dari segi nilai perolehan melibatkan nilai sebanyak **RM46,946.00** melalui perolehan secara sebut harga, tender dan runding terus. Dari segi bilangan perolehan, Jumlah turut berkurangan pada tahun 2014

dengan perbezaan peratusan sebanyak **15%**.

Beberapa kontrak penyelenggaraan peralatan telah diperbaharui bagi jangka masa tiga tahun seperti yang disenaraikan berikut:

- Tawaran Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Peralatan *Open Magnetic Resonance Imaging* (MRI).
- Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Peralatan *Ultrasonic Aspirator* dan *Operating Microscopes*.
- Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Sebelas (11) Unit Peralatan Neurofisiologi.
- Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Peralatan *Laser*.

KEDUDUKAN KEWANGAN PPUM

Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus

Pendapatan Mengurus PPUM pada tahun 2014 ialah sebanyak RM627,057,484 berbanding dengan RM517,225,617 pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM109,831,867 (21.23%). Daripada Jumlah Pendapatan Mengurus tahun 2014, sebanyak RM526,670,955 (83.99%) adalah merupakan pemberian kerajaan dan bakinya sebanyak RM100,386,529 (16.01%) adalah hasil dalaman PPUM. Perbelanjaan Mengurus PPUM pada tahun 2014 pula ialah sebanyak RM538,309,479 berbanding dengan RM524,416,867 pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM13,892,612 (2.65%). Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan bagi tahun 2014 ialah RM88,748,005 berbanding dengan kurangan pendapatan daripada perbelanjaan sebanyak RM7,191,250 pada tahun 2013. Secara keseluruhan, lebihan terkumpul pendapatan mengurus PPUM sehingga tahun 2014 ialah sebanyak RM350,416,552 berbanding dengan RM261,668,547 pada tahun 2013. Lebihan terkumpul ini terdiri dari aset tetap, akaun-akaun penghutang dan tunai yang akan digunakan untuk membiayai komitmen tahun 2014.

PPUM menerima sebanyak RM28,000,000 pendapatan pembangunan pada tahun 2014 berbanding dengan terimaan sebanyak RM107,000,000 pada tahun 2013. Ini merupakan penurunan sebanyak RM79,000,000 (73.83%). Pendapatan pembangunan pada tahun 2014 dibiayai sepenuhnya daripada sumbangan kerajaan. Perbelanjaan pembangunan PPUM pada tahun 2014 pula ialah sebanyak RM54,449,165 berbanding dengan RM59,109,459 pada tahun 2013. Ini merupakan penurunan sebanyak RM4,660,294 (7.88%). Dengan itu, terdapat kurangan pendapatan daripada perbelanjaan bagi tahun 2014 sebanyak RM26,449,165 berbanding dengan lebihan pendapatan RM47,890,541 pada tahun 2013. Secara keseluruhan, pendapatan pembangunan terkumpul PPUM pada tahun 2014 ialah RM126,083,411 berbanding dengan RM152,532,576 pada tahun 2013. Lebihan terkumpul ini terdiri daripada nilai aset bangunan, infrastruktur, peralatan perubatan dan aset tetap lain yang dibiayai daripada geran pembangunan.

Harta dan Tanggungan

Jumlah nilai aset hartanah, loji dan mesin PPUM pada tahun 2014 ialah sebanyak RM973,644,622 berbanding dengan RM975,993,893 pada tahun 2013. Ini merupakan penyusutan sebanyak RM2,349,271 (0.24%). Aset semasa PPUM pula berJumlah RM469,359,863 pada tahun 2014 berbanding dengan RM380,649,062 pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM88,710,801 (23.31%).

Tanggungan semasa PPUM pada tahun 2014 ialah sebanyak RM13,397,159 berbanding dengan RM20,815,060 pada tahun 2013. Ini merupakan penurunan sebanyak RM7,417,901 (35.64%). Pada tahun 2014, Jumlah aset bersih PPUM adalah sebanyak RM1,429,607,326 berbanding dengan RM1,335,827,895 pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM93,779,431 (7.02%).

PEMBANGUNAN

Pada tahun 2014, proses perolehan peralatan perubatan Bangunan Menara Selatan masih lagi dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan peruntukan sebanyak RM15 juta bagi melengkapkan perkhidmatan perawatan pesakit dan seterusnya membolehkan jabatan/unit yang ditempatkan di bangunan tersebut beroperasi. Perolehan ini menggunakan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM132 juta dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK-10). Jabatan/unit yang beroperasi di bangunan ini ialah Jabatan Perubatan Pemulihan, Jabatan Perubatan Kesukanan, Jabatan Pengimejan Bio Perubatan, Unit Kardiologi, Unit Endoskopi dan Unit Neurologi.

Pihak PPUM juga telah diluluskan peruntukan sebanyak RM30 juta bagi melaksanakan kerja-kerja naik taraf wad ICU dan sebanyak RM8 juta bagi perolehan peralatan mini cyclotron. Penambahan katil di wad ICU adalah bagi memastikan kualiti perawatan dapat ditingkatkan dan seterusnya dapat mengurangkan kadar mortaliti di kalangan pesakit kritikal. Manakala, peralatan mini cyclotron menghasilkan bahan surih yang dipanggil *radiotracer* untuk mesin *Positron Emission Tomography* (PET) bagi menyokong pelaksanaan pemeriksaan diagnostik kepada pesakit. Ia beroperasi pada tenaga 7.5 MeV (bertenaga rendah).

LATIHAN PRA PERKHIDMATAN

Pada tahun 2014, PPUM telah mengambil seramai 327 orang pelajar berbanding seramai 294 orang pelajar pada tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 11.2% secara keseluruhannya.

Terdapat peningkatan kepada Jumlah keluruhan pengambilan pelajar pada tahun 2014 berikutan penganjuran kursus Sijil Perawatan Renal yang dijalankan selama 6 bulan. Diploma Lanjutan Perawatan Kecemasan, Diploma Lanjutan Perawatan Kritikal dan Diploma Lanjutan Metodologi Pengajaran.

KEPUASAN PELANGGAN

Secara keseluruhan, maklum balas pelanggan yang meliputi aduan dan cadangan bagi tahun 2014, menunjukkan adanya penurunan sebanyak 12.2%. Berdasarkan kategori maklum balas pelanggan yang diterima pada tahun 2014, antara peratusan kenaikan tertinggi dicatatkan ialah bagi kategori masa menunggu iaitu sebanyak 36.8%. Ini adalah berpunca daripada bilangan pesakit yang ramai sehingga melebihi kuota yang ditetapkan. Sebagai langkah penambahbaikan, pesakit telah dinasihatkan hadir mengikut tarikh dan masa janji temu yang telah ditetapkan.

Kategori komunikasi bersama pelanggan masih merupakan perkara yang perlu diberikan penekanan kerana mencatatkan pertambahan sebanyak 6.5% berbanding tahun sebelumnya. Aduan ini melibatkan aduan berkaitan cara layanan, percakapan, intonasi suara serta kata-kata yang dikeluarkan oleh staf semasa berurusan dengan pesakit atau waris pesakit. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 7 bengkel *"Workshop On Communication Skills In The Workplace"* telah dijalankan dengan melibatkan staf pelbagai jawatan.
Bagi aduan berkaitan kualiti makanan berlaku kenaikan sebanyak

50% berbanding tahun 2013. Aduan ini melibatkan perkhidmatan yang diswastakan iaitu penyediaan makanan untuk pesakit. Jabatan Dietetik telah membuat penyiasatan serta pemantauan berterusan bagi aduan berkaitan kualiti makanan pesakit ini.

Aktiviti pemantapan akreditasi *Malaysian Society for Quality in Health* (MSQH) masih diteruskan pada tahun 2014 dan sekretariat akreditasi juga telah berusaha untuk mengekalkan dan meneruskan perjuangan dalam memberi kesedaran, penambahbaikan sistem dan pemantapan berterusan berkaitan akreditasi.

PENCAPAIAN KUALITI

Kualiti Teras PPUM

Objektif Kualiti	2014		
	Sasaran	Pencapaian (%)	
Perkhidmatan Ambulatori: 80% pesakit luar yang ada janjitemu akan menerima rawatan dalam tempoh 2 jam dan tidak lebih dari 3% pesakit akan menerima rawatan lebih dari 4 jam.	≤ 2 jam 80%	Klinik Perubatan Rawatan Utama	98.5
		Klinik Keluarga	89.6
		Klinik Oftalmologi	98
		Klinik Otorinolaringologi	100
		Klinik Pediatrik	90.1
		Klinik Ginekologi	77.8*
		Klinik Surgeri Ortopedik	91.9
		Klinik Psikiatrik	94.2
		Klinik Perubatan 1	92.5
		Klinik Perubatan 2	76.8*
		Klinik Surgeri	88.7
		Klinik Antenatal	83.5
		Klinik Luka	97.5
		Klinik Rehab	92.6
		Ketidakcapaian Klinik Ginekologi:	
		i. Pada hari Khamis kebanyakan doktor menghadiri perbincangan Gyneo Onco MDT (melibatkan pakar klinikal dari Jabatan Obstetrik, Jabatan Onkologi dan Jabatan Patologi). Kebiasaannya perbincangan itu berlanjutan sehingga jam 1030 pagi.	
		ii. Sering berlaku lebihan kuota (anggaran pesakit sehari 60-80) menyebabkan masa menunggu menjadi bertambah lama. Jumlah kuota yang ditetapkan adalah 60 orang pesakit sehari.	
		iii. Kekurangan doktor bertugas disebabkan mereka terlibat dalam Peperiksaan Ijazah Dasar Obstetrik (*Undergarduate*) pada bulan April dan Mei.	
		Tindakan penambahbaikan:	
		i. Isu ketidakcapaian objektif kualiti telah dibawa di dalam mesyuarat Jabatan Obstetrik & Ginekologi	
		ii. Pemberian waktu temu janji dilewatkan pada jam 10.00 pagi	
		iii. Doktor telah diminta untuk turun ke klinik lebih awal	
		Ketidakcapaian Klinik Perubatan 2:	
		i. Sesi Klinik Endokrinologi-Isnin	
		• Jumlah doktor yang bertugas seramai 13 orang tetapi pada hari tersebut hanya 4 hingga 5 orang doktor sahaja yang bertugas. Kekurangan doktor menyebabkan kelancaran aktiviti klinik terganggu dan masa menunggu menjadi bertambah lama.	
		• Kekurangan doktor disebabkan adanya 'revision class' bagi doktor yang terlibat dengan peperiksaan	
		• Jumlah pesakit melebihi kuota	
		ii. Sesi Klinik Neurologi – Selasa	

			•	Jumlah doktor yang bertugas seramai 13 orang tetapi kebanyakkan pada sesi klinik tersebut hanya 9-10 orang doktor sahaja yang hadir bertugas. Kekurangan doktor menyebabkan kelancaran aktiviti klinik terganggu. Untuk kes Neurologi, doktor mengambil masa sekurang-kurangnya 20-30 minit bagi merawat seorang pesakit. Ini menyebabkan masa menunggu menjadi bertambah lama.
			iii.	**Klinik Diabetes – Khamis**
			•	Jumlah doktor yang bertugas seramai 13 orang tetapi pada sesi klinik tersebut hanya 4-5orang doktor sahaja yang hadir bertugas. Kekurangan doktor menyebabkan kelancaran aktiviti klinik terganggu. Kekurangan doktor disebabkan adanya 'revision class' bagi doktor yang terlibat dengan peperiksaan
			•	Jumlah pesakit melebihi kuota
			Tindakan penambahbaikan:	
			i.	Emel telah dihantar kepada Ketua Jabatan Perubatan memaklumkan ketidakcapaian objektif kualiti.
			ii.	Pengurangan kuota Klinik Endocrine telah dilakukan dan ia akan dapat menampung Jumlah kekurangan doktor dan nisbah kehadiran pesakit. Kuota klinik dikurangkan dari 200 ke- 130 (65%) pesakit sahaja untuk bulan berikutnya.
			iii.	Permohonan untuk mengurangkan kouta ke atas Klinik Endocrine (MD05) dan Klinik Diabetik (MD04) daripada kuota 180 kepada 130 orang pesakit sahaja telah dilakukan. Penutupan kuota untuk TON (MD05-TON) dan (MDO4-TON) juga dilakukan jika kuota asal telah mencapai 180 orang. Ini akan dapat mengawal Jumlah pesakit yang datang ke klinik mengikut Jumlah doktor sedia ada.
Bahagian Perubatan Makmal:				
▶	90% keputusan ujian rutin di makmal boleh diperolehi dalam masa 2 ½ jam dari waktu penerimaan. [untuk ujian Complete Blood Count (CBC), Renal Function Test (RFT), Liver Function Test (LFT)]	90%		CBC : 98.5 RFT : 96.7 LFT : 95.8
▶	90% keputusan neonatal Thyroid Stimulating Hormone (TSH) disiapkan dalam tempoh 48 jam	90%		TSH : 98.6
▶	95% keputusan International Normalized Ratio (INR) disiapkan dalam tempoh 2 jam	95%		INR : 97
▶	90% keputusan ujian HbA1C dapat dilaporkan dalam tempoh 24 jam pada hari bekerja	90%		HbA1C : 98.8
TAT for Trauma & Emergency:				
▶	90% keputusan ujian CBC dari Jabatan Trauma dan Kecemasan boleh diperolehi dalam masa 45 minit dari waktu penerimaan.	90%		CBC : 92
▶	85% keputusan ujian RFT dari Jabatan Trauma dan Kecemasan boleh diperolehi dalam masa 60 minit dari waktu penerimaan.	85%		RFT : 99.4
Jabatan Perubatan Pemulihan:				
▶	80% pesakit luar yang mempunyai janji temu menerima rawatan dalam masa 30 minit.	80%		98.1

Jabatan Perhubungan Awam:			
▶	Setiap aduan yang diterima akan dibuat akuan terima 1 hari bekerja dari tarikh aduan diterima	100%	100
▶	Maklum balas aduan:	70%	100
•	70% maklum balas aduan isu-isu klinikal rumit dimaklumkan kepada pengadu dalam tempoh selewat-lewatnya 30 hari bekerja.		
•	80% maklum balas aduan isu-isu klinikal mudah/bukan klinikal dimaklumkan kepada pengadu dalam tempoh selewat-lewatnya 10 hari bekerja.	80%	58.3
			Ketidakcapaian kerana:
			Tiada root cause kerana pada masa ini kiraan hari dibuat secara manual (tidak mengambilkira cuti dsb.)
			Tindakan penambahbaikan:
			Jabatan Perhubungan Awam telah berurusan dengan Jabatan Teknologi Maklumat untuk menambah baik proses pengurusan Sistem Aduan. Dijangkakan dengan penambahbaikan ini, laporan aduan akan dapat disediakan mengikut keperluan yang ditetapkan terutamanya bagi penyediaan laporan pencapaian objektif kualiti.
Jabatan Maklumat Pesakit:			
▶	97% fail pesakit akan dibekalkan untuk perawatan.	97%	Pesakit Luar : 99.8 Pesakit Dalam : 99.7
▶	80% laporan perubatan dilengkapkan dalam tempoh 4 minggu.	80%	92.2
▶	95% rekod perubatan dihantar dalam tempoh 72 jam selepas discaj.	95%	99.8
Jabatan Farmasi:			
▶	75% pesakit luar mendapat ubat-ubatan dalam masa 30 minit selepas penerimaan preskripsi ubat di Jabatan Farmasi.	75%	83
▶	All clinical areas achieve minimally 70% compliance to Medication Management and Use (MMU) requirements during pharmacy ward audits.	70%	Semua wad dan pusat harian mencapai lebih daripada 70% kepatuhan bagi sesi audit tahun 2014
▶	75% of chemotherapy products are manufactured and ready for collection within 60 minutes after the worksheets are generated	75%	45.8*
			Ketidakcapaian kerana:
		i.	Proses pengumpulan data adalah secara manual. Oleh itu, ia memakan masa pegawai farmasi yang merekodkannya. Secara puratanya, masa selama 1 jam diperlukan setiap hari untuk tujuan ini. Apabila beban kerja pada hari tersebut meningkat, kerja merekod ini akan diabaikan demi kepentingan keselamatan pesakit.
		ii.	Oleh yang demikian, data yang dikumpulkan adalah tidak tepat.
			Tindakan penambahbaikan:
		i.	Tiada maklum balas dari Jabatan Teknologi Maklumat mengenai pemasangan sistem QMS.
		ii.	Jabatan merancang untuk menggunakan kaedah persampelan untuk mengumpul data bagi objektif kualiti ini. Perbincangan lanjut di dalam jabatan akan diadakan untuk menentukan kebolehpercayaan kaedah ini.

Jabatan Kerja Sosial Perubatan			
▶	90% daripada kes-kes kerja sosial perubatan yang diterima, dililhat dalam tempoh 1 hari bekerja (24 jam).	90%	92
▶	90% daripada rujukan ke-kes pesakit dalam yang diterima, dilihat dalam tempoh 1 hari bekerja (24 jam)	90%	95.6
▶	90% daripada rujukan kes pesakit luar yang diterima, dilihat dalam tempoh 2 hari bekerja (48 jam).	90%	95
▶	80% daripada kes bantuan kewangan melali sumber dalaman diselesaikan dalam tmepoh 14 hari bekerja, setelah dokumen lengkap diperolehi.	80%	85.9
▶	95% daripada rujukan pesakit dalam akan diambil tindakan dalam tempoh 1 hari bekerja (24 jam) selepas rujukan diterima.	95%	99.2
▶	90% daripada rujukan pesakit luar akan diambil tindakan dalam tempoh 1 hari bekerja (24 jam) selepas rujukan diterima.	90%	99.9
▶	100% pesakit akan mendapat diet yang betul seperti yang dipesan oleh pihak wad.	100%	99.9* Ketidakcapaian adalah kerana kesilapan staf.
			Tindakan penambahbaikan:
			i. Pengukuhan berterusan “Diet Yang Betul Untuk Pesakit Yang Betul Pada Masa Yang Betul”
			ii. Mengenakan penalti kepada Kontraktor Sajian
			iii. Melaksanakan latihan kepada staf berkaitan Diet Ordering System(iDiet)
Jabatan Perubatan Kecemasan:			
▶	Waiting Time Relative to Triage Category: Malaysian Triage Category (MTC) Red seen immediately (100%)	100%	99.4
▶	Waiting Time Relative to Triage Category: Malaysian Triage Category (MTC) Yellow seen within 30 minutes (≥80%)	≥80%	61.2*
▶	Waiting Time Relative to Triage Category: Malaysian Triage Category (MTC) Green seen within 90 minutes (>70%)	>70%	80
			Ketidakcapaian kerana:
			i. Penularan wabak Denggi menyebabkan peningkatan bilangan pesakit yang hadir terutamanya di dewan Konsultasi
			ii. Pertambahan kes-kes geriatrik yang kompleks dari segi diagnosis dan perawatan
			iii. Peningkatan bilangan pesakit
			iv. Kekurangan Pegawai Perubatan dengan 2 orang Pegawai Perubatan bertugas pada satu shif di Dewan Rawatan Akut. Kekurangan ini disebabkan kerana Pegawai Perubatan Jabatan Trauma dan Kecemasan juga dikehendaki membantu di Fever Clinic terutamanya pada hari Sabtu dan Ahad
			v. Access Block kerap berlaku disebabkan peningkatan Jumlah kemasukan ke wad melalui Jabatan Perubatan Kecemasan

			Tindakan penambahbaikan:	
			i.	Jabatan Perubatan Kecemasan sedang cuba untuk meletakkan antara 3-4 orang Pegawai Perubatan di Dewan Rawatan Akut.
			ii.	Memulakan proses penyaringan oleh Pegawai Perubatan Siswazah di Dewan Konsultasi di mana pesakit dilihat dan diambil sejarah ringkas penyakit serta memohon untuk penyiasatan jika perlu. Tempoh masa menunggu dapat dikurangkan.
			iii.	Memaklumkan kekerapan Access Block kepada pengurusan tertinggi dan arahan menghentikan kemasukan pesakit ke Jabatan Perubatan dan pembedahan telah dikeluarkan
			iv.	Mesyuarat bersama Timbalan Pengarah (Ikhtisas) dan Jabatan Kejururawatan untuk mempercepatkan proses discaj di wad supaya katil dapat dikosongkan lebih cepat untuk kemasukan pesakit dari Jabatan Perubatan Kecemasan.
			v.	Pakar Perubatan Kecemasan melakukan "round" setiap pagi dan petang supaya keputusan perihal rawatan , membenarkan pesakit balik iaitu discaj dan kemasukan dapat dilakukan lebih cepat . Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan lambakan pesakit
			vi.	Jabatan Perubatan Kecemasan telah mewujudkan Lokum Pegawai Perubatan untuk menangani peningkatan bilangan pesakit yang disebabkan oleh kes-kes denggi
			vii.	Bed Task Force di peringkat jabatan juga berjaya mengurangkan lambakan pesakit di triage 2. Ini dapat menyelaraskan dan memastikan pesakit yang menunggu untuk kemasukan ke wad dapat dihantar dengan segera supaya ia tidak membebankan sistem dan staf di jabatan. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada kekosongan katil dan keupayaan pesakit di wad.
Jabatan Onkologi Klinikal:				
▶	90% pesakit radioterapi sebagai rawatan utama dan radikal akan memulakan rawatan selewat-lewatnya 4 minggu dari tarikh perundingan pertama di Klinik Onkologi.	90%		49*
▶	Sekurang-kurangnya 75% pesakit kanser payudara yang memerlukan rawatan kimoterapi adjuvan akan memulakan rawatan selewat-lewatnya 6 minggu daripada tarikh pembedahan.	75%		83.6
			Ketidakcapaian kerana:	
			Hanya 1 mesin rawatan berfungsi menyebabkan pertambahan dalam masa menunggu rawatan dan slot untuk janjitemu rawatan.	
			Tindakan penambahbaikan adalah dengan mendapatkan penggantian mesin baru.	
Jabatan Kejuruteraan				
▶	Prioriti 1: 95% perkhidmatan pembaikan akan disiapkan dalam tempoh 24 jam	95%		96.5
▶	Prioriti 2: 90% perkhidmatan pembaikan akan disiapkan dalam tempoh 3 hari bekerja	90%		94
▶	Prioriti 3: 90% perkhidmatan pembaikan akan disiapkan dalam tempoh 7 hari bekerja.	90%		93.1
▶	90% penghantaran linen bersih dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari bekerja.	90%		97.8

▶	100% sisa klinikal di Stor Penyimpanan Sementara PPUM perlu dibawa keluar dalam tempoh 24 jam oleh kontraktor untuk pelupusan.	100%	100
Perkhidmatan Pesakit Dalam:			
▶	100% pesakit yang dimasukkan ke wad akan dinilai dan diberi rawatan dalam masa 5 minit selepas kemasukan.	100%	100
▶	90% pesakit akan dinilai dan diperiksa semula oleh Doktor di wad dalam jangkamasa 30 minit.	90%	85.7*

Ketidakcapaian kerana:	
i.	Wad 3TE (L & P)
•	Pesakit yang masuk ke Wad 3TEL telah dinilai terlebih dahulu oleh Pakar Psikiatri di Unit Trauma & Kecemasan atau di Klinik Pakar sebelum kemasukan. Oleh itu, penilaian semula tidak dilakukan dalam masa 30 minit.
ii.	Wad Medikal
•	Bilangan pesakit ramai dan doktor tidak mencukupi untuk memeriksa pesakit lebih awal.
•	Pegawai Perubatan Siswazah melakukan prosedur atau rondaan bersama Pensyarah dan Pakar Perunding di wad semasa pesakit sampai di wad.
•	Pegawai Perubatan Siswazah yang bertugas atas panggilan perlu mengurus beberapa wad seperti:
a.	HO 1st Call – mengurus 13UB,12U dan 5UA
b.	HO 2nd Call – mengurus WP1,WP2,CCU dan 13UG
c.	HO 3rd Call – mengurus 8TD,6TD,6TE & 4U
iii.	Wad Onkologi 6TE
•	Kemasukan pesakit serentak 3 – 4 orang pada waktu yang sama menyebabkan tidak semua pesakit dapat diperiksa oleh doktor dalam tempoh masa yang ditetapkan.
•	Hanya seorang Pegawai Perubatan yang bertugas di wad, di mana beliau juga perlu melihat pesakit onkologi di wad lain seperti 7TD, 9U dll.
•	Doktor juga perlu menghadiri sesi klinik di Unit Onkologi Klinikal dan akan memeriksa pesakit selepas sesi tersebut tamat.
iv.	Wad Antenatal
•	Semasa kemasukan, doktor sedang melakukan rondaan bersama Pakar dan Pensyarah di wad dan akan memeriksa pesakit selepas rondaan tamat.
•	Kemasukan pesakit baru melebihi dari seorang menyebabkan doktor perlu mengikut prioriti tahap ketenatan pesakit yang masuk ke wad. Ini menyebabkan ada pesakit yang hanya dapat diperiksa selepas 30 minit.
v.	Wad 6TD
•	Keadaan pesakit stabil dan kebanyakannya dimasukkan kerana rawatan susulan termasuk pesakit Bone Marrow Transplant di mana pesakit masih dalam pakej rawatan.
•	Pesakit yang perlu kemasukan ke wad adalah dari Rawatan Harian dan telah dilihat oleh doktor pakar serta pelan perancangan telah didokumenkan.

			•	Pegawai Perubatan Siswazah akan melihat dan menilai pelan tersebut sebagai kecemasan atau tidak. Pesakit yang memerlukan rawatan kecemasan akan dilihat terlebih dahulu
				Tindakan penambahbaikan:
				Penambahbaikan penyataan (b)
			•	100% pesakit yang dipindah masuk ke wad – wad ICU,CCU,CICU,Wad Bersalin, SCN/NICU dan Pediatrik 1 akan dinilai dan diperiksa semula oleh Doktor di wad dalam jangka masa 30 minit.
			•	90% pesakit akan dinilai dan diperiksa semula oleh Doktor di wad dalam jangka masa 30 minit (kecuali disiplin Otorinolaringologi, Oftalmologi, Psikiatri, Haematologi, Onkologi dan pesakit yang dimasukkan secara elektif dan telah diperiksa oleh doktor di Kaunter Kemasukan)
			•	Bagi disiplin Otorinolaringologi, Oftalmologi, Haematologi, Onkologi dan pesakit yang dimasukkan secara elektif dan telah diperiksa oleh doktor di Kaunter Kemasukan – "90% pesakit akan dinilai dan diperiksa semula oleh Doktor di wad dalam jangkamasa 2 jam".
				Nota : Penyataan baru diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Penambahbaikan Kualiti pada 3 Mac 2014.
Unit Klinikal (Jawatankuasa Kecil Dewan Bedah)				
85% daripada pesakit yang dijadualkan untuk pembedahan akan dibedah dalam keadaan biasa.		85%		92.6
Jabatan Perolehan				
▶	90% proses perolehan secara tender terbuka bagi peralatan, bekalan guna hapus, ubat-ubatan dan kerja-kerja perkhidmatan diuruskan dalam tempoh 120 hari iaitu dikira mulai daripada tarikh tutup iklan hingga tarikh kelulusan mesyuarat Lembaga Perolehan.	90%		87.4*
▶	90% proses perolehan secara sebut harga bagi peralatan, bekalan pakai buang, ubat-ubatan, perkhidmatan dan kerja-kerja diuruskan dalam tempoh 90 hari mulai daripada tarikh tutup pelawaan hingga tarikh kelulusan mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga.	90%		100%
▶	90% pengeluaran pesanan pembelian tempatan dilaksanakan dalam tempoh 7 hari bekerja mulai daripada tarikh penerimaan borang pesanan dan dokumen sokongan yang lengkap hingga tarikh kelulusan.	90%		97.5%
			Punca Ketidakcapaian Suku Tahun Pertama	
			•	Bagi tender bekalan guna habis, mesyuarat Lembaga Perolehan B (LPB) pada 27 Februari 2014 yang sepatutnya memutuskan keputusan perolehan bagi bekalan guna habis tersebut telah menangguhkan keputusan di mana pihak Urus setia Perolehan diminta untuk mengkaji semula kaedah perolehan yang bersesuaian bagi bekalan jenis consignment. Keputusan hanya dapat diputuskan semasa mesyuarat LPB pada 27 Mac 2014.
			Tindakan penambahbaikan:	

			•	Pihak Urus setia Perolehan telah mengenal pasti kaedah perolehan yang bersesuaian bagi bekalan jenis consignment adalah menerusi PharmUMMC yang akan diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Perniagaan dan akan memastikan perolehan bekalan jenis ini diuruskan dengan menggunakan kaedah berkenaan di masa-masa yang akan datang. Kaedah perolehan ini turut dipersetujui oleh Pengarah PPUM menerusi e-mel beliau bertarikh 27 April 2014.
			•	Bagi tender peralatan pula, Mesyuarat LPB pada 26 Disember 2013 memutuskan supaya Urus setia Perolehan mendapatkan maklumat yang lebih lengkap daripada setiap petender dan penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal perlu dibuat semula. Tambahan pula, keputusan hanya dapat diputuskan pada 6 Februari 2014 di mana mesyuarat LPB yang dijadualkan pada bulan Januari iaitu 23 Januari 2014 telah ditangguhkan ke 6 Februari 2014 disebabkan berlangsungnya Audit Dalaman – Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) pada 21-23 Januari 2014.
			Tindakan penambahbaikan:	
			•	Tindakan penambahbaikan tidak diambil disebabkan keputusan Lembaga Perolehan yang meminta penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dibuat semula selepas maklumat yang lebih lengkap diperolehi daripada setiap petender serta tarikh mesyuarat yang berubah daripada tarikh yang dijadualkan menyebabkan tempoh perolehan menjadi lebih panjang dan melebihi 120 hari.
			Punca Ketidakcapaian Suku Tahun Ketiga	
			•	Bekalan Gunahabis – Dua (2) tender berikut selesai dalam tempoh 122 hari disebabkan Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang terdiri daripada ahli yang sama meminta tarikh pemulangan Laporan Penilaian Teknikal ditangguhkan:-
			i.	Tawaran Bagi Membekal Bekalan Reagen Dan Peralatan Fully Automated H&E Stainer System Secara Sewaan Untuk Perkhidmatan Pemprosesan Slaid H&E Rujukan Tawaran : T/1124/4/2014/2017 (1)
			ii.	Tawaran Bagi Membekal Bekalan Reagen Dan Peralatan Fully Automated Stainer For Special Stain Secara Sewaan Untuk Perkhidmatan Histopatologi Rujukan Tawaran : T/1124/4/2014/2017 (2)
			•	Bekalan Ubat-Ubatan – Satu (1) tender selesai dalam tempoh 142 hari disebabkan Mesyuarat LPB pada 26 Jun 2014 memutuskan supaya surat pengesahan maklumat perlu dikeluarkan kepada petender 2/5 berkaitan pengesahan tawaran harga untuk item 1 Alfuzosin HCL MR Tabs 10mg. Mesyuarat LPB hanya dapat diputuskan pada 28 Ogos 2014 disebabkan mesyuarat pada bulan Julai 2014 ditangguhkan bagi memberi laluan kepada Mesyuarat LPA.
			•	Peralatan - satu (1) tender selesai dalam tempoh 121 hari disebabkan Mesyuarat LPB pada 26 Jun 2014 memutuskan supaya Penilaian Teknikal dilakukan semula. Mesyuarat LPB hanya dapat diputuskan pada 28 Ogos 2014 disebabkan mesyuarat pada bulan Julai 2014 ditangguhkan bagi memberi laluan kepada Mesyuarat LPA.
			Tindakan penambahbaikan:	
			Tindakan penambahbaikan tidak diambil disebabkan keputusan Lembaga Perolehan yang meminta penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dibuat semula selepas maklumat yang lebih lengkap diperolehi daripada setiap petender serta tarikh mesyuarat yang berubah daripada tarikh yang dijadualkan menyebabkan tempoh perolehan menjadi lebih panjang dan melebihi 120 hari.	

Jabatan Kawalan Jangkitan		1
Kadar jangkitan Healthcare Associated Infections (HCAI) tidak melebihi 5%.	<5%	

KEJAYAAN DAN ANUGERAH PPUM PADA TAHUN 2014

Pada tahun 2014, PPUM telah mencapai beberapa pencapaian dan penganugerahan yang diperoleh oleh jabatan-jabatan ataupun individu seperti berikut:

Jabatan Perubatan Rawatan Utama

- Nama Anugerah : Grand Prize for Minister of Health Innovation & Research Award - PhAMA Awards 2014
  Tarikh Penganugeraan : November 2014
  Badan atau Organisasi yang Memberi Anugerah : Pharmaceutical Association of Malaysia (PhAMA)

- Nama anugerah : WONCA Asia Pacific Conference 2014 Best poster Award. Poster bertajuk "Barriers to adherence of Malaysian clinical practice guidelines (CPG) on the management of hypertension"
  Tarikh menerima anugerah : Mei 2014
  Badan atau Organisasi yang Memberi Anugerah : WONCA Asia Pacific Conference

- Nama anugerah : WONCA Asia Pacific Conference 2014 Rajakumar Award for Best Oral Presentation bertajuk "Validation of the Malay version of the Quality of Life Questionnaire of the European Foundation for Osteoporosis (QUALEFFO-41) in Malaysia"
  Tarikh menerima anugerah: Mei 2014
  Badan atau Organisasi yang Memberi Anugerah : WONCA Asia Pacific Conference

- Nama anugerah : WONCA Asia Pacific Conference 2014 Oral Merit Award bertajuk "What are the medication experiences of older people with chronic diseases? A qualitative study"
  Tarikh menerima anugerah : Mei 2014
  Badan atau Organisasi yang Memberi Anugerah : WONCA Asia Pacific Conference

Jabatan Perubatan Kecemasan

- Nama anugerah : Healthcare Conference & Exhibition 2014
  Tarikh Penerimaan Anugerah : 22 – 24 Ogos 2014 di Hotel Marriot Putrajaya
  Ketua Jururawat Harvinderjit Kaur A/P Basauhra Singh telah memenangi hadiah saguhati di KPJ Healthcare Conference & Exhibition 2014 pada 22 – 24 Ogos 2014 di Hotel Marriot Putrajaya untuk poster presentation bagi tajuk "Survey on Asthma Education Reduces Emergency Department Visits".

Unit Hematologi

- GG Gan, HL Lee, PC Bee. E Chin, CG Ng telah memenangi Anugerah Poster Terbaik bertajuk "Complementary and Alternative Medicine Use in Patients with Haematological Malignancies in UMMC" di The XIth Malaysian National Haematology Scientific Meeting 2014, Kuala Lumpur , Malaysia . April 2014

Unit Kardiologi

- **Prof. Dr. Wan Azman Wan Ahmad**
  Fellow Academy of Science Malaysia (FASc) 2014
  Prominent Thinkers Award – Maulid Al Rasul PPUM 1435H - 2014

- **Prof. Madya Dr. Imran Zainal Abidin**
  National Specialist Register, Life Member, 2014, (National)
  20th ASEAN Federation of Cardiology Congress 2014, Organising Committee, 2014, (International)
  CardioRhythm 2015, Member, 2014-2015, (International)
  International Journal of Pediatrics and Adolescent Medicine, Reviewer, 2014, (International)
  Asean Federation of Cardiology Congress (AFCC) 2014 , Scientific Chairman, 2014, (International)
  ASEAN College of Cardiology (FAsCC), Fellow, 2014, (International)

- **Prof. Madya Dr. Timothy James Watson**
  Fellowship of American College of Cardiology
  Fellowship of European Society of Cardiology
  National Specialist Register for Cardiology

Jabatan Pediatrik

- **Unit Genetik dan Metabolisme**
  Kejayaan di mana dianugerahkan "Best Oral Presentation Award" untuk presentasi "Pulse Oximetry as a Screening Tool for Critical Congenital Heart Disease in Newborns" oleh Vida Jawan, MK Thong, Asma Omar dan HL Ang semasa '21st Annual Congress of the Perinatal Society of Malaysia' pada 20th – 23rd Mac 2014, di Hotel One World, Petaling Jaya

- **Unit Endokrinologi dan Diabitis**
  Profesor Fatimah telah menerima "Honoray Life Membership" dari The Asia Pacific Paediatric Endocrine Society (APPES) sebagai menghargai perkhidmatan beliau kepada persatuan dan Pediatrik Endokrinologi di rantau Asia Pasifik.

- **Unit Dermatologi**
  Dr. Tan Leng Leng telah berjaya mendapat tempat kedua untuk Award for Best Oral Presentation di 21st Regional Conference of Dermatology (Asian-Australasian) di Danang, Vietnam pada April 9-12 untuk pembentangan yang bertajuk "Case Report: Degos Disease with Severe Neurological Deficits".

PENYELIDIKAN YANG TELAH DIJALANKAN

Jabatan Onkologi Klinikal

A Prospective, Multicenter, Randomized, Double Blind, Placebo-controlled, 2-Parallel Groups, Phase 3 Study to Compare the Efficacy and Safety of Masitinib in Combination with Docetaxel to Placebo in Combination with Docetaxel in First Line Metastatic Castrate Resistant Prostate Cancer (Mcrpc), Principal Investigator (PI), 2014-2017. Adlinda Alip. AB Science, International

CRAD001Y2201 (BOLERO-6) A Three-Arm, Randomized, Open Label, Phase II Study of Everolimus in Combination with Exemestan Eversus Everolimus Alone Versus Capecitabine in the Treatment of Postmenopausal Women with Estrogen Receptor Positive, Locally Advanced, Recurrent or Metastatic Breast Cancer after Recurrence or Progression on Prior Letrozole rr Anastrozole. Adlinda Alip, Principal Investigator (PI), 2013-2016. Novartis Corporation (Malaysia) Sdn Bhd, International

PROSPER A Multinational, Phase 3, Randomized, Double Blinde, Placebo Controlled, Efficacy and Safety of Enzalutamide in Patient with Nonmetastatic Castration-Resistant Prostate Canncer. Adlinda Alip, Principal Investigator (PI), 2013-2018. Medivation and Astella International

JACOB study: A Double-blind, Placebo-controlled, Randomized, Multicenter Phase III Study Evaluating the Efficacy and Safety of Pertuzumab in Combination with Trastuzumab and Chemotherapy in Patient with HER-2 Positive Metastatic Gastroesophageal Junction and Cancer. Anita Zarina Bustam, Principal Investigator (PI), 2013-2015. Roche, National

A Prospective, Multicentre, Randomized, Double Blind, Placebo-Controlled, 2-Parallel Groups, Phase 3 Study in Combination to Compare The Efficacy and Safety of (Masitinib in Combination With Irinotecan, 50fluorouracil and Folinic Acid (FOLFIRI) to Placebo (Placebo In Combination With FOLFIRI) in Second Line Treatment of Patients With Metastaic Colorectal Cancer. Ho Gwo Fuang, Principal Investigator (PI), 2014-2017. AB SCIENCE

A Phase III Randomised, Double-Blind,Parallel Group, Multicentre Study to Compare the Efficacy, Safety, Pharmacokinetics and Immunogenicity between SB3 (proposed trastuzumab biosimilar) and Herceptin in Women with Newly Diagnosed HER2 Positive Early or Locally Advanced Breast Cancer in Neoadjuvant Setting. Ho Gwo Fuang, Principal Investigator (PI), 2014-2016.

A Phase III Randomised, Double-Blind,Parallel Group, Multicentre Study to Compare the Efficacy, Safety, Pharmacokinetics and Immunogenicity between SB3 (proposed trastuzumab biosimilar) and Herceptin in Women with Newly Diagnosed HER2 Positive Early or Locally Advanced Breast Cancer in Neoadjuvant Setting. Ho Gwo Fuang, Principal Investigator (PI), 2014-2016. NUS, International

Observational Prospective Study in Management of 1st line KRAS Wildtype mCRC with Erbitux (Cetuximab)-OPTIM1SE. Ho Gwo Fuang, Principal Investigator (PI), 2013-2019. Samsung Bioepis, International

Phase II Randomized Study of Docetaxel with or without Low-Dose, Short Course Sunitinib in the Treatment of Advanced Solid Tumors. Ho Gwo Fuang, *Principal Investigator* (PI), 2013-2015.

ASCOLT Aspirin in Treating Patients with Dukes Stage C Colon or Rectal Cancer or High Risk Dukes Stage B Colon Cancer That Has Been Completely Removed by Surgery. Ho Gwo Fuang, Principal Investigator (PI), 2010-2015. NCC Singapore, International

A Randomised Double-blind Comparative Study of Zytiga (Abiraterone Acetate) Plus Low Dose Prednisolone Plus Androgen Deprivation Therapy (ADT) versus ADT Alone in Newly Diagnosed Subjects with High Risk Metastatic Hormone-Naive Prostate Cancer (mHNPC). Marniza Saad. LATITUDE, Principal Investigator (PI), 2012-2015. Janssen Cilag, International

ABI-PRO- 3002 A Phase 3, Randamized, Double-blind, Placebo-controlled Study of Abiraterone Acetate (JNJ-212082) Plus Prednisone in Asymtomic or Mildly Symptomatic Patients with Metastatic Castration-Resistant Prostate Cancer. Marniza Saad, Principal Investigator (PI), 2012-2015. Quintiles Janseen Cilaq, National

A Phase 3, Randomized, Double-blind, Placebo-controlled Study of Abiraterone Acetate (JNJ-212082) Plus Prednisone in Asymptomic or Mildly Symptomatic Patients with Metastatic Castration-resistant Prostate Cancer. Marniza Saad, Principal Investigator (PI), 2012-2015. Janssen Cilag (Johnson & Johnson), National

A Prospective, Multicentre, Randomized, Double Blind, Placebo-Controlled, 2-Parallel Groups, Phase 3 Study in Combination to Compare The Efficacy and Safety of (Masitinib in Combination With Irinotecan, 50fluorouracil and Folinic Acid (FOLFIRI) to Placebo (Placebo In Combination With FOLFIRI) in Second Line Treatment of Patients With Metastaic Colorectal Cancer. Mastura Md Yusof, Principal Investigator (PI), 2014-2017. AB SCIENCE Roche

4	Pendengaran Normal	679	795
Jumlah		**1165**	**1396**

Jumlah Pesakit Mengikut Jenis Ujian Audiologi

Bil.	Jenis	2013	2014
1	Ujian Pure Tone Audiometry (PTA)	3766	3807
2	Ujian Impedans Akustik	2785	3044
3	Hearing Aid Evaluation	784	735
4	Hearing Aid Recommendation	497	471
5	Ujian " Brain stem Evoked Response Audiometry"	347	422
6	Ujian Otoacoustic Emission (OAE)	536	497
7	Ujian Implan Koklea	71	142
Jumlah		**8786**	**9118**

AKTIVITI JABATAN

▶ Speech and Hearing Day 2014

Tarikh: 16 hingga 18 Julai 2014

Tempat: Pusat Perubatan Universiti Malaya

Unit Audiologi dengan kerjasama Bahagian Pertuturan, Jabatan Pemulihan telah berjaya mengadakan *Speech and Hearing Day* pada 16-18 Julai 2014. Program yang diadakan di konkos ini bertujuan memberi kefahaman dan pendedahan kepada staf PPUM serta orang awam tentang kepentingan pendengaran dan pertuturan. Poster-poster menarik dan kuiz telah menarik ramai peserta untuk hadir. Harapan kami agar program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang.





JABATAN PATOLOGI FORENSIK

Jabatan Patologi Forensik merupakan jabatan yang menyediakan perkhidmatan bilik mayat dan pemeriksaan bedah siasat bagi memenuhi standard, peraturan dan undang-undang sejajar dengan visi, misi dan nilai teras PPUM.

Di antara perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan ini ialah:

Perkhidmatan Bilik Mayat - Jabatan ini merupakan laluan transit keluar mayat-mayat dari wad PPUM, dewan bedah dan perubatan kecemasan untuk diserahkan kepada waris atau pihak yang menuntut. Perkhidmatan menyimpan mayat disediakan sebelum mayat-mayat dituntut oleh waris atau dilepaskan oleh pihak polis setelah selesai siasatan.

Perkhidmatan Bedah Siasat - Perkhidmatan ini dilaksanakan atas permintaan pihak polis/mahkamah atau Pegawai Perubatan dengan kebenaran waris bagi mengenal pasti sebab-sebab kematian.

Perkhidmatan Pendidikan - Melaksanakan aktiviti pendidikan dan pengajaran saintifik dengan melatih pelajar-pelajar perubatan dalam memahami perkara tentang mayat.

Perkhidmatan Penyelidikan - Aktiviti penyelidikan dilaksanakan oleh penyelidik perubatan dalam mengkaji badan manusia dan penyakit yang dialami.

Perkhidmatan Penyiasatan Jenayah - Pakar Forensikmembantu pihak polis dalam menyelesaikan kes-kes jenayah melalui pemeriksaan bedah siasat yang dilaksanakan.

Bilangan Pendaftaran Mayat dan Bedah Siasat

Perkhidmatan	2013	2014	Perbezaan %
Pengurusan Mayat	1804	2739	34%
Pemeriksaan Bedah Siasat	386	410	6%

Pada tahun 2014, Jabatan Patologi Forensik telah menguruskan sebanyak 2739 kes kematian iaitu peningkatan sebanyak 935 kes bersamaan dengan 34% dari tahun 2013. Manakala sebanyak 410 kes bedah siasat telah dilakukan pada tahun 2014 dengan peningkatan sebanyak 24 kes atau 6 % berbanding 386 kes pada tahun 2013.

MASALAH YANG DIHADAPI OLEH JABATAN

- Jabatan ini tidak mempunyai Pegawai Perubatan Akademik di kalangan warganegara untuk melaksanakan aktiviti pendidikan kepada pelajar-pelajar perubatan. Pihak Universiti Malaya terpaksa melantik pensyarah perubatan daripada kalangan bukan warganegara.

- Pensyarah Perubatan bukan warganegara dilantik mengikut tempoh kontrak tertentu dan perlu disambung perkhidmatan sehingga ada calon-calon yang berminat dan layak untuk berkhidmat di jabatan ini. Sekiranya penyambungan kontrak tidak dibuat sejurus sahaja habis kontrak maka akan berlaku kekurangan tenaga pengajar dan aktiviti pengajaran akan terjejas.

- Jabatan ini hanya mempunyai seorang Pegawai Perubatan yang dilantik oleh PPUM untuk melaksanakan pemeriksaan bedah siasat. Ini memberikan bebanan kerja yang berat kepada beliau. Tiada calon yang berminat untuk berkhidmat di jabatan ini kerana masalah-masalah tertentu.

- Laporan Bedah Siasat yang memerlukan keputusan Laporan Toksikologi tidak dapat disiapkan dengan cepat kerana pihak jabatan lambat menerima keputusan daripada Jabatan Kimia Malaysia.

- Jabatan ini tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk melaksanakan tugas terutamanya apabila ada staf yang perlu bercuti rehat, sakit atau menghadiri kursus. Staf yang lain perlu kerja lebih masa sekiranya perkara ini berlaku.

JABATAN PATOLOGI

Jabatan Patologi dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- Bahagian Patologi Anatomik
- Bahagian Perubatan Makmal

Selain daripada memberi perkhidmatan kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya, Pakar Perunding dan Klinikal juga membentuk tenaga pengajar dalam kursus ijazah MBBS, BDS, BBiomedSc dan kursus pascaijazah, Sarjana Patologi, Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal, Sarjana Sains Perubatan, Doktor Perubatan dan Doktor Falsafah yang dianjurkan oleh Fakulti Perubatan.

Pakar Perunding dari Klinikal Jabatan Patologi juga menjalankan penyelidikan dalam bidang perubatan yang relevan.

A. Bahagian Patologi Anatomik

Memberi perkhidmatan diagnostik dalam bidang Histopatologi dan Sitopatologi kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Jenis perkhidmatan yang disediakan oleh Makmal Histopatologi, Bahagian Patologi Anatomik termasuk perkhidmatan diagnostik Histopatologi rutin yang berasas perwarnaan H+E, perwarnaan istimewa, imunohistokimia dan in-situ hybridization. Makmal Histopatologi juga memberi perkhidmatan diagnostik segera melalui *intraoperative frozen section diagnosis*. Pakar Perunding dan Klinikal di Bahagian ini terlibat dalam perkhidmatan perundingan untuk hospital-hospital Kementerian Kesihatan dan sektor swasta dalam bidang biopsi ginjal, transplantasi kardiak, otot, neurologik dan lain-lain. Ujian calitan ginekologi dan bukan ginekologi serta *Fine Needle Aspiration* adalah di antara perkhidmatan yang diberi oleh Makmal Sitopatologi, Bahagian Patologi Anatomik. Pakar Patologi juga menjalankan *Fine Needle Aspiration* untuk pesakit Pusat Perubatan Universiti Malaya di wad dan klinik. Klinik *Fine Needle Aspiration* diadakan dua kali seminggu.

Perkhidmatan baru yang ditawarkan pada tahun 2014

Ujian Molekular Patologi untuk perkhidmatan Histopatologi telah diperkenalkan pada tahun 2014. Ujian-ujian ini misalnya eGFR telah dapat membantu doktor membuat diagnosis yang lebih cepat dan jitu.

Maklumat Statistik Perbandingan Aktiviti

Butiran	Penunjuk Kecekapan		Perbezaan %
	2013	2014	
Histopathology			
Histopathology (cases)	12506	13462	7.6
Histopathology (paraffin blocks)	35316	38255	8.3
Histopathology (H+E slides)	59048	57327	-6.5
Special histochemistry (slides)	5283	4603	- 12.9
Immunohistochemistry (slides)	17651	15724	-10.91
Intraoperative Frozen Sections (cases)	93	96	3.2
Cytopathology			
Gynae smears (cases)	5416	4325	-20.1
Non-gynae smears (cases)	1324	1713	29.3
FNA (cases)	1138	987	-13.3

AKTIVITI JABATAN

- Akreditasi Makmal MS : ISO 15189:2007 oleh penilai-penilai luar dari Jabatan Standard Malaysia pada 21 hingga 23 Januari 2014



Ketika Proses Audit dijalankan



Majlis Penutupan Audit

- **Seminar dan Bengkel yang dijalankan di Jabatan Patologi**

Tajuk	Tarikh
Workshop For New Automated Tissue Processor	08 Mei 2014
Molecular pathways as therapeutic targets in diffuse large B-cell lymphoma	23 Jun 2014
New entities in lymphoma pathology	27 Jun 2014
Handling Hematopathology Consultation: Sharing Experience from Siriraj Hospital, Bangkok, Thailand	09 Julai 2014
Interesting Hematopathology Consultation Cases from Bangkok	10 Julai 2014
SingHealth Haematolymphoid Pathology Course 2014	04 Sep 2015 - 05 Sep 2015
Approach to low grade B-cell lymphoma	17 Dis 2014
Slide Seminar: Low grade B-cell lymphoma	18 Dis 2014
Approach to aggressive B-cell lymphoma	19 Dis 2014
Slide Seminar: Aggressive B-cell lymphoma	22 Dis 2014
Approach to Bone marrow pathology	23 Dis 2014
Lecture: Approach to NK and T cell lymphomas (I)	04 Ogos 2014
Lecture: Approach to NK and T cell lymphomas (II)	05 Ogos 2014
Hodgkin lymphomas	06 Ogos 2014
Slide seminar: NK and T cell lymphomas	07 Ogos 2014
Slide seminar: Hodgkin lymphomas	08 Ogos 2014
Gastrointestinal Pathology	26 Nov 2014

Persidangan Kliniko - Patologi Anatomik

Tarikh	Tajuk
Isnin	1. Neuro-Radio-Oncology Conference 2. Breast Combined Clinico-Pathological Conference 3. Orthopaedic Clinico-Pathological Conference 4. Dermatopathology Meeting 5. Ear, Nose and Throat Clinico-Pathological Conference
Selasa	1. Oncology Combined Clinico-Pathological Conference 2. Ophthalmology Clinico-Pathological Conference
Rabu	1. Urology Clinico-Pathological Conference 2. General Surgery Clinico-Pathological Conference
Khamis	1. Gastrointestinal Clinico-Pathological Conference 2. Obstetrics and Gynaecology Clinico-Pathological Conference
Jumaat	**1. Autopsy Review**

B. Bahagian Perubatan Makmal (BPM)

Bahagian Perubatan Makmal bertanggungjawab dalam perkhidmatan diagnostik kepada pesakit dan doktor, penyelidikan ke atas teknik-teknik dalam ujian diagnostik, menyalurkan informasi tentang perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan-pelanggan BPM dan pelajar-pelajar serta menyediakan khidmat nasihat dan latihan teknikal yang berterusan kepada pelajar-pelajar dan kakitangan-kakitangan BPM dan PPUM.

Bahagian Perubatan Makmal memberikan perkhidmatan diagnostik bagi bidang-bidang berikut:

- Patologi Kimia (Kimia Klinikal, Endokrin, Imunologi, Fluid and Excretion, Therapeutic Drug Monitoring, Kimia Khas)
- Hematologi (Hematologi rutin, Hematologi Khas, Koagulasi, Pemeriksaan Sumsum tulang)
- *Inborn Errors of Metabolism*
- Sitogenetik
- Genetik Molekul
- Immunogenetik dan transplantasi

Perkhidmatan baru yang ditawarkan

- Pro-calcitonin - untuk pengesanan awal infeksi bakteria dan sepsis
- Newborn Screening - untuk pengesanan awal inborn error of metabolism
- Acethylcholine receptor Ab - untuk diagnosis of myasthenia gravis
- Vitamin D - untuk diagnosis dan *'management of metabolic bone disease'*
- MPO dan PR3 - untuk memantau rawatan untuk penyakit vasculitides
- Beta2 microglobin - untuk prognosis beberapa malignan haematologikal

Statistik Perbandingan Program/Aktiviti


Butiran	Penunjuk Kecekapan		Perbezaan %
	2013	2014	
Kimia Klinikal	4,575,963	4,762,213	4.1
Kimia Khas	86,146	91,534	6.2
Bendalir & Perkumuhan	90,113	72,626	-19.4
Endokrin	139,019	209,166	50.5
Imunologi	61,510	66,514	8.1
Hematologi	294,190	331,745	12.8
Hematologi Khas	36,047	26,372	-26.8
Makmal Poliklinik	61,189	51,355	-16.1
Koagulasi	219,073	221,057	0.9
Sitogenetik	825	1,043	26.4
Inborn Errors of Metabolism	1,654	1,648	-0.4
Genetik Molekul	1,577	1,725	9.4
Jumlah	**5,567,306**	**5,836,998**	**4.8**
Sum-sum Tulang			
Bone Marrow (Cases)	747	755	1.1
Bone Marrow (Slides)	3981	3844	
Trephine	506	521	3.0
PNH(cases)	38	39	
PNH (markers)	980	908	2.6
Immunophenotyping (cases)	320	339	5.9
Immunophenotyping (markers)	18076	18278	
Cytospin	889	942	6.0

Pembelian Peralatan

Pada bulan Mei 2014, projek penaiktaraf *Streamlab Autmation Track*' kepada *Aptio Automation track* telah sempurna dijalankan di Bahagian Perubatan Makmal. Pemasangan *Aptio Automation Track* di PPUM merupakan yang pertama di kawasan Asia Pasifik.

Pemasangan Aption Automation Track telah membawa manfaat yang berikut kepada makmal:

- Penambahbaik operasi dan workflow
- Menambah baik TAT terutamanya sample STAT
- Pemantauan yang lebih senang
- Staf kurang tertekan (stress) dengan peningkatan beban kerja
- Pemodenan Makmal Perubatan





Makmal Core yang kelihatan moden dengan automasi



Aptio Automation Track dengan 4 mesin utama untuk ujian kimia klinikal dan imunoasei



Staf yang kelihatan gembira dengan implementasi Fully Automated Laboratory Automation system



Sejak pemasangan automation track, jabatan telah menerima pelawat-pelawat dari pelbagai negara seperti Australia, Bangladesh, Brunei, Thailand, Indonesia dan lain-lain

JABATAN PEDIATRIK

Jabatan Pediatrik mempunyai objektif untuk menjadi sebuah jabatan yang cemerlang dan berperanan di dalam mengendalikan semua peringkat rawatan kanak-kanak dari lahir hingga umur 18 tahun. Oleh itu, semua kanak-kanak di rantau ini amnya dan di negara ini khasnya dapat menikmati mutu kesihatan yang tinggi.

Misi dan Piagam Jabatan

- Untuk menghasilkan mutu kerja yang tinggi dan para doktor yang cekap di dalam bidang kesihatan kanak-kanak.

- Jabatan Pediatrik juga terlibat dalam menyediakan program pengajaran fakulti untuk para penuntutnya dan memastikan program pengajaran tersebut berkualiti, bersesuaian dan terkini di mana ia akan memenuhi piawaian dan kehendak yang digariskan.

- Jabatan juga berperanan dalam menyumbang dan berkongsi kepakaran dan maklumat yang ada dengan sesiapa yang berminat melalui bengkel-bengkel dan simposium yang akan diadakan dari masa ke semasa.

Bilangan Pesakit Kemasukan Ke Wad Pediatrik

	2013	2014	Perbezaan %
Kemasukan ke Wad	6,189	6,996	+ 13.04

Pada tahun 2014 bilangan pesakit yang dimasukkan ke wad-wad Pediatrik telah meningkat sebanyak 13.04% iaitu seramai 6,996 orang berbanding 6,189 orang pesakit pada tahun 2013.

Perbezaan Beban Kerja di Klinik Pediatrik

Pengkhususan Klinik	Pesakit Luar 2013	Pesakit Luar 2014	Perbezaan %
1. Endokrinologi	2,293	1,998	- 12.86
- Endokrinologi Am	1,567	1440	
- Endokrinologi (Onkologi)	113	-	
- Obesiti	176	151	
- Diabetis	437	407	
2. Nefrologi	238	-	
3. Respiratori	1,785	1,884	+ 5.5
- Respiratori Am	876	908	
- Asma	909	976	
4. Unit Rawatan Rapi	90	87	- 3.3
5. Genetik & Metabolisma	913	817	- 10.5
6. Gastroentrologi & Hepatologi	737	886	+ 20.2
7. Kawalan Jangkitan	316	- 11.2	
8. Kardiologi	1,122	1,334	+ 18.9
- Kardiologi Am	920	1104	
- Kawasaki	202	230	
9. Perkembangan Kanak-kanak	413	366	- 11.4
10.Komuniti Pediatrik	269	227	- 15.6
11. Neonatalogi	956	1128	+ 17.9
12. Pediatrik Am	5264	4578	- 13
13. Neurologi	857	685	- 20.1
14. Hematologi/Onkologi	3,483	3,183	-8.6
- Hematologi / Pemindahan Sum-sum Tulang	1,274	1,253	-1.6
- Onkologi	1,976	1766	-10.6
- Thalasemia	233	164	-29.6
Jumlah	**27,459**	**17,469**	**- 36.4**

A. UNIT GASTROENTEROLOGI DAN HEPATOLOGI

Unit Gastroenterologi dan Hepatologi berfungsi dengan menyelidik dan merawat kanak-kanak dengan masalah usus, hati dan nutrisi, menjalankan penyelidikan dan menjalankan pengajaran pra-ijazah dan lepas-ijazah dalam bidang tersebut.

Jenis perkhidmatan yang disediakan:

- Klinik
  - Klinik Am/ Pediatrik Gastroenterologi
  - Gastroenterology dan hepatology ward round di Wad Kanak-Kanak 4
  - Klinik Gastroenterologi
  - Senarai prosedur Gastroenterologi
  - Pengajaran Pediatrik Gastroenterologi

- Prosedur-prosedur

  Jumlah prosedur seminggu ('Gastroscopy', 'colonoscopy', 'Liver biopsy' dan lain-lain): 5-6 seminggu. Prosedur-prosedur lain termasuk 'variceal banding', 'variceal sclerotherapy', 'colonic polypectomy' dan sebagainya.

- Latihan

  Program Latihan yang diaturkan untuk 'Fellow Paediatric Gastroenterology'.

Statistik Bilangan Pesakit Mendapat Perkhidmatan

Perkhidmatan	2013	2014	Perbezaan %
Klinik	724	886	18%
Jumlah	**724**	**886**	**18%**

Pada tahun 2014 bilangan pesakit yang dilihat meningkat sebanyak 18.0% iaitu seramai 886 orang Jumlah pesakit berbanding 724 orang pesakit pada tahun 2013.

B. UNIT PENYAKIT JANGKITAN KANAK-KANAK

Di antara fungsi Unit Penyakit Jangkitan Kanak-kanak ialah:

- Memberikan perkhidmatan perawatan asas dan susulan kepada pesakit-pesakit yang dijangkiti penyakit berjangkit dan juga kes-kes kekurangan daya pertahanan (primary and acquired immuno-deficiency) yang memerlukan perkhidmatan diagnostik dan juga rawatan lanjutan atau khas yang di mana kepakaran dan perkhidmatan ini tidak dapat diberikan oleh pakar perunding lain dalam Jabatan Pediatrik.

- Menerima kes-kes rujukan daripada pengamal dari dalam dan luar PPUM di mana mereka memerlukan diagnosa dan rawatan lanjutan diperlukan untuk pesakit yang dirujukkan.

- Memberi sokongan dan perkhidmatan dalam wabak penyakit jangkitan, seperti wabak H1N1 dan MERS-CoV.

- Membimbing dan mengajar calon-calon lepas ijazah dalam bidang penyakit jangkitan di mana ia adalah sebahagian dari sukatan akademik program ini.

- Melibatkan dalam kegiatan pengajaran penyelidikan tentang penyakit jangkitan, sama ada dalam institusi PPUM atau bersama dengan pakar-pakar di luar institusi ini melalui syarahan dan persidangan.

- Membantu Jawatankuasa Kawalan Jangkitan PPUM memantau, memberi pandangan dan nasihat kepada PPUM supaya polisi-polisi selaras kawalan jangkitan hospital dapat dilaksanakan.

- Membantu pihak PPUM dan Jabatan Farmasi menubuhkan garis panduan tentang pengawalan dan penggunaan antibiotik dengan bijaksana supaya tidak disalahgunakan oleh staf-staf perubatan.

Perkhidmatan khas yang sedia ada:

- Klinik rawatan susulan khas bagi penyakit-penyakit dijangkiti HIV/ AIDS dan TB.

- Klinik rawatan khas bagi pesakit-pesakit yang menghadapi penyakit kekurangan daya ketahanan (Primary immunodeficiency).

- Klinik rujukan dari luar PPUM bagi perkhidmatan diagnostic dan rawatan susulan.

- Perkhidmatan kepakaran imunologi klinikal dan isu-isu tentang immunisasi dan penyakit primary immunodeficiency.

Perkhidmatan terbaharu yang diperkenalkan

- Klinik immunisasi dan pemantauan tumbesaran dan perkembangan bayi di Kompleks Kesihatan Wanita dan Kanak-kanak.

Statistik Bilangan Pesakit Mendapat Perkhidmatan

Perkhidmatan	2013	2014	Perbezaan %
Pesakit Luar	356	346	- 0.03
Jumlah	**356**	**346**	**- 0.03**

Pada tahun 2014 bilangan pesakit luar yang dirawat tidak berbeza berbanding dengan tahun 2013; seramai 346 orang pesakit berbanding 356 orang pesakit pada tahun 2013. Iaitu perbezaan – 0.03% sahaja.

Rancangan Masa Hadapan

Klinik Well Baby telah ditubuhkan oleh Jabatan Pediatrik di Bangunan Kompleks Kesihatan Wanita dan Kanak-kanak di mana perkhidmatan bimbingan, nasihat kesihatan bayi dan kanak-kanak serta perkhidmatan immunisasi, pemantauan perkembangan bayi telah dilaksanakan. Klinik ini akan dikendalikan oleh seorang pakar klinikal/pegawai perubatan sebagai penasihat terhadap segala amalan immunisasi.

Masalah Yang Dihadapi Oleh Unit

- **Masalah diagnostik**
  Dari segi diagnostik perkhidmatan ujian procalcitonin perlu diperluaskan dengan mengurangkan caj untuk ujian ini.

- **Vaksin pilihan**
  Masih tidak dapat melaksanakan pemberian vaksin pilihan (varicella, rotavirus, seasonal influenza dan sebagainya) atas sebab kekurangan staf mengutip bayaran vaksin walaupun ibu-bapa sedia membayar vaksin-vaksin tersebut.

- **Bayaran untuk rawatan di Klinik Well Baby**
  Pengurusan haruslah memberikan perhatian terhadap mengurangan bayaran untuk rawatan di klinik ini untuk menggalakkan ibu-ibu menggunakan perkhidmatan ini.

C. UNIT GENETIK DAN METABOLISME

Fungsi unit:

- Sebagai pusat rujukan untuk penyakit genetik dan metabolik, menyediakan perkhidmatan kaunseling genetik, diagnostik klinikal, pengurusan dan rawatan pesakit dalam bidang genetik perubatan, metabolik dan dismorfologi di PPUM dan di Malaysia, secara umumnya.

- Menaikkan taraf pengajaran genetik perubatan di kalangan pelajar perubatan dan kakitangan kesihatan bersekutu, pegawai perubatan Sarjana Pediatrik serta pendidikan orang ramai berkenaan penyakit genetik ataupun keturunan.

- Menyokong kumpulan sokongan ibu bapa untuk pelbagai sindrom dan penyakit ganjil (rare disorders).

Jenis perkhidmatan yang disediakan:

- Menyediakan perkhidmatan kaunseling genetik dan genetik klinikal melalui klinik genetik dan metabolik, serta klinik sumbing bibir dan lelangit dan klinik kraniomaksilofasial

- Memberi perkhidmatan genetik rujukan di wad pediatrik dan sebagai ahli dalam pasukan pelbagai disiplin dalam bidang diagnosis prenatal serta penyakit orang dewasa seperti kanser genetik dan penyakit neurogenetik serta menyediakan perkhidmatan sokongan sosial dan bantuan kebajikan, menerusi kerjasama dengan Jabatan Kerja Sosial Perubatan.

- Memberi kuliah dan pengajaran pelajar perubatan, pelajar kejururawatan, doktor lepasan ijazah dan kakitangan kesihatan sains bersekutu dalam bidang genetik klinikal.

- Bekerjasama dengan Unit Genetik dan Metabolisma tempatan seperti Institut Penyelidikan Perubatan, hospital kerajaan dan universiti luar negara dalam perkhidmatan genetik makmal.

Program/Perkhidmatan dan Prosedur Terbaharu yang Diperkenalkan

- Penyediaan untuk mengadakan program 'Extended newborn screening' untuk 'inborn errors of metabolism' secara kolaborasi dengan Jabatan Patologi dan Jabatan Obstetrik telah bermula pada tahun 2014. Risalah telah dicetak dan pelbagai taklimat kepada staf PPUM telah dijalankan. Perbincangan sedang dijalankan untuk menyelaraskan bayaran ujian saringan tersebut.

- Program Penyaringan 'Critical Congenital Heart Disease' (CCHD) secara penyelidikan dengan Unit Kardiologi Pediatrik di wad wanita lepas-salin telah dijalankan.

Statistik Bilangan Yang Hadir ke Klinik Genetik dan Metabolisme

Perkhidmatan	2013	2014	Perbezaan %
Kes Klinik Baru	121	100	-17.4
Kes Klinik Susulan	769	717	-6.7
Jumlah	**890**	**817**	**-8.2**

Pada tahun 2014, bilangan pesakit yang hadir di Klinik Genetik & Metabolisme ialah seramai 817 orang, iaitu 100 kes baru dan selainnya adalah 717 orang pesakit susulan. Perbezaan kes adalah disebabkan oleh kekurangan pakar genetik klinikal dan kaunselor genetik.

Rancangan Masa Hadapan Unit

- Unit Genetik dan Metabolisma berharap dapat pakar genetik klinikal dan kaunselor genetik baru untuk membantu dalam bidang genetik klinikal kerana keperluan perkhidmatan genetik dan metabolisma semakin meningkat.

- Rancangan untuk mengadakan program 'Extended Newborn Screening' untuk 'Inborn Errors of Metabolism' secara kolaborasi dengan Jabatan Patologi dan Jabatan Obstetrik yang dijangka akan bermula pada tahun 2014, kini tertunda ke 2015 kerana menghadapi masalah kekurangan staf terlatih dan sistem pembayaran ujian.

Masalah Yang Dihadapi Oleh Unit

- Akibat kekurangan pakar genetik klinikal dan kaunselor genetik, perkhidmatan genetik dan metabolisma terpaksa dihadkan dan ini menyebabkan tempoh menunggu yang lama untuk mendapat temujanji dan bilangan pesakit yang dirawat telah berkurangan.

.

- Ketiadaan jawatan Kaunselor Genetik yang amat diperlukan bukan sahaja bidang genetik pediatrik, tetapi juga di Cancer Genetics, Feto-maternal Medicine dan Neurogenetics.

- Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah bermula pada Oktober 2014 mengenakan caj untuk kesemua ujian genetik dan metabolisma bagi pesakit PPUM sama seperti caj yang dikenakan untuk hospital swasta. Ini menyebabkan pesakit kanak-kanak dan keluarga berpendapatan rendah tidak mampu menjalankan ujian tersebut. Masalah kekurangan sumber kewangan untuk membayar kos penyiasatan darah untuk penyakit metabolik dan genetik, khususnya yang hanya boleh didapati di luar negara seperti di Singapura dan Australia.

- Ketiadaan 'Clinical Nurse Specialist' yang diperuntukkan oleh Jabatan Pediatrik yang dapat membantu dalam program 'Extended Newborn Screening' untuk penyaringan penyakit metabolik dan menguruskan hal pembayaran serta kaunseling genetik.

- Masalah kekurangan bajet untuk pembelian ubat metabolik dan *'enzyme replacement therapy'* untuk penyakit lisosomal. Dana tersebut hanya wujud di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia tetapi tiada di hospital universiti mengakibatkan unit terpaksa merujuk kesemua kes tersebut ke Hospital Kuala Lumpur.

- Masalah kekurangan pakar genetik klinikal yang terlatih yang amat diperlukan untuk menampung keperluan perkhidmatan genetik klinikal yang semakin meningkat.

D. UNIT KOMUNITI PEDIATRIK

Unit ini bertanggungjawab diagnosa, penilaian dan pengurusan kanak-kanak yang mempunyai masalah tumbesaran yang terbantut, kurang upaya, kesukaran pembelajaran dan mempunyai masalah sosial seperti yang disyaki menjadi mangsa dera atau mempunyai risiko tinggi menjadi mangsa dera, kanak-kanak terbiar serta kanak-kanak yang menghadapi masalah atau di dalam keadaan yang bahaya. Unit ini juga memberi perkhidmatan perundingan di Klinik Tumbesaran (Developmental Clinic) dan di Klinik Komuniti Pediatrik. Selain itu, unit juga memberikan perkhidmatan rujukan dan perundingan untuk pesakit dalam yang memerlukan perlindungan dan masalah tumbesaran.

Statistik Pesakit di Unit Komuniti Pediatrik

Kategori	2013	2014	Perbezaan %
Kehadiran di Klinik Tumbesaran	410	395	-3.7
Kehadiran di Kilnik Komuniti Pediatrik	268	227	-15.3
Rujukan perlindungan kanak-kanak	187	254	36
Jumlah	**865**	**876**	**1.3**

Masa untuk konsultasi adalah lebih panjang berbanding dengan sub-kepakaran yang lain atas sebab masalah yang rumit. Tambahan lagi, kekurangan staf di peringkat pensyarah menyebabkan bilangan pesakit yang terhad sahaja boleh diterima pada setiap sesi klinik.

E. UNIT HEMATOLOGI DAN ONKOLOGI

Unit Hematologi dan Onkologi mengendalikan kes-kes rujukan serta memberi rawatan kepada kanak-kanak yang menghidapi kanser dan penyakit hematologi. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah termasuk Pusat Rawatan Harian Pediatrik Medikal, Unit Pemindahan Sumsum Tulang dan Klinik Konsultasi.

Antara perkhidmatan yang disediakan adalah:

- Pusat Rawatan Harian Pediatrik Medikal – menawarkan perkhidmatan rawatan kemoterapi, pemeriksaan darah, transfusi darah bagi pesakit talasemia, rawatan susulan dan juga penjagaan central venous access devices.

- Unit Pemindahan Sumsum Tulang - Unit ini berfungsi memberi perawatan kepada pesakit pediatrik yang memerlukan penjagaan kritikal selepas pemindahan sumsum tulang. Selain itu, unit ini turut menerima kes-kes rujukan dari hospital swasta dan kerajaan.

- Klinik Konsultasi - menawarkan perkhidmatan rawatan susulan dan rundingan lanjut bagi pesakit-pesakit pediatrik hematologi dan onkologi.

Statistik Rawatan Harian Pediatrik Medikal bagi Pesakit Onkologi & Talasemia Mengikut Jenis Perkhidmatan

Prosedur	2013	2014	Perbezaan %
Kemoterapi	846	920	8.7
Rawatan susulan + Ujian Darah	2,080	2,098	0.9
Ujian Darah	1,378	1,596	15.8
Prosedur	823	768	-6.7
Tranfusi Darah	1,512	1,410	-6.7
Dressing	564	498	-11.7
Jumlah	**7,203**	**7,290**	**1.2**

Pada tahun 2014, bilangan kes di Unit Rawatan Harian Pediatrik telah meningkat sebanyak 1.2% iaitu sebanyak 7290 kes berbanding 7203 orang pesakit pada tahun 2013.

Statistik Kes-kes Baru bagi Pesakit Onkologi dan Hematologi

Perkhidmatan Rawatan	2013	2014	Perbezaan (%)
Pesakit Hematologi	76	47	-38.2
Pesakit Onkologi	123	111	-9.8
Jumlah	**199**	**158**	**-21.0**

Pada tahun 2014, statistik mencatatkan penurunan pesakit onkologi dan hematologi sebanyak 21% dari tahun 2013.

Statistik Bilangan Pesakit Yang Mendapat Perkhidmatan

Perkhidmatan	2013	2014	Perbezaan (%)
Klinik Hematologi/BMT	1,274	1,253	-1.6
Klinik Onkologi	1,976	1,766	-10.6
Klinik Thalassaemia	233	164	-29.6
Jumlah	**3,483**	**3,183**	**-8.6**

Bilangan pesakit di klinik pada tahun 2014 telah berkurangan sebanyak 8.6% iaitu seJumlah 3183 orang berbanding 3483 orang pesakit pada tahun 2013.

Statistik Jumlah dan Jenis Pemindahan Sum-Sum TulangTahun 2013/2014

Jenis Pemindahan sumsum tulang	2013	2014
Autologous Bone Marrow Transplant	1	0
Allogenic Bone Marrow Transplant	9	9
Allogenic Cord Blood Transplant	0	0
Autologous Stem Cell Transplant	2	1
Allogenic Stem Cell Transplant	0	0
Jumlah	**12**	**10**

Pada tahun 2014, bilangan pesakit yang telah menjalani pemindahan sel stem mencatatkan penurunan sebanyak dua kes berbanding pada tahun 2013.

Peristiwa-Peristiwa dan Aktiviti Menarik

Beberapa aktiviti pengumpulan dana dan lawatan amal telah dijalankan sepanjang tahun 2014. Antara pihak yang terlibat adalah:

- **Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd** - Program 'EcoWalk for Life2014' anjuran Tesco Malaysia telah diadakan pada 9 November 2014 bertempat di Melaka. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menyokong Kempen Membantu Kanak-Kanak Leukemia dan telah berjaya membuat kutipan sebanyak RM 60,000. Sehingga kini, usahasama strategik antara Tesco Malaysia dan Unit Kanser Pediatrik Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dalam mengumpul dana bagi membantu pesakit leukemia telah membuahkan hasil apabila seJumlah RM875,000 berjaya dikumpulkan. Kerjasama yang bermula sejak Ogos 2012 ini merupakan salah satu daripada projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) Tesco Malaysia dengan sasaran untuk mengutip dana berJumlah RM1 juta dan sumbangan ini disalurkan kepada tabung kebajikan pesakit di mana digunakan untuk menampung kos perubatan pesakit terutamanya bagi mereka yang kurang berkemampuan. Setakat ini, kira-kira RM325,500 telah pun diagihkan untuk membantu 36 kanak-kanak yang menghidap leukemia.

- **Majlis Perhimpunan Sosial Tahunan Unit Onkologi Pediatrik** - Majlis perhimpunan sosial ini diadakan pada setiap tahun bagi meraikan pesakit leukemia dan kanser kanak-kanak PPUM. Majlis ini juga turut meraikan bekas pesakit PPUM yang telah pulih. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memberi sokongan dan galakan kepada pesakit yang masih dalam rawatan dengan perkongsian pengalaman bersama dengan bekas pesakit.

- **Junior Chamber International (JCI)** - Satu projek amal bersama Pusat Perubatan Universiti Malaya yang bertemakan "Stand By Me" telah diadakan pada 23 Ogos 2014 di Auditorium Menara Selatan bagi mengumpul dana untuk disumbangkan ke dalam tabung Leukemia dan Kanser JCIPJ-UMMC yang telah ditubuhkan pada tahun 2012.

- **Intel Microelectronics (M) Sdn Bhd** - Telah membuat lawatan amal ke Wad Pediatrik Onkologi bagi membawa keceriaan kepada pesakit kanser kanak-kanak. Selain daripada acara pemberian hadiah kepada pesakit, sumbangan sebanyak tiga unit laptop turut diterima agar pesakit dapat berhubung dengan dunia luar walaupun terpaksa berada di hospital untuk jangka masa yang lama.

- **Tabung 'Bald & Beautiful** - Tabung ini diwujudkan sempena salah seorang pesakit kanser yang masih menerima rawatan di PPUM. Bapa beliau telah menganjurkan satu program 'Bald & Beautiful' di mana tujuan program ini untuk memberikan dorongan dan sokongan moral kepada pesakit kanser. Dana yang terkumpul akan diagihkan kepada pesakit-pesakit kanser kanak-kanak di PPUM bagi mereka yang kurang bernasib baik dan dengan ini diharap dapat meringankan beban dihadapi oleh keluarga yang terlibat. Menerusi program ini, kutipan dana sebanyak RM 167, 552.00 telah berjaya dikumpul dan tujuan tabung ini ditubuhkan juga bagi memudahkan saluran kutipan dana melalui beberapa program lain anjuran bapa beliau pada masa hadapan.

- **Karya Seni Profesor Dr. Rebecca George (Bekas Pakar Perunding Pediatrik, PPUM)** - Unit Kanser Pediatrik PPUM telah bekerjasama dengan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia untuk melancarkan satu Projek Amal Karya Seni Profesor. Dr. Rebecca George yang diadakan pada 26 Jun 2014 di Galeri Seni Canselori, Universiti Malaya. Majlis pelancaran ini telah dirasmikan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah. Susulan daripada projek ini, dana sebanyak RM 20,000 telah disumbangkan kepada PPUM dan Institut Pediatrik Hospital Kuala Lumpur turut menerima sumbangan daripada projek amal ini..

- **Thalassaemia Party'** - Jamuan tahunan turut diadakan di Hotel Istana untuk kali ketujuh bagi mengumpulkan dan meraikan pesakit-pesakit Talesemia di samping dapat mengeratkan hubungan sillaturahim sesama ahli dan kakitangan hospital.

- **Program 'Journey of Hope' bagi Kanak-kanak Thalasemia** - Persatuan Thalasemia Pusat Perubatan Universiti Malaya (THASUH) telah bekerjasama dengan Persatuan Talasemia Malaysia dan beberapa persatuan talasemia dari hospital lain untuk menganjurkan satu lawatan 'Journey of Hope' yang diadakan pada September 2014. Lawatan yang melibatkan 10 buah hospital di seluruh Lembah Klang ini telah dipecahkan kepada dua kumpulan bagi melawat perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Tujuan lawatan ini diadakan bagi memberikan pendedahan awal di peringkat universiti dan mengadakan sesi soal jawab dari wakil KKM berkenaan dengan perancangan masa hadapan dan masalah yang dihadapi oleh para pesakit talasemia.

- **Aktiviti Sosial (Thalassaemia Society University Hospital - THASUH)** - Majlis Perhimpunan Sosial Kanak-kanak Talasemia, PPUM telah menganjurkan satu program motivasi pertandingan Iron Hero yang telah diadakan pada April 2014 di Unit Rawatan Pediatrik Onkologi, PPUM. Tujuan pertandingan ini bagi mengalakkan pesakit untuk menurunkan kadar zat besi dalam badan dan pemenang pencarian ini dinilai dari segi pematuhan ubat dan perubahan sikap positif di antara para pesakit dan kakitangan hospital.



Program 'Eco Walk for Life 2014'



Majlis Penyerahan Cek



Majlis Perhimpunan Sosial Tahunan 2014
Unit Onkologi Pediatrik



Projek Amal bersama Intel Microelectronics (M) Sdn Bhd

Aktiviti-Aktiviti yang Dijalankan oleh Unit Hematologi

TARIKH	PERISTIWA
9 November 2014	Program Eco Walk for Life 2014 anjuran Tesco Malaysia dan PPUM
22 Disember 2014	Majlis Penyerahan Cek berJumlah RM 60,000 bagi kutipan dana sempena Program Eco Walk for Life 2014
17 April 2014	Majlis Perhimpunan Sosial Tahunan Unit Onkologi Pediatrik
8 Mei 2014	Projek Amal bersama Intel Microelectronics (M) Sdn Bhd
8 Oktober 2014	Majlis Penyerahan 'Mock Cheque Tabung Bald & Beautiful'
26 Jun 2014	Pelancaran Projek Amal Karya Seni untuk Kanser Kanak-Kanak
12 April 2014	Program Motivasi 'Iron Hero' bagi Kanak-Kanak Thalasemia
17 September 2014	Program 'Journey of Hope' bagi Kanak-kanak Thalasemia



Majlis Penyerahan 'Mock Cheque
Tabung Bald & Beautiful'



Pelancaran Projek Amal Karya Seni untuk Kanser Kanak-Kanak



Program 'Journey of Hope' bagi
Kanak-kanakTalesemia



Program Motivasi 'Iron Hero' bagi Kanak-Kanak Talesemia

Penyelidikan yang Telah Dijalankan

- Kajian MASPORE ALL 2010 dijalankan dengan kerjasama National University of Singapore sedang berjalan dengan lancar. Protokol baru ini menggantikan protokol MASPORE ALL 2003 yang ditutup pada Disember 2010. Sehingga Disember 2014, 239 pesakit telah direkrut bagi kajian MASPORE ALL 2010 dan sebanyak 102 pesakit dari Pusat Perubatan Universiti Malaya.

- Collaborative study on acute myeloid leukemia (MaSpore-AML 2006) dengan National University of Singapore telah dilancarkan pada Januari 2006; sebanyak 111 pesakit telah direkrut setakat ini.

- Sindrom Li-Fraumeni/Inherited TP53 mutations yang merupakan projek kerjasama antara pusat-pusat onkologi pediatrik di Malaysia di bawah naungan Malaysian Society of Paediatric Haematology-Oncology (MASPHO). Profesor Dr Hany Ariffin, adalah penyelidik utama dan projek ini adalah dibawah pembiayaan geran High Impact Research (HIR-MOHE). Pada tahun 2014, dua penerbitan telah berjaya dihasilkan daripada projek penyelidikan ini.

- Satu Penyelidikan Fasa 3 Ujian Klinikal Nanovalent HPV Vaksin dijalankan di Pusat Perubatan Universiti dengan kerjasama bersama Merck Sharp & Dohme (M) Sdn Bhd. Penyelidikan yang melibatkan 15 buah negara ini dijangka akan tamat pada tahun 2017 dan seramai 21 orang pesakit telah direkrut dari Pusat Perubatan Universiti Malaya.

- Audit ke atas bekas pesakit kanser kanak-kanak PPUM (Long-Term Childhood Cancer Survivor) telah dimulakan dan dijalankan.

Rancangan Masa Hadapan Unit

Unit Onkologi/Hematologi merancang untuk mendapatkan seorang doktor Fellow Klinikal dari luar negara. Dengan itu, diharap akan ada sumbangan dana dari sumber yang lain untuk membiayai elaun perkhidmatan fellow klinikal tersebut. Setakat ini, Dr Vida dari Indonesia selaku Fellow Klinikal di unit ini telah menerima elaun perkhidmatan beliau daripada sumbangan amal Tabung Penyelidikan Kanser Pediatrik.

F. UNIT RAWATAN RAPI NEONATAL (NICU)

Unit ini berfungsi untuk memberi rawatan dan penjagaan untuk bayi-bayi yang lahir pramatang, berisiko tinggi dan masalah kurang berat badan. Mengurangkan kadar mortaliti serta morbiditi bayi dengan tindakan dan rawatan yang cekap dan sewajarnya. Menerima bayi-bayi yang mengalami birth trauma, masalah kardio-respiratori, hypoglycaemia dan jaundis.

Antara perkhidmatan yang disediakan:

- Menerima bayi-bayi yang memerlukan rawatan surgikal.

- Memberi nutrisi secara Total Parenteral Nutrition (TPN) kepada bayi-bayi pramatang dan tenat.

- Mengawal dan merawat Hospital Acquired Infection (HAI).

- Mengendali, membantu dan memberi sokongan dalam program penyelidikan yang dijalankan oleh para doktor dan jururawat.
- Menggalakkan kekerapan lawatan oleh ibubapa supaya mereka sentiasa mengetahui serta memahami progress dan keadaan bayi mereka.

- Memberikan kaunseling dan menggalakan ibu-ibu memberi penyusuan susu ibu kepada bayi-bayi sepanjang berada di unit sehingga discaj.

Maklumat Statistik Perbandingan Aktiviti

Pada tahun 2014 didapati bilangan kemasukan pesakit bertambah 10.65% dari tahun 2013 iaitu seramai 353 orang berbanding 319 orang pada tahun 2013. Jumlah hari pesakit tinggal di hospital juga berkurangan sebanyak 14.58% iaitu 7,613 hari pada 2013 berbanding 6,503 hari pada 2014. Purata hari seorang pesakit tinggal di wad menurun 22.79% iaitu 23.86 hari pada tahun 2013 berbanding 18.42 hari pada tahun 2014.

Akan tetapi bilangan pesakit yang memerlukan ventilasi meningkat 31.6% dari 139 orang pada 2013 berbanding 183 orang pada 2014. Purata hari pesakit menggunakan ventilasi menurun sehingga 36%. Jumlah pesakit yang memerlukan rawatan intensif serta penyusuan yang kerap juga berkurangan sebanyak 21.9% iaitu 41 orang pada tahun 2013 berbanding 32 orang pada tahun 2014.

Jumlah kematian berkurangan sebanyak 26.9% iaitu 26 orang pada 2013 berbanding 19 orang pada tahun 2014. Jumlah kematian yang paling ramai iaitu pada bulan Ogos seramai 4 orang. Ini adalah kerana penambahan kes serratia marcescens dan enterobacter aerogenes pada bulan tersebut.

Ini berlaku disebabkan banyak bilangan invasive procedure dilakukan kepada pesakit yang menerima rawatan intensif walaupun statistik hand hygiene masih tinggi 85% di kalangan staf di wad ini.

Pembelian peralatan baru di Unit NICU

Bil.	Nama Peralatan	Harga Seunit (RM)	Kegunaan	Bilangan
1	Nitric Oxide Monitor and Delivery System	165,500.00	Untuk mengembangkan salur darah terutamanya di kawasan plueral dan membantu oksigenasi bayi pramatang dengan lebih cepat.	2 unit
2	Milk Warmer water less	7,500.00	Untuk memanaskan susu tanpa menggunakan air	2 unit
3	Intensive Infant Radiant Warmer	99,600.00	Untuk mengekalkan suhu badan bayi ketahap optima dan memudahkan perawatan serta prosedur kepada bayi	3 unit
4	Biliblanket	18,900.00	Untuk menurunkan kadar bilirubin bayi yang mengalamai jaundice	1 unit
5	Intellivue MX700 monitor	60,500.00	Untuk memantau pemerhatian vital bayi seperti pernafasan, denyutan jantung, tekanan darah dan saturasi oksigen.	12 unit
6	Transport Incubator	102,500.00	Untuk menghantar bayi ke unit atau hospital lain untuk menjalankan prosedur atau rawatan lanjut.	1 unit
7	Developmental Care Incubator	75,000.00	Untuk membantu dalam perkembangan mental bayi dan mengekalkan suhu badan bayi ketahap optima	2 unit
8	Multichanel Electrocardiography Portable (ECG)	19,400.00	Untuk membantu dalam melihat bacaan jantung bayi	1 unit

Aktiviti di Unit NICU

- Pada 16 November Sambutan Bayi Pramatang Sedunia yang telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Profesor Mustafa Ali Mohd. Ia bagi meraikan bekas pesakit bayi pramatang yang telah menerima rawatan di NICU, penglibatan daripada 230 orang bekas pesakit bayi pramatang termasuk ibu bapa pesakit bagi menjayakan sambutan tahunan ini.



- Seminar Neonate yang telah diadakan pada 8 dan 9 Disember 2014 bertema "The life of Premier" yang melibatkan 28 peserta daripada Unit Kritikal dan Dewan Bedah, Unit Pesakit Dalam dan Unit Ambulatori. Seminar ini bertujuan untuk mendedahkan kepada kakitangan tentang perawatan dan penjagaan bayi pramatang.



Rancangan Masa Hadapan Unit NICU

- Meneruskan Kursus Neonatal Resuscitation Programme sebagai aktiviti tahunan iaitu sekurang-kurangnya 6 kali setahun untuk semua staf, doktor, jururawat di NICU, Wad Bersalin, Wad Pos Natal, Wad Ante Natal dan Wad Kanak-kanak.

- Membuat penyelidikan yang menjurus kepada penambahbaikan kualiti perawatan pesakit pramatang dan neonatal.

- Mengggunakan bilik bedah kecil di dalam wad untuk dijadikan bilik rawatan seperti Rawatan laser, Lumbar Puncture.

Masalah yang dihadapi oleh Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU)

- Rawatan laser dan cryosurgery untuk retinopathy of prematurity yang sepatutnya dilakukan di Dewan Bedah masih dijalankan di unit ini. Ini adalah kerana ketidakstabilan suhu badan bayi atau keadaan bayi yang tidak sesuai untuk menerima bius. Staf wad terpaksa berulang-alik ke Klinik Mata untuk meminjam peralatan cryosurgery dan laser machine bagi prosedur tersebut.

- Kekurangan kakitangan apabila beberapa jururawat mengambil cuti bersalin selama tiga bulan berturut-turut terutama sekali apabila kes ventilator melebihi kuota.

G. UNIT PEDIATRIK ENDOKRINOLOGI DAN DIABETES

Unit ini berfungsi sebagai pusat rujukan untuk kanak kanak berpenyakit hormon dan kencing manis dan menyediakan perkhidmatan diagnostik klinikal, pengurusan, pengajaran dan rawatan tertentu penyakit penyakit ini. Unit juga menaikkan taraf pengajaran pediatrik endokrinologi di kalangan mahasiswa perubatan dan staf kesihatan bersekutu, pegawai perubatan Sarjana Pediatrik serta pendidikan orang ramai berkenaan penyakit bermasaalah hormon dan kencing manis. Selain itu unit juga turut melatih pakar pediatrik dari dalam dan luar negara dalam bidang subkepakaran pediatrik endokrinologi dan diabitis.

Jenis perkhidmatan yang disediakan:

- Menyediakan perkhidmatan klinik pesakit luar untuk rujukan, diagnosis, rawatan, pengajaran bagi kanak kanak yang bermasalah hormon, kencing manis dan berat badan. Unit ini juga menyediakan klinik susulan bagi pesakit barah dan talasemia yang bermasalah hormon.

- Memberi perkhidmatan rujukan di wad pediatrik.

- Memberi kuliah dan pengajaran mahasiswa perubatan, pelajar kejururawatan, doktor lepasijazah dan kakitangan kesihatan bersekutu dalam bidang pediatrik endokrinologi.

- Program latihan subkepakaran pediatrik endokrinologi dan diabetes.

Unit ini menganjurkan kursus lepasan ijazah Pediatrik iaitu Postgraduate Course in Paediatric Endocrinology: Practical Paediatrics pada 23 Mei hingga 24 Mei 2014. Seramai 150 orang peserta yang telah berdaftar dan kursus ini juga turut disertai oleh peserta luar negara iaitu dari Singapura dan Iraq.

Statistik Bilangan Pesakit Klinik Mendapat Perkhidmatan

Perkhidmatan	2013	2014	Perbezaan (%)
Kes Klinik Baru	239	182	-57
Kes Klinik Susulan	2,054	2,028	- 26
Jumlah	**2,293**	**2,210**	**- 83**

Perbezaan kemerosotan kes baru adalah disebabkan kes-kes baru ramai yang dirujukkan ke Pusat Pakar Universiti Malaya (UMSC).

Rancangan Masa Hadapan

Mengadakan perkhidmatan pendidikan kencing manis bagi kanak-kanak dan program mencegah penyakit kencing manis jenis II dan obesiti di kalangan kanak kanak.

Masalah Yang Dihadapi Oleh Unit Pediatrik Endokrinologi dan Diabetes

- Ketiadaan jururawat pediatrik berkemahiran khusus untuk pengajaran subjek diabitis bagi kanak kanak yang ada diabitis sebab pengajaran adalah asas penjagaan diabitis.

- Unit ini ketiadaan child psychologist yang berkemahiran dalam rawatan kenjing manis di kalangan kanak kanak. Perkhidmatan ini sangat penting dari segi psikologi dan adalah keperluan rawatan asas bagi diabetis. Lebih daripada separuh masalah kawalan diabetis terjejas adalah berpunca daripada masalah psikologi di rumah dan sekolah.

- Ketiadaan dana untuk menyelidik atau menjalankan molecular diagnosis bagi kebanyakan penyakit endokrinologi walaupun molecular diagnosis adalah asas diagnosis kebanyakan penyakit endokrin di kalangan kanak-kanak. Oleh kerana ini diagnosis tidak tepat dan ini menjejaskan rawatan dan publikasi. Bagi menjalankan prosedur ini diagnostic molecular laboratory adalah diperlukan.

- Masalah kekurangan peruntukan untuk pembelian ubat growth hormone selepas 25 tahun kepakaran rawatan ini disediakan dan peruntukan yang diluluskan setiap tahun adalah sebanyak RM250,000.

H. UNIT NEUROLOGI

Unit Neurologi menawarkan perkhidmatan seperti berikut:

- Perkhidmatan Pesakit Dalam
  - Pesakit akut yang dirujuk dari wad kanak-kanak dan juga trauma & kecemasan seperti acute encephalopathy, seizures, paralysis, stroke dan sebagainya
  - Kemasukan elektif seperti muscle biopsy dan joint neurology care.
  - Perkhidmatan Pesakit Luar
    - Pesakit baru Neurologi yang dirujuk dari PPUM dan hospital lain atau pengamal perubatan dan kes-kes susulan dibuat penilaian semula.
    - Pesakit kanak-kanak yang mengalami gangguan saraf sama adadilihat di klinik Neurologi Pediatrik atau di Klinik Pemulihan Neuro Pediatrik
    - Pesakit yang menghidap gangguan neurologikal dilihat di :
      - Klinik Epilepsi Khusus
      - Klinik Multidisiplin Khusus bagi kanak-kanak yang mengalami spina bfida dan bagi penyakit neuromuskular
- Perkhidmatan Neurofisiologi
  - Electroencephalography (EEG): bagi pesakit dalam akut, pesakit luar elektif dipantau berterusan selama 1-3 malam dengan video-EEG dan electrocorticography
  - Kajian Konduksi saraf (NCV), Electromyography (EMG) dan evoked potentials
- Perkhidmatan penilaian epilepsi pediatrik komprehensif meliputi:
  - Pengimbas otak MRI High field 3Tesla dengan protokol epilepsi khas
  - Pemantauan semalaman video-EEG
  - Pengimejan Neuro Fungsional (ictal SPECT, interictal PET)
  - Perkhidmatan Pemberian Diet Ketogenik
  - Pembedahan reseksi bagi lesional epilepsy bagi kes Pediatrik Epilepsi

Pengenalan Prosedur Baru

- Pemantauan Video-EEG dan wad Sleep PSG dibuka di 5PB bermula Januari 2014


Statistik Bilangan Pesakit Klinik Mendapat Perkhidmatan

JENIS PERKHIDMATAN	2013	2014
Pesakit Dalam Pediatrik Neurologi	195	212
Pesakit Luar Klinik Pediatrik Neurologi (PD09)	745	685
Klinik Bersama Pediatrik Neuro-rehab (RE07)	151	298
Jumlah bilangan pesakit di PD09 + RE07	896	983
Diagnosis pesakit yang dilihat di klinik pesakit luar PD09	Tiada rekod	
• Epilepsy		259
• Cerebral palsy		15
• Neuromuscular disorders		16
• Lain-Lain		72
Diagnosis pesakit yang dilihat di klinik pesakit luar RE07	Tiada rekod	
• Epilepsy		75
• Cerebral palsy		62
• Neuromuscular disorders		11
• Lain-Lain		31
EEGs yang dijalankan		
• Pesakit Luar	124	110
• Pesakit Dalam	95	65
• Pesakit Dalam Semalaman 5PB	Tiada	9
Kajian Nerve Conduction/EMG	34	23
Muscle biopsy	3	5

Aktiviti-aktiviti di Unit Neurologi

- Bahagian Pediatrik Neurologi di Unit ini telah bekerjasama dengan membuat pembedahan neurosurgeri pada pembedahan pediatrik epilepsi yang pertama di PPUM dengan jayanya pada 9 Januari 2014.





- Mesyuarat 16th Annual Infantile Seizure Society di Turki pada 23-25 Jun 2014, Prof. Madya Fong Choong Yi membuat persembahan poster bertajuk "Electroclinical outcome post-neonatal hypoglycaemia"

- Kongres yang ke-21 Tahunan Persatuan Perinatal Malaysia, One World Hotel Selangor, pada 20-23 March 2014 Prof. Madya Fong Choong Yi telah menyampaikan ceramah mengenai "Neonatal Seizure updates"

- Paediatric Neurology Update Meeting, HUKM, 28-29 Ogos 2014. Prof Ong Lai Choo menyampaikan data mengenai "Malaysian Tuberous Sclerosis Complex Registry" dan Prof. Madya Fong Choong Yi menyampaikan ceramah bertajuk "Approach to acute generalised weakness."

- Tiga poster dari Bahagian Paediatric Neurology PPUM telah dipersembahlkan bertajuk: "Posterior Reversible Encephalopathy Syndrome: a haemato-oncology case series", "Post-dengue longitudinal extensive transverse myelitis: rare neurological manifestation", "Succinic semialdehyde dehydrogenase deficiency in a Chinese boy: a novel ALDH5A1 mutation with severe phenotype" dan "Transient Parkinsonism in Mycoplasma infection".







- Kongres Asian Oceanian of Epilepsy ke-10 di Singapura pada 7-10 Ogos 2014. Prof. Ong Lai Choo mempersembahkan sesi video mengenai "Paroxysmal events in children"

- Persidangan Myanmar Paediatric & Medical Specialities ke-16 di Yangon pada 30-31 Okt 2014. Prof Madya Fong Choong Yi dijemput sebagai penceramah antarabangsa memberi ceramah bertajuk "Paediatric Epilepsy: Current Approach and Management" Chapter of Paediatric Neurology dan Developmental Paediatrics CME bulanan 24 April 2014





Masalah yang dihadapi oleh Unit Neurologi

a) Ketidaktetapan keputusan jawatan jururawat pakar klinikal Paediatric Neurology (CNS)

- Jawatan jururawat CNS masih belum kukuh kerana jawatan tersebut masih tidak mempunyai jalan kerjaya yang jelas.
- Keluarga dan kanak-kanak yang menghidap gangguan neurologikal dan ketidakupayaan neuro memerlukan penjagaan yang holistik dan sokongan keluarga. Perkhidmatan penting ini disediakan oleh jururawat pakar neurologi.
- Pengurusan perlu menyediakan laluan kerjaya yang lebih teratur dan peluang kenaikan pangkat bagi jururawat pakar. Hanya dengan peruntukan ini maka masalah kekurangan jururawat pakar neurologis dapat diatasi dan penjagaan berkualiti bagi neurologi dapat dicapai.
- Memerlukan perkhidmatan pakar Neurologi Pediatrik sepenuh masa di PPUM. Pada kadar minimum seramai dua orang secara idealnya 3 orang pakar perunding neurologi pediatrik diperlukan bagi memastikan berfungsi sepenuhnya di samping memberi perkhidmatan yang bertaraf tinggi dalam penjagaan neurologi.

I. Unit Respiratori dan Alergi

Unit ini bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan rawatan untuk pesakit-pesakit pediatrik dengan masalah penyakit respiratori dan perkhidmatan lanjutan kepada pesakit Pediatrik dengan penyakit respiratori kronik. Unit ini juga memberikan perkhidmatan tertiari kepada pakar kanak-kanak di Malaysia yang memerlukan perkhidmatan kepakaran perubatan respiratori dan alergi.

Bilangan Pesakit Luar Klinik di Unit Respiratori dan Alergi

Perkhidmatan	2013	2014	Perbezaan (%)
Asma	909	976	7.4
Respiratori	876	908	3.7
Jumlah	**1,785**	**1,884**	**5.5**

Aktiviti Unit Respiratori dan Alergi

- **Bengkel dan Seminar**

Tarikh	Tajuk Bengkel/Seminar
15 March 2014	An update on respiratory infections in children, AM Nathan Workshop
26 April 2014	Wheezing in children. It is not that simple! AM Nathan
29 - 31 Mei 2014	Asia-Pacific ORL 2014. The spectrum of paediatric OSA and its medical management. J de Bruyne
12-15 Jun 2014	Kongres Tahunan Persatuan Malaysian Thoracic – MTS 2014
15,17, & 19 September 2014	Recognition of respiratory sounds in children - poster presentation
20 – 22 Ogos 2014	Asia Pacific Paediatric Airway Course and Tracheostomy Workshop
26 Ogos 2014	When cough is not just any cough! AM Nathan Respiratory Medicine Conference
20 & 28 September 2014	MACE 2014
08 Oktober 2014	Asia Pacific Association of Paediatric Allergy Respirology and Immunology APAPARI 2014, Indonesian Pediatric Allergy & Immunology Society
18 -19 Oktober 2014	2nd Asian Paediatric Respirology Forum, 6th Cross-Strait Paediatric Respirology Congress & 17th Hong Kong Society of Pediatric Respirologists (HKSPR) Annual Scientific Meeting
22 November 2014	Pneumococcal Diseases Workshop for GPs

- **Kerja-kerja kemasyarakatan**

Jabatan telah menjalinkan hubungan yang baik dan bekerjasama dengan kelab-kelab dan badan-badan bukan kerajaan seperti Kelab Asma Kanak-kanak Selangor & Wilayah Persekutuan (KAKK), Yayasan Paru-paru Malaysia dan lain-lain lagi.

JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN

Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan memberi perkhidmatan pengimejan diagnostik dan terapeutik serta intervensional kepada pesakit termasuk bidang Perubatan Nuklear. Sebagai sebuah hospital pengajaran, jabatan menjalankan Program Sarjana Radiologi, Program Sarjana Sains Perubatan (Fizik), Program Diploma Radiografi, Program Sarjana Muda Pengimejan Perubatan dan Program Sarjana Muda Sains Biomedikal. Jabatan ini turut membuat penyelidikan baru dengan menggunakan teknologi pengimejan dan intervensi minimal terkini.

Jabatan menawarkan perkhidmatannya kepada pesakit PPUM, University Malaya Specialist Centre (UMSC) dan juga rujukan daripada hospital luar seperti berikut:

Perkhidmatan yang disediakan:

- Perkhidmatan Radiografi Am

- Pengimejan Khas terdiri daripada Skan Tomografi Berkomputer (CT Scan), Magnetic Resonance Imaging (MRI), Angiografi, Fluoroskopi / Barium Studies, Urografi Intravena (IVU), Mamografi, Kardiografi, Pemeriksaan Pengimejan Pankreatografi Kolangio Retrogred Endoskopik (ERCP), Pengimejan Dewan Bedah, Prosedur Litotripsi dan Prosedur Invasif Minimal.

- Perubatan Nuklear menyediakan perkhidmatan pengimejan diagnostik dan terapeutik. Perkhidmatan diagnostik merangkumi pemeriksaan ke atas semua sistem tubuh manusia termasuk sistem skeletal, kardiovaskular, urinari, respiratori, endokrin, penghadaman, sistem saraf, salivari, limfatik dan densitometri tulang. Selain itu, pemeriksaan in-vitro seperti Glomerulus Filtration Rate (GFR) dan Blood Volume juga ditawarkan. Perkhidmatan terapeutik pula meliputi Terapi Radioiodin-131 untuk rawatan tirotoksikosis dan kanser tiroid. Selari dengan keperluan semasa, Perubatan Nuklear juga menyediakan perkhidmatan pemeriksaan menggunakan mesin SPECT CT.

Jumlah Kehadiran Pesakit ke Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan

Jenis Pemeriksaan	2013	2014	Perbezaan (%)
Angiogram	1,811	2,784	34.95
General Radiography	124,973	147,498	15.27
CT Scan	20,191	20,334	0.70
Fluoroscopy	948	879	-7.85
Mammogram	4,106	3,967	-3.50
Magnetic Resonance Imaging	6,811	5,493	-23.99
Nuclear Medicine	4,856	4,173	-16.37
Ultrasound	19,921	20,579	3.20
Jumlah	**183,617**	**205,707**	**10.74**

Pada tahun 2014, bilangan pesakit yang mendapatkan perkhidmatan di jabatan ini telah menunjukkan perbezaan peningkatan sebanyak 10.74% iaitu seramai 205,707 orang berbanding 183,617 orang pesakit pada tahun 2013.

Pembelian Peralatan Baru

- Full Field Digital Mammography System With Digital Tomosynthesis
  Jenis Model : Hologic
  Nilai Pembelian : RM2,315,000.00
  Fungsi Peralatan
  - Pembelian mesin Digital Breast Tomosynthesis (DBT) spesifikasi penuh yang pertama di Malaysia dapat menghasilkan imej tisu payudara dalam 3 Dimensi yang lebih jelas untuk mengesan kanser payudara.

Kesan penggunaan peralatan kepada perawatan pesakit

- Mesin yang sedia sebelum ini menggunakan imej 2 Dimensi. Oleh itu, terdapat struktur tisu payudara yang bertindihan dan boleh mengakibatkan kesilapan dalam pendiagnosan pesakit. Laporan yang lebih tepat boleh diperolehi dan pesakit dapat dirawat dengan lebih cepat. Ini juga boleh mengurangkan kadar panggilan bagi pemeriksaan biopsi dan sekaligus dapat mengurangkan kos kepada pesakit dengan membuat pemeriksaan berulang kali.



▶ Computed Tomography (CT) Scanner
Jenis Model : Philips Ingenuity Core 128
Nilai Pembelian : RM3,939,075.00
Fungsi Peralatan

- Peralatan ini digunakan bagi pengimejan computed tomography bagi mengenal pasti keabnormalan organ dalaman manusia. Mesin ini menawarkan jangka masa pengimejan yang lebih laju, imej yang lebih jelas dan berkualiti tinggi.

Kesan penggunaan peralatan kepada perawatan pesakit

- Mesin ini ditempatkan di Unit Radiologi, Jabatan Perubatan Kecemasan. Oleh yang demikian, pesakit yang memerlukan pemeriksaan CT Scan segera boleh dilakukan dengan lebih cepat. Sehubungan dengan itu, rawatan ke atas pesakit kecemasan boleh dilakukan dengan segera bagi menyelamatkan nyawa pesakit.



▶ Digital Radiography System
Jenis Model : Samsung XGEO GC80 Digital Radiography
Nilai Pembelian/Perolehan : RM1,117,000.00
Fungsi Peralatan

- Pembelian mesin Digital Radiografi model Samsung yang pertama (1) di Malaysia mempunyai ciri-ciri user friendly yang cekap seperti soft touch berautomasi penuh dengan penggunaan remote control. Sistem ini juga berupaya meningkatkan keselamatan pesakit dan reliabiliti pendiagnosan dengan penghasilan imej beresolusi tinggi dengan dos yang rendah.

Kesan penggunaan peralatan kepada perawatan pesakit

- Mesin ini ditempatkan di Unit Radiologi, Jabatan Perubatan Kecemasan. Oleh yang demikian, pesakit yang memerlukan pemeriksaan Radiografi Am segera boleh dilakukan dengan lebih cepat. Sehubungan dengan itu, rawatan ke atas pesakit kecemasan boleh dilakukan dengan segera bagi menyelamatkan nyawa pesakit.



▶ Dual-energy X-ray Absorptiometry
Jenis Model : GE Healthcare
Nilai Pembelian : RM588,000.00
Fungsi Peralatan

- Berdasarkan kepada laporan "Pencegahan dan Pengurusan Osteoporosis" daripada World Health Organization (WHO) peralatan ini dianggap teknik yang paling maju dan paling teliti dalam menilai ketumpatan mineral tulang. Ia dapat membantu mendiagnosis osteoporosis, meramalkan patah dan memantau tindak balas kepada rawatan.

Kesan penggunaan peralatan kepada perawatan pesakit

- Mesin ini dapat mengukur ketumpatan mineral tulang pesakit. Tanpa ukuran ketumpatan mineral tulang pesakit ini, rawatan Osteoporosis tidak boleh dijalankan ke atas pesakit. Mesin ini juga berupaya mengukur risiko patah tulang dan pesakit boleh dinasihati untuk berhati-hati bagi mengelakkan risiko tulang patah. Penggunaan radiasi rendah kepada pesakit.



▶ High End Ultrasound System With Shear Wave Elastography
Jenis Model : Philips Epiq 7G Ultrasound
Nilai Pembelian : RM498,000.00
Fungsi Peralatan

- Peralatan ultrasound dengan fungsi shearwave elastography dapat melakukan pemeriksaan dengan lebih cepat, mudah dan non-invasive dalam memberi diagnosis tentang liver stiffness. Ia juga boleh digunakan untuk melakukan pemeriksaan ultrasound bagi semua organ badan dan menghasilkan imej yang lebih berkualiti.

Kesan penggunaan peralatan kepada perawatan pesakit

- Mesin ini dapat mengukur ketumpatan mineral tulang pesakit. Tanpa ukuran ketumpatan mineral tulang pesakit ini, rawatan Osteoporosis tidak boleh dijalankan ke atas pesakit. Mesin ini juga berupaya mengukur risiko patah tulang dan pesakit boleh dinasihati untuk berhati-hati bagi mengelakkan risiko tulang patah. Penggunaan radiasi rendah kepada pesakit.



AKTIVITI JABATAN

Majlis Perasmian Mesin Mammografi Tomosintesis telah diadakan pada 14 Ogos 2014 di Hotel Hilton, Petaling Jaya dengan kerjasama daripada Syarikat Technology Medical Associates. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah PPUM, Prof. Dr. Ikram Shah bin Ismail.



RANCANGAN MASA HADAPAN JABATAN

- Meneruskan usaha memperbaiki sistem pengurusan bagi menjamin sistem kerja di Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan berjalan dengan lancar, efektif dan menepati piagam pelanggan yang sedia ada.
- Jabatan akan menawarkan perkhidmatan baru kepada pesakit seperti PET-CT, EOS dan fungsional MRI yang lebih canggih.
- Mengkaji semula kos mikro perkhidmatan agar selari dengan caj yang dikenakan ke atas pesakit.
- Mewujudkan laman web sebagai langkah menyalurkan maklumat kepada orang awam mengenai perkhidmatan yang ditawarkan di Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan.
- Berkerjasama dengan pihak Jabatan Teknologi Maklumat supaya sistem EMR dapat digunakan sepenuhnya.
- Menawarkan semula pakar radiologi yang telah bersara untuk berkhidmat sebagai Pakar Pelawat Klinikal.

MASALAH YANG DIHADAPI OLEH JABATAN

- Tiada ruang untuk menempatkan mesin Portable.
- Permohonan pesakit bukan sahaja datang dari PPUM tetapi juga dari hospital swasta yang mana setiap pesakit mahukan pemeriksaan kadar segera.
- Sistem EMR masih tidak berjalan sepenuhnya kerana sebilangan permintaan pemeriksaan pengimejan dari wad masih menggunakan borang permintaan pemeriksaan pengimejan.
- Maklumat di dalam borang permintaan pemeriksaan pengimejan yang dicetak menerusi sistem EMR tidak dapat dilihat sepenuhnya menerusi sistem GE RIS/PACS semasa Pembantu Tadbir (P/O) membuat pendaftaran di kaunter. Oleh yang demikian, hal ini telah menyebabkan staf di kaunter akan memasukkan semula maklumat secara manual.
- Tempoh janji temu yang lama bagi pemeriksaan MRI dan Mammografi.
- Perkhidmatan Pengimejan Bio-Perubatan berada di beberapa lokasi yang berjauhan dan kurang strategik.
- Kekurangan Pakar Radiologi untuk menyediakan laporan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

JABATAN PERUBATAN KECEMASAN

Jabatan Perubatan Kecemasan memberi perkhidmatan kecemasan kepada pesakit berdasarkan kriteria penyaringan (triage) dengan pendekatan komprehensif, serta pelbagai disiplin 24 jam sehari dengan menitikberatkan kerja kumpulan di dalam pengurusan pesakit kecemasan.

Perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan adalah:

- Perkhidmatan Pra Hospital merupakan perkhidmatan rawatan kecemasan yang diberikan kepada pesakit di luar PPUM oleh satu pasukan perubatan yang terdiri daripada seorang Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pemandu melalui ambulans. Perkhidmatan ambulans juga menerima panggillan untuk kes bersalin yang akan dihadiri bersaam oleh seorang Pegawai Perubatan dengan pasukan perubatan.

- Perkhidmatan Rawatan Kecemasan merangkumi beberapa proses iaitu:

    - Proses Penyaringan (Triage) di mana pesakit disaring keadaan penyakit yang dihadapi dan diberikan keutamaan. Proses penyaringan dibahagikan kepada 2 iaitu Penyaringan Prima dan Penyaringan Sekunder.
    - Dewan Resusitasi merupakan kawasan di mana semua pesakit Kritikal (Triage 1) dirawat di mana resusitasi dilakukan dan pesakit distabilkan serta rawatan menyelamatkan nyawa diberikan.
    - Dewan Rawatah Akut merupakan kawasan di mana pesakit separa kritikal, Asma dan pesakit troli diberi rawatan.
    - Dewan Konsultasi merupakan kawasan rawatan untuk kes kecemasan diberikan rawatan.
    - Kecemasan Pediatrik merupakan kawasan rawatan untuk kanak kanak yang berumur di bawah 12 tahun.
    - Wad Trauma berfungsi sebagai sebuah wad untuk pemerhatian, rawatan lanjutan dan penyiasatan selama 24 jam sebelum pesakit dimasukkan kewad atau dibenarkan balik. Penjagaan pesakit sebelum dan selepas pembedahan untuk pesakit transit yang menunggu untuk kemasukan ke wad sebenar.

- Dewan Bedah Trauma berfungsi untuk pembedahan kecemasan serta endoskopi kecemasan dan berfungsi 24 jam sehari.

- One Stop Crisis Centre (OSCC)

Pusat ini mengkoordinasi dengan jabatan atau agensi yang lain bagi pengurusan kes rogol, penderaan kanak-kanak serta pergaduhan rumah tangga.

Kehadiran Pesakit di Jabatan Perubatan Kecemasan

Kategori Pesakit	2013	2014	Perbezaan %
Dewasa	88,368	95,059	7.57
Pediatrik	20,462	22,812	11.84
Jumlah	**108,830**	**117,871**	**8.3**

Jumlah pesakit keseluruhan yang menerima rawatan di Jabatan Perubatan Kecemasan telah meningkat 8.3% berbanding tahun sebelumnya.

Jumlah Kemasukan Pesakit ke Wad

2013	2014	Perbezaan %
25,931	31,397	21.07

Jabatan Perubatan Kecemasan juga merekodkan peningkatan yang amat ketara pada tahun 2014 untuk kemasukan ke wad iaitu peningkatan sebanyak 21.07% berbanding tahun sebelumnya.

Jumlah Panggilan Ambulan

2013	2014	Perbezaan %
6,506	7,012	7.77%

Perkhidmatan Pra Hospital juga menunjukkan peningkatan sebanyak 7.77% pada 2014 berbanding tahun sebelumnya.

Pembelian Peralatan

▶ Ambulans (4 buah ambulans type A dan 3 buah ambulans type B)
Jenis model : Toyota Super long wheel base
Fungsi peralatan : Perkhidmatan Pra Hospital

Kesan penggunaan peralatan kepada perawatan pesakit
- Membantu di dalam proses rawatan pesakit di Pra Hospital dan bencana, pemindahan pesakit inter dan intra hospital, dan perkhidmatan 'standby'.



▶ Defibrillator (1 unit)
Jenis model : Lifepack 20E
Fungsi peralatan
- Patient Monitor jenis Philips ini digunakan untuk pemerhatian dan rawatan kecemasan pesakit dengan masalah cardiac.

Kesan penggunaan peralatan kepada perawatan pesakit
- Membantu didalam proses pemerhatian berterusan dan perawatan pesakit terutamanya pesakit yang tidak stabil.



- Mesin ECG (2 unit)
  Jenis model : Philips Page Writer Tc20
  Nilai pembelian : RM38,800.00
  Fungsi peralatan
  - Patient Monitor jenis Philips ini digunakan untuk pemeriksaan jantung iaitu Electrocardio Graph untuk memastikan masalah yang dihadapi pesakit.

  Kesan penggunaan peralatan kepada perawatan pesakit
  - Membantu di dalam mengenalpasti masalah jantung yang dihadapi supaya rawatan definatif dapat ditentukan.



- Infussion pump (5 unit)
  Jenis model : Terumo
  Nilai pembelian : RM17,750.00
  Fungsi peralatan
  - Untuk memberi infusi ubat ubatan dan cecair IV dengan tepat

  Kesan penggunaan peralatan kepada perawatan pesakit
  - Memberi rawatan dan ubat ubatan secara spesifik dan tepat



- Wall Diagnostic System (6 Set)
  Jenis model : Welch Allyn
  Nilai pembelian : RM21,450.00
  Fungsi peralatan : Untuk pemeriksaan mata dan telinga
  Kesan penggunaan peralatan kepada perawatan pesakit
  - Mengesan perdarahan dan keabnormalan di mata dan telinga



RANCANGAN MASA HADAPAN

Jabatan Perubatan Kecemasan merancang untuk menubuhkan Unit Perkhidmatan Pra Hospital iaitu terdiri daripada Ambulans PPUM dan Helikopter Ambulans. Jabatan Perubatan Kecemasan sedang dalam peroses perbincangan awal dengan agensi-agensi berkaitan untuk merealisasikan perancangan ini.

MASALAH YANG DIHADAPI OLEH JABATAN

- Ketiadaan Bilik Isolasi untuk pesakit Pulmonary Tuberculosis menyebabkan staf dan pesakit lain terdedah kepada jangkitan. Ini disebabkan oleh masalah pesakit Pulmonary Tuberculosis tidak dapat dihantar ke wad berikutan masalah katil dan tinggal lama di Jabatan Perubatan Kecemasan.

- Masalah keselamatan staf dan pesakit lain yang tidak terjaga dengan kehadiran ahli keluarga pesakit yang tidak terkawal walaupun dengan kehadiran Pengawal Keselamatan.

- Bilik dekontaminasi yang tidak mengikut spesifikasi yang betul serta sempit di mana resusitasi tidak dapat dilakukan.

JABATAN PERUBATAN PEMULIHAN

Fungsi dan peranan jabatan ini ialah menyediakan khidmat rawatan klinikal Perubatan Pemulihan secara komprehensif dan holistik. Selain itu juga, ia menjadi tapak pengajaran bagi pelbagai bidang perubatan dan kesihatan sekutu yang berkaitan dengan Perubatan Pemulihan. Jabatan ini berperanan menjadi nadi projek penyelidikan dan perkembangan dalam bidang Perubatan Pemulihan.

Jabatan Perubatan Pemulihan terdiri dari enam (6) bahagian perkhidmatan secara keseluruhan. Lima (5) bahagian berada di bawah pentadbiran jabatan secara keseluruhan iaitu Pemulihan Cara Kerja, Pemulihan Anggota, Pemulihan Pertuturan, Bengkel Prostetik & Ortotik dan Bengkel Kerusi Roda. Selain itu, satu bahagian berada di bawah pentadbiran bersama Ambulatori iaitu perkhidmatan Perubatan Pemulihan Klinikal: Pesakit Dalam (Wad Pemulihan) dan Pesakit Luar (Klinik Pemulihan & Klinik Penjagaan Kaki Diabetes) disediakan oleh Perubatan Pemulihan bagi menyokong kelima-lima bahagian perkhidmatan yang pertama.

Jabatan Perubatan Pemulihan mula beroperasi di Bangunan Menara Selatan pada 3 Disember 2012 dan kesemua perkhidmatan pemulihan telah ditempatkan di dalam sebuah bangunan. Pada 5 Disember 2013 perkhidmatan Pemulihan Pertuturan telah bertukar lokasi iaitu dari aras 1 ke aras 7 Menara Selatan. Selain itu, perkhidmatan pesakit dalam iaitu Wad Pemulihan atau dikenali Wad 9S telah mula beroperasi sepenuhnya di aras 9, Menara Selatan bermula pada 18 Mei 2013. Wad tersebut menyediakan 44 buah katil dan 3 buah bilik pesakit kecederaan kepala (traumatic Brain Injuiry). Klinik Pemulihan juga menyediakan perkhidmatan konsultasi dan rawatan lima hari seminggu kepada pesakit dalam pelbagai bidang pengkhususan.

Berikut adalah lokasi perkhidmatan-perkhidmatan pemulihan yang disediakan di Menara Selatan:

Kehadiran Pesakit di Jabatan Perubatan Kecemasan

Bil.	Perkhidmatan	Lokasi Baru
1.	Pemulihan Anggota Physiotherapy	Aras 11 & Aras Tanah (Hydropool, Sauna, Spa) Menara Selatan
2.	Pemulihan Carakerja Occupational Therapy	Aras 10 Menara Selatan
3.	Pemulihan Pertuturan Speech Therapy	Aras 7 Menara Selatan
4.	Bengkel Prostetik & Ortotik Prosthetic & Orthotic Workshop	Aras Tanah (G) Menara Selatan
5.	Bengkel Kerusi Roda Wheelchair Workshop	Aras Tanah (G) Menara Selatan
6.	Kaunter Pemulihan Rehabilitation Counter	Aras 1 Menara Selatan
7.	Pejabat Pemulihan - Pentadbiran Administration Office	Aras 12 Menara Selatan
Pesakit Dalam		
8.	Wad 9S - Pemulihan	Aras 9 Menara Selatan
Pesakit Luar		
9.	Klinik Pemulihan Rehabilitation Clinics	Aras 1 Menara Selatan
10.	Klinik Penjagaan Kaki Diabetes Diabetic Foot Care Clinic	Aras 1 Menara Selatan

Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan;

▶ Pemulihan Cara Kerja

Pemulihan Cara Kerja atau lebih dikenali dengan nama Occupational Therapy adalah satu profesion kesihatan yang memberi fokus kepada penghakupayaan individu dalam merawat kecederaan, penyakit, kecacatan dan keuzuran bagi mencapai kehidupan produktif, berdikari dan bermakna. Rawatan adalah berbentuk modaliti adjunktif, aktiviti terapeutik, sensori integrasi dan rundingcara pemantauan dan pencegahan. Tiga (3) aspek yang mengimbangi kehidupan manusia menjadi teras pemulihan cara kerja untuk dicapai oleh pesakit:

- Berdikari dalam aktiviti kehidupan harian (ADL)
- Menyumbang kepada produktiviti (Work)
- Melaksanakan dan mempelbagai aktiviti riadah (Leisure)

Perkhidmatan khusus

- Pemulihan Neuro-medikal
- Pemulihan Neuro-surgikal
- Pemulihan Tangan & Anggota Atas
- Pemulihan Kecederaan Spinal
- Pemulihan Luka Terbakar
- Pemulihan Pediatrik
- Pemulihan Geriatrik
- Pemulihan Amputasi
- Pemulihan Penempatan Pekerjaan
- Pemulihan Psikososial Kanak-kanak & Remaja
- Pemulihan Psikososial Dewasa
- Bengkel Latihan dan Pemulihan Pekerja (Psikiatri)
- Penilaian Pra Pemandu
- Pemulihan Kardiak
- 'Wheelchair Seating & Positioning'
- Pemulihan Limfadema
- Pemulihan Kesakitan
- Occupational Therapy in Foot Care

Perkhidmatan Pemulihan Am

- Pemulihan Rheumatologi
- Pemulihan Medikal Am
- Pemulihan Surgikal Am
- Pemulihan Ortopedik Am
- Pemulihan Psikososial Akut
- Pemulihan Penggantian Sendi
- Pemulihan Penjagaan Kaki Diabetik

▶ Pemulihan Anggota

Pemulihan Anggota atau lebih dikenali dengan nama Fisioterapi adalah satu profesion dalam bidang sains perubatan kesihatan di mana fokusnya adalah untuk memelihara & memulihkan gerak & fungsi tubuh bagi mencapai potensi pesakit ke tahap maksimum. Kaedah rawatan fisioterapi untuk mengendalikan atau untuk menyelesaikan gejala atau masalah yang dihadapi oleh pesakit ialah melalui tiga (3) unsur utama iaitu pergerakan /senaman terapeutik, terapi manual dan aplikasi agen/modaliti elektrofizikal iaitu cahaya, sinar, haba, air, elektrik dan sebagainya. Matlamat rawatan fisioterapi ialah untuk mengembalikan pergerakan badan pesakit kepada tahap normal dan memulihkan fungsi

badan supaya mereka dapat hidup berdikari dan mewujudkan gaya hidup sihat dikalangan masyarakat.

Perkhidmatan Khusus

- Perkhidmatan Pemulihan Anggota Atas
- Perkhidmatan Pemulihan Neuro-Medikal
- Perkhidmatan Pemulihan Neuro-Surgikal
- Perkhidmatan Pemulihan Neuro-Pediatrik
- Perkhidmatan Pemulihan Spinal
- Perkhidmatan Pemulihan Kesakitan Akut dan Kronik
- Perkhidmatan Pemulihan Amputi
- Perkhidmatan Pemulihan Kesukanan
- Perkhidmatan Pemulihan Geriatrik
- Perkhidmatan Pemulihan Terapi Elektrofizikal
- Perkhidmatan Pemulihan Kesihatan Lelaki dan Wanita
- Perkhidmatan Pemulihan Kardiak
- Perkhidmatan Pemulihan Pulmonari
- Perkhidmatan Pemulihan Vestibular
- Perkhidmatan Pemulihan Limfedema
- Perkhidmatan Pemulihan Muskuloskeletal
- Perkhidmatan Hidroterapi
- Perkhidmatan Penjagaan Intensif
- Perkhidmatan Pemulihan Luka Terbakar
- Perklhidmatan Pemulihan Paliatif
- Lawatan dan Penilaian di Rumah, Sekolah dan Tempat Kerja
- Pendidikan dan Pengajaran kepada Pesakit dan Penjaga

▶ Pemulihan Pertuturan

Perkhidmatan yang disediakan untuk pesakit luar dan pesakit dalam:

- Penilaian dan pengendalian kecelaruan bahasa, pertuturan dan komunikasi perolehan (Assessment and management of acquired speech, language and communication disorders)
- Penilaian dan pengendalian kecelaruan penelanan (Assessment and management of swallowing disorders)
- Fiberoptic Endoscopic Evaluation of Swallowing (FEES)

▶ Bengkel Prostetik & Ortotik

Perkhidmatan yang disediakan:

- Perkhidmatan utama Bengkel Teknik ialah membuat alat Prostetik dan Ortotik.
- Tempat pembelajaran pelajar Sarjana/Ijazah Perubatan dan pelajar Kejururawatan.
- Khidmat nasihat pesakit berkaitan alat Prostetik dan Ortotik.
- Khidmat penyelidikan dan pembangunan.
- Khidmat latihan dan pembelajaran.

▶ Bengkel Kerusi Roda

Perkhidmatan yang disediakan:

- Pembuatan kerusi roda sukan.
- Pengubahsuaian kerusi roda pesakit.
- Penyelengaraan kerusi roda PPUM dan pesakit.
- Pengubahsuaian kerusi roda (Seating).
- Pembelajaran kerusi roda.

▶ Perkhidmatan Klinikal

Perkhidmatan yang disediakan:

- Pemulihan kes-kes Neurosurgical
- Pemulihan kes-kes Neuromedikal
- Pemulihan Spinal cord injury
- Pemulihan Kardiak
- Pemulihan Kanak-kanak
- Pemulihan Amputi
- Pemulihan Musculoskeletal
- Perkhidmatan Intervensi – acupuncture, spasticity injections, needling
- Pemulihan Sakit kronik
- Pemulihan General

Statistik Mengikut Kategori Pesakit Luar & Pesakit Dalam

Bahagian/Unit	Pesakit Luar			Pesakit Dalam		
	Bilangan Pesakit	Bilangan Kehadiran	Bilangan Rawatan (Unit)*	Bilangan Pesakit	Bilangan Lawatan	Bilangan Rawatan (Unit)*
Pemulihan Cara Kerja*	17,277	33,659	107,250	6,092	18,733	47,562
Pemulihan Anggota*	27,613	52,635	114,472	22,596	77,342	98,718
Pemulihan Pertuturan*	311	1,221	2,442	1,744	2,811	4,768
Bengkel Prostetik & Ortotik	928	2,821	-	160	281	-
Bengkel Kerusi Roda	167	334	-	-	-	-
Jumlah	**46,296**	**90,670**	**224,164**	**30,592**	**99,167**	**151,048**

**1 sesi= 30 minit rawatan*

Statistik Perbandingan Bilangan Kehadiran/Lawatan Pesakit Di Jabatan Perubatan Pemulihan

Bahagian/Unit	Pesakit Luar			Pesakit Dalam		
	2013	2014	Perbezaan %	2013	2014	Perbezaan %
Pemulihan Carakerja	25,778	33,659	30.6	12,347	18,733	51.7
Pemulihan Anggota	35,850	52,635	46.8	66,095	77,342	17.0
Pemulihan Pertuturan	863	1,221	41.5	1,380	2,811	103.7
Bengkel Prostetik & Ortotik	1,676	2,821	-	168	281	67.3
Bengkel Kerusi Roda	474	334	-	-	-	-
Jumlah	**64,641**	**90,670**	**40.3**	**79,990**	**99,167**	**24**

Pada tahun 2014 bilangan pesakit (luar dan dalam) di Jabatan Perubatan Pemulihan adalah seramai 76,888 orang. Bilangan kehadiran pesakit luar bertambah sebanyak 40.3% dari tahun 2013. Manakala, lawatan untuk pesakit dalam pula meningkat 24% pada tahun 2014. Bilangan rawatan yang diberikan kepada pesakit luar dan pesakit dalam sepanjang tahun 2014 adalah sebanyak 375,212 unit, terdapat peningkatan sebanyak 29.1% daripada Jumlah unit pada tahun 2013. Jumlah keseluruhan kehadiran pesakit luar dan lawatan pesakit dalam pada tahun 2014 adalah seramai 189,837 orang iaitu 31.3% peningkatan dari tahun 2013.

Lawatan Ke Rumah Pesakit / Tempat Kerja / Sekolah 2014 (Khusus Untuk Bahagian Pemulihan Cara Kerja)
Home / Worksite / School Visit (Mainly For Occupational Therapy)

Pesakit Luar			Pesakit Dalam		
Jenis Lawatan	**Bilangan Pesakit**	Bilangan Lawatan	Jenis Lawatan	Bilangan Pesakit	Bilangan Lawatan
Lawatan Rumah Pesakit / Home Visit	402	428	Lawatan Rumah Pesakit / Home Visit	46	46
Lawatan Tempat Kerja / Worksite Visit	1	1	Lawatan Tempat Kerja / Worksite Visit	0	0
Lawatan Sekolah / School Visit	8	8	Lawatan Sekolah / School Visit	**1**	**1**

Peralatan Dibekalkan Oleh Jurupulih Perubatan Cara Kerja
Equipments Supplied By Occupational Therapist

Pesakit Luar			Pesakit Dalam		
Jenis Peralatan	**Bilangan Pesakit**	**Bilangan Lawatan**	**Jenis Peralatan**	**Bilangan Pesakit**	**Bilangan Lawatan**
Splint / Orthosis	673	763	Splint / Orthosis	327	388
Pakaian Tekanan / Pressure Garment	274	484	Pakaian Tekanan / Pressure Garment	50	107
Alat Bantuan Adatpasi / Aids & Adaptation	12	13	Alat Batuan Adatpasi / Aids & Adaptation	32	86

Kehadiran Pesakit di Jabatan Perubatan Kecemasan

	2013	2014	Perbezaan %
Bilangan sesi FEES	52	53	2%

Pembelian Peralatan Baru

▶ Pressure Mapping - Mattress System




Fungsi Peralatan:

- Sebagai medium penilaian yang boleh menghasilkan laporan berkenaan keupayaan keseimbangan individu baring dan bagi mengetahui Jumlah tekanan yang sesuai untuk pesakit dalam posisi baring.
- Medium penilaian yang standard berdasarkan format yang telah disediakan.

Kesan/Impak Penggunaan Peralatan Kepada Perawatan Pesakit:

- Laporan berkaitan isu fizikal berkaitan Jumlah tekanan yang sesuai akan lebih mudah dihasilkan
- Pesakit dapat mengenalpasti bahagian mana yang senang mendapat kudis tekanan dan mereka boleh mengambil langkah berjaga-jaga.
- Pesakit dapat mengetahui Jumlah tekanan yang sesuai ketika mereka tidur bagi mengurangkan risiko mendapat kudis tekanan.

▶ Advanced Robotic Gait Rehabilitation System



Jenis Model: GEO, Reha Technology

Fungsi Peralatan:

- Terapi lokomotor dengan sokongan automatik untuk meningkatkan mutu pergerakan pesakit ketika berjalan, khususnya pada pesakit neurologi atau yang mempunyai kecederaan anggota badan. Peralatan ini membolehkan pesakit berlatih sebahagian atau seluruh pola berjalan serta memberi maklum balas tentang pergerakan pesakit.

Kesan/Impak Penggunaan Peralatan Kepada PerawatanPesakit:

- Meningkatkan kualiti lokomotor serta keseimbangan pesakit ketika berjalan serta merekod, mengukur pola berjalan serta memberi maklumbalas kepada pesakit dan ahli terapis tentang keupayaan pesakit.

Pembelian Peralatan Baru

▶ Resistance Fitness Simulator for Sport and Upper/Lower Extremity Rehabilitation System



Jenis Model: BTE Technology model PRIMUS RS

Fungsi Peralatan :

- Peralatan terapi fizikal serbaguna yang tidak hanya berfungsi untuk menguji pelbagai-sendi,tetapi juga menyediakan terapi pemulihan ortopedik, pendidikan semula sistem saraf, serta latihan sukan dan olahraga muskuloskeletal untuk anggota tangan/kaki dan otot teras

Kesan/Impak Penggunaan Peralatan Kepada PerawatanPesakit:

- Menilai, memulih dan merekod kemajuan pesakit dengan penggunaan sistem isotonik, isometrik, isokinetik, dan mod rintangan CPM.

▶ Functional Electrical Stimulator Cycle, FES leg and arm cycle



Jenis Model: RT 300

Fungsi Peralatan:

- Fungsi terapi Stimulasi Elektrik (FES) adalah teknik terapi pemulihan di mana arus elektrik digunakan untuk memberi stimulasi kepada otot yang lumpuh atau lemah.

Kesan/Impak Penggunaan Peralatan Kepada Perawatan Pesakit:

- FES digunakan untuk merangsang sistem saraf dan membangkitkan pergerakan kaki atau lengan secara sistematik. Stimulasi yang diberi oleh FES akan membolehkan otot pesakit untuk bergerak dan bersenam, walaupun pesakit telah hilang sebahagian atau sepenuh keupayaan untuk menggerakkan otot kaki/tangan. FES juga membenarkan pesakit untuk melatih dan menguatkan otot teras yang penting untuk pelbagai pergerakan seharian seperti mengekalkan keseimbangan badan.

AKTIVITI KUALITI

▶ Projek Pasukan Penambahbaikan Kualiti (QIT)

Berikut adalah senarai 3 projek QIT yang telah dijalankan oleh Jabatan Perubatan Pemulihan pada tahun 2014:

- Template Fleksibel Meningkatkan Mutu Rawatan di Bahagian Pemulihan Carakerja telah mendapat tempat ke-3 peringkat PPUM pada 15.10.2014

- Penjimatan Masa Dalam Pengambilan Pesakit Wad di Bahagian Pemulihan Carakerja. Projek masih di peringkat pengumpulan data fasa sustainable dan dijangka selesai Mac 2015.

- Penambahbaikan Prosedur Janji Temu Melancarkan Perkhidmatan Pesakit Luar Am Bahagian Fisioterapi. Projek masih belum selesai dan dijangka selesai pertengahan tahun 2015.

▶ Quality Improvement Analysis (QIA)

- Susulan daripada survey MSQH berkaitan isu simptom sakit belakang, pasukan QIA telah mengambil tindakan iaitu melakukan pengumpulan data sakit belakang bagi setiap staf Jabatan Perubatan Pemulihan. Memantau susulan selepas mengenalpasti staf sakit belakang dan maklumat berkaitan penjagaan tulang belakang dimaklumkan melalui sesi CPD telah dijalankan di setiap bahagian masing-masing serta CPD tambahan di peringkat Jabatan Perubatan Pemulihan telah dijalankan.

- Satu lagi kaji selidik penggunaan Personal Protective Equipment (PPE) telah dilakukan pada 18 Mac – 4 April 2014 bagi tujuan mengetahui tahap pengetahuan staf Jabatan Perubatan Pemulihan di dalam penggunaan PPE.

▶ Roor Cause Analysis (RCA)

- Jabatan Perubatan Pemulihan telah mewujudkan Kumpulan RCA peringkat jabatan pada Jun 2014 yang bertanggungjawab mengumpulkan data-data insiden yang menyebabkan kecederaan dan seumpamanya yang berlaku berhampiran atau di dalam kawasan Jabatan Perubatan Pemulihan.

  Sebanyak 2 kes telah diselesaikan iaitu insiden kebakaran tisu selepas rawatan haba (4.3.2014) dan kelecuran kulit di bahu kanan selepas rawatan Interferential (7.8.2014) di mana kedua-dua insiden berlaku di Bahagian Perubatan Pemulihan Anggota. Terdapat tiga (3) kes jatuh yang dilaporkan pada tahun 2014 dan sedang disiasat oleh Kumpulan RCA ini.

AKTIVITI JABATAN

▶ Sambutan Hari Fisioterapi Sedunia anjuran Bhg.Pemulihan Anggota,JPP.

Tarikh : 12 September 2014
Tempat : Dataran Siti Khadijah,PPUM



▶ World Stroke Day

Tarikh : 28 Oktober 2014
Tempat : Bilik Conference 3, Tingkat 13, Menara Selatan





▶ Perasmian Therapeutic Sensory Stimulation Garden (TSSG)

Tarikh : 27 Oktober 2014
Tempat : Aras 6, Menara Selatan





▶ International Day of People with Disability





▶ Sambutan Hari Pemulihan Cara Kerja Sedunia

Tarikh : 27 Oktober 2014
Tempat : Ruang Konkos, Menara Utama





Stop Pressure Ulcer Day

Tarikh : 29 Disember 2014
Tempat : Ruang Konkos, Menara Utama





Aktiviti "outing" Pesakit Spinal, Bahagian Pemulihan Cara Kerja

Tarikh : 30 Oktober 2014
Tempat : GSC One Utama





Sambutan Parti Kumpulan Geriatrik

Tarikh : 13 Nov 2014
Tempat : Bilik Serbaguna, Tingkat 10, Menara Selatan





▶ Kursus/Persidangan yang dihadiri/dianjurkan

- Dua penganjuran kursus telah dianjurkan oleh Bahagian Pemulihan Cara Kerja iaitu Kursus “” pada di bilik Konferen 3,tingkat 13, Menara Selatan dan kursus “ Terapi Sensori di kalangan pesakit Neuro kanak-kanak” yang telah diadakan pada 28-29 Nov 2014 bertempat di bilik Konferen 3, tingkat 13, Menara Selatan.

Kehadiran Pesakit di Jabatan Perubatan Kecemasan

Bil.	Kursus	Tarikh
1.	Extracorporeal Shockwave Therapy – Clinical Results, Technologies, Basics	23 Januari 2014
2.	TaklimatdanPenerangan Penggunaan Peralatan PPE	18 Februari 2014
3.	Functional Electrical Stimulation	15 Mei 2014
4.	Pressure Mapping System	21 Julai 2014
5.	RohoSoflex Mattress	07 Ogos 2014
6.	Occupational Therapy In Sensory Managemet	24 Jun 2014 - 25 Jun 2014
7.	SCI Rehabilitation Workshop	18 Mei 2014 - 20 Mei 2014

Senarai Ceramah Yang Telah Diberikan Oleh Staf Bahagian Pemulihan Perubatan Cara Kerja

Bil.	Tajuk	Tarikh	Tempat	Nama Staf
1	i) The Role Of Occupational Therapists In Promoting The Profession In Clinical Area - Are We Doing It Right	26 Ogos 2014 - 27 Ogos 2014	Perdana Universiti	Soh Say Beng
2	Peranan Jurupulih Carakerja dalam Pemulihan Kardiak Dalam Bengkel Pembantu Perawatan Kesihatan	29 Sept 2014	PPUM	Fauziah Baharuddin
3	Aplikasi Rawatan ND	28 Nov 2014	PPUM	Nor Atikah Mustafa
4	Practical Parenting in Behavioral Management	25 Jun 2014	PPUM	Norfarawahida Alias
5	i) Seminar Geriatrik (Ways to eat) ii) Bengkel Geriatrik (Ways to eat)	27 Ogos 2014 11 Sept 2014	PPUM	Norfazilah Mohammad Khannas
6	Role of Occupational Therapy in Spinal Cord Injury Rehabilitation	04 Dis 2014	PPUM	Mohammad Najid Mahamed Jarif
7	i) Burn and Plastic Seminar ii) Rehabilitation in patient with Athritis	15 Mei 2014 16 Mei 2014	PPUM	Lili Hasrina Mohd Khazri
8	Joint protection technique	18 Feb 2014	PPUM	Nor Farihan Ishak
9	Occupational Therapy: Play with Pediatric Patient	21 Okt 2014	Auditorium, HKL	Norsilawati Mohd Nor
10	i) Occupational Therapy in Leisure ii) Update in Splinting iii) Occupational Therapy Management In Amputee Rehabilitation	21 Okt 2014 20 Sept 2014 - 21 Sept 2014 17 Okt. 2014	Auditorium, HKL Hospital umum Sarawak Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang	Ruzina Baharuddin
11	Update in Splinting	20 Sept 2014 - 21 Sept 2014	Hospital umum Sarawak	Faridah Mohamed Ramli
12	i) 4th University Malaya Limb Deformity Correction Course ii) Taklimat Rehabilitasi Kedua Peringkat Negeri Sarawak iii) Philippine Orthopaedic Association Annual Convention	22 April 2014 28 Ogos 2014 - 29 Ogos 2014 29 Sept 2014	Hotel Saujana Kuala Lumpur Kompleks Belia & Sukan, Kuching, Sarawak Hotel Radisson Blu, Cebu City Philippines	Abd. Malik Mat Said

Senarai Ceramah Yang Telah Diberikan Oleh Staf Bahagian Pemulihan Perubatan Anggota

Bil.	Tajuk	Tarikh	Tempat	Nama Staf
1	Antenatal and Postnatal Exercises	10 Jan 2014	Kolej Sains Kesihatan PPUM	Nur Syahira Mat Yusof
2	Senaman Pernafasan	13 Jan 2014	Kolej Sains Kesihatan PPUM	Nurhazirah Saaudi @ Saadi
3	Senaman Semasa Hamil & Selepas Bersalin	25 Jan 2014	Dewan Sekapur Sireh, PPUM	Nur Syahira Mat Yusof
4	Rehabilitation : Physiotherapy	12 Feb 2014	Kolej Sains Kesihatan PPUM	Haslina Abdul Manaf
5	Physiotherapy in Critical Care Unit	1 April 2014	Kolej Sains Kesihatan PPUM	Nurhazirah Saaudi @ Saadi
6	Senaman Semasa Hamil & Selepas Bersalin	1 Mac 2014	Dewan Sekapur Sireh, PPUM	Nur Syahira Mat Yusof
7	Sesi Demonstrasi – Traksi Skeletal & Kulit	5 Mac 2014	Dewan Pulasari, Tingkat 2, Bangunan RUKA	Nooratiqah Ma'arup
8	Wellness Programme – Physical Activity	21 Apr 2014	Pusat Harian Psikiatrik PPUM	Nurhazirah Saaudi @ Saadi
9	Senaman Semasa Hamil & Selepas Bersalin	26 Apr 2014	Dewan Sekapur Sireh, PPUM	Nur Syahira Mat Yusof
10	Rawatan Kebakaran dan Plastik : Di Mana Mulanya Peranan Fisioterapi	14 Mei 2014	Dewan Pulasari RUKA	Hamsiah Abd Rani
11	Team Approach to Arthritis	16 Mei 2014	Auditorium T.J Danaraj	Hazwani Halil
12	Senaman Semasa Hamil & Selepas Bersalin	24 Mei 2014	Dewan Sekapur Sireh, PPUM	Nur Syahira Mat Yusof
13	Perawatan Pesakit Yang Memerlukan Fisioterapi Sebelum dan Selepas Pembedahan	09 Jun 2014	Dewan Pulasari RUKA	Nooratiqah Ma'arup
14	Rehabilitation : Pulmonary Rehabilitation in Lung Diseases	02 Julai 2014	UM	Anmol Kaur Manjit Singh
15	Pemulihan Kardiak	16 Julai 2014	Kolej Sains Kesihatan PPUM	Koo Jui Geok
16	Pengurusan Klien Yang Menerima Fisioterapi Dada	06 Ogos 2014	Kolej Sains Kesihatan PPUM	Nurhazirah Saaudi @ Saadi
17	Common Cases in Primary Care to be Referred to Physiotherapist	26 Ogos 2014	Dewan Pulasari RUKA	Haslina Abdul Manaf
18	Assistive Devices for Ambulation in Elderly	27 Ogos 2014 - 28 Ogos 2014	Bilik Pulasari PPUM	Lokman Abdul Majid
19	Prescribing Walking Aids for the Elderly	10 Sept 2014 - 11 Sept 2014	Bilik Seruntum, UM	Lokman Abdul Majid
20	Senaman Semasa Hamil & Selepas Bersalin	06 Sept 2014	Dewan Sekapur Sireh, PPUM	Nur Syahira Mat Yusof
21	Wellness Programme – Physical Activity	29 Sept 2014	Pusat Harian Psikiatrik PPUM	Nurhazirah Saaudi @ Saadi
22	Pulmonary Rehabilitation	17 Okt 2014	Multipurpose Occupational Therapy Room	Anmol Kaur Manjit Singh
23	Mobility Aids	26 Nov 2014	PPUM	Parimalaganthi V.
24	Senaman Semasa Hamil & Selepas Bersalin	29 Nov 2014	Dewan Sekapur Sireh, PPUM	Nik Kasmawani Nik Hussien
25	Preventing Joint Stiffness	19 Dis 2014	NOCERAL UM	Leena Lee Poh Chen
26	Physiotherapy Workshop on Introduction to External Fixators	19 Dis 2014	NOCERAL UM	Hazwani Halil
27	Senaman Semasa Hamil & Selepas Bersalin	25 Okt 2014	Dewan Sekapur Sireh, PPUM	Nur Syahira Mat Yusof
28	Physiotherapy Techniques and Pulmonary Rehabilitation in Children with Chronic Lung Disease	29 Okt 2014	PPUM	Anmol Kaur Manjit Singh

Bil.	Tajuk	Tarikh	Tempat	Nama Staf
29	4th University Malaya Limb Deformity Correction Course	22 Apr 2014 - 24 Apr 2014	Saujana Hotel, Selangor	Leena Lee Poh Chen Hazwani Halil Kausar Ridzuan
30	Physiotherapist Role in Upper Limb Amputation	28 April 2014	Hospital Rehabilitasi Cheras	Parimalaganthi Varadan
31	Malaysian Thoracic Society Annual Congress 2014 Pulmonary Rehabilitation Workshop	12 Jun 2014 - 15 Jun 2014	Holiday Inn Melaka	Anmol Kaur Manjit Singh
32	The Non-Pharmacological Management of Breathlessness	19 Jun 2014	Assunta Hospital	Anmol Kaur Manjit Singh
33	Understand and Managing Cerebral Palsy Children	19 Jun 2014 - 20 Jun 2014	Permaisuri MITC Hotel, Melaka	Norazah Haron
34	National Physiotherapy Student Workshop	20 Ogos 2014 - 21 Ogos 2014	UiTM Puncak Alam	Adi Rizal Abdul Rahman
35	Shoulder Arthroscopy and Orthopaedic Rehabilitation Workshop 2014	27 Sept 2014 - 28 Sept 2014	Indira Gandhi Memorial Hospital, Maldives	Leena Lee Poh Chen
36	Program Rehlah PERKIM : Ceramah Kesihatan	21 Dis 2014	Taman Persekutuan Rimba Kiara, Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur	Norlia Kamal Yulia Amedia Amril

JABATAN PERUBATAN RAWATAN UTAMA

Jabatan Perubatan Rawatan Utama mengendalikan perkhidmatan klinikal untuk pesakit luar di Pusat Perubatan Universiti Malaya melalui Klinik Am, Klinik Keluarga, Perkhidmatan Perawatan di rumah dan juga Klinik K.I.D.D.S.

Di antara perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan ini ialah:

- **Klinik Am**
  Menawarkan perkhidmatan pesakit luar untuk pesakit baru yang datang tanpa surat rujukan atau dengan surat rujukan atau pesakit lama yang datang dengan temujanji susulan dan masalah baru.

- **Klinik Keluarga**
  Menawarkan penjagaan berterusan kepada pesakit dan keluarga mereka. Hanya pesakit-pesakit yang memenuhi kriteria yang ditetapkan akan diserapkan ke klinik ini dari Klinik Am.

- **Klinik Imunisasi**
  Menawarkan perkhidmatan Child Health Developmental Assessment dan imunisasi (kanak-kanak dan dewasa).

- **Klinik DOTS**
  Memberi rawatan untuk pesakit tibi dan ujian mantoux.

- **Klinik Pendidikan Diabetes**
  Menawarkan perkhidmatan pengajaran suntikan insulin dan juga kaunseling kepada pesakit diabetes dan juga pelajar kejururawatan serta perubatan.

- **Perkhidmatan Perawatan di Rumah**
  Perkhidmatan ini disediakan bertujuan untuk meningkatkan kualiti kehidupan pesakit melalui usaha-usaha yang membolehkan mereka keluar hospital lebih awal, mendapatkan pemulihan yang lebih baik dan mengelakkan daripada perlunya jagaan krisis. Pesakit yang layak mendapatkan perkhidmatan ini perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan. Di antara perkhidmatan yang disediakan termasuk pencegahan kudis, pembalutan dan penukaran tiub 'NG'.

Pengenalan Prosedur baru

Penggunaan Sistem Electronik Medical Record (EMR) sepenuhnya di Jabatan Perubatan Rawatan Utama mulai bulan Julai 2014.


Perkhidmatan	2013	2014	Perbezaan %
Klinik Rawatan Utama	139,080	141,330	1.6
Perawatan di Rumah	404	340	-15.8

Bilangan kes bagi perawatan pesakit di rumah (Jumlah lawatan) telah berkurangan sebanyak 15.8% dari tahun 2013 adalah kerana kekurangan staf dimana tiada staf gantian sekiranya mereka menghadiri kursus atau bercuti. Antara faktor lain adalah ketiadaan kenderaan.

Perkhidmatan di Klinik RUKA

Perkhidmatan	2013	2014
Child Health / Developmental Assessement	238	449
Imunisasi	9,163	7116
Rawatan Pesakit Tibi (bilangan kedatangan pesakit)	68,968	64,524
Ujian Mantoux	1,438	1,701
Pengajaran suntikan insulin untuk pesakit diabetis dan pelajar	1,498	1620
Perkhidmatan Pesakit ECG	-	4455

Kehadiran Pesakit ke Klinik KIDDS (Child Health & Imunisasi)




Jumlah KEHADIRAN PESAKIT KLINIK KIDDS 2014

	JAN	FEB	MAC	APR	MAY	JUN	JULY	AUG	SEPT	OCT	NOV	DEC
PENTAXIM	332	267	278	301	273	256	194	194	205	147	137	167
PENTAXIM BOOSTER	97	106	104	108	180	131	76	121	82	80	98	83
HEPATITIS B	132	146	143	152	131	113	61	112	85	90	75	92
MMR	119	32	133	121	116	124	94	125	100	132	83	104
BCG	0	2	0	0	1	2	3	2	2	0	0	2
CHILD HEALTH	82	50	44	34	50	39	3	0	14	28	56	49
ADULT INJECTION	58	59	27	34	30	34	32	33	36	38	44	43

Jumlah Pesakit Diabetes di RUKA


JABATAN PERUBATAN RAWATAN UTAMA



	JAN	FEB	MAC	APR	MAY	JUN	JULY	AUG	SEPT	OCT	NOV	DEC
Jumlah PESAKIT	140	148	168	177	96	128	111	159	141	134	102	116

Jumlah Pesakit ECG di RUKA

Jumlah KEDATANGAN PESAKIT ECG KE RUKA TAHUN 2014



	JAN	FEB	MAC	APR	MAY	JUN	JULY	AUG	SEPT	OCT	NOV	DEC
2014	275	343	242	397	376	398	336	339	373	398	359	437

AKTIVITI JABATAN

- Program World Hypertension Day 2014 dengan bertemakan Know Your Blood Pressure.
  Tarikh : 8 hingga 11 Mei 2014
  Tempat : Pusat Perubatan Universiti Malaya













- Bengkel Preparing and Training Standardised Patients for OSCE
  Tarikh : 14 Ogos 2014
  Tempat : Institut Pengajian Siswazah Universiti Malaya

- Majlis Konvokesyen Sarjana Perubatan Keluarga bagi Pegawai Perubatan Sarjana di RUKA
  Tarikh : 13 Oktober 2014
  Tempat : Dewan DTC, Universiti Malaya

RANCANGAN MASA HADAPAN JABATAN

- Meningkatkan perkhidmatan rawatan pesakit dengan mengukuhkan program pendidikan pesakit yang merangkumi penjagaan holistik.
- Menjalankan penyelidikan yang berinovatif bagi kebaikan dan faedah pesakit dan masyarakat
- Meningkatkan globalisasi melalui jalinan profesional dengan mereka yang terlibat di dalam bidang perubatan keluarga
- Menggunakan health innovations seperti aplikasi mobil bagi penjagaan pesakit di rumah.

MASALAH YANG DIHADAPI OLEH JABATAN

- Sistem internet yang tidak dapat menampung beban kerja menyebabkan sistem komputer EMR perlahan dan kerap terganggu yang melambatkan masa konsultasi dan seterusnya masa menunggu bagi pesakit.
- Kekurangan staf kejururawatan dan pengkeranian untuk membantu mengendalikan pesakit dan melancarkan proses pendaftaran pesakit di kaunter. Ini penting untuk memendekkan masa menunggu pesakit.
- Kurang fasiliti untuk membolehkan jururawat mengambil data klinikal pesakit seperti berat badan dan ketinggian untuk dimasukkan terus ke dalam sistem EMR.
- Kekurangan bilik konsultasi untuk menampung bilangan pesakit yang semakin meningkat.
- Masalah merujuk pesakit yang memerlukan rawatan in-patient kerana kekurangan katil secara amnya.
- Masalah peralatan kerusi pejabat dan juga untuk pesakit di ruang menunggu yang kurang berkualiti.
- Kekurangan ruang bagi pendidikan pesakit

JABATAN PERUBATAN TRANSFUSI

Jabatan Perubatan Transfusi mempunyai fungsi penting dalam menyediakan perkhidmatan transfusi yang selamat dan efektif, menentukan praktis transfusi klinikal adalah sejajar dengan polisi nasional dan antarabangsa dan memperluaskan skop perkhidmatan transfusi melalui penyelidikan dan latihan kepada anggota medikal, para-medikal dan bukan medikal.

Jabatan ini juga berfungsi sebagai pusat rujukan dan perundingan bagi masalah berhubung dengan perubatan transfusi. Fungsi di atas dicapai melalui peggembelingan tenaga kerja dan kerjasama di antara unit-unit menawarkan pelbagai perkhidmatan yang berkait dengan bidang perubatan transfusi.

Selain daripada memberikan perkhidmatan klinikal, jabatan juga menawarkan latihan kepada anggota dari dalam dan luar hospital dan antara latihan yang ditawarkan adalah Masters in Transfusion Medicine, Masters in Pathology, Masters in Medical Sciences and Clinical Pathology, MBBS Bachelors in Biomedical Science, MBBS Bachelors in Biomedical Engineering dan juga Program Diploma Teknologi Makmal Perubatan dan Diploma Kejururawatan.

Perkhidmatan dan Prosedur Terbaharu

- Pada bulan Mac 2014, Jabatan Perubatan Transfusi telah mula menggunakan sistem komputer baru untuk penderma darah dan makmal. Sistem baru ini yang dibangunkan sendiri oleh Ketua Jabatan dapat menjimatkan pihak hospital lebih dari RM200,000 setahun. Sistem yang dinamakan True Blood ini mampu memenuhi semua aspek pengurusan darah yang selamat dan efisien serta memenuhi keperluan Jabatan.

- Pada penghujung tahun 2014, jabatan telah mula melaksanakan ujian NAT (Nucleic Acid Testing) untuk darah penderma. Ujian NAT bertujuan untuk mengurangkan lagi risiko penularan penyakit (HCV, HBV, HIV) akibat transfusi darah, di mana ia merupakan usaha mencapai risiko-sifar transsmisi HBV, HCV dan HIV melalui transfusi.

A. Bahagian pengumpulan darah

Sebanyak 28,860 unit darah dikumpul pada tahun 2014 berbanding dengan 28,254 unit pada tahun 2013. Ini merupakan pertambahan sebanyak 2.1%. Jumlah penderma static (in-house) menunjukkan pertambahan sebanyak 20.5%. Manakala, Jumlah penderma bergerak menunjukkan pengurangan sebanyak 3.1% berbanding dengan tahun 2013.

Daripada statistik penderma mengikut kaum pula, kaum Cina masih merupakan penderma terbanyak, diikuti oleh kaum Melayu, India, warga asing dan lain-lain kaum. Sesuatu yang ketara, penderma dari kalangan warga asing terus menunjukkan pertambahan iaitu sebanyak 11.2%. Ini kerana terdapat organisasi yang menganjurkan kempen derma darah secara berkala yang melibatkan warga asing.

Aktiviti retensi penderma darah akan terus ditingkatkan untuk menentukan penderma darah terus setia menderma darah di Jabatan Perubatan Transfusi dan usaha berterusan dilakukan tanpa henti untuk menarik penderma darah baru.

Statistik Aktiviti Pengumpulan/Pendermaan Darah

Jumlah Pengumpulan	2013	2014	Perbezaan %
Jumlah penderma statik	139,080	141,330	1.6
(in-house)	6,297	7,586	20.5
Jumlah penderma bergerak (mobile)	21,957	21,274	-3.1
Jumlah	**28,254**	**28,860**	**2.1**

Statistik Penderma Darah Mengikut Kaum

Kaum	2013	2014	Perbezaan %
Melayu	11,266	11,323	0.5
Cina	11,744	11,919	1.5
India	2,672	2,816	5.4
Lain-lain	492	489	-0.6
Warga Asing	2,080	2,313	11.2
Jumlah	**28,254**	**28,860**	**2.1**

Taburan Pengumpulan Darah Mengikut Sasaran Penderma Semasa Kempen Derma Darah Bergerak (Mobile)

Sasaran	2013	2014	Perbezaan %
30-60	142	143	0.7
80-100	50	49	-2
>100	67	88	31.3
Jumlah	**259**	**280**	**8.1**

Merujuk kepada taburan pengumpulan darah mengikut sasaran penderma semasa kempen derma darah bergerak (mobile), mobile yang sasaran penderma melebihi 30- 60 penderma dan melebihi 100 orang penderma menunjukkan peningkatan sebanyak 0.7% dan 31.3% berbanding dengan tahun 2013. Manakala, mobile dengan sasaran 80-100 penderma pula menunjukkan sedikit penurunan berbanding tahun sebelumnya. Pertambahan sebanyak 31.3% untuk mobile yang sasaran penderma melebihi 100 orang merupakan satu profil yang baik kerana peningkatan mobile yang menyumbangkan penderma yang lebih ramai adalah lebih kos efektif dan efisien berbanding dengan mobile dengan penderma kurang dari 60 orang penderma.

B. Bahagian Pemprosesan dan Bekalan Darah

Sebanyak 60,917 unit komponen telah dihasilkan pada tahun 2014 berbanding dengan 53,618 unit pada tahun sebelumnya. Ini merupakan penambahan sebanyak 13.6%. Permintaan dalaman untuk komponen darah yang secara keseluruhannya menunjukkan pertambahan sebanyak 0.06% berbanding tahun 2013. Permintaan dalaman untuk sel darah merah pula telah bertambah sebanyak 7.5%.

Dalam tahun 2014 hanya sebanyak 145 unit darah terpaksa dibawa masuk untuk menampung keperluan hospital berbanding dengan 180 unit darah dalam tahun 2013. Pada masa yang sama, jabatan telah juga membekalkan komponen darah kepada hospital lain di mana 49 unit komponen darah dibekalkan ke hospital lain pada tahun 2014.

Statistik Penghasilan Komponen Darah

Jenis	2013	2014	Perbezaan %
Darah Penuh	3,788	3,356	-11.4
Sel Darah Merah	20,611	24,312	17.9
Platelet Rawak	11,265	12,882	14.4
Platelet Aferesis	1,572	1,752	11.5
Platelet Gabungan		653	
Plasma Beku Segar	11,522	13,079	13.5
Krioendapan	2,429	2,442	0.5
Kriosupernatan	2,431	2,441	0.4
Jumlah	**53,618**	**60,917**	**13.6**

Statistik Penggunaan Komponen Darah

Jenis	2013	2014	Perbezaan %
Darah Penuh	2,628	2,394	-8.9
Sel Darah Merah	22,371	24,058	7.5
Platelet Rawak	6,189	6,315	2.0
Platelet Aferesis	1,547	1,710	10.5
Plasma Beku Segar	10,917	11,037	1.1
Krioendapan	2,328	2,371	1.9
Kriosupernatan	1,165	1,250	7.3
Platelet Gabungan	503	555	10.3
Jumlah	**49,661**	**49,690**	**0.06**

Statistik Komponen Darah Yang Diimport

Jenis	2013	2014	Perbezaan %
Sel Darah Merah	50	34	-32
Darah Rh Negatif	13	0	-100
Platelet Rawak	90	88	-2.2
Platelet Aferesis	5	3	-40
Plasma Beku Segar	10	20	100
Krioendapan	12	0	-100
Kriosupernatan	0	0	0
Jumlah	**180**	**145**	**-19.4**

Statistik Komponen Darah Yang Dieksport

Jenis	2013	2014	Perbezaan %
Sel Darah Merah	45	10	-77.8
Darah Rh Negatif	15	14	-6.7
Platelet Aferesis	1	3	200
Platelet Rawak	18	22	22.2
Jumlah	**79**	**49**	**-38**

C. Bahagian Perkhidmatan Makmal Rutin

Permintaan ujian untuk penentuan kumpulan darah ABO dan Rh untuk tahun 2014 bagi pesakit telah menunjukkan pertambahan iaitu sebanyak 2.7% berbanding tahun 2013. Ujian penskrinan antibodi untuk pesakit pula telah menunjukkan pengurangan sebanyak 14.9%. Manakala, ujian pengecaman antibodi pula menunjukkan pengurangan sebanyak 8.4%.

Statistik Ujian Untuk Pesakit

Jenis Ujian	2013	2014	Perbezaan %
Penentuan kumpulan darah ABO	63,948	65,672	2.7
Penentuan Rh(D)	63,948	65,672	2.7
Rh genotyping	648	582	-10.2
Red Cell Phenotyping	13	62	376.9
Penskrinan antibodi	60,197	51,209	-14.9
Direct Antiglobulin Testing	4,322	3,238	-25.1
Pengecaman antibodi	2,429	2,442	0.5
(Jumlah spesimen disiasat)	1,054	966	-8.4
Cold Agglutinin Titre	0	2	
Penyiasatan Reaksi Transfusi	178	215	20.8
Ujian compatibiliti	41,882	41,542	-0.8
Jumlah	**236,190**	**229,160**	**-2.9**

Di bawah kategori ujian bagi penderma darah pula, ujian penentuan kumpulan darah ABO dan Rh(D) telah menunjukkan pertambahan sebanyak 2.7% berbanding dengan tahun 2013.

Statistik Ujian Untuk Penderma Darah

Jenis Ujian	2013	2014	Perbezaan %
Penentuan kumpulan darah ABO	28,254	29,004	2.7
Penentuan Rh(D)	28,254	29,004	2.7
Donor Phenotyping	0	1	
Jumlah	**56,508**	**58,009**	**2.7**

D. Bahagian Perkhidmatan Aferesis

Bilangan prosedur plateletpheresis telah meningkat dari 825 prosedur pada tahun 2013 kepada 883 prosedur pada tahun 2014 iaitu pertambahan sebanyak 7.0%. Bilangan prosedur pertukaran plasma telah menunjukkan pengurangan sebanyak 1.8%. Manakala, sebanyak lima (5) prosedur lLeukoferesis telah dijalankan dalam tahun 2014. Bilangan prosedur pengumpulan stem cell (PBSC) pula menunjukkan peningkatan sebanyak 15.4% iaitu sebanyak 30 prosedur dijalankan dalam tahun 2014 berbanding dengan 26 prosedur pada tahun 2013.

Statistik Bahagian Aferesis

Jenis Prosedur	2013	2014	Perbezaan %
Platelet Aferesis	825	883	7.0
Pertukaran Plasma	219 (36 pesakit)	215 (37 pesakit)	-1.8
Leukoferesis	0	5 (5 pesakit)	
Pengumpulan Limfosit	0	0	
Pengumpulan PBSC	26 (18 Autologus + 8 Alogenik)	30 (22 Autologus + 8 Alogenik)	15.4
Pertukaran Sel Darah Merah	2 (2 pesakit)	0	-100

E. Bahagian Perkhidmatan Sel Stem

Perkhidmatan cryopreservation bagi Peripheral Blood Stem Cell (PBSC) untuk dewasa dan kanak-kanak bagi tahun 2014 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 3.6% berbanding dengan tahun sebelumnya. Tiada cryopreservation darah tali pusat (pediatrik) dilakukan dalam tahun 2014. Manakala, sebanyak 5 prosedur cryopreservation dibuat untuk sum-sum tulang (pediatrik).

Statistik Perkhidmatan Sel Stem (Cryopresentation)

Jenis Prosedur	2013	2014	Perbezaan %
Darah tali pusat (pediatrik)	0	0	
Sum-sum tulang (pediatrik)	3	5	66.7
Peripheral Blood Stem Cell/ "PBSC" (dewasa dan pediatrik)	28	29	3.6
Jumlah	**31**	**35**	**12.9**

F. Bahagian Makmal Aliran Saitometri

Sebanyak 74 ujian CD34 telah dijalankan keatas darah peripheral, produk apheresis dan darah tali pusat yang dikumpulkan dalam tahun 2014, berbanding dengan 62 ujian dalam tahun 2013. Berlaku peningkatan sebanyak 19.4%. Bagi ujian Leucocount berlaku penguranagn sebanyak 26.7% berbanding tahun 2013. Ujian CD3 pula mencatatkan sebanyak 8 ujian telah dibuat dalam tahun 2014.

Statistik Perkhidmatan Sel Stem (Cryopresentation)

Jenis Ujian	2013	2014	Perbezaan %
Enumerasi CD34 (darah periferal)	36	44	22.2
Enumerasi CD34 (produk aferesis)	26	29	11.5
Enumerasi CD34 (darah tali pusat)	0	1	
Ujian CD3	8	8	
Ujian Leucocount	251	184	-26.7

Pembelian peralatan

Untuk rekod, dalam tahun 2013, jabatan telah mendapat peruntukan khas untuk menggantikan peralatan usang. Jabatan Perubatan Transfusi telah diberikan peruntukan sebanyak RM250,000 untuk membeli sebuah mesin Terapeutik Apheresis. Peralatan telah diterima dalam bulan Februari 2014 dengan kos sebenar RM179,000.

Dalam tahun 2014 pula, Jabatan telah mendapat peruntukan secara one-off untuk membeli lima (5) jenis peralatan iaitu dua (2) unit `Ultra-Low Freezer', satu (1) unit `Blast Freezer', satu (1) unit `Haematology Analyzer', dua (2) unit `Serofuge' dan dua (2) unit `Benchtop Centrifuge' dengan Jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM486,000. Jumlah peruntukan sebenar yang dibelanjakan untuk membeli kelima-lima jenis peralatan adalah sebanyak RM 369,800.

Jabatan juga telah memohon kebenaran untuk menggunakan lebihan peruntukan daripada kegunaan selepas pembelian peralatan yang diperuntukkan khas untuk one-off 2014 iaitu sebanyak RM116,076 bagi membeli beberapa jenis peralatan dengan kadar segera untuk kelangsungan perkhidmatan dan penggantian peralatan yang rosak. Peruntukan telah diluluskan untuk membeli 13 jenis peralatan. Peralatan-peralatan yang telah dibeli termasuklah lima (5) unit `Vacum pump', satu (1) unit `Leucostand', lapan (8) unit `Pipette', satu (1) unit `Chemical cabinet', dua (2) unit `Medical trolley with 2 drawers', dua (2) unit `Medical trolley with 3 drawers', empat (4) unit `Special small trolley', satu (1) unit `Step stool', empat (4) unit `Coleman box', tiga (3) unit `Bench-top sealer', dua (2) unit `Emergency shower and eye wash', 40 unit `BP cuff and tubing' dan 16 unit `Blood transport bags'.

▶ Nama Peralatan: Mesin Therapeutic Apheresis (1 unit)

Jenis Model: Com-Tec® (Jenama Fresenius Kabi)
Nilai Pembelian: RM179,000
Fungsi Peralatan:

- Peralatan digunakan untuk menjalankan beberapa prosedur untuk pesakit secara berterusan. Prosedur-prosedur yang boleh dibuat menggunakan peralatan ini termasuklah prosedur pengumpulan sel stem dari penderma/pesakit, pengumpulan limfosit dari penderma, penukaran plasma terapeutik, penukaran sel darah merah, leukoferesis dan pengurangan platelet.

Kesan Penggunaan Peralatan Kepada Perawatan Pesakit:

- Pelbagai prosedur yang boleh dilakukan menggunakan peralatan ini adalah penting dalam proses perawatan pesakit.



▶ Nama Peralatan : Blast Freezer (1 unit)

Jenis Model : MBF 21 (Jenama Dometic)
Nilai Pembelian : RM199,400
Fungsi Peralatan :

- Peralatan digunakan untuk membekukan plasma pada suhu -30 0C atau lebih sejuk lagi bagi tujuan penyimpanan.

Kesan Penggunaan Peralatan Kepada Perawatan Pesakit:

- Produk plasma yang dibekalkan kepada pesakit dapat dipelihara kualitinya, di mana proses pembekuan dengan cara yang betul dapat mengekalkan elemen Factors yang terdapat dalam produk plasma. Elemen Factors diperlukan untuk rawatan pesakit.



▶ Nama Peralatan : Ultra Low Freezer (2 unit)

Jenis Model : TFM 907 (Jenama Thermo Scientific)
Nilai Pembelian : RM 45,000 seunit
Fungsi Peralatan :

- Peralatan digunakan untuk membekukan dan menyimpan plasma untuk tempoh yang lama.

Kesan/Impak Penggunaan Peralatan Kepada Perawatan Pesakit:

- Produk plasma yang dibekalkan kepada pesakit dapat dipelihara kualitinya dan jangka hayat penyimpanan juga dapat dipenjangkan dengan penyimpanan pada suhu yang amat rendah.



AKTIVITI JABATAN

▶ Nama peristiwa: Hari Penderma Darah Sedunia
Tarikh peristiwa: 9 hingga 14 Jun 2014
Tempat peristiwa: Pusat Perubatan Universiti Malaya

Jabatan meneruskan aktiviti untuk meraikan Hari Penderma Darah Sedunia yang jatuh pada 14 Jun setiap tahun. Tema Hari Penderma Darah Sedunia pada tahun ini adalah `Safe Bloods For Saving Mothers'. Aktiviti pendermaan darah diteruskan seperti tahun-tahun sebelumnya. Aktiviti menderma darah telah diadakan di Wad Peperiksaan 2 dan di Jabatan Perubatan Transfusi. Seramai 229 orang penderma yang kebanyakannya terdiri daripada staf PPUM telah bermurah hati untuk menderma darah pada hari tersebut. Sedikit cenderahati telah diberikan kepada semua penderma. Pameran poster pendidikan dan gambar berkaitan dengan darah dan pendermaan darah juga telah diadakan di Ruang Konkos, Menara Utama.





Pameran di konkos Menara Utama



Pendermaan darah di Jabatan Perubatan Transfusi



Pendermaan darah di Wad Peperiksaan 2

RANCANGAN MASA HADAPAN JABATAN

- Menambahkan bilangan Pensyarah, Pegawai Perubatan, Pegawai untuk bahagian Pentadbiran dan Jururawat Terlatih setimpal dengan perkembangan aktiviti Jabatan.
- Melaksanakan program akreditasi antarabangsa ISO15189.
- Berusaha ke arah pengsijilan antarabangsa GMP untuk plasma fractionation.
- Memantapkan program leucoreduction dan NAT testing dan program program lain yang berkaitan, justeru mengukuhkan lagi transfusi darah yang selamat.
- Menambah baik proses kerja di makmal dan wad melalui latihan staf, penkomputeran dan automasi.
- Mengukuhkan program–program latihan.
- Menaik taraf jabatan sebagai pusat penyelidikan dan perkembangan dalam bidang perubatan transfusi.

MASALAH YANG DIHADAPI OLEH JABATAN

- Walaupun bekalan darah dari segi kuantiti telah bertambah baik semenjak beberapa tahun kebelakangan ini dan selaras dengan keperluan, namun kualiti komponen darah yang dibekalkan masih perlu dipertingkatkan selaras dengan perkembangan masa dan keperluan piawaian antarabangsa. Pesakit yang menerima darah masih mempunyai risiko reaksi kepada transfusi darah dan jangkitan penyakit, walaupun riskonya kecil. Universal leucoreduction dan HLA matching mampu mengurangkan risiko ini, tetapi masih belum diperkenalkan. Hanya ujian NAT baru saja diperkenalkan pada penghujung tahun 2014.

  'Delivery system' kepada pelanggan perlu diperbaiki. Masih terdapat kelewatan dalam pembekalan darah disebabkan masalah komunikasi, komputer dan automasi.

  Penderma darah dalaman (In-house) perlu dipertingkatkan lagi. Sebarang ketidakpuasan hati dan masalah yang diadukan oleh penderma darah dalaman perlu diambil serius dan diatasi bagi mengekalkan penderma sedia ada dan menarik penderma-penderma baru.

- Perkhidmatan Diagnostic molecular dan Flow Cytometry, memerlukan dua orang lagi pakar hematologi untuk mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

  Kekurangan penyeliaan ke atas bekalan darah yang digunakan oleh pelanggan mengakibatkan penyalahgunaan dan pembaziran komponen darah. Pengawasan yang teliti perlu dijalankan ke atas penggunaan darah memandangkan kesan-kesan mudarat yang mungkin timbul daripada penerimaan darah. Pada masa sekarang, tidak ada audit yang teliti dan berterusan dijalankan ke atas penggunaan darah. Seorang jururawat sepenuh masa adalah diperlukan untuk menjalankan tugas tersebut.

  Secara kesimpulannya, masalah yang dihadapi oleh Jabatan Transfusi adalah perkhidmatan yang diberikan pada masa sekarang tidak mampu mencapai tahap yang terbaik seperti yang diharapkan oleh pelanggan disebabkan oleh had kos dan anggota. Selain itu juga jabatan ini juga tidak mempunyai anggota terlatih yang cukup untuk tujuan pendidikan pengguna dan implementasi program mengakibatkan kebuntuan dalam pelaksanaan program pembangunan.

JABATAN PERUBATAN

Jabatan Perubatan merupakan pusat tanggungjawab klinikal terbesar yang memberikan perkhidmatan dalam pelbagai bidang pengkhususan klinikal.

A. UNIT KARDIOLOGI

Unit Kardiologi memberi perkhidmatan pengajaran, penyelidikan dan rawatan penyakit kardiovaskular yang berkualiti dalam memenuhi misi dan visi Universiti Malaya.

Perkhidmatan yang disediakan:

Makmal Kardiorespiratori:

- Non-Invasive Cardiorespiratory Laboratory (NICL)
  - Echocardiography
    - Transthoracic (TTE)
    - Transoesophageal (TEE)
    - Intraoperative
    - Dobutamine stress (DSE)
  - ECG (Electrocardiogram)
    - Standard 12-lead ECG
    - Treadmill stress ECG
    - 24-hour ambulatory ECG
    - 24-hour ambulatory blood pressure monitoring
    - Rhythm card (event recorder)
    - King of Hearts (loop recorder)
  - Respiratory Function Tests
    - Spirometry
    - Lung volume
    - Carbon monoxide diffusion
  - Pacemaker clinic follow-up and programming
- Invasive Cardiovascular Laboratory (ICL)
  - Left and right heart catheterisation
  - Angiography
    - Coronary
    - Renal
    - Iliac and peripheral
    - Carotid
  - Intra-vascular ultrasound
  - Electrophysiology study
  - Percutaneous Transluminal Coronary Angioplasty and Stenting which includes
    - High-risk cases including Rescue PCI
    - Primary PCI service for acute myocardial infarction
    - Complex cases (bifurcations, chronic total occlusions) - left main stem PCI
    - High risk patient (cardiogenic shock, chronic kidney disease, diabetes with other cardiovascular disease
    - Bioresorbable scaffold
    - Drug eluting balloon
  - Rotational atherectomy
  - Angioplasty and stenting for peripheral vascular disease
  - Balloon Valvuloplasty for aortic, pulmonary and mitral valve
  - Intracardiac device implantation
    - Single chamber pacemaker
    - Dual chamber pacemaker
    - Implantable Cardioverter Defibrillator (ICD)
    - Cardiac Resynchronization Therapy (Biventricular pacemaker)
  - Patent ductus arteriosus closure using
    - Coil device
    - Amplatz ductal occluder
  - Atrial septal defect closure using Amplatz septal occluder
  - Left Atrial Appendage Occlusion
  - Use of intraaortic balloon pump for life support and high risk angioplasty
  - Coil embolisation for fistula
  - Endovascular Stenting of Aorta for Abdominal Aortic Aneurysm
  - Electrophysiological Study and Radiofrequency Ablation Renal Denervation
- Non-Invasive Therapeutic Treatment:
  - Extracorporeal Shockwaves Myocardial Revascularization (ESMR)

Wad Kardiologi (Wad 4U/CCU)

Wad Kardiologi mempunyai kemudahan perawatan intensif untuk menerima pesakit dari dalam dan luar PPUM serta rujukan dari hospital swasta dan Kerajaan sekitar Lembah Kelang yang memerlukan perawatan jantung serta yang menjalani prosedur invasif jantung. Wad ini juga turut menganjurkan program pengajaran kesihatan.

Pengenalan Prosedur Baru

- Optical Coherent Tomography (OCT)

Statistik Pesakit Mendapat Perkhidmatan Prosedur 'Non-invasive'

Jenis Ujian	2013	2014	Perbezaan %
Resting ECG	14,019	14,067	+0.3
Stress ECG	1,719	2,159	+25.6
24-hour monitoring ECG (Holter) /	1	3	200
Rhythm Card / King of Heart	970	1,005	+3.6
Ambulatory Blood Pressure 24 Hrs	249	213	-14.5
Transthoracic Echocardiogram (TTE)	11,065	11,332	+2.4
Transoesophageal Echocardiogram (TEE)	142	78	-45.1
Respiratory Function Test	3,024	3,053	+1.0

Statistik Pesakit Mendapat Perkhidmatan Prosedur 'Invasive'

Jenis Prosedur	2013	2014	Perbezaan %
Coronary angiogram	1,993	1,797	-9.8
Percutaneous transluminar coronary angioplasty/stenting (PTCA)	1,037	1,084	+4.5
Percutaneous transluminar angioplasty/stenting (PTA)	39	25	-35.9
Primary PCI dan Rescue PCI	128	75	-41.4
Intravascular Ultrasound (IVUS)	122	78	-36.1
Intraaortic Balloon Pump	27	17	-37.0
Pacemaker implant (single/ dual/ICD/CRT)	107	103	-3.7
Respiratory Function Test	3,024	3,053	+1.0

Aktiviti Unit Kardiologi

- Nama Peristiwa : Hands-On Rotational Artherectomy Course for Fellow Cardiologist
  Tarikh : 27 Jun 2014
  Tempat : Pusat Perubatan Universiti Malaya

  Unit kardiologi telah menganjurkan satu kursus "Hands-On Rotational Artherectomy" bagi tujuan meningkatkan kemahiran pakar-pakar jantung dalam menjalankan prosedur ini ke atas pesakit.

- Nama Peristiwa : Love Your Heart Day 2014 (Bersempena dengan Hari Jantung Sedunia)
  Tarikh : 30 September 2014
  Tempat : Pusat Perubatan Universiti Malaya

  Unit Kardiologi, PPUM melalui kerjasama dengan Jabatan Perubatan Sukan, Jabatan Pemulihan Perubatan, Jabatan Dietetik dan Jabatan Perubatan Kecemasan (CPR team) telah berjaya menganjurkan satu acara yang merangkumi forum awam, pameran kesihatan kardiovaskular, pemeriksaan kesihatan, kelas senaman dan kelas CPR bagi memberi pendedahan kepada orang awam (dan juga staf PPUM) tentang kepentingan menjaga kesihatan diri melalui senaman dan pemakanan yang betul, cara-cara menyelamatkan pesakit yang mengalami serangan jantung dan pelbagai aktiviti lagi. Peserta juga berpeluang untuk mendapatkan khidmat konsultasi daripada pakar-pakar jantung, pakar kesihatan fizikal dan dietetik secara percuma. Aktiviti ini telah disertai oleh seramai lebih kurang 500 orang awam dan juga staf.









- Nama Peristiwa : Kursus "Cardiac Rhythm Device management for non-cardiologist"
  Tarikh : 11 Oktober 2014
  Tempat : Pusat Perubatan Universiti Malaya


  Kursus "Cardiac Rhythm Device management for non-cardiologist" ini dianjurkan oleh Unit Kardiologi bagi memberikan pemahaman kepada pengamal perubatan mengenai cara-cara pengurusan pesakit jantung yang telah dipasangkan dengan perentak jantung.





- Nama Peristiwa : 3rd Basic Echocardiography Certification Course
  Tarikh : 16 hingga 18 Oktober 2014
  Tempat : Pusat Perubatan Universiti Malaya

  Unit kardiologi, Pusat Perubatan Universiti Malaya telah diberikan kepercayaan untuk menjadi tuan rumah bagi "3rd Basic Echocardiography Certification Course" ini yang dianjurkan oleh SCIM (Society of Cardiac Imaging Malaysia) dan NHAM (National Heart Association of Malaysia). Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada doktor dan sonografer daripada seluruh Malaysia telah menyertai kursus ini.



B. UNIT HEMATOLOGI

Unit Hematologi memberi perkhidmatan dan rawatan untuk semua pesakit dewasa yang menghidapi penyakit hematologi. Menawarkan perkhidmatan rawatan harian untuk pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan termasuk transfusi darah, kemoterapi dan prosedur minor.

Perkhidmatan yang disediakan:

- Klinik Day Care (pesakit luar klinik/rawatan harian)
  - Prosedur harian - Bone Marrow aspiration and trephine
  - Memberi rawatan kemoterapi (intravenous dan intrathecal)
  - Rawatan susulan untul pesakit tenat dan memerlukan rawatan susulan rapi
  - Darah and platelets transfusi
  - Memasuki Central line
  - "Donor lymphocyte infusion" for indikasi tertentu (post-transplantation)
  - Glivec program (MYPAP) untuk Chronic Myeloid Leukemia
- Perkhidmatan Wad
  - Bone Marrow/Peripheral blood stem cells transplantasi - allogeneic, non-myeloablative and autologous
  - Bone marrow aspiration dan trephine
  - Plasmapheresis
  - Leukopheresis
  - kemoterapi
  - Rawatan untuk pesakit menghidapi penyakit hematology dan hemato-onkologi
- Perkhidmatan Klinik Hematologi
  - Rawatan susulan untuk pesakit pesakit hematologi dan hemato-onkologi
  - Rujukan untuk kes baru

Statistik Perkhidmatan Rawatan Harian

Perkhidmatan	2013	2014	Perbezaan %
Pesakit Susulan	5,300	5,785	9
Kimoterapi	1,438	961	-33
Membantu prosedur aspirasi Sum-sum tulang & ITMTX	188	190	1
Pengambilan darah	5,243	5,689	8.5
Transfusi Darah & Komponen Darah	1,306	1,650	26
Pencucian Luka	238	548	130
Jumlah	12,275	3,053	21

Statistik Perkhidmatan Wad

Perkhidmatan	2013	2014	Perbezaan %
Pesakit admission	698	772	10
Allogeneic peripheral blood stem cell transplantation	8	5	-37.5
Autologous peripheral blood stem cell transplantaion	4	5	25

Bilangan pesakit luar di klinik rawatan harian telah bertambah sebanyak 9%. Semua aktiviti di klinik rawatan telah meningkat kecuali pesakit yang menjalani kemoterapi dan ini merupakan lebih ramai pesakit yang memerlukan rawatan harian. Bilangan pesakit yang memerlukan kemasukan hospital juga telah meningkat pada tahun 2014 sebanyak 10% dari tahun 2013. Bilangan pesakit yang menjalani prosedur pemindahan stem sel darah juga menurun disebabkan kos tinggi yang sukar dibiayai oleh pesakit dan pemohonan daripada kebajikan yang terhad dan mengambil masa.

Pembelian Peralatan Baharu

- Nama Peralatan : NIBP & SPO2 Monitor
  Jenis Model : V100 GE Carescape
  Nilai Pembelian : RM6,696.00

  Fungsi Peralatan:
  - Mendapatkan bacaan tekanan darah dan tahap oksigen pesakit.

  Kesan/ Impak penggunaan Peralatan kepada Perawatan Pesakit:
  - Dengan fungsi seperti di atas dan dilengkapkan dengan kemudahan tetapan bacaan berterusan secara otomatik, pemantauan adalah lebih teratur. Dengan itu keselamatan pesakit adalah lebih terjamin.



▶ Nama Peralatan : Tiga (3) unit Infusion Pump Volumetric
Jenis Model : TOP 2300
Nilai Pembelian : RM3,300.00/unit

Fungsi Peralatan:
- Pemberian infusi mengikut kadar masa yang telah ditetapkan.


Kesan penggunaan Peralatan kepada Perawatan Pesakit:
- Pemberian ubat kemoterapi atau terapi target dapat diberikan dalam kadar masa yang telah ditetapkan untuk mengelakkan komplikasi jika diberi terlalu laju atau terlalu perlahan. Dengan itu keselamatan pesakit adalah lebih terjamin.



▶ Nama Peralatan :Satu unit Biphasic Defibrillator/ Monitor
Jenis Model : Philips, HeartStart XL
Nilai Pembelian : RM34,800.00/unit

Fungsi Peralatan:
- Untuk mengejutkan jantung pesakit dan memulihkan semula corak rentak jantung kepada normal.

Kesan penggunaan Peralatan kepada Perawatan Pesakit:
- Ia akan mengaktifkan semula jantung dan ini akan membolehkan jantung menghantar darah ke seluruh badan seperti biasa.



▶ Nama Peralatan : Satu unit Infusion Pump, Syringe
Jenis Model : Injectomat MC Agilia
Nilai Pembelian : RM4,245.00/unit

Fungsi Peralatan:
- Pemberian infusi mengikut kadar masa yang telah ditetapkan.

Kesan penggunaan Peralatan kepada Perawatan Pesakit:
- Pemberian ubat kemoterapi atau terapi target dapat diberikan dalam kadar masa yang telah ditetapkan untuk mengelakkan komplikasi jika diberi terlalu laju atau terlalu perlahan. Dengan itu keselamatan pesakit adalah lebih terjamin.



Rancangan Masa Hadapan Unit Hematologi

- Ingin memulakan prosedur baru seperti haploidentical stem cell transplantation di mana penderma untuk transplantasi adalah daripada adik-beradik atau ibubapa yang hanya haploidentical.

- Memindahkan klinik rawatan harian ke tempat yang lebih sesuai dan besar.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh Unit Hematologi

- Kekurangan jururawat onkologi untuk memberikan perawatan yang sempurna, efisyen dan berkualiti disebabkan pertambahan pesakit yang menerima rawatan dan juga regim kemoterapi yang diubahsuai.

- Ruang di rawatan harian kemoterapi sudah tidak lagi mampu menampong Jumlah pesakit yang ramai untuk setiap hari. Ia juga menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lama untuk pemberian kemoterapi serta di samping menyebabkan ketidakselesaan kepada pesakit.

- Kerusi yang digunakan semasa pesakit menerima rawatan kebanyakannya telah usang dan perlu gantian. Ini menimbulkan ketidakselesaan kepada pesakit selain daripada isu keselamatan pesakit yang perlu diambil kira. Permohonan one off untuk 2014 telah dikemukakan.
- Tiada mesin ECG untuk kegunaan memeriksa pesakit bagi memeriksa pesakit ketika kecemasan respiratori atau jantung.

- Unit ini juga memerlukan tambahan beberapa peralatan seperti peti sejuk medikal untuk menyimpan ubat.

- Kekurangan pakar perunding dan pelatih Hematologi.

C. UNIT DERMATOLOGI

Di antara perkhidmatan yang disediakan oleh unit adalah:

▶ Khidmat Pesakit Luar

Unit Dermatologi mengendalikan perkhidmatan klinikal untuk pesakit luar di Pusat Perubatan Universiti Malaya melalui Klinik Kulit serta sesi untuk 'cryotherapy' dan 'intralesional injection'.

▶ Khidmat Pesakit dalam Wad

Sejak bulan Ogos 2014, kes-kes 'cellulitis' turut dimasukkan di bawah Unit Dermatologi (berbanding penempatan terdahulu di Perubatan Umum sebelum ini). Bilangan katil yang diperuntukkan bagi pesakit kulit adalah dari 4 hingga 6 buah katil yang bertempat di Wad 11U.

▶ Rondaan Wad (Ward Rounds & Grand Rounds):

Ward Round dilakukan setiap hari oleh Unit Dermatologi, manakala 'Grand Rounds' dilakukan 2 kali seminggu setiap hari Selasa dan Khamis bermula jam 8.00 pagi.

▶ Perkhidmatan 'biopsy' kulit dan 'electrocautery'

'Biopsy' kulit bertujuan untuk mendapat maklumat histopatologi untuk membuat diagnosa yang tepat supaya rawatan yang sesuai dapat diberi. 'Electrocautery' turut digunakan untuk mengeluarkan lesi-lesi kulit tertentu seperti 'skin tags', 'seborrhoeic keratosis' dan 'sebaceous hyperplasia'.

- Skin Scraping
- Nail Clipping

Jumlah Pesakit Unit Dermatologi Tahun 2014

Bulan	Kes Baru	Rawatan Susulan	Lain-lain	Skin Biopsies	Pesakit Dalam		Jumlah
					Rujukan	Kemasukan Terus	
Jan	137	347	46	25	30	4	589
Feb	144	436	37	17	40	6	680
Mac	115	436	34	20	38	12	655
April	142	462	41	17	43	8	713
Mei	160	497	26	34	38	12	767
Jun	149	406	2	25	50	6	638
Julai	188	457	9	33	44	7	738
Ogos	155	497	16	32	33	16	749
Sept	151	485	7	23	23	21	710
Okt	163	452	5	39	21	21	701
Nov	175	389	4	41	26	26	661
Dis	124	452	14	21	35	25	671
Jumlah	**1,803**	**5,316**	**241**	**327**	**421**	**164**	**8,272**
%	**21.80**	**64.26**	**2.91**	**3.95**	**5.09**	**1.98**	**100**

Jumlah Pesakit Unit Dermatologi Tahun 2013

Bulan	Kes Baru	Rawatan Susulan	Lain-lain	Skin Biopsies	Pesakit Dalam		Jumlah
					Rujukan	Kemasukan Terus	
Jan	157	516	8	23	44	8	756
Feb	128	350	6	21	32	7	544
Mac	154	457	11	20	37	7	686
April	209	416	6	20	26	8	685
Mei	133	412	9	30	34	4	622
Jun	134	409	15	24	13	10	605
Julai	168	478	8	27	27	4	712
Ogos	119	412	7	28	18	3	587
Sept	110	384	7	23	32	7	563
Okt	146	439	11	27	17	6	646
Nov	140	353	22	17	40	1	573
Dis	151	402	1	24	47	9	634
Jumlah	**1,749**	**5,028**	**111**	**284**	**367**	**74**	**7,613**
%	**22.97**	**66.04**	**1.46**	**3.73**	**4.82**	**0.97**	**100**

Jadual menunjukkan perbezaan bebanan kerja dalam tempoh 5 tahun

Perkhidmatan	2010	2011	2012	2013	2014	Jumlah
Pesakit Baru	1,410	1,744	1,801	1,749	1,803	8,507
Pesakit Susulan	3,738	4,045	4,261	5,028	5,316	22,388
Kemasukan Terus ke Wad	74 (1.25%)	68 (1.04%)	59 (0.87%)	74 (0.97%)	164 (1.98%)	439
Rujukan	319	282	326	367	421	1,715
Skin Biopsies	210	187	287	284	327	1,295
Lain-lain	163	157	74	111	241	746
Jumlah	**5,914**	**6,483**	**6,808**	**7,613**	**8,272**	**35,090**

Jumlah pesakit yang dirawat telah menunjukkan peningkatan dalam masa 5 tahun. Namun, kadar kes kulit yang memerlukan kemasukan ke wad bagi rawatan dan penjagaan rapi adalah 1.25% daripada Jumlah bilangan pesakit yang dilihat di PPUM. Kes-kes yang memerlukan kemasukan terdiri daripada kes-kes dermatologi yang serius seperti Steven Johnsons Syndrome (SJS), Toxic Epidermal Necrolysis (TEN), eritroderma dan penyakit melepuh (bullous diseases) lain serta kes-kes cellulitis bermula 2014.

Aktiviti Unit Dermatologi

- Continuing Medical Education (CME)

  Aktiviti CME adalah berterusan pada setiap petang Jumaat. Aktiviti lain termasuk sesi histopatologi mingguan yang dijalankan bersama Unit Dermatologi dan Jabatan Patologi.

- Seminar dan Bengkel

  Bengkel Dermatologi 2014: 'Remedy of Advanced Skin Care'
  Tarikh: 2 Oktober 2014
  Tempat: Dewan Pulasari, Bangunan RUKA, PPUM

  Untuk memberi rawatan yang lebih bermanfaat kepada pesakit luar, bengkel ini diadakan khas kepada staf kejururawatan di PPUM untuk meningkatkan kemahiran dalam dermatologi asas supaya rawatan pesakit-pesakit dapat dijalankan dengan lancar dan para jururawat dapat memberi nasihat yang bersesuaian untuk pesakit.

- Pendidikan Pesakit & Penjagaan Kulit

  Pendidikan pesakit dan kaunseling juga diberi pada sesi pertama kali hadir ke klinik dan apabila diperlukan. Jururawat-jururawat terlatih ditugaskan untuk menjalankan pendidikan pesakit, khususnya dalam pengajaran cara penggunaan ubat-ubatan topikal. Selain daripada memaksimakan keberkesanan rawatan, pendidikan tentang cara penggunaan ubat-ubatan bertujuan untuk mengurangkan bilangan pesakit yang memerlukan rawatan susulan.



Pelajar perubatan tahun akhir memberi khidmat nasihat kepada pesakit kulit



Demonstrasi untuk penjagaan kulit

JABATAN SURGERI

Jabatan Surgeri bertanggungjawab memberikan perkhidmatan seperti perkhidmatan klinikal, pengajaran pelajar-pelajar praijazah, pengajaran jururawat, pengajaran calon-calon lepasan ijazah, pengajaran pelajar-pelajar pergigian, mengendalikan peperiksaan ijazah dan lepasijazah serta menjalankan penyelidikan.

Di antara perkhidmatan yang disediakan termasuklah mengendalikan klinik-klinik berikut iaitu:

▶ Surgeri Am

- Klinik pesakit baru yang menawarkan perkhidmatan untuk mereka yang datang tanpa surat rujukan atau dengan surat rujukan
- Klinik susulan bagi pesakit yang sudah mempunyai janji temu susulan dan yang mempunyai masalah baru.
- Klinik Payudara
- Klinik Kardiotorasik Surgeri
- Klinik Neurosurgeri
- Klinik Pediatrik Surgeri
- Klinik Plastik surgeri
- Klinik Urologi termasuk menyediakan perkhidmatan Urodynamics, perkhidmatan Lithotripsy dan juga menjalankan pembedahan 'Renal Transplant'.

▶ Surgical Research Lab

- Untuk mengkaji molekular dan genetik marker untuk penyakit-penyakit.

Statistik Pesakit Mendapat Perkhidmatan Prosedur 'Non-invasive'

Unit	2013	2014	Perbezaan %
Surgeri am elektif	894	904	-1.1
Urologi	623	694	-10.2
Surgeri Neuro	343	329	4.25
Surgeri Plastik	142	142	0
Surgeri Pediatric	473	439	7.7
Surgeri Kardiothorasik	276	255	8.2
Jumlah	**2751**	**2763**	**-0.43**

Pada tahun 2014 bilangan kes pembedahan telah menurun sebanyak 0.43% iaitu sebanyak 2751 kes berbanding 2763 kes pada tahun 2013.

AKTIVITI JABATAN

▶ Kempen Kesedaran Prostat
Tarikh : 8 hingga 9 November 2014
Tempat : Hospital Jasin, Hospital Melaka dan Hospital Alor Gajah

Kempen Kesedaran Prostat





▶ Persidangan yang telah dianjurkan

Tajuk	Tarikh
Syarahan Penyelidikan	26 Mei 2014
HIR Breast Cancer Project Presentation	02 Jun 2014
Open Hernia Repair Workshop - Best Practices and Latest Updates	17 Jun 2014
1st UMMC Breast Cancer Public Forum	18 Oktober 2014
Silent Mentor Workshop	04 Ogos 2014

UNIVERSITI MALAYA

PUSAT PERUBATAN UM

SOKONGAN KLINIKAL

JABATAN DIETETIK

Fungsi utama Jabatan Dietetik ialah memberikan perkhidmatan klinikal dan juga bukan klinikal. Perkhidmatan klinikal merangkumi terapi pemakanan perubatan (medical nutrition therapy) kepada pesakit luar dan dalam. Sementara itu perkhidmatan bukan klinikal merangkumi penyediaan dan bekalan makanan enteral dan formula bayi kepada pesakit dalam serta pengurusan dan pemantauan perkhidmatan penyediaan dan penyajian makanan kepada pesakit dalam dan staf.

Fungsi-fungsi lain adalah seperti berikut:

- Pengajaran/Latihan:
  Memberi pengajaran, ceramah, kursus dalam perkhidmatan dan kursus penempatan dalam bidang dietetik dan pemakanan kepada penuntut dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya, Kolej Sains Kesihatan, staf PPUM, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Kementerian Kesihatan Malaysia, agensi kerajaan dan swasta yang lain

- Penyelidikan:
  Menjalankan penyelidikan/kajian dalam bidang berkaitan terapi pemakanan perubatan untuk tujuan penambahbaikan perkhidmatan dan juga berdasarkan permintaan jabatan lain.

Perkhidmatan yang disediakan

Perkhidmatan terapi pemakanan perubatan diberikan kepada pesakit luar dan pesakit dalam oleh pegawai dietetik. Terapi pemakanan perubatan merangkumi proses penilaian status pemakanan, diagnosis masalah pemakanan, pelan intervensi termasuk regim pemakanan, pemantauan dan penilaian semula keberkesanan terapi.

▶ Perkhidmatan Pesakit Dalam:

Perkhidmatan kepada pesakit dalam adalah dengan mengikut pengkhususan disiplin seperti Surgeri, Rawatan kritikal, Onkologi, Endokrin, Renal, Kardiologi, Pediatrik dan Geriatrik.

Sebanyak 97.5% daripada pesakit yang diberi perkhidmatan terapi pemakanan perubatan adalah pesakit yang dirujuk oleh pegawai perubatan dan sebahagian 2.5% pesakit lagi telah disaring oleh pegawai dietetik.

▶ Perkhidmatan Pesakit Luar:

Pegawai dietetik telah memberi perkhidmatan di Klinik Rawatan Utama (RUKA) dan Klinik Pakar Pesakit Luar

- **Klinik Dietari Rawatan Utama (RUKA)**
  Klinik ini beroperasi pada setiap hari bekerja dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Kebanyakan pesakit yang dirujuk adalah dari klinik RUKA, Keluarga, Kesihatan Kakitangan dan Klinik Saringan. Selain dari itu terdapat juga rujukan dari klinik-klinik pakar lain apabila ketiadaan pegawai dietetik di klinik pada hari tersebut. Klinik ini juga memberi sesi pendidikan berkumpulan kepada pesakit sebanyak 2 kali sebulan.

Bilangan Pesakit Luar Klinik Dietari RUKA

Perkhidmatan	2013	2014	Perbezaan %
Pesakit Baru	1,262	1,183	-6.3
Pesakit Susulan	547	481	-12.0
Jumlah	**1,809**	**1,664**	**- 8.0**

Bilangan pesakit luar Klinik Dietari RUKA tahun 2014 telah berkurangan sebanyak 8.0% dari tahun 2013 dengan perlaksanaan sistem temu janji.

- **Klinik Pakar Pesakit Luar**

  Pegawai Dietetik ditempatkan di klinik pakar pesakit luar pada waktu-waktu yang telah dijadualkan. Bilangan pesakit luar klinik pakar yang menerima terapi pemakanan perubatan pegawai dietetik untuk tahun 2014 adalah seperti berikut:

Bilangan Pesakit Klinik Pakar Yang Mendapat Perkhidmatan Pegawai Dietetik

Perkhidmatan	2013	2014	Perbezaan %
Klinik Ibu Mengandung	943	918	-2.7
Diabetis & Endokrin	297	263	-11.4
Renal	499	563	12.8
Onkologi	206	142	-31.1
Pediatrik & Rawatan Harian Pediatrik	460	552	20.0
Cardiac Rehab	79	147	86.0
Surgikal	70	88	25.7
CAPD	193	113	-41.4
FEES Rehab	25	38	52.0
Klinik Renal Transplant& Rawatan Harian Renal	11	183	1,563.6
Klinik Obesiti	59	57	-3.4
Klinik-klinik Lain (selain RUKA)	114	8	-
Jumlah	**3,306**	**3,072**	**-7.1**

Jumlah pesakit Klinik Pakar yang dilihat bagi tahun 2014 telah berkurangan sebanyak 7.1% (234 orang).

Jumlah Pesakit Yang Mendapat Perkhidmatan Terapi Pemakanan Perubatan

Perkhidmatan	2013	2014	Perbezaan %
Pesakit Dalam	11,072	12,179	10.0
Pesakit Luar (RUKA , Klinik Pakar & Rawatan Harian)	4,765	4,736	-0.6
Jumlah	**15,837**	**16,903**	**6.7**

Jumlah keseluruhan bilangan pesakit yang dilihat telah bertambah sebanyak 6.7% (1,066) bagi tahun 2014 terutamanya Jumlah pesakit dalam dengan pertambahan bilangan wad di PPUM.

▶ Pengurusan Pesakit Secara Berpasukan (Multidiscplinary Team Management)

Pegawai dietetik juga terlibat dalam penjagaan pesakit berkonsepkan pasukan pelbagai displin. Kaedah ini menggabungkan kemahiran dan pengalaman yang tertentu daripada pelbagai profesional kesihatan bagi memastikan penjagaan pesakit lebih berkesan, intensif, berkualiti dan menjimatkan kos. Kaedah ini juga dapat mengelakkan berlakunya pertindanan dalam proses penjagaan pesakit dengan melakukan perbincangan dan komunikasi secara lebih efektif. Pegawai dietetik mengambil peranan penting dalam pasukan seperti berikut:

- Pemakanan sokongan (nutrition support)
- Endokrin
- Renal
- Klinik FEES Rehab
- Pediatrik – gastro
- Pediatrik – endokrin
- Pediatrik – metabolik

▶ Kumpulan Sokongan Pesakit (Patient Support Group)

Pegawai dietetik juga terlibat dalam memberi ceramah kepada pesakit dan keluarga untuk kumpulan sokongan pesakit apabila diperlukan:

- 'Psychiatric Support Group'
- 'Bariatric Patient Support Group'
- Kumpulan Sokongan Pulmonary Rehab
- Exercise Support Group for Cancer Survivors

▶ Perkhidmatan Bekalan Makanan Enteral dan Formula bayi

Bekalan makanan enteral dan formula bayi untuk pesakit disediakan oleh Unit Bekalan Makanan Enteral yang diselia oleh Jabatan Dietetik.

- **Makanan Enteral**
  Makanan enteral merangkumi makanan cecair tambahan atau cecair penuh yang diberi melalui mulut atau melalui tiub ke dalam sistem gastrousus. Terdapat lebih 30 jenis produk yang dibekalkan dalam bentuk RTU (ready-to-use), RTD (ready-to-drink), RTH (ready-to-hang) atau serbuk yang dibekalkan mengikut keperluan pesakit.

Jumlah Bekalan Makanan Enteral

Jenis Makanan Enteral	2013	2014	Perbezaan %
Pemakanan Tiub	28,879	30,802	6.7
Minuman Tambahan	21,410	21,819	1.9
Jumlah	50,289	52,621	4.6
Purata sehari	138	144	-

Bilangan Pesakit Yang Menerima Makanan Enteral

Jenis Makanan Enteral	2013	2014	Perbezaan %
Pemakanan Tiub	4,688	5,712	17.9
Minuman Tambahan	3,831	4,476	14.4
Jumlah	**8,519**	**10,188**	**19.6**

Jadual di atas menunjukkan bilangan bekalan makanan enteral bertambah 4.6% (2,322 unit bekalan) dan bilangan pesakit yang memerlukan makanan enteral juga telah meningkat sebanyak 19.6% (1,699 orang).

- **Penyediaan dan Bekalan Formula Bayi**
  Terdapat empat kategori formula yang dibekalkan Formula Rumusan Bayi, Formula Rumusan Bayi Pra-matang, Formula Khas (extensively hydolysed danamino-acid based formula) dan Formula metabolik untuk pesakit in-born errors of metabolism mengikut diagnosis masing-masing. Semua formula bayi termasuk botol susu dan puting akan hanya dibekalkan mengikut preskripsi daripada pegawai perubatan.

Statistik Bekalan Formula Bayi

Jenis Formula	2013	2014	Perbezaan %
Formula Rumusan Bayi	21,934	18,596	-15.2
Formula Bayi Pra-matang	12,292	12,533	2.0
Pesakit Menerima Formula Bayi	9,639	9,530	-1.1

Bilangan bekalan formula bayi bagi tahun 2014 telah berkurangan sebanyak 9.0% (3,097 unit bekalan) sejajar dengan pengurangan 1.1% bilangan pesakit (109 orang) yang memerlukan formula bayi. Pemberian formula bayi akan hanya diberikan kepada pesakit berdasarkan periskripsi oleh Pegawai Perubatan sahaja.

▶ Perkhidmatan Sajian

Pentadbiran Unit Sajian diletakkan di bawah pengurusan Jabatan Dietetik sejak 15 Januari 2007. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Unit Sajian adalah seperti berikut:

- Pengurusan dan pemantauan kontrak sajian makanan
- Kawalan mutu perkhidmatan penyediaan dan bekalan makanan kepada pesakit dan makanan petugas malam. Kaedah pemantauan yang dilakukan adalah melalui:
  - Ujirasa makanan oleh kumpulan pegawai penilai dari semua jabatan dan wakil kesatuan pekerja.
  - Maklumbalas dan aduan pelanggan serta perlaksanaan tindakan ketidakpatuhan.
  - Menyemak porsi/berat makanan yang masak dan mentah secara rawak.
  - Memantau masa hidangan makanan dibekalkan mengikut spesifikasi waktu hidangan.
  - Memantau kebersihan di kawasan dapur utamauntuk meninjau kebersihan premis dan peralatan hidangan.
- Pengurusan Inbois dengan menyemak dan mengesahkan semua inbois katering sajian yang melibatkan Inbois makanan pesakit, Inbois hospitaliti dan Inbois makanan 'supper'.
- Pengurusan wang panjar iaitu mengurus peruntukan wang hospitaliti 47 unit dan jabatan di PPUM.

Aktiviti Pemantauan Perkhidmatan Penyediaan dan Sajian Makanan

Bilangan Pesakit Yang Menerima Bekalan Makanan (Diet Normal Dan Teraputik)

Jenis Bekalan Makanan	2013	2014	Perbezaan %
Diet Normal (Regular Diet)	218,527	223,106	2.1
Diet Teraputik	65,145	92,600	42.1
Jumlah Bekalan	283,672	315,706	11.3
Purata Sehari	777	865	-
Nisbah Peratusan Diet Normal: Diet Teraputik	77:23	71:29	-

Jumlah Hidangan Makanan Yang Dibekalkan (Diet Normal dan Teraputik)

Jenis Bekalan Makanan	2013	2014	Perbezaan %
Diet Normal dan Teraputik	1,051,200	1,138,800	8.3

Statistik pada tahun 2014 menunjukkan Jumlah pesakit yang menerima bekalan makanan daripada kontraktor sajian makanan telah meningkat 11.3% berbanding tahun 2013 dengan pertambahan sebanyak 2.1% (4,579 bekalan) diet normal dan juga peningkatan 42.1% (27,455 bekalan) diet teraputik. Jumlah keseluruhan hidangan makanan juga meningkat sebanyak 8.3% (87,600 hidangan).

Jumlah Keseluruhan Pesakit Yang Menerima Bekalan Makanan

Jenis Diet	2013	2014	Perbezaan %
Makanan Enteral	50,289	52,621	6.7
Diet Normal (Regular Diet)	218,527	223,106	2.1
Diet Teraputik	65,145	92,600	42.1
Jumlah	333,961	368,327	10.3
Nisbah Peratusan Enteral: Normal: Teraputik	15:65:20	14: 61: 25	-

Secara keseluruhannya Jumlah pesakit yang menerima bekalan makanan telah meningkat sebanyak 10.3% (34,366 unit bekalan) pada tahun 2014.

Perkhidmatan Pemantauan Unit Sajian

Berikut adalah skop perkhidmatan pemantauan Unit Sajian selain daripada pemantauan makanan pesakit:

Skop Perkhidmatan Unit Sajian Yang Lain (Jumlah Pek)

Skop	2013	2014	Perbezaan %
Makanan 'supper'	127,187	145,392	14.3
Hospitaliti	500	1,584	315

▶ Pengurusan Aduan Pelanggan

Aduan daripada pelanggan diterima daripada sesi uji rasa, pesakit di wad, staf PPUM, JabatanPerhubungan Awam dan juga badan pemantau iaitu Unit Sajian.

Jumlah Aduan Pelanggan Berkaitan Sajian Makanan

Jenis Aduan	2013	2014	Perbezaan %
Penilaian Kualiti Makanan	45	52	15.6
Pemantauan Jabatan Dietetik	67	82	22.3
Wad	30	79	163.3
Makanan Supper	-	8	800
Jabatan Perhubungan Awam	14	21	50
Kajian Kepuasan Pelanggan	13	8	-38.5
Ez Form	-	1	100
Jabatan Kawalan Jangkitan	-	1	100
Jumlah	**169**	**252**	**49.1**

Secara keseluruhannya terdapat peningkatansebanyak 49.1% (83 aduan) dari Jumlah aduan keseluruhan yang diterima pada tahun 2014 dengan peningkatan kesedaran di kalangan pengguna dan juga masalah kekurangan pekerja yang dihadapi oleh Kontraktor Sajian yang diberi tanggungjawab untuk membekalkan makanan kepada pesakit.

▶ Aktiviti pengajaran

Aktiviti pengajaran di beri kepada penuntut Fakulti Perubatan Universiti Malaya dan Kolej Sains Kesihatan, staf, kumpulan profesional, dan juga orang awam. Penglibatan pegawai dietetik dalam program pengajaran adalah berbentuk kuliah, 'tutorial' dan penyeliaan latihan penempatan pelajar IPTA.

Aktiviti Profesional

Pegawai Dietetik juga terlibat dalam aktiviti profesional peringkat organisasi dan nasional seperti berikut:

- Ahli jawatankuasa kerja pemakanan/ tuntutan pemakanan dan pengiklanan Kementerian Kesihatan Malaysia (JKKPN)
- Ahli jawatankuasa Akta Allied Health Professional untuk Pegawai Dietetik, Kementerian Kesihatan Malaysia
- Jawatankuasa Inisiatif Penyusuan Susu Ibu PPUM
- Ahli jawatankuasa penyediaan panduan terapi pemakanan perubatan untuk pegawai dietetik di Malaysia di dalam bidang Failure-to-Thrive, Diabetes Mellitus dan Onkologi.

Persidangan Yang Dianjurkan

Bil	Aktiviti	Tarikh/Sesi
1	Kursus Pengurusan Diet Asas	22 April dan 23 September 2014 (2 sesi)
2	Enteral Feeding Protocol Workshop	4 November dan 9 Disember 2014 (2 sesi)
3	Latihan Pengendali Makanan untuk Pengendali premis Makanan di PPUM	2 Mac 2014
4	World Kidney Day Patient Workshop 2014	14 Mac 2014

Masalah yang dihadapi oleh Jabatan

- Jabatan Dietetik memerlukan pegawai dietetik yang terlatih dan berpengetahuan tinggi. Oleh itu, untuk memastikan tahap kompetensi melalui kualiti perkhidmatan kepada pesakit dan juga aktiviti pengajaran, pegawai-pegawai dietetik yang sedia ada memerlukan program latihan secara berterusan dan juga program penempatan di dalam atau luar negara untuk menambah pengalaman, kepakaran serta pengetahuan mereka di dalam pelbagai pengkhususan.

- Ketiadaan pejabat setempat Jabatan Dietetik menyukarkan pengurusan harian kerana staf sokongan berada di Unit Bekalan Makanan Enteral dan pegawai-pegawai dietetik berada di dua buah lokasi yang berbeza iaitu dapur utama dan RUKA.

Racangan Masa Hadapan Jabatan

- Aplikasi penggunaan 3-minute Screening Tool sebagai alat saringan pemakanan (nutrition screening tool) iaitu akan dilakukan sebagai kaedah rasmi saringan pemakanan di PPUM selaras dengan keperluan yang dikehendaki oleh MSQH.Screening Tool yang sesuai untuk pesakit kanak-kanak juga akan di



Hari Farmasi Sedunia 25 September 2014





Love Your Heart Day 30 September 2014

JABATAN FARMASI

Jabatan Farmasi melaksanakan pembekalan ubat-ubatan serta perkhidmatan farmaseutikal dan klinikal kepada para pesakit Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).


Jenis Perkhidmatan Yang Disediakan

- Pembekalan ubat-ubatan untuk pesakit luar dan pesakit dalam
- Pemantauan ubat terapeutik (TDM)
- Perkhidmatan kaunseling dan maklumat ubat-ubatan
- Menyediakan sebuah farmasi komuniti (PharmUMMC) untuk kemudahan pesakit PPUM
- Menyediakan sesi pengajaran dan latihan dalam bidang farmasi untuk pelajar dan staf
- Perkongsian maklumat bagi tujuan penyelidikan

Program/Perkhidmatan Terbaharu Yang Diperkenalkan

Program/Perkhidmatan	Program/perkhidmatan baru
Garis panduan Antibiotik	Usaha sama antara Jabatan Farmasi dengan kumpulan Pakar Infectious Disease.Sebagai rujukan utama kepada semua pegawai perubatan dalam menentukan rawatan antibiotik Pelaksanaan Antibiotic Stewardship Programme untuk mengurangkan masalah antibiotik resistant.
Perkhidmatan Farmasi Klinikal di Wad PICU & 7PA	• Tarikh permulaan: 1 Julai 2014 • Memberi perkhidmatan klinikal secara keseluruhan di wad
Sistem Sokongan Farmasi dalam Pelantar iPesakit	Permohonan Drug Allergy Card – Status: Live • Rekod Drug Enquiry – Status: Live • Penempahan temu janji pengambilan ubat PharmCARE – Status: Live • Permohonan TDM – Status: Dalam Pembangunan

Pengenalan Prosedur Baharu

Seksyen	Prosedur baharu
Projek Electronic Medical Automation Supply System (e-MASS) di PPUM	• Mulai 1 September 2014
Pembungkusan Ubat Glyceryl Trinitrate (GTN)	• Sebagai perantara untuk memudahkan pesara awam dan tanggungan yang layak mendapatkan bekalan ubat dan alatan perubatan yang bukan formulari ubat PPUM. • Bekerjasama dengan farmasi komuniti untuk memberikan pilihan kepada pesakit untuk mengambil ubat-ubatan seterusnya dengan farmasi komuniti yang berdekatan dengan tempat tinggal pesakit • Menyediakan bungkusan ubat GTN dengan melekatkan label arahan pengambilan ubat yang lebih terperinci untuk pemahaman pesakit. 

Statistik Aktiviti Jabatan Farmasi

Perkara	2013	2014	Perbezaan %
Peruntukan (RM)	79,800,000.00	79,800,000.00	-
Jumlah nilai pesanan sebenar (RM)	76,791,549.34	78,750,284.28	+2.6
Pelupusan ubat-ubatan (RM)	79,056.39	18,532.46	-76.6

Statistik Aktiviti Jabatan Farmasi

Kod Keterangan 2013	Jumlah (RM)	Kod Keterangan 2014	Jumlah (RM)
B27051 - Ubat Formulari	26,223,963.98	B27051 – Ginjal	3,999,694.46
B27052 – Ubat Bukan Formulari	1,999,986.68	B27052 – Ubat Terhad dan Lain-lain	499,973.55
B27054 - Rawatan Kegagalan Ginjal	4,999,784.45	B27054 – Hematologi	799,789.36
B27057 – HIV, Blood Factor dan Hepatitis	2,999,999.53	B27057 –Peadiatrik	1,599,188.75
B27058 – Kompleks Steril	487,112.84	B27058 – Pengeluaran Farmaseutikal	725,900.70
B27059 – Onkologi	4,904,359.53	B27059 – Kawalan Infeksi	889,344.36
B27060 – Psikiatri	4,496,909.40	B27060 – Gastroenterologi	2,990,537.40
B27061 – Growth Hormone	398,024.60	B27061 – Kardiologi	6,997,149.21
B27062 – Kardiologi	10,092,354.82	B27062 – Respiratori	1,999,965.18
B27063 – Ubat Antibakteria (khas untuk ID team)	199,959.15	B27063 – CNS	11,829,872.62
B27064 – Neurologi	3,999,992.56	B27064 – Infeksi	13,320,001.97
B27065 – Wellness Clinic (Osteoporosis)	999,992.58	B27065 – Endokrin	7,499,859.90
B27066 – Anaestesiologi	2,606,336.60	B27066 – O&G, UTI	2,604,723.57

Kod Keterangan 2013	Jumlah (RM)	Kod Keterangan 2014	Jumlah (RM)
B27067 – Gastroenterologi	999,998.65	B27067 – Onkologi	2,999,785.55
B27068 – Respiratori	1,999,981.62	B27068 – Nutrisi & darah	10,931,960.99
B27069 – Endokrin	4,999,133.80	B27069 – Otot & sendi	1,090,582.47
B27070 – Oftalmologi	997,759.06	B27070 – Oftalmologi	999,997.84
B27071, B27072 dan B27074 – ENT, O&G, Urologi, Dermatologi dan Ortopedik / Rehab	399,988.44	B27071 – ENT	598,409.14
B27073 – Vaksin / Immunoglobulin	994,505.20	B27072 – Kulit	549,757.86
-		B27073 – Vaksin / Immunoglobulin	2,695,515.81
		B27074 – Anesthesia	2,928,553.04
		B27851 – Bekalan Pelbagai Bukan Perubatan	199,720.55

*Perbandingan nilai pesanan tahun 2013 tidak dapat dilakukan disebabkan oleh penamaan semula VOT mengikut kelas ubat mulai tahun 2014.


Perkara	2013	2014	Perbezaan (%)
Farmasi Pesakit Luar			
Jumlah Preskripsi Sehari	1,769	1,926	8.87
Jumlah Preskripsi Setahun	436,899	473,736	8.43
Jumlah kutipan Hasil (RM)	6,302,646.50	6,942,886.00	10.16
PharmCARE			
Perkhidmatan Kaunter			
Bilangan Purata pesakit sehari	138.16	133	-3.7
Jumlah pesakit setahun	32,888	31,767	-3.4
Jumlah bekalan ubat yang tidak dipungut setahun	130	160	23.1
Perkhidmatan Drive-Thru			
Bilangan purata pesakit sehari	9.37	13	38.7
Jumlah pesakit setahun	1,982	3,117	57.3
Perkhidmatan BY-POST			
Bilangan purata pesakit sehari	40.57	54.2	33.6
Jumlah pesakit setahun	7,897	10,409	31.8
Perkhidmatan Nursing Home			
Bilangan purata pesakit sehari	8.64	4.4	- 49.1
Jumlah pesakit setahun	418	470	12.4
Perkhidmatan MTAC			
MTAC Asma Pediatrik			
Bilangan Pesakit	650	585	-10.0
Bilangan Orang yang Dilatih (Termasuk staf, pelajar perubatan, pelajar farmasi, pelajar jururawat, PRP dan pelajar diploma)	165	271	64.2
Bilangan Sesi Latihan	48	48	0
MTAC INRCare			
Bilangan pesakit	39*	45	15.38
Sesi kaunseling individu	50*	55	10.0
***Pembetulan telah dibuat untuk nilai sebenar**			
Farmasi Pesakit Dalam			
Purata transaksi/hari bekerja	1,819	1,244	-31.6
Purata transaksi/hari minggu	891	915	2.7
Purata transaksi/cuti am	594	960	61.6

Perkara	2013	2014	Perbezaan (%)
Aktiviti pendispensan methadon			
Daftar baru	1	0	-
Jumlah pesakit	172	156	-9.3
Pemantauan ubat terapeutik			
Bilangan sampel diproses	5,507	5,335	-3.1
Bilangan sampel ditolak	747	619	-17.1
Pembekalan ubat dadah merbahaya & psikotropik ke wad			
Jumlah permohonan dari wad	2,746	2,942	7.1
Jumlah item	5,694	7,170	25.9
Farmasi Pediatrik			
Purata transaksi**	-	8,464	-
****Pharmacy Stock Holding Site 953,Farmasi Pediatrik hanya berfungsi mulai tahun 2014.**			
Pusat Maklumat Ubat-ubatan			
Bilangan pertanyaan	1,897	2,093	10.3
Bilangan laporan Adverse Drug Reaction (ADR)	92	57	-38.0
Bilangan profil ubat-ubatan	80	NA	-
Bilangan Medication Error	52	80	53.8
Bilangan penyerahan untuk Drug & Therapeutics (D&T)	67	62	-7.5
Ceramah ubat-ubatan	33	24	-27.3
Bilangan sample ubat-ubatan	16	10	-37.5
Bilangan kajian klinikal	72	63	-12.5
Bilangan penyelidikan	5	2	-60.0
Penerbitan Pharmacy Update	12	NA	-
Program orientasi	4	6	50.0
Unit Pengeluaran			
Rekonstitusi			
Suntikan rekonstitusi - ITEM	2,287	2,060	-9.93
Suntikan rekonstitusi - PRODUK	26,256	19,655	-25.14
Rekonstitusi sitotoksik - ITEM	24,752	28,318	14.41
Rekonstitusi sitotoksik - PRODUK	40,017	43,507	8.72
Ubat titis mata extemporaneous	1,307	1,165	-10.86
Nutrisi Parenteral (bilangan beg yang disediakan)			
Bilangan pesakit Dewasa	1,167	1,383	18.51
Bilangan pesakit Pediatrik	3,046	2,405	-21.04
Pemindahan sum-sum tulang (Paeds)	192	159	-17.19
Unit Rawatan Rapi Neonat			
(Pertukaran nama dari Nurseri Rawatan Khas)	1,736	1,804	3.92
Jumlah	6,141*	5,751	-6.35
***Pembetulan telah dibuat untuk nilai sebenar.**			
SMOFKabiven®	2,289	2,174	-5.02
Nutriflex Lipid Special®	553	433	-21.7
Galenikal			
Campuran (dewasa) – L	2,364	1898	-19.71
Campuran (pediatrik) – L	602.2	630.84	4.75
Campuran (pek semula) – L	210	160	-23.81
Losyen – L	802.4	604.9	-24.61
Krim dan salap – kg	2,517.81	2,459.32	-2.32
Krim dan salap (pek semula) – kg	1,906.15	1,226.1	-35.68

Perkara	2013	2014	Perbezaan (%)
Ubat titis hidung – L	8.6	10	16.28
Ubat titis telinga – L	19.5	22.8	16.92
Serbuk dibungkus - kg	464.31	562.36	21.12
Larutan stok – L	317.85	255.16	-19.72
Larutan disinfektan & antiseptic – L	9,352	8,952.15	-4.28
Tablet (pek semula) – biji	2,404,640	1,690,660	-29.69
PharmUMMC			
Jumlah transaksi tahunan	157,424	143,608	-8.78
Jumlah kutipan tunai (RM)	15,104,661.33	15,922,304.15	5.41
Jumlah kutipan kredit (RM)	43,437,5904.17	31,101,384.40	-92.84
Jumlah tuntutan subsidi ubat (RM)	28,769,695.55	17,892,879.10	-37.81
Jumlah kutipan keseluruhan (RM)	**87,244,982.35**	**64,916,807.65**	**-25.60**

Pembelian Peralatan Baru

Pada tahun 2014, Jabatan Farmasi telah membuat pembelian mesin Compounder bernilai RM250,000.00. Fungsi mesin ini adalah untuk membantu dalam kerja penyediaan beg-beg nutrisi parenteral dari segi durasi dan ketepatan dalam pengukuran bahan mentah. Dengan perolehan peralatan ini masa pemesanan nutrisi parenteral masih diterima sehingga pukul 3 petang serta mengurangkan kebarangkalian kejadian ralat.



Mesin Compounder Exactamix 2400

Aktiviti Jabatan Farmasi

Bil	Aktiviti	Tarikh
1	Pembentangan mengenai Robot for Compounding Non-hazardous IV Preparation, IV Station oleh Encik Gaspar G. Deviedma, Managing Director of Global Commercialization, Health Robotics.	3 Mac 2014
2	Lawatan Sambil Belajar Pembangunan MMUS keHospital Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan (anjuran Jabatan Teknologi Maklumat, PPUM).	10 – 12 Mac 2014
3	Bengkel Model of Good Care (MOGC) Sterile Manufacturing di Bilik Konferens Farmasi, Tingkat 1 Menara Utama, PPUM. Anjuran Seksyen Pengeluaran Farmaseutikal, Jabatan Farmasi PPUM.	31 Mei 2014
4	Wacana Ubat-ubatan PPUM bertajuk "Di Sebalik Jenama: Fahami Apa itu Ubat Generik" dengan Sesi Forum Petang bertajuk Penggunaan Alkohol dalam Produk Farmaseutikal Internal di Auditorium Menara Selatan, PPUM.	24 Jun 2014
5	Bengkel Model of Good Care (Dispensing) Farmasi Pesakit Luar di Dewan Sekapur Sirih, PPUM.	28 Jun 2014
6	Jemputan Sesi Temu bual Menerusi Segmen Kompas Kesihatan di IKIM.fm bersama Kolonel Dr. A. Halim, Pengarah Farmasi Markas Tentera. Tajuk: Peranan Ahli Farmasi dalam Bidang Perubatan dan Hubung Kait dengan Konsep Halal.	16 Julai 2014
7	Bengkel Latihan MSD di Auditorium Menara Selatan oleh Syarikat MSD Farmaseutikal	16 Ogos 2014
8	Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri di Perkarangan Farmasi Pesakit Dalam	19 Ogos 2014
9	Pemasangan dan Latihan Intensif Menggunakan Baxa Compounder Exactamix 2400 di Kompleks Steril Tingkat 1, Menara Utama	25 – 29 Ogos 2014
10	Penempatan Klinikal Pelajar Farmasi Universiti Malaya.	30 Jun – 7 September 2014
11	Sambutan sempena World Pharmacists Day 2014 Di Auditorium Menara Selatan & Ruangan Konkos Menara Utama. Tema: Access to Pharmacists is Access to Health	25 September 2014
12	Lawatan ke Tapak Ascribe, Diana Princess of Wales Hospital Grimsby, England	10 Oktober 2014
13	Hari Sukanria Bowling Jabatan Farmasi 2014 di Ole-Ole Superbowl @ Monterez Golf & Country Club, Subang	8 November 2014
14	Kem Tahunan Kanak-kanak Klinik Asma di Glens Bungalow, Bukit Fraser	6 - 7 Disember 2014
15	Penyertaan Pegawai Farmasi Sebagai Sukarelawan dalam Bantuan Perubatan Mangsa Banjir	29 Disember 2014



Pembentangan mengenai Robot for Compounding Non-hazardous IV Preparation, IV Station



Lawatan Sambil Belajar Pembangunan MMUS ke HUSM, Kubang Kerian










Bengkel Model of Good Care (MOGC) Sterile Manufacturing









Wacana Ubat-Ubatan PPUM bertajuk "Di Sebalik Jenama: Fahami Apa itu Ubat Generik" dengan Sesi Forum Petang bertajuk Penggunaan Alkohol dalam Produk Farmaseutikal Internal





Bengkel Model of Good Care (Dispensing) Farmasi Pesakit Luar










Bengkel Model of Good Care (MOGC) Sterile Manufacturing





Pemasangan dan Latihan Intensif Menggunakan Baxa Compounder Exactamix 2400
















Sambutan sempena World Pharmacists Day 2014



Sesi temu bual dalam Segmen Kompas Kesihatan di IKIM.fm bersama Kolonel Dr. A. Halim, Pengarah Farmasi Markas Tentera



Sesi temu bual dalam Segmen Kompas Kesihatan di IKIM.fm bersama Kolonel Dr. A. Halim, Pengarah Farmasi Markas Tentera





Kem Tahunan Kanak-kanak Klinik Asma







Hari Sukanria Bowling Jabatan Farmasi 2014



Proses pembungkusan ubat untuk bantuan mangsa banjir

Penerbitan/Penulisan Yang Dihasilkan

Penerbitan kajian artikel dalam Asian Pacific Journal of Cancer Prevention bertajuk Comparison of Psychotropic Prescriptions between Oncology and Cardiology Inpatients: Result from a Pharmacy Database in a Teaching Hospital in Malaysia.

Masalah Yang Dihadapi Oleh Jabatan Farmasi

Kekurangan sumber manusia

Berikutan bilangan pesakit yang semakin bertambah di PPUM, setiap seksyen Jabatan Farmasi mengalami kekurangan sumber manusia yang kronik. Antara aktiviti yang menerima kesannya adalah:

- Perkhidmatan farmasi di wad yang kini terhad kepada beberapa buah wad sahaja untuk tempoh 2 hingga 3jamsehari.Ini menjejaskan pemberian perkhidmatan serta susulan intervensi yang konsisten.
- Pelaksanaan tugas bidang informatiks farmasi yang kurang berkesan kerana skop tugasan kini dikenal pasti lebih luas daripada mengurus/menyelia MMUS sahaja.
- Penyediaan perkhidmatan untuk menyokong perkhidmatan rawatan pesakit sedia ada seperti Radiofarmasi juga tidak dapat dilaksanakan.

Kekurangan ruang untuk perkhidmatan

Penambahan bilangan pesakit turut menyumbang kepada kekurangan ruang. contohnya:

- Ruang menunggu Farmasi Pesakit Luar terlalu kecil untuk menampung lebih daripada 50 pesakit yang datang untuk mengambil bekalan ubat pada satu-satu masa.
- Keperluan menyimpan Jumlah stok yang lebih besar untuk bekalan pesakit mengakibatkan kesesakan dalam ruang simpanan ubat setiap seksyen. Kepatuhan kepada tatacara penyimpanan barangan di dalam stor turut terabai. Contohnya, menyusun kotak ubat sehingga ke siling sedangkan stok sepatutnya mempunyai jarak minimum 50cm daripada siling.
- Kawasan kerja harian yang sempit mewujudkan persekitaran yang kurang kondusif untuk bertugas di semua seksyen.

Kegagalan mengekalkan capaian/operasi MMUS sepenuhnya untuk 24 jam sehari sepanjang tahun

Punca utama adalah kegagalan mengenal pasti punca gangguan capaian/operasi MMUS. Akibat shared folder di kalangan staf, terdapat jangkitan virus di pelayan MMUS.

Masalah bekalan stok ubat-ubatan

Punca utama ialah terdapat pembekal yang tidak dapat membekalkan pesanan mengikut masa yang ditetapkan yang mengakibatkan kuantiti bekalan ubat yang terhad kepada para pesakit. Berikut adalah contoh masalah bekalan yang melibatkan pembekal:

Statistik Aktiviti Jabatan Farmasi

Syarikat yang terlibat	Jenis ubat-ubatan	Bulan yang terlibat
Ranbaxy	1. Tab. Alprazolam 0.5mg 2. Tab. Simvastatin 10mg /20mg	Okt – Nov
Sept – Nov	79,056.39	18,532.46
CCM	Inj. Morphine	Jun - Nov
Pfizer	Tab. Escitalopram	Mei – Jun
Aurubindho	Tab. Risperidone	Nov
GSK	Inj. Tazosin	Jun – Jul
Pharmaforte	Tab. Ticlopidine	Jun – Jul

Rancangan Masa Hadapan Jabatan

Perpindahan PharmCARE ke Bangunan Trauma & Kecemasan

- Kawasan PharmCARE yang sedia ada akan diubahsuai menjadi unit ICU hospital yang lebih luas.
- Persediaan perlu dilakukan oleh Jabatan Farmasi Pesakit Luar untuk mengumumkan perpindahan PharmCARE kepada para pesakit.
- Servis perkhidmatan bekalan ubat 24 jam di PharmCARE akan dicadangkan untuk kemudahan para pesakit di lokasi baru.

Rancangan Pembangunan Komples Farmasi

- Perbincangan sedang dijalankan antara Jabatan Farmasi dengan jabatan yang terlibat untuk membina satu kompleks farmasi yang terdiri daripada semua sub-unit farmasi dengan ruangan yang lebih luas.

Penggunaan Automasi Robotik untuk Pendispensan bekalan ubat di pesakit luar dan pesakit dalam

- Pendispensan secara automasi membolehkan proses pendispensan ubat menjadi lebih mudah dan tepat kepada para pesakit.

JABATAN KEJURURAWATAN

Jabatan Kejururawatan bertanggungjawab menyelaras program Kejururawatan dan memantau semua aspek Kejururawatan dalam memberi perawatan yang komprehensif merangkumi aspek-aspek kuratif, pencegahan dan pemulihan yang efisien, efektif dan berkualiti oleh jururawat yang berkemahiran serta mengguna pakai konsep pesakit sebagai seorang individu dengan mengambil kira kestabilan fizikal, emosi dan keperluan sosial tanpa mengira bangsa, agama dan taraf kedudukan.

Jabatan Kejururawatan juga menggalakkan pembelajaran berterusan dengan mengadakan program-program untuk meningkatkan keupayaan dan pembangunan profesional di kalangan staf kejururawatan dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang mana ia perlu untuk memberi perawatan yang berkualiti.

Selain itu Jabatan Kejururawatan juga terlibat di dalam program–program kualiti dan keselamatan serta aktiviti-aktiviti pengauditan dan akreditasi, termasuk pengekalan akreditasi 'ISO 9001 2008 dan persediaan untuk akreditasi Malaysian Society For Quality In Health (MSQH) .

Masalah yang dihadapi oleh Jabatan Kejururawatan adalah kekurangan jururawat disebabkan oleh penambahan servis, penambahan bilangan pesakit, tahap ketenatan pesakit yang dirawat yang memerlukan pemerhatian dan pemantauan yang lebih rapi. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Pengurusan PPUM telah mengambil seramai 156 orang jururawat baru dan diletakkan dalam program Preceptorship Kejururawatan supaya mereka menjadi kompeten di dalam memberi perawatan kepada pesakit. Secara keseluruhan Jabatan Kejururawatan sentiasa menyokong semua aktiviti-aktiviti bagi mencapai Misi dan Visi Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Jenis Perkhidmatan Yang Disediakan

Untuk mencapai objektif tersebut Jabatan Kejururawatan bergerak melalui enam (6) perkhidmatan untuk memantapkan perawatan dan keselamatan pesakit. Perkhidmatan-perkhidmatan di bawah Jabatan Kejururawatan ialah Perkhidmatan Pesakit Dalam, Perkhidmatan Dewan Bedah, Perkhidmatan Penjagaan Kritikal, Perkhidmatan Ambulatori, Perkhidmatan Perubatan Kecemasan dan Perkembangan Kejururawatan.

A. PERKHIDMATAN PESAKIT DALAM

Bertanggungjawab memberi perawatan yang menyeluruh mengikut keperluan kesihatan dan penyakit yang dihadapi oleh pesakit. Perkhidmatan yang diberi dikekalkan secara holistik, berkualiti dan selamat kepada semua golongan pesakit daripada bayi baru lahir sehingga ke warga emas. Perawatan juga melibatkan penjagaan pesakit daripada tahap akut yang memerlukan bantuan pernafasan dan penjagaan rapi sehingga ke peringkat pemulihan termasuklah paliatif sebelum discaj dari wad.

Perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- **Obstetrik dan Ginekologi**
  Bertanggungjawab memberi perawatan kepada ibu-ibu dalam penjagaan antenatal, ibu-ibu dalam penjagaan pos natal, bayi baru lahir yang normal dan perawatan ginekologi am, onkologi serta paliatif.

- **Perkhidmatan surgikal**
  Melibatkan pelbagai bidang pengkhususan (seperti urologi, neurologi, kardiologi, hepatobiliari, gastro, plastik, surgikal am)

- **Perkhidmatan Ortopedik**
  Menyediakan perawatan pra pembedahan, pos pembedahan, pemulihan dan Paliatif serta perawatan spinal.

- **Perkhidmatan Oftalmologi**
  Menyediakan perawatan pra pembedahan, pos pembedahan, pemulihan dan paliatif khusus untuk pesakit oftalmologi.

- **Perkhidmatan Otorinolaringologi**
  Menyediakan perawatan pra pembedahan, pos pembedahan, pemulihan dan paliatif khusus untuk pesakit otorinolaringologi.

- **Perkhidmatan medikal**
  Merangkumi pelbagai bidang pengkhususan yang menyediakan perawatan geriatrik, perubatan pemulihan,respiratori, kardiologi, gastroenterologi, nefrologi, reumatologi, dermatologi, endokrin, hematologi, onkologi, neurologi, penyakit berjangkit, rawatan terapi radio iodine, paliatif dan perubatan psikiatri.

- **Perkhidmatan Psikiatri**
  Memberi perawatan kepada pesakit psikiatri yang khusus termasuklah kaunseling, pemulihan terapi cara kerja dan memberikan terapi elektrokonvulsif (ECT) kepada pesakit yang memerlukannya.

- **Perkhidmatan pediatrik**
  Perkhidmatan pula melibatkan perawatan dalam pelbagai bidang pengkhususan dalam disiplin medikal, surgikal, orthopedik, oftalmologi (Eye), otorinolaringologi (ENT), pediatrik am, onkologi, paliatif, neuro surgikal, kardiotorasik pembedahan plastik serta kes SCAN bagi bayi baru lahir sehingga berumur 18 tahun.

- **Unit Laktasi**
  Perkhidmatan yang diberikan adalah mengelolakan kursus yang berkaitan dengan laktasi dan penyusuan susu ibu bagi semua petugas kesihatan termasuklah doktor, jururawat, pembantu tadbir dan pembantu perawatan kesihatan di PPUM. Selain dari itu memberikan kaunseling kepada ibu yang bermasalah dengan penyusuan di wad selepas kelahiran serta memberikan kaunseling kepada ibu yang mengambil anak angkat yang ingin menyusukan bayi angkatnya.

B. PERKHIDMATAN DEWAN BEDAH

Unit ini bertanggungjawab untuk memberi perawatan perioperatif yang selamat dan sempurna kepada pesakit-pesakit yang memerlukan pembedahan. Di antara perkhidmatan yang disediakan adalah:

- Perawatan Perioperatif; menawarkan perkhidmatan pembedahan untuk pesakit dalam secara elektif atau kecemasan.
- Pusat Pembedahan Harian; perkhidmatan ini disediakan bertujuan untuk mengatasi masalah kekurangan katil. Perkhidmatan menawarkan pembedahan untuk pesakit luar yang memerlukan anestesia am dan perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan.
- Dewan Bedah Trauma; menawarkan pembedahan secara kecemasan untuk pesakit yang datang melalui unit Trauma.

- Dewan Bedah Obstetrik; menawarkan perkhidmatan pembedahan 'caesarian section' secara elektif atau kecemasan.
- Dewan Bedah Kecil; menawarkan perkhidmatan pembedahan kecil untuk pesakit yang tidak memerlukan pembiusan am tetapi memerlukan pembiusan setempat
- Pain Management Servis; 'Acute Pain Service'. adalah perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Anestesiologi bagi merawatpesakit yang mengalami kesakitan dalam keadaan akut atau kronik. Perkhidmatan yang diberikan adalah melalui PCA (Patient Control Analgesia), Epidural, Intrathecal Morphine dan lain–lain. Selain itu, perkhidmatan Pain Clinic juga diberikan untuk pesakit yang mengalami kesakitan kronik.
- Pemberian Anesthesia di luar Dewan Bedah; Perkhidmatan Pembiusan Am di luar Dewan Bedah diberikan oleh anestetis yang ditugaskan dan dibantu oleh jururawat bius. Prosedur yang dilakukan adalah E.C.T, Radiologi, Onkolgi dan Endoskopi.
- Unit Pensterilan Alat Steril; unit yang membekalkan peralatan steril untuk kompleks dewan bedah dan wad-wad.



Electrical Pen Drill with Power control system

Program/Perkhidmatan terbaru yang diperkenalkan

- **Prosedur 'release carpal tunnel' secara 'hypnosis'**
  Prosedur 'release carpal tunnel' secara 'hypnosis' dilakukan di Bilik Bedah Kecil. Kaedah ini tidak menggunakan sebarang ubatan pembiusan setempat. Ini adalah kes pertama yang dilakukan secara 'hypnosis' di Malaysia dan berjaya tanpa sebarang komplikasi.

- Pembukaan Dewan Bedah Menara Selatan pada 12 September 2014. Pembukaan Dewan Bedah Menara Selatan ini adalah untuk penempatan sementara Pusat Pembedahan Harian di Menara Timur untuk memberi laluan kepada kerja-kerja pengubahsuaian Pusat Pembedahan Harian di Tingkat 4, Menara Timur. 3 buah bilik bedah di Menara Selatan telah beroperasi sepenuhnya pada 15 September 2014 sehingga kini.



Pembelian Peralatan

- Electrical Pen Drill with Power control system berharga RM82,460.00. Peralatan ini digunakan untuk pembedahan plastik dan juga gabungan bersama kes pembedahan maksilofasial. Alatan ini boleh digunakan untuk proses saw, drilling dan burr pada bahagian tulang contohnya tulang tibia dan disambungkan ke bahagian tulang maxilla. Peralatan ini sangat diperlukan kerana ia dapat membantu dalam mempercepatkan proses pembedahan yang sedang dijalankan.

- Electrical Power Control System with craniotome set bernilai RM295,000.00. Digunakan untuk membuat penebukan pembedahan di kepala. Peralatan ini memudahkan pembukaan insisi dan mempercepatkan proses pembedahan.



Electrical Power Control System with craniotome

- Cuda Light Source bernilai RM32,500.00. Alat ini digunakan bersama 'headlight' untuk memberi tumpuan cahaya kepada kawasan pembedahan. Alat ini amat penting dalam membantu pakar bedah untuk melihat kawasan yang lebih sempit dan dalam. Pakar Bedah dapat melihat dengan lebih jelas apabila berlaku perdarahan. Ini akan dapat memendekkan masa pembedahan pesakit.

- 11 unit Modular Bedside Anest System Patient Monitor yang bernilai RM533,500.00. Berperanan melakukan pemantauan sistem respiratori dan hemodinaik sistem kardiovaskular yang dilakukan secara non-invasive bagi mengetahui perkembangan keadaan pesakit dari semasa ke semasa ketika pesakit berada di resepsi dan rekavori. Peralatan ini diperlukan untuk membuat pemerhatian pesakit sebelum dan selepas pembedahan di mana ia dapat membantu dalam mengambil tekanan darah, kadar nadi dan juga saturasi oksigen pesakit. Monitor ini juga dapat mengesan sebarang abnormaliti di peringkat awal dan langkah-langkah pencegahan komplikasi dapat dilakukan dengan segera.

- 5 unit Blood & Fluid Warming Cabinet bernilai RM295,000.00. Adalah alat untuk pencairan dan pemanasan komponen darah seperti fresh frozen plasma, red cells serta cecair infusi intravena mengikut kadar suhu yang diperlukan. Penggunaan alat ini adalah mudah dan selamat kerana dilengkapi dengan paparan digital serta had masa pemanasan automatik. Kualiti bahan transfusi dapat dijaga dan turut dapat meningkatkan tahap keselamatan terhadap pesakit dan mengelakkan pesakit dari mendapat hypothermia.

- 3 unit Video Laryngoscope bernilai RM144,969.00. Suatu peralatan bagi memudahkan proses intubasi dengan bantuan kamera kecil dan sumber cahaya di bilah laryngoscope. Bilah laryngoscope dimasukkan ke mulut pesakit untuk mendapatkan imej pangkal tekak. Imej tersebut dipaparkan ke monitor bagi memudahkan tatacara intubasi.



Blood & Fluid Warming Cabinet



Video Laryngoscope



Anesthesia Machine

- 4 Unit Anesthesia Machine bernilai RM906,000.00. Berperanan sebagai alat bantuan pernafasan bagi pesakit-pesakit yang memerlukan pembiusan am semasa pembedahan di mana ia mampu membantu atau mengambil alih fungsi pertukaran gas oksigen dan karbon dioksida di dalam paru-paru. PHILIPS IntelliVue MX 700 Patient Monitor berperanan melakukan pemantauan sistem respiratori dan hemodinamik sistem kardiovaskular yang dilakukan secara invasive dan 'non – invasive' bagi mengetahui perkembangan keadaan pesakit dari semasa ke semasa sepanjang pembedahan berlangsung.

Unit Pembekalan Alat Steril, Perkhidmatan Dewan Bedah

- **Unit Pembekalan Alat Steril (UPAS)**
  Unit Pembekalan Alat Steril bertanggungjawab dalam perkhidmatan pengendalian peralatan steril dan set sedutan bagi tujuan diagnostik dan perawatan di PPUM. Kawasan–kawasan yang dibekalkan dengan alat-alat steril dalam tahun 2011 ialah sebanyak 68 kawasan meliputi hampir 90% unit-unit dan jabatan yang memberikan perkhidmatan kepada pesakit sama ada secara langsung atau tidak langsung termasuk Kolej Kejururawatan, UMSC dan Klinik Kesihatan Pelajar UM.

- **Unit Pembekalan Alat Steril Dewan Bedah (TSSU)**
  Unit ini bertanggungjawab dalam perkhidmatan mengendalikan peralatan steril bagi tujuan perawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya. Kawasan yang terlibat adalah semua bilik bedah Pusat Perubatan Universiti Malaya

Jenis perkhidmatan yang disediakan:

- Mengutip, mencuci, membungkus, mensteril dan membekalkan instrumen dan peralatan yang digunakan dalam prosedur perawatan pesakit.
- Melipat, membungkus, mensteril serta membekal kain untuk kegunaan harian di Dewan Bedah, Klinik-klinik, PTj Pengimejan Bio-Perubatan, Wad BMT, ICU, UMSC dan lain-lain wad bila diperlukan
- Membuat, membungkus, mensteril dan membekal peralatan suplimentari atau peralatan guna hapus.
- Mengutip, mencuci dan membekal peralatan ke semua wad di PPUM.
- Menerima set yang dihantar oleh staf bilik bedah untuk diproses steril dan mengembalikan semula set tersebut. Contohnya set daripada pembekal untuk tujuan perawatan pesakit dan “micro instrument” set

Pengenalan Prosedur Baru

- Penggunaan ‘gun sticker’ untuk label setiap set steril bagi menggantikan stiker yang lama.
- Penggunaan ‘absorbent tray liner’ menggantikan ‘wrapper non wooven’ untuk melapik ‘tray’ dalam set steril bagi memastikan set kering secukupnya selepas disterilkan.

Pembelian Peralatan


Bil	Peralatan	Harga Seunit
1	2 unit Heat Sealer with Printer complete with Stainles Steel Work Station	39,000.00
2	20 unit Transport Wagon (10 unit UPAS, 10 unit TSSU).	7,000.00
3	20 unit Heavy Duty ABS 2 Tiers Trolley	1,800.00
4	2 unit Mesin Autoclave	335,193.00



Heat Sealer with Printer complete with Stainles Steel Work Station



Heat Sealer with Printer complete with Stainles Steel Work Station



Heat Sealer with Printer complete with Stainles Steel Work Station



Heat Sealer with Printer complete with Stainles Steel Work Station

C. PERKHIDMATAN PENJAGAAN KRITIKAL

Perkhidmatan Penjagaan Kritikal merupakan satu unit yang khusus bagi memberikan rawatan dan perawatan untuk pesakit dewasa yang kritikal serta memerlukan bantuan sokongan hayat (ventilator), pesakit pediatrik kritikal baru lahir sehingga 18 tahun, pesakit yang mengalami serangan jantung yang akut dan kronik, menyediakan pesakit untuk prosedur invasif seperti angiogram, angioplasti serta kemasukan alat perentak jantung dan juga merawat pesakit selepas menjalani prosedur PTCA dan selepas menjalani Implant Pacer dan ICD.

Unit ini juga memberikan rawatan dan perawatan kepada ibu/ pesakit sebelum, semasa dan selepas bersalin, memberi rawatan dan penjagaan bayi yang lahir pramatang, berisiko tinggi dan yang mengalami masalah berat badan. Unit ini juga memberi rawatan dan perawatan pesakit pediatrik sebelum dan selepas pemindahan sum-sum tulang dan juga memberikan rawatan dan perawatan kepada pesakit selepas pembedahan jantung, torasik dan saluran darah. Wad-wad di bawah Perkhidmatan Penjagaan Kritikal ialah, Wad ICU, CICU, 4U/CCU, ICW, Wad Bersalin, Wad NICU, Wad PICU dan Wad PBMT.

Jenis Perkhidmatan yang disediakan

- **Wad Rawatan Rapi (ICU)**
  Wad ini mempunyai 25 buah katil yang merupakan wad khas untuk memberikan rawatan dan perawatan pesakit yang tenat yang memerlukan mesin bantuan pernafasan (ventilator). Wad ini juga memberikan perkhidmatan untuk pesakit yang mengalami jangkitan serius (sepsis), respiratory arrest, mengalami brain death, organ transplant/renal transplant dan juga kepada pesakit yang menjalani pembedahan serta memerlukan pemantauan serta pemerhatian haemodinamik yang rapi secara berterusan sehingga pesakit stabil. Pesakit boleh dimasukkan ke wad ICU secara elektif dan kecemasan. Selain dari merawat pesakit yang menggunakan ventilator ICU juga memberikan perawatan kepada pesakit HDU (high dependency unit). Pesakit ini menggunakan mesin BIPAP dan high flow mask. Bagi pesakit dikubikel ini ratio nurse dan pesakit ialah 1: 2, manakala pesakit yang tenat nurse patient ratio ialah 1 : 1. (1 jururawat satu pesakit)

- **Unit Rawatan Rapi Kardiotorasik (Wad CICU)**
  Wad Cardio Thoracic Intensive Care Unit merupakan wad yang khusus untuk pesakit selepas menjalani pembedahan jantung terbuka dan tertutup, pembedahan torasik dan saluran darah. Selain dari itu pesakit yang perlu menjalani pembedahan paru-paru juga dimasukkan di wad ini seperti kes lobectomy dan pneumonectomy. Wad ini juga memberikan perkhidmatan yang sama untuk pesakit dari UMSC. Wad ini mempunyai 6 buah katil untuk pesakit yang memerlukan rawatan selepas pembedahan dalam satu-satu masa.

- **Wad 4U/CCU**
  Wad 4U/CCU merupakan wad kardiologi yang akan menerima pesakit dari dalam dan luar PPUM serta kes rujukan dari hospital kerajaan dan swasta di sekitar Lembah Kelang dan luar Kuala Lumpur yang memerlukan perawatan jantung serta menjalani prosedur invasif jantung. Wad ini mempunyai 39 buah katil di mana boleh menempatkan seramai 5 orang pesakit untuk pesakit yang tenat yang memerlukan bantuan ventilator. 34 buah katil lagi boleh menempatkan pesakit jantung untuk rawatan dan yang memerlukan prosedur invasif.

- **Wad ICW (Interventional Cardiac Ward)**
  Wad ini merupakan lanjutan / sambungan wad 4U/CCU. Wad mempunyai sebanyak 20 katil. Wad ini terletak di tingkat 8 Bangunan Menara Selatan. Wad ini diwujudkan untuk menampung kemasukan pesakit jantung yang kian bertambah. Pesakit yang dimasukkan adalah terdiri dari pesakit yang dijadualkan untuk menjalani prosedur invasif seperti angiogram, angiplasty serta untuk kemasukan pesakit yang memerlukan kemasukan alat perentak jantung dan juga pesakit yang agak stabil dari wad 4U/CCU. Selain dari itu wad juga boleh menempatkan pesakit selepas menjalani prosedur PTCA dan juga selepas pesakit menjalani Implant Pacer dan ICD. Selain daripada memberikan rawatan pesakit di wad ini juga akan diberikan khidmat kaunseling daripada jururawat dan doktor berkaitan dengan penyakit jantung. Penyelidikan berkaitan ubat-ubatan serta penyakit yang berkaitan dengan jantung bagi unit kardiologi juga dilakukan oleh paramedik termasuklah doktor, jururawat, staf farmasi dan pakar pemakanan.

- **Wad Bersalin**
  Wad Bersalin beroperasi dengan kapasiti katil sebanyak 16 unit. Wad terletak di tingkat 3, Bangunan Kompleks Kesihatan Wanita dan Kanak-kanak. Wad memberikan rawatan kepada ibu-ibu yang akan melahirkan anak serta memberikan rawatan kepada ibu yang bermasalah semasa hamil dan selepas melahirkan. Wad juga memberikan rawatan kepada ibu yang memerlukan induksi serta untuk External Cephalic Version (ECV). Selain dari itu, Wad Bersalin juga menerima pesakit yang dirujuk dari luar PPUM yang memerlukan jagaan lanjut terutama kepada ibu yang bermasalah dan yang berisiko tinggi seperti severe PIH (Pregnancy Induced Hypertension), pre eclampsia, bleeding, sakit jantung serta kelahiran pramatang yang memerlukan mesin sokongan hayat untuk bayi pramatang tersebut. Nisbah jururawat dan pesakit ialah seorang jururawat akan memberikan perawatan kepada 3 hingga 4 orang pesakit.

- **Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU)**
  Unit ini memberikan rawatan dan perawatan untuk bayi yang dilahirkan pramatang, berisiko tinggi dan bayi yang mengalami masalah kurang berat badan. Dengan rawatan dan perawatan yang berkualiti dan cekap kadar mortality dapat dikurangkan. Wad juga menerima bayi yang mengalami birth trauma, masalah cardiorespiratory, hypoglycaemia dan jaundice. Bayi di sini juga dimasukkan kerana memerlukan rawatan surgikal yang memerlukan pemerhatian rapi di samping itu bayi yang memerlukan nutrisi secara total parenteral nutrition (TPN) juga dirawat di sini.

- **Paediatric Intensive Care Unit (PICU)**
  Wad PICU merupakan wad yang khusus untuk bayi yang baru lahir sehingga pesakit yang berumur 18 tahun yang memerlukan penjagaan intensif sebelum dan selepas pembedahan am, bayi dan kanak-kanak yang menjalani pembedahan neuro, prosedur rawatan invasive dan non invasive seperti memasukkan catheter Central Venous, aspiasi sum-sum tulang, biopsy, bronchoscopy, intraaortic balloon pump, haemodialysis dari vena ke vena dan juga kes high dependency serta membantu wad NICU dalam penjagaan bayi pramatang sekiranya perlu. Wad beroperasi dengan kapasiti katil sebanyak 10 unit. Kebanyakan pesakit di sini memerlukan bantuan mesin sokongan hayat (ventilator). Wad terletak di tingkat 3 Bangunan Kompleks Kesihatan Wanita dan Kanak-kanak bahagian pediatrik.

- **Paediatrik Bone Marrow Transplant (PBMT)**
  Wad PBMT merupakan wad khusus untuk pesakit pediatrik sebelum dan selepas pembedahan sum-sum tulang dengan menyediakan perkhidmatan pengumpulan stem cell,cord blood dan bone marrow harvest. Perkhidmatan ini dapat dijalankan dengan kerjasama dari Jabatan Perubatan Transfusi PPUM. Ibu bapa pesakit yang dirawat akan diberikan sesi kaunseling bagi menerangkan dengan lebih lanjut lagi tentang rawatan pemindahan su-sum tulang, ubat-ubatan yang diperlukan serta tempoh rawatanh yang dijangkakan semasa dan selepas pemindahan sum-sum tulang. Wad mempunyai 6 buah katil untuk pesakit. Selain dari itu wad juga memberikan perkhidmatan penjagaan yang berterusan seperti penjagaan dan pengendalian Central Venous Line (CVL) serta pengambilan darah untuk paras Cyclophosphamide bagi pesakit yang memerlukan sebelum mendapatkan rawatan susulan di klinik.

Program/Perkhidmatan terbaru yang diperkenalkan

Wad Bersalin

- **Pre Assessment Centre**
  Pre Assessment Centre telah diwujudkan di aras 4, Bangunan KKWK. Unit ini adalah bagi memberikan rawatan kepada ibu yang berada di peringkat awal kelahiran di mana ibu akan diperiksa oleh doktor dan jururawat dan penilaian akan dilakukan sama ada pesakit perlu dimasukkan ke wad Bersalin atau wad antenatal atau boleh discaj. Ini dapat mengurangkan kemasukan ibu ke Wad Bersalin.

- **Induction of Labor (IOL)**
  Bagi pesakit yang berisiko rendah dan dijadualkan menjalani Induction of Labor (IOL) ia akan dijalankan di Wad Antenatal. Wad Bersalin hanya akan mengambil kes yang berisiko tinggi sahaja.

Pembelian Peralatan

Peralatan	Harga RM
Defibrillator (Biphasic Defibrillator)	34,800.00
Digital ECHO Cardiography System	565,000.00
Multichannel Electro Cardiography (ECG)	19,400.00
Volumetric Pump	3,550.00
IABP with Doppler	300,000.00
Central Monitoring System - 1 unit	89,000.00
Physiological Monitor - 6 unit	89,000.00
Syringe Pump - 20 unit	3,500.00
Non Invasive Ventilators - 2 unit	70,000.00
Warming System Device Bair Hugger Corrective Warmer Blanket	8,800.00

Masalah yang dihadapi bagi Perkhidmatan Penjagaan Kritikal

- Kekurangan Jururawat dengan pengkhususan Perawatan Rapi
  Bagi Wad ICU hanya 19.82% sahaja yang mempunyai sijil posbasik/lanjutan perawatan rapi. Jumlah Ini adalah tidak mencukupi. Oleh itu bagi menampung kekurangan jururawat dengan pengkhususan tersebut seramai 6 orang lagi jururawat dari Wad ICU dihantar untuk mengikuti Diploma Lanjutan Kritikal yang dianjurkan oleh PPUM pada bulan Januari 2015.

- Kekurangan Jururawat dengan Pengkhususan Kebidanan
  Semua Jururawat (100%) yang bertugas di Wad Bersalin pula mempunyai sijil posbasik kebidanan. Sungguhpun demikian Jumlah ini masih tidak mencukupi kerana Jumlah jururawat yang dihantar untuk mengikuti kursus ini anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia sangat sedikit. Harapan kami agar Kursus Lanjutan Diploma Kebidanan dapat dianjurkan oleh PPUM supaya dapat menghantar lebih ramai jururawat bagi menampung kekurangan serta dapat membuka lebih banyak katil lagi jika ia dapat direalisasikan kelak.

D. PERKHIDMATAN AMBULATORI

Perkhidmatan Ambulatori merangkumi perkhidmatan di klinik pakar dan rawatan harian.

Klinik Pakar

Perkhidmatan ini bertanggungjawab memberi perawatan yang komprehensif merangkumi aspek-aspek kuratif, pencegahan dan pemulihan yang efisien, efektif dan berkualiti kepada pesakit luar dan sebahagian daripada pesakit dalam. Perkhidmatan pesakit luar merangkumi:

- Klinik Perubatan
- Klinik Psikiatri
- Klinik Surgeri
- Klinik Ortopedik
- Klinik Oftalmologi
- Klinik Otorinolaringologi
- Klinik Ginekologi
- Klinik Pediatrik
- Klinik Ibu Mengandung
- Klinik Kesihatan Reproduktif
- Unit Feto Maternal
- Klinik Perubatan Sukan
- Klinik Perubatan Pemulihan
- Klinik Perawatan Kaki Diabetes/Pusat Setempat Diabetes
- Pusat Setempat Pengambilan Darah
- Anjung Discaj
- Pengimejan BioPerubatan
- Perubatan Transfusi
- Rawatan Utama Klinik Am (RUKA)

Fungsi Unit

- Bertanggung-jawab menjaga, memantau mengawal selia dan memastikan kelancaran perkhidmatan klinik pakar.
- Memberi perawatan pesakit yang komprehensif dan bermutu tinggi dengan mesra mengikut keperluan fizikal, emosi, sosial dan rohani tanpa mengira bangsa dan agama.
- Memberi perkhidmatan kuratif preventif dan penjagaan pemulihan yang bermutu tinggi mengikut piawaian kejururawatan.
- Mengkoordinasi dan menggunakan sumber-sumber yang sedia ada sepenuhnya untuk membantu dalam perawatan pesakit.
- Bekerjasama dengan jabatan lain dalam semua aktiviti pendidikan dan penyelidikan.

Program / Perkhidmatan terbaru yang diperkenalkan

Bil	Klinik / Unit	Program/Perkhidmatan/Prosedur
1	Klinik Perubatan 2	Klinik Perubatan 2 telah menambah satu lagi sesi (slot) untuk Klinik Kulit pada hari Khamis petang untuk kes lawatan susulan (follow up). Contoh kes seperti keloid, eczema, corn dan wart. Prosedure yang dilakukan adalah menggunakan cryo untuk corn dan wart, suntikan triamcinolone untuk kes keloid dan pengajaran penggunaan krim sapuan bagi kes eczema. Kuota pesakit adalah seramai 20 orang dan TON seramai 20 orang.
2	Klinik Psikiatrik	Klinik Psikiatrik telah berpindah di lokasi baru di Kompleks Psikologi pada 15 September 2014. Sesi klinik bermula di lokasi baru pada 18 September 2014. Klinik Psikiatrik kekal mempunyai 9 buah bilik konsultasi. Ruang menunggu berada di luar klinik.
3	Klinik Perawatan Luka	Klinik Perawatan Luka pula telah berpindah, mengambil tempat Klinik Psikiatrik lama pada 27 September 2014. Terdapat 6 buah bilik prosedur cucian luka dan 2 buah bilik untuk enterostomal terapi .
4	Klinik Pediatrik Child Health Clinic (PD36)	• Memberi perkhidmatan pesakit luar untuk kes baru dan rawatan susulan • Kepada bayi berumur 1 bulan dan lebih. • Memberi immunisasi kepada bayi • Dimulakan pada 30 April 2014 • Setiap hari Rabu dan Jumaat.
5	Klinik Perubatan Pemulihan	• Kinik Neuropathic • Klinik Neuro Palliative Rehabilitation
6	Rawatan Utama Klinik Am (RUKA)	• Klinik RUKA telah dipilih bagi menjayakan pilot projek sistem eMR (Electronic Management Record) yang dijalankan oleh Jabatan Teknologi Maklumat. Projek dimulakan pada 1 Julai 2014 dengan hanya melibatkan 4 buah bilik konsultasi sahaja. Bilik konsultasi yang terlibat adalah bilik 5-8 di Klinik Am, Tingkat Bawah Klinik RUKA. • Pada 1 November 2014, keseluruhan bilik konsultasi Klinik RUKA telah menggunakan sistem eMR. Dengan adanya sistem eMR, pesakit tidak lagi memerlukan fail kerana semua data boleh diakses melalui sistem komputer. • Menaik taraf bilik 20 di Klinik Keluarga, Tingkat 1 Klinik RUKA sebagai Bilik Rujukan bagi menempatkan pesakit yang dirujuk oleh doktor Klinik RUKA kepada Doktor Pakar. Bilik mula beroperasi pada 17 Oktober 2014 Perkhidmatan ini telah mendapat sambutan yang positif dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan.

Masalah yang dihadapi oleh Perkhidmatan Ambulatori

- **Klinik Pakar**
  Jumlah janji temu selalunya melebihi kuota yang dikhaskan. Ia sukar untuk dikawal kerana keadaan pesakit yang memerlukan rawatan lebih awal untuk berjumpa doktor. Oleh itu Jumlah pesakit yang berjumpa doktor adalah melebihi kemampuan doktor yang mengakibatkan pesakit terpaksa menunggu lama serta pesakit tidak menghadiri klinik mengikut masa janji temu yang ditetapkan.

- **Klinik Oftalmologi / Klinik Otorinolaringologi**
  Klinik Oftalmologi dan Klinik Otorinolaringologi masih memerlukan penambahan peralatan untuk memberi perkhidmatan yang selamat dan efisien kepada pesakit. Alatan masih disteril dengan kaedah rendaman dalam disinfectant.

- **Pusat Setempat Pengambilan Darah**
  Pusat Setempat Pengambilan Darah mempunyai ruang menunggu yang sempit. Kawasan perlu dikawal untuk memastikan staf yang bekerja di setempat tidak diganggu oleh pesakit terutama pada waktu pagi. Tempat menunggu amat sesak pada waktu pagi disebabkan pesakit tidak hadir mengikut waktu janji temu.

Rawatan Harian

Perkhidmatan rawatan harian yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- Klinikal Onkologi
- Rawatan Harian Hemato-Onkologi
- Rawatan Harian Dialisis & Nefrologi
- Pusat Harian Psikiatrik
- Bengkel Latihan dan Pemulihan Kerja
- Unit Psikiatri Remaja dan Kanak-kanak
- Perkhidmatan Komuniti Kesihatan Mental
- Rawatan Harian Medikal Onkologi
- Pusat Sumber Kanser Payudara
- Rawatan Harian Gine-Onkologi
- Rawatan Harian Pediatrik Medikal
- Rawatan Harian Pediatrik Surgeri
- Unit Kehamilan Awal
- Rawatan Harian Obstetrik
- Rawatan Harian Urologi
- Unit Endoskopi

Program/perkhidmatan terbaru yang diperkenalkan

- Rawatan Harian Pusat Sumber Kanser Payudara: Memberi pengajaran dan kaunseling kepada pesakit melalui video "Information and Navigation for Treatment of Breast Cancer in UMMC".
- Perkhidmatan Komuniti Kesihatan Mental: Perkhidmatan Lawatan ke rumah telah ditambah kepada 3 hari iaitu pada hari Selasa, Rabu dan Jumaat bermula 2 Disember 2014.

Pengenalan Prosedur Baru

- Perkhidmatan Komuniti Kesihatan Mental: Pengenalan kepada Perkhidmatan Penempatan Pekerjaan di mana lawatan dimulakan pada bulan 11 Februari 2014.

Pembelian Peralatan

Lokasi	Peralatan	Harga RM
Rawatan Harian Pediatrik Surgeri	1 unit Pediatrik Anorectal Manometry System	198,600.00
Rawatan Harian Dialisis dan Nefrologi	1 unit Vascular Access Ultrasound System	75,000.00
	2 unit Volumetric Infusion Pump	3,300.00
	8 unit NIBP	6,696.00
	1 unit Wheelchair Scale	10,500.00
	10 unit Kerusi Recliner	4,900.00
	5 unit Mesin Hemodialisis	54,000.00
	1 unit Mesin ECG	19,400.00
Klinikal Onkologi	1 unit NIBP	6,753.00
	2 unit 'Physiological Monitoring'	16,500.00
Rawatan Harian Hemato-Onkologi	1 unit NIBP	6,696.00
	3 unit Infusion Pump Volumetric	3,300.00
	1 unit Biphasic Defibrillator	34,800.00
	1 unit Infusion Pump Syringe	4,245.00
Unit Endoskopi	2 unit Endoscopy Scope System	195,800.00

Kejayaan/Anugerah

Rawatan Harian Pusat Sumber Payudara telah memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Projek Pasukan Penambahbaikan Kualiti (QIT) PPUM yang diadakan pada 9 Oktober 2014 bertempat di Dewan Sekapur Sirih PPUM.

Pembangunan Fizikal

- **Unit Psikiatri Remaja dan Kanak-Kanak**
  Unit Psikiatri Remaja dan Kanak-kanak telah berpindah ke lokasi baru pada 5 hingga 6 Ogos 2014 di Tingkat 1, Kompleks Perubatan Psikologi.

- **Pusat Harian Psikiatrik**
  Pusat Harian Psikiatrik dan Bengkel Latihan Pemulihan Kerja telah berpindah ke lokasi baru iaitu di tingkat 3, bangunan materniti lama yang telah diubahsuai sebagai Kompleks Perubatan Psikologi pada 11 Ogos 2014. Kerja-kerja perpindahan ini telah mengambil masa 2 hari dengan bantuan daripada pihak kejuruteraan dan Pembantu Perkhidmatan Kesihatan U11 daripada unit lain. Proses untuk menyusun atur perabot, barang-barang serta peralatan unit telah mengambil masa satu minggu dan dalam tempoh tersebut, sesi klinik tidak dapat dijalankan dan pesakit telah dicutikan. Pusat Harian Psikiatrik dan Bengkel Latihan Pemulihan Kerja telah beroperasi sepenuhnya pada 18 Ogos 2014.

- **Perkhidmatan Komuniti Kesihatan Mental**
  Perkhidmatan Komuniti telah berpindah ke lokasi baru iaitu Kompleks Perubatan Psikologi setelah menumpang di bilik mesyuarat Pusat Harian Psikiatri semenjak di tubuhkan. Perkhidmatan Komuniti Kesihatan Mental telah beroperasi sepenuhnya di tingkat 3 Kompleks Perubatan Psikologi pada 11 Ogos 2014.

D. PERKHIDMATAN PERUBATAN KECEMASAN

Jabatan Perubatan Kecemasan bertanggungjawab dalam melakukan penilaian awalan, perawatan kecemasan, resusitasi, stabilisasi, dan penempatan pembedahan dan perubatan kecemasan. Terdapat multi disiplin kumpulan perubatan seperti pakar otopedik, pakar pembedahan, pakar psiakitrik, pakar kanak-kanak dan lain-lain serta dibantu dengan perkhidmatan pra-hospital, pengimejan dan makmal 24 jam. Juga menerima kes-kes rujukan dari klinik-klinik swasta, Pusat-pusat Kesihatan dan hospital-hospital lain. Bekerjasama dengan Tentera Udara Malaysia dan Bomba dalam memberi perkhidmatan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan segera sebagai media transportasi. Sebagai pusat pembelajaran jabatan ini juga menerima pelatih-pelatih perubatan. Keutamaan pengurusan pesakit adalah mengikut tahap keseriusan seseorang pesakit. Pesakit akan disaring oleh petugas triaj di mana penilaian awal dilakukan untuk mengenal pasti masalah kecemasan yang dialami dan dirawat mengikut keutamaan penyakit.

Perkhidmatan yang disediakan

- Perkhidmatan Perawatan Pra Hospital. Skop kawasan perkhidmatan adalah di dalam lingkungan 30 kilometer radius. Jabatan Kecemasan mengkoordinasi perkhidmatan ini melalui satu rangkaian jaringan antara hospital atau agensi sokongan seperti St John Ambulan, Persatuan Bulan Sabit dan perkhidmatan ambulan swasta.
- Perkhidmatan resusitasi, stabilisasi di tempat kejadian dan pengangkutan pesakit ke hospital.
- Perkhidmatan Perawatan Kecemasan. Semua pesakit akan disaring oleh Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat sebelum dilihat oleh Pegawai Perubatan. Pesakit akan disaring mengikut 3 kategori berdasarkan Triaj 1, 2, 3 dan 4. Pesakit akan ditempatkan di zon yang telah ditetapkan mengikut triaj untuk mendapatkan rawatan serta nasihat yang tepat dan betul. Jabatan Kecemasan & Trauma menyediakan perawatan yang komprehensif termasuklah resusitasi dan stabilisasi pesakit, diagnosis dan prosedur intervensi, perawatan definitif, perawatan asma, wad Trauma dan pembedahan kecemasan.
- Pusat Khidmat Bersepadu / One Stop Crisis Centre (OSCC). Pusat ini mengkoordinasi dengan jabatan atau agensi yang lain bagi pengurusan kes rogol, penderaan kanak-kanak serta keganasan rumah tangga.
- Pengurusan Bencana. Jabatan Perubatan Kecemasan mengkoordinasi pengurusan bencana sama ada di dalam ataupun di luar kawasan.
- Pemeriksaan Kes Mediko-legal. Menjalankan pemeriksaan medikolegal bersama-sama unit yang lain dan menyediakan laporan perubatan.

E. PERKEMBANGAN KEJURURAWATAN

Perkembangan Kejururawatan, Jabatan Kejururawatan berfungsi mengelolakan Latihan & Pembangunan untuk Staf Kejururawatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan yang berbentuk ilmiah, motivasi, moral dan juga keagamaan. Bagi menjayakan fungsi ini Perkembangan Kejururawatan telah mengkoordinasi bersama semua Perkhidmatan Kejururawatan iaitu Pesakit Dalam, Ambulatori, Penjagaan Kritikal, Dewan Bedah & UPAS & Perubatan Kecemasan bagi mengenal pasti keperluan latihan untuk staf kejururawatan dan bukan kejururawatan.

Di antara perkhidmatan yang disediakan oleh Perkembangan Kejururawatan ini ialah:

- **Mengelolakan Pembangunan Staf Kejururawatan**
  Latihan & Pembangunan Staf yang ditawarkan bagi pelbagai kategori Jururawat adalah berbentuk seminar, bengkel dan ceramah. Manakala bagi pelbagai kategori Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) pula adalah bengkel dan ceramah sahaja.

- **Koordinasi Kursus Bersama Bahagian Latihan, Jabatan Sumber Manusia**
  Perkembangan Kejururawatan juga mengkoordinasi kursus anjuran Bahagian Latihan, Jabatan Sumber Manusia, lain-lain jabatan serta kursus luar PPUM dan luar negara yang tidak melibatkan kos pendaftaran, tajaan PPUM, syarikat, persatuan dan individu persendirian.

- **Koordinasi Pelbagai Peperiksaan**
  Perkembangan Kejururawatan diberi tanggungjawab membantu Fakulti Perubatan dan lain-lain jabatan menjalankan pelbagai peperiksaan klinikal dan praktikal yang diperlukan dengan memantau penggunaan dan penjagaan Wad Peperiksaan A dan B. Tanggungjawab Perkembangan Kejururawatan adalah memastikan tempahan Wad Peperiksaan, peralatan dan keperluan staf menepati keperluan supaya setiap aktiviti dapat berjalan lancar. Pada tahun 2014 sebanyak 78 peperiksaan klinikal termasuk penyelidikan telah dijalankan melibatkan seramai 6,464 orang calon.

- **Program Preceptorship Kejururawatan**
  Merupakan salah satu program pembangunan staf yang disediakan khusus untuk Jururawat U29 yang baru dilantik. Program ini mengambil masa selama setahun daripada tarikh staf tersebut mendaftar bertugas. Program Preceptorship Kejururawatan ini bertujuan untuk:
  - Memberikan pendidikan dan tunjuk ajar kepada Jururawat Baru supaya mereka boleh menyesuaikan diri di tempat kerja serta boleh menjalankan tugas dengan baik, berkualiti dan selamat.
  - Memberikan latihan bagi meningkatkan kemahiran klinikal dan operasi kerja. Program ini menggunakan konsep Preseptor dan Presepte. Preseptor adalah jururawat yang berpengalaman dan berkemahiran di dalam perawatan penjagaan pesakit manakala Presepte pula adalah jururawat baru tamat latihan.

Pada tahun 2014, seramai 122 preseptor telah dilantik untuk 155 orang presepte. Sistem e-Nursing Preceptorship telah dikemas kini bagi memantapkan latihan berstruktur, sistematik dan membantu dalam melahirkan jururawat yang kompeten. Sistem e-Nursing Preceptorship. Program-program yang ditawarkan adalah:

- Perkhidmatan Pesakit Dalam. Sistem e-Nursing Preceptorship Programme - Ginekologi, Oftalmologi, Otorinolaringologi, Medikal, Surgikal, Psikiatrik, Otopedik, Pediatrik dan Geriatrik.
- Perkhidmatan Ambulatori. Sistem e-Nursing Preceptorship Programme Rawatan Harian- Rawatan Harian Onkologi (10U, 6TD & Unit Onkologi Klinikal), Dialisis & Nefrologi. Sistem e-Nursing Preceptorship Programme – Perubatan & Kecemasan.
- Perkhidmatan Penjagaan Kritikal. Sistem e-Nursing Preceptorship Programme - Pediatrik 1 (PICU & BMT), Neonatal Intensive Care Unit (NICU), Cardiothoracic Intensive Care Unit (CICU), Intensive Care Unit (ICU), Coronary Care Unit (CCU) dan Intervention Cardiac Ward (ICW).
- Perkhidmatan Dewan Bedah & UPAS. Sistem e-Nursing Preceptorship Programme – Anestesiologi dan Dewan Bedah.

- **Pengurusan Mata Kredit Continuous Professional Development (CPD)**
  Perkembangan Kejururawatan dipertanggungjawab untuk memohon Mata Kredit CPD dari Lembaga Jururawat Malaysia untuk setiap jenis program yang dianjurkan. Selain daripada itu, Perkembangan Kejururawatan juga perlu memasukkan mata kredit CPD yang diperoleh oleh setiap staf Kejururawatan ke Sistem eHR (Latihan), setelah mereka menghadiri mana-mana kursus di bawah koordinasi Jabatan Kejururawatan.

- **Koordinasi Program Cardio-Pulmonary Resusitation (CPR)**
  Perkembangan Kejururawatan bersama Bahagian Latihan, Jabatan Sumber Manusia telah meneruskan usaha mengadakan kursus Basic Life Support (BLS) for Healthcare Providers kepada staf-staf klinikal. Program CPR merangkumi ceramah, tayangan video dan demonstrasi daripada instruktor serta fasilitator.

- **Kumpulan 3P Resusitasi PPUM (Pengajaran, Penjagaan dan Pemantauan)**
  Ia terdiri daripada Ahli Jawatankuasa yang sama dengan program CPR untuk memastikan inventori troli resusitasi di PPUM dilakukan mengikut piawaian yang telah ditetapkan.
  Objektif Kumpulan 3P Resusitasi PPUM:
  1. Menyediakan Senarai Semak bagi pemeriksaan dan penyelenggaraan troli resusitasi yang selaras mengikut keperluan.
  2. Memastikan setiap resusitasi diselaraskan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
  3. Menyediakan program latihan 3P resusitasi (Pengajaran, Penjagaan dan Pemantauan).
  4. Melakukan pemantauan secara berkala dan berterusan bagi meningkatkan kualiti prosedur resusitasi.

- **Koordinasi Info Pendidikan Kesihatan**
  Jawatankuasa Kumpulan Info Kesihatan adalah bertujuan menyediakan risalah Pendidikan Kesihatan yang dihasilkan oleh PPUM dan mengedarkan risalah daripada Bahagian Pendidikan Kesihatan KKM. Untuk tahun 2014 sebanyak tambahan enam risalah baru telah disediakan. Semua risalah kesihatan yang disediakan telah dimuat naik ke laman sesawang PPUM.

- **Mengelolakan Sumber Pembelajaran Berterusan**
  Bahan rujukan, bahan bacaan dan jurnal kejururawatan disediakan untuk membantu jururawat meningkatkan ilmu pengetahuan. Selain daripada itu slaid pembentangan untuk setiap ceramah anjuran Jabatan Kejururawatan juga turut dimuat naik ke dalam sistem e-Learning.

- **Menguruskan Program Orientasi Pelbagai Kategori Jururawat**
  - Program Orientasi Jururawat U29 Baru. Pada tahun 2014 Perkembangan Kejururawatan telah mengkoordinasi Program Orientasi Jururawat Baru bermula 18 Ogos hingga 3 Oktober 2014. Seramai 155 orang Jururawat Baru telah mengikuti program ini. Program orientasi ini telah dibahagikan kepada tiga sesi iaitu sesi umum, khusus dan kemahiran terapi intravena. Sesi umum dikendalikan oleh Jabatan Sumber Manusia yang bermula pada 18 hingga 22 Ogos 2014. Sesi khusus dikendalikan oleh Perkembangan Kejururawatan bermula pada 25 Ogos hingga 26 September 2014 dan sesi kemahiran terapi intravena dikendalikan oleh Program Pendidikan Lanjutan Kejururawatan, Kolej Sains Kesihatan ialah pada 29 September hingga 3 Oktober 2014.
  - Program Orientasi Ketua Jururawat Baru. Seramai 17 orang Ketua Jururawat Baru U32 telah mengikuti program orientasi pada tahun 2014. Objektif program adalah untuk meningkatkan pengetahuan,kemahiran dan sikap yang positif di kalangan Ketua Jururawat dalam pengurusan perkhidmatan kejururawatan.

- **Koordinasi Program Sangkutan Pendedahan & Penempatan**
  Program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada peserta-peserta mengikut objektif mereka sendiri di kawasan-kawasan klinikal pilihan di bawah pengurusan pentadbiran Jabatan Kejururawatan. Bagi Program Sangkutan Ramathibodi Faculty of Nursing, University of Mahidol, Thailand, Seramai 10 orang telah melaporkan diri dari 6 hingga 30 Mei 2014). Manakala bagi Program Sangkutan Nursing Faculty Andalas University, Indonesia, seramai 10 orang telah melaporkan diri dari 20 hingga 30 Oktober 2014.

- **Koordinasi Pentaulihan dan Pengiktirafan (Credentialing and Privileging)**
  Bagi memastikan setiap jururawat di PPUM ini layak menjalankan tugas dengan selamat, mereka perlu diberi pentauliahan dan pengiktirafan. Proses ini memerlukan setiap jururawat membuat permohonan ke Jawatankuasa Khas Credentialing and Privileging dan ia dikoordinasikan oleh Perkembangan Kejururawatan, Jabatan Kejururawatan.

Aktiviti Jabatan Kejururawatan

Bil.	Aktiviti	Tarikh
1.	Majlis Perasmian Program Orientasi Jururawat Baru Gred U29 dan Pembukaan Program Preceptorship Kejururawatan	28 Ogos 2014
2.	Majlis penutup Tahun 2013/2014 dan Sesi Ramah Mesra Program Nursing Preceptorship Orientasi Jururawat Baru Gred U29 2014/2015	26 September 2014
3.	National Anaesthesia Day 2014 peringkat PPUM	19 Oktober 2014
4.	Program Love Your Heart	30 September 2014
5.	Hari Bayi Pramatang Sedunia	16 November 2014
6.	Minggu Glaucoma Sedunia	16 Mac 2014
7.	Hari UMMC Exercise Support Group	13 September 2014
8.	Bengkel Strategi Penambahbaikan Perkhidmatan Anjung Discaj	11 Disember 2014
9.	Program Sangkutan Klinik Perawatan Kaki Diabetes	10 Feb – 07 Mac 2014
		01 – 31 Oktober 2014
		10 – 14 November 2014
10.	Majlis Perhimpunan Sosial Pediatrik Onkologi	17 Mei 2014
11.	Sesi pengajaran pesakit Thalasemia/ibu bapa dan pencarian 'Iron Hero'	13 April 2014
12.	UMMC HD and CAPD Patients Gathering (Rawatan Harian Dialisis dan Nefrologi)	17 Ogos 2014
13.	1st UMMC Breast Cancer Public Forum	18 Oktober 2014
14.	Pertandingan Projek Pasukan Penambahbaikan Kualiti (QIT) PPUM	09 Oktober 2014
15.	Lawatan sambil belajar oleh staf daripada Institut Kanser Negara ke Klinikal Onkologi pada	09 September 2014
16.	Bengkel Disaster Management	29 April 2014
17.	Seminar OSCC (One Stop Crisis Centre)	11 – 12 Disember 2014
18.	Endoscopy Workshop 2014	28 – 30 Mac 2014

Kejayaan Jabatan

Penyertaan Ketua Jururawat Harvinderjit Kaur a/p Basauhra Singh di KPJ Healthcare Conference & Exhibition 2014 pada 22 hingga 24 Ogos 2014 telah memenangi hadiah saguhati untuk poster presentation bagi tajuk Survey On Asthma Education Reduces Emergency Department Visits.

JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN

Fungsi Jabatan Kerja Sosial Perubatan ialah

- Membantu menangani masalah psikososial mengikut keperluan dan jenis penyakit secara menyeluruh dan berterusan.
- Membantu meningkatkan fungsi sosial pesakit dan keluarganya supaya mampu menjadi anggota masyarakat yang produktif selepas keluar dari wad.
- Membantu pesakit berdikari sesuai dengan batas keupayaannya dengan menggunakan sumber dalaman dan luaran yang terdapat dalam persekitaran.
- Membantu pesakit dan keluarga memanfaatkan pelbagai perkhidmatan yang terdapat di PPUM secara maksima.

Jenis perkhidmatan yang disediakan

▶ Perkhidmatan Pesakit (Pesakit Dalam dan Luar)

- Kaunseling/ Perkhidmatan Sokongan(Supportive Therapy)
  - Memberikan sokongan psikososial kepada pesakit bagi mengatasi masalah mereka sama ada berkaitan dengan masalah sosial/penyakit yang dialami demi untuk kesejahteraan psikososial mereka.
  - Kaunseling/ Bimbingan/Nasihat bagi:
    - Penyakit-penyakit kronik contohnya semua jenis kanser (kanak-kanak & dewasa), penyakit buah pinggang, HIV/ AIDS dan lain-lain.
    - Masalah-masalah sosial contohnya masalah remaja hamil luar nikah, lari dari rumah, pembuangan bayi, penderaan kanak-kanak/isteri/suami, perkosaan dan sebagainya.

- Bantuan Praktik dan Bantuan Am
  - Bantuan ini bermatlamat untuk membolehkan pesakit yang kurang/ tidak berkemampuan terus menjalani rawatan sekalipun mereka menghadapi masalah kewangan. Bantuan ini secara tidak langsung meningkatkan lagi nilai hidup mereka menjadi lebih berkualiti dan berfungsi dalam proses pemulihan rawatan.
  - Memberi bantuan praktik untuk bantuan pembelian peralatan dan ubat khas, saraan dan penempatan institusi dan urusan liaison dengan agensi dalam dan luar.
  - Rujukan ke penempatan sementara contohnya Kidz House, Cancer Link dan sebagainya.
  - Rujukan ke agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti PERKESO, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah, Lembaga Zakat Selangor, Baitulmal dan lain-lain lagi
  - Antara bantuan peralatan adalah :
    - Alat-alat tiruan/prostesis
    - Peralatan rehabilitasi untuk pesakit seperti kerusi roda, ripple mattress dan lain-lain untuk fungsi sosial pesakit dan proses pemulihan rawatan.

▶ Pengajaran

Pegawai Pembangunan Masyarakat juga terlibat dalam memberi pengajaran di dalam dan luar organisasi, sama ada kepada pelajar-pelajar perubatan, kejururawatan atau pun memenuhi jemputan dari institusi luar dan masyarakat umum. Ia bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar, komuniti dan agensi dalaman/luaran berkaitan aspek sosial dan permasalahan berkaitan serta berkongsi pengalaman kerja dan intervensi kes.

▶ Penyelidikan

Penyelidikan dilakukan dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan staf. Data-data yang terkumpul di JKSP akan dianalisis untuk tujuan penyelidikan psikososial dari semasa ke semasa. Hasil penyelidikan selalunya akan dibentangkan di dalam jabatan atau di seminar-seminar di luar jabatan. Terdapat juga penyelidikan yang diterbitkan dalam jurnal-jurnal yang berkaitan.

▶ Lain-lain Perkhidmatan

- Program Intenship Pelajar - Intenship pelajar adalah terdiri daripada pelbagai Universiti Awam atau Swasta seperti UKM, UM, UPM, UNIMAS, UNITAR dan lain-lain.
- Melakukan lawatan ke rumah pesakit, tempat kerja dan pertubuhan kebajikan yang wujud dalam komuniti bagi melengkapkan pengendalian sesuatu kes.
- Mewujudkan 'networking' dan kerja-kerja liaison dengan agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan sukarela dan swasta dalam masyarakat bagi membantu pesakit termasuklah untuk rujukan, bantuan dan faedah perubatan.
- Melaksanakan pelbagai arahan kerja dari Ketua Jabatan, pegawai atasan atau Pengurusan PPUM.

Program/perkhidmatan dan prosedur terbaru yang diperkenalkan

Perkhidmatan baru

- Pada tanggal 5 Februari 2014, penjenamaan semula Jabatan Kebajikan Perubatan dengan nama baru Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP) yang lebih mencerminkan perkhidmatan serta fungsi jabatan.
- JKSP kerjasama dengan Pasukan Pelindung Kanak-kanak Daerah Petaling telah menganjurkan program komuniti bersama dengan komuniti di Taman Medan pada 13 Disember 2014.

Pengenalan prosedur baru

- Penguatkuasaan penggunaan Rujukan Perkhidmatan atas talian oleh Pegawai Perubatan kepada Pegawai Pembangunan Masyarakat secara menyeluruh di PPUM pada 2 Februari 2014 sekali gus mempercepatkan proses permohonan tabung dan mengurangkan penggunaan kertas (tidak menggunakan fail).
- Jabatan Kerja Sosial Perubatan hasil projek KIK telah mengguna pakai Senarai Semak Dokumen bermula 1 September 2014 untuk keperluan permohonan bantuan kepada pesakit yang memerlukan.
- Jabatan Kerja Sosial Perubatan juga telah mempraktikkan Daftar Kelulusan dan Tuntutan Tabung PPUMCare melalui googledrive bagi mengenal pasti permohonan pesakit mulai daripada permohonan, kelulusan sehingga ke pembayaran.

Statistik Pesakit Yang Dirujuk

Jenis	2013	2014	Perbezaan %
Pesakit Dalam	10,039	10,992	9.5
Pesakit Luar	8,214	8,992	9.5
Jumlah	**18,253**	**19,984**	**9.5**


Bilangan Pesakit Dalam dan Luar yang dirujuk ke JKSP. Peningkatan sebanyak 9.5% pesakit pada tahun 2014 berbanding tahun 2013.

Statistik Perkhidmatan Jabatan Kerja Sosial Perubatan

Jenis	2013	2014	Perbezaan %
Kes Baru	2,929	3,448	17.7
Kes Semasa	13,363	15,256	14.2
Kes Tutup	1,961	1,280	-34.7
Jumlah	**18,253**	**19,984**	**9.5**

Jumlah kes baru didapati meningkat sebanyak 17.7% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013, begitu juga dengan kes semasa mengalami peningkatan sebanyak 14.2% berbanding tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, kes tutup didapati menurun kerana intervensi sosial telah tamat.


Statistik Perkhidmatan Jabatan Kerja Sosial Perubatan



Bantuan Kewangan untuk Pesakit

Jabatan Kerja Sosial Perubatan telah berusaha sedaya upaya mendapatkan dana dari pelbagai agensi bagi membantu pesakit menyelesaikan masalah rawatan mereka di PPUM. Jumlah keseluruhan bantuan yang telah diberikan sepanjang tahun 2014 adalah sebanyak RM3,634,437.70. Ramai pesakit yang meliputi pelbagai klinikal telah mendapat manfaat daripada bantuan ini.

Rajah 2 : Bantuan Kewangan Yang Digunakan Untuk Membantu Pesakit dari Tahun 2010-2014




Jadual 3 : Statistik Bantuan Keseluruhan Tabung 2014

Jenis Tabung	Bil. Kes	Bantuan Tabung
Tabung Bantuan Perubatan (TBP)	75	1,260,410.00
PPUMCARE (PPUM)	436	1,299,679.10
Tabung Baitulmal (TBM)	79	220,374.00
Tabung Lembaga Zakat Selangor	36	142,760.10
Hong Leong Foundation (HLF)	30	186,113.50
Lions Life Line Leukaemia (TLLL)	13	58,867.00
Majlis Kanser Nasional (MAKNA)	6	12,670.00
UEM Group Berhad	30	350,000.00
Tesco	44	287,544.00
Yayasan Sime Darby	231	1,630,982.55
Junior Chamber International	17	54,236.00
Tabung Kanser Payudara	16	69,892.00
Tabung Bald & Beautiful	12	41,892.00
Jumlah	**1025**	3,984,437.70

Rajah 3 : Bantuan Kewangan Yang Digunakan Untuk Membantu Pesakit dari Tahun 2010-2014

Pemberian Wang Tunai Berbanding Bil Pesakit 2014




	JAN	FEB	MAC	APR	MAY	JUN	JULY	AUG	SEPT	OCT	NOV	DEC
BIL PESAKIT	30	29	28	31	32	27	33	35	28	14	32	40
RM63,623.00	4690.	4120.	4270.	5610.	5140.	3750.	6365.	7500.	6084.	3620.	7334.	5140.

Pada tahun 2014, seramai 359 orang pesakit telah diberikan bantuan baucer tunai yang berJumlah RM63,623.00.

Rajah 4 : Bantuan Kewangan Yang Digunakan Untuk Membantu Pesakit dari Tahun 2010-2014

Pemberian Slip Pengecualian Bayaran Rawatan 2014



Pembelian peralatan baru

Tabung Baitulmal (MAIWP) telah memperuntukkan sebanyak RM50,000.00 untuk bantuan peralatan kepada pesakit yang memerlukan. Kaedah ini membolehkan pesakit mendapat bantuan peralatan dengan segera. Antara peralatan yang dibeli adalah ripple mattress, banding, PICC-Groshong Hickman, chemo port dan sebagainya. Nilai keseluruhan peralatan yang telah dibeli adalah sebanyak RM49,940.00. Fungsi peralatan adalah supaya pesakit mendapat rawatan dengan segera dan sempurna. Dengan penggunaan alat-alat ini dapat membolehkan pesakit menjalani rawatan serta membantu/mempercepatkan proses pemulihan pesakit.

Bil.	Aktiviti	Tarikh/Sesi
1	Majlis Makan Malam/Hari Keluarga Jabatan Kerja Sosial Perubatan di Hotel Crystal Crown Petaling Jaya.	11 Januari 2014
2	Majlis penyampaian Mock Cek bernilai RM350,000.00 sumbangan dari UEM di Bilik Pudina, PPUM	5 Februari 2014
3	Bengkel Kualiti Jabatan Kerja Sosial Perubatan di Bilik Bestari, PPUM.	17 Februari 2014
4	Seminar Kerja Sosial Perubatan bertemakan HIV/AIDS di Auditorium Menara Selatan, PPUM	14 Mei 2014
5	Lawatan ke Persatuan Pengasih Malaysia bersama Encik Wilson Mack (Medical Sosial Worker) dari Changi General Hospital, Singapura	15 Mei 2014
6	Program komuniti Jabatan Kerja Sosial Perubatan bersama Pusat Aktiviti Lembah Subang	13 Disember 2014
7	Majlis sumbangan sebanyak RM300,000.00 ke Tabung Kebajikan Pesakit oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di Hospital Putrajaya.	8 Julai 2014
8	Penyampaian sumbangan Aidilfitri oleh MAIWP kepada pesakit-pesakit di wad-wad PPUM.	10 Julai 2014
9	Penyampaian sumbangan Aidilfitri kepada pesakit-pesakit dan wang sebanyak RM150,000.00 ke Tabung Kebajikan Perubatan oleh Lembaga Zakat Selangor Lembaga Zakat Selangor.	17 Julai 2014
10	Majlis penyampaian Mock Cek oleh Encik Tony, dari Bald and Beautiful kepada Tabung Kebajikan Pesakit bernilai RM167,552.00	8 Oktober 2014
11	Program Penambahbaikan Prosedur Jabatan Kerja Sosial Perubatan di Tanjung Bidara Beach Resort Melaka	8 – 9 Nov.2014

Pengajaran

- Puan Khalidah telah memberi taklimat bertajuk 'Roles and Functions of Medical Social Workers in Management of Cancer Patients' pada General Surgery Jurnal Club pada 16 Jun 2014.

- Puan Fatimang telah memberi taklimat berjudul 'Role of Social Worker in Child Abuse Cases' pada sesi ceramah untuk Program Diploma Lanjutan Perawatan Kecemasan serta 'Collaborating for the Welfare of the Abused Child:The Different Roles of Agencies Involved' dalam ceramah untuk Malaysian Society of Clinical psychology.

- Puan Nor Anida pula telah dijemput sebagai penceramah sempena World Arthritis Day anjuran Arthritis Foundation Malaysia yang diadakan pada 18 Oktober 2014 di Sunway Medical Centre bertajuk 'Psychosocial Issues in Managing Arthritis Case: A Role of Medical Social Worker'.

Rancangan Masa Hadapan Jabatan

- Jabatan Kerja Sosial Perubatan dijangka akan berpindah ke tingkat 2, Menara Timur pada bulan Mac 2015.
- Segala urusan untuk pengendalian kes dari klinik (pesakit luar) akan diuruskan oleh Pegawai Pembangunan Masyarakat di klinik. Proses kerja akan lebih berstruktur kerana pesakit perlu membuat temu janji/datang untuk rawatan susulan hanya pada hari/waktu Pegawai Pembangunan Masyarakat bertugas di klinik sahaja.
- Program sambutan 'World Rare Disease Day 2015' bersama Persatuan Penyakit Jarang Jumpa (PPJJM) dijangka akan diadakan pada bulan Februari 2015. Seminar 'Citra Wanita: Permata Keluarga' dijangka akan diadakan pada bulan September 2015.
- Menjalankan pelbagai langkah bagi mempercepatkan proses bantuan kewangan di Jabatan Kerja Sosial Perubatan.
- Lanjutan dari 'Retreat 3' yang telah dianjurkan di Tanjung Bidara Beach Resort Melaka, maka usaha-usaha masih terus dilakukan untuk penambahbaikan urusan kerja dengan mengadakan 'Retreat 4'. Di samping itu jalinan silatulrahim dan ukhwah antara staf terus disemai.
- Usaha untuk bekerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi bagi menjalankan penyelidikan khususnya dalam bidang Sains Sosial.
- Penempatan Pegawai IT secara berkala di Jabatan Kerja Sosial Perubatan amat diperlukan bagi melancarkan usaha Jabatan dalam pelaksanaan perkhidmatan secara atas talian.
- Ketua Jabatan mengesyorkan supaya Pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat membuka kaunter di hospital bagi membolehkan pendaftaran OKU dan pembaharuan kad OKU. Dengan kaedah ini, pesakit tidak perlu lagi ke Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi urusan tersebut.

Masalah Yang Dihadapi Oleh Jabatan

Perkhidmatan ke Jabatan Kerja Sosial tidak banyak mendapat aduan daripada aspek perkhidmatan, tetapi masih terdapat kekurangan dari segi pegawai kerana pengkhususan (specialization) tidak dapat dilakukan dengan sebaiknya berpunca daripada kekurangan jawatan yang amat ketara sedangkan pesakit semakin bertambah.



Majlis Makan Malam Jabatan Kerja Sosial Perubatan



Pameran Seminar Kerja Sosial Perubatan





Majlis Makan Malam Jabatan Kerja Sosial Perubatan





Majlis Makan Malam Jabatan Kerja Sosial Perubatan

JABATAN MAKLUMAT PESAKIT

Fungsi Jabatan Maklumat Pesakit adalah melibatkan aktiviti pengurusan rekod pesakit, penyediaan laporan perubatan dan menyediakan statistik pesakit PPUM.

Di antara perkhidmatan yang disediakan adalah;

Pengurusan Rekod

- Membekalkan fail pesakit untuk perawatan pesakit luar dan dalam.
- Menguruskan rekod pesakit yang tidak aktif.
- Menguruskan fail keselamatan.
- Membekalkan fail pesakit untuk penyelidikan, persidangan atau pengajaran.
- Menjilid fail pesakit.
- Menguruskan sistem janji temu.
- Pengurusan borang-borang.
- Pengurusan rekod elektronik, termasuk kawalan akses pengguna dan polisi.

Laporan Perubatan

- Menerima dan mendaftar permohonan laporan perubatan.
- Memproses laporan perubatan mengikut keperluan pesakit / pemohon.
- Mendapatkan pengamal perubatan menyediakan laporan perubatan yang dikehendaki.
- Membekalkan laporan perubatan kepada pesakit / pemohon.
- Menguruskan Mesyuarat Lembaga Perubatan dan Mesyuarat Jemaah Doktor PERKESO.

Statistik

- Mengekod maklumat diagnosis bagi pesakit dalam dan pesakit luar mengikut ICD-10.
- Menginput kod diagnosis ke dalam sistem.
- Menyediakan laporan statistik pesakit.
- Membekalkan maklumat diagnosis untuk penyelidikan.
- Melaporkan kes penyakit berjangkit secara atas talian (e-notifikasi)

Prosedur Baharu

Prosedur baru yang diperkenalkan pada tahun 2014 adalah seperti yang berikut:

- Prosedur Kualiti Pengurusan Kehilangan Nota/Fail Pesakit
- Prosedur Kualiti Pendaftaran Pesakit
- Borang Kebenaran Mengakses Maklumat Pesakit
- Pengemaskinian Medical Records Policy

Bil.	Aktiviti	Tarikh/Sesi
1	Kursus Basic Course On Diagnosis Coding (ICD10) di Hotel Armada Petaling Jaya.	19 – 20 Ogos 2014
2	Kursus Pengurusan Penyakit Berjangkit di Bilik Bistari.	8-9 Oktober dan 12-13 November 2014
3	Kursus “Cause of Death and Mortality Coding” telah dilaksanakan di Bilik Pudina.	29 Oktober 2014

Selain daripada itu, Jabatan Maklumat Pesakit juga menjalankan aktiviti berikut:

- Perjumpaan bersama Jabatan Kimia Malaysia bagi membincangkan proses mendapatkan salinan Laporan Toxikologi bagi mempercepatkan penyediaan Laporan Bedah Siasat pada 9 Oktober 2014. Jabatan Kimia Malaysia bersetuju mengemukakan salinan Laporan Toxikologi kepada pihak PPUM.
- Perlaksanaan pinjaman fail melalui iResearch bagi penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik mulai bulan November 2014.
- Proses awal penyimpanan fail di gudang luar bermula pada bulan Disember 2014.
- Pengubahsuaian Kaunter Laporan Perubatan telah siap sepenuhnya pada Ogos 2014 bagi keselesaan pelanggan dan staf serta menyediakan Bilik Perbincangan.
- Latihan penggunaaan e-Document dan eMR di pelbagai jabatan seperti di Jabatan Surgeri, Jabatan Perubatan Psikologi dan Jabatan Perubatan.
- Penggunaan e-Document dalam penyediaan laporan perubatan. Pengamal perubatan pelbagai disiplin boleh menyediakan laporan perubatan serentak sekiranya pesakit memohon laporan perubatan lebih dari satu yang melibatkan pelbagai disiplin.
- Menyediakan Bilik Kerja pengamal perubatan bagi tujuan penyediaan laporan perubatan dengan membekalkan komputer.
- Jabatan Maklumat Pesakit bersama Jabatan Teknologi Maklumat dalam usaha membangunkan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) bagi pemberitahuan dan peringatan penyediaan laporan perubatan kepada pengamal perubatan.

Jumlah Peratus Fail Tidak Turun Dari Wad Melebihi 72 Jam Selepas Pesakit Discaj Tahun 2014

Bulan	Jumlah pesakit discaj	Jumlah fail sampai dari wad < 72 jam	Jumlah fail sampai dari wad > 72 jam	% fail sampai dari wad < 72 jam	% fail sampai dari wad > 72 jam
Januari	4498	4488	10	99.78	0.22
Februari	4172	4157	15	99.64	0.36
Mac	4626	4623	3	99.94	0.06
April	4332	4329	3	99.93	0.07
Mei	5067	5059	8	99.84	0.16
Jun	4558	4557	1	99.84	0.07
Julai	4486	4486	0	100.00	0.00
Ogos	4641	4641	0	100.00	0.00
September	4604	4366	3	99.17	0.83
Oktober	4663	4663	0	100.00	0.00
November	4743	4743	0	100.00	0.00
Disember	4816	4786	30	99.37	0.70

Statistik Dokumen Yang Diimbas Oleh Jabatan Maklumat Pesakit Tahun 2014

Bulan	Jumlah Nombor Pendaftaran (RN)	Jumlah
Januari	6,189	68,200
Februari	6,538	71,487
Mac	13,988	143,610
April	15,823	181,870
Mei	16,922	133,324
Jun	16,589	101,565
Julai	20,661	122,594
Ogos	22,894	137,197
September	26,231	126,241
Oktober	25,364	129,619
November	26,794	131,727
Disember	31,766	159,504
Jumlah	**229,759**	**1,506,938**

Statistik Dokumen Yang Diimbas Oleh Pembekal CSR Tahun 2014

Bulan	Jumlah Nombor Pendaftaran (RN)	Jumlah Helaian
Januari	-	-
Februari	-	-
Mac	-	-
April	2,431	204,902
Mei	11,149	461,857
Jun	6,945	724,091
Julai	11,942	1,492,135
Ogos	14,828	1,434,555
September	24,858	1,008,331
Oktober	14,435	2,042,243
November	15,426	1,285,650
Disember	12,759	1,448,628
Jumlah	**114,773**	**10,102,392**

Statistik Dokumen Yang Diimbas Oleh Klinik Kesihatan Kakitangan Tahun 2014

Bulan	Jumlah Nombor Pendaftaran (RN)	Jumlah Helaian
Januari	816	4,919
Februari	1,438	10,539
Mac	1,155	7,880
April	1,588	11,902
Mei	1,501	6,557
Jun	1,660	4,186
Julai	928	2,393
Ogos	949	2,115
September	2,133	3,004
Oktober	1,886	2,476
November	1,674	2,373
Disember	1,721	2,340
Jumlah	**17,449**	**60,684**

Statistik Pencapaian Penyediaan Laporan Perubatan Tahun 2014

Bulan	Pencapaian (%)
Januari	79.68
Februari	87.81
Mac	91.22
April	92.61
Mei	91.75
Jun	91.47
Julai	92.12
Ogos	94.31
September	95.84
Oktober	95.85
November	97.37
Disember	96.23

Pencapaian Objektif Kualiti

Jabatan Maklumat Pesakit telah berjaya mencapai objektif kualiti yang ditetapkan iaitu 97% fail dibekalkan ke klinik dan wad sepanjang tahun 2014.

Statistik Pencapaian Objektif Kualiti (Fail Pesakit)

(a) 97% fail pesakit akan dibekalkan untuk perawatan (b) 80% laporan perubatan dilengkapkan dalam tempoh 4 minggu (c) 95% rekod perubatan dihantar dalam tempoh 72 jam selepas discaj		Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai
	(a) Pesakit Luar	99.97	100	99.93	100	100	100	99.66
	Pesakit Dalam	99.37	99.58	99.01	99.44	99.06	100	99.97
	(b)	79.68	87.81	91.22	92.61	91.75	91.47	92.12
	(c)	99.78	99.64	99.94	99.93	99.84	99.97	99.97

(a 97% fail pesakit akan dibekalkan untuk perawatan (b) 80% laporan perubatan dilengkapkan dalam tempoh 4 minggu (c) 95% rekod perubatan dihantar dalam tempoh 72 jam selepas discaj		Ogos	Sept	Oktober	November	Dissember
	(a) Pesakit Luar	99.68	99.80	99.80	99.59	99.42
	Pesakit Dalam	100	100	100	100	100
	(b)	94.31	95.84	95.85	97.37	96.23
	(c)	99.93	99.17	100	100	99.37

Statistik Pencapaian Objektif Kualiti (Discharge Summary & Laporan Perubatan)

Penyataan	Standard	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai
Completeness of discharge summary upon discharge	100%	99.9	99.9	99.5	100	100	100	100
Percentage of medical reports prepared within < 4 weeks	≥ 80%	79.68	87.81	91.22	92.61	91.75	91.47	92.12

Penyataan	Standard	Ogos	Sept	Oktober	November	Disember
Completeness of discharge summary upon discharge	100%	99.98	100	99.96	100	100
Percentage of medical reports prepared within < 4 weeks	≥ 80%	94.31	95.84	95.85	97.37	96.23

Rancangan Masa Hadapan Jabatan

- Memperkenalkan Polisi Personal Data Protection Act (PDPA).
- Pelaporan penyakit berjangkit bagi semua wad akan dijalankan secara atas talian. Latihan akan diadakan secara berkala kepada pengguna.
- Penggunaan iPinjaman pada bulan Jun 2015.
- Penyimpanan fail tidak aktif secara lebih tersusun menggunakan sistem kotak (black box) agar mudah dikesan. Langkah ini dijangka dapat menjimatkan ruang.
- Pemakluman penjadualan semula temu janji menggunakan khidmat pesanan ringkas (sms) dan emel.
- Penambahbaikan kad temu janji pesakit kepada buku temu janji.
- Pengurangan penggunaan borang dari semasa ke semasa

Masalah Yang Dihadapi Oleh Jabatan

- Ruang penyimpanan fail fizikal: Jabatan Maklumat Pesakit memerlukan ruang penyimpanan yang lebih luas bagi menampung penambahan Jumlah fail pesakit. Pihak jabatan perlu menyimpan fail jilid dan fail yang tidak aktif selama 7 tahun sebelum dilupuskan. Jabatan juga memerlukan stor sekunder bagi menyimpan fail yang telah diimbas dan dimuat naik ke dalam sistem iPesakit sebelum ia dilupuskan.
- Isu keselamatan rekod di jabatan: Jabatan Maklumat Pesakit memohon penambahan CCTV sebanyak 6 unit di sekitar jabatan. Peralatan ini bertujuan memantau pengguna agar tidak menyalahgunakan maklumat pesakit.
- Pengurusan borang: Jumlah borang telah dapat dikurangkan berbanding dahulu. Namun demikian, beberapa jenis borang perlu dikembalikan kepada jabatan yang berkenaan atau dijadikan borang digital agar tidak berlaku lambakan borang di ruang pejabat Jabatan Maklumat Pesakit.

UNIT FIZIK PERUBATAN

Unit Fizik Perubatan adalah sebuah unit yang aktif dalam banyak bidang di mana fizik adalah diguna pakai dalam perubatan mahupun penyelidikan. Unit ini menyediakan perkhidmatan teknikal dan sokongan klinikal kepada semua perkhidmatan perubatan terutamanya dalam bidang pengimejan diagnostik, perubatan nuklear, pengimejan sinaran tidak mengion, instrumentasi, penyelidikan perubatan, fizik sinaran, elektronik dan pengkomputeran.

Skop perkhidmatan

Unit Fizik Perubatan adalah melibatkan kerjasama dari semua pegawai sains (fizik) di PPUM secara langsung dan pensyarah fizik perubatan di Universiti Malaya secara tidak langsung. Unit ini telah dipersetujui oleh Lembaga Pengurus PPUM untuk diletakkan di bawah naungan pentadbiran klinikal PPUM iaitu bertanggungjawab terus kepada Timbalan Pengarah (Ikhtisas) Unit Fizik Perubatan akan memberi sokongan penuh terhadap:

- Jabatan/unit yang menggunakan radas penyinaran (sinar-x).
- Jabatan/unit yang menggunakan sistem pengesan sinaran mengion dan bahan radioaktif.
- Jabatan/unit yang menggunakan peralatan/radas sinaran tidak mengion.
- Jabatan/unit yang terbabit dalam penganalisaan data ujian pesakit.
- Jabatan/unit yang terlibat dalam penyelidikan.
- Pemantauan dos dedahan terhadap pekerja dan orang awam.
- Penyediaan justifikasi dan spesifikasi pembelian radas penyinaran dan peralatan.
- Penyediaan rangka belanjawan bagi kemudahan perlindungan sinaran.
- Penyediaan rangka latihan (formal dan tidak formal) kepada semua kakitangan yang terlibat dalam bidang fizik perubatan.

Prosedur baru yang diperkenalkan pada tahun 2014 adalah seperti yang berikut:

Bil	Perkara	Tarikh
1	Bengkel Magnetic Resonance Safety & Quality Control. Bengkel ini disertai oleh 20 peserta dari pelbagai agensi luar bertujuan untuk memberi pendedahan secara praktikal cara menjalankan ujian kawalan kualiti untuk sistem MRI.	27 dan 28 Mei 2014
2	Mesyuarat Penyelarasan Tatacara Pelaksanaan Kawalan Mutu (Qc) Peralatan Radiologi di di Best Western Marina Resort, Pangkor, Perak. Tiga orang Pegawai Sains (Fizik) dari Seksyen Pengimejan Bio-Perubatan telah dijemput oleh pihak KKM untuk terlibat secara langsung dalam mesyuarat penyediaan QAP untuk kegunaan semua radas penyinaran di seluruh negara.	20 hingga 22 Jun 2014
3	Bengkel Dose Managements Of Occupational & Patients Exposure Dedicated For Fluoroscopy & Computed Tomography Equipments di Hotel The Summit. Dihadiri oleh 42 Pegawai Sains (Fizik) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang dedahan sinaran kepada pekerja sinaran dan pesakit yang terlibat dalam pemeriksaan menggunakan radas penyinaran Floroscopi dan Komputed Tomografi.	9 hingga 11 Jun 2014
4	Bengkel Physical Protection & Security Management Course, Langkawi, Malaysia. Dianjurkan oleh Global Threat Reduction Initiative (GTRI), US Department of Energy bagi mengukuhkan aspek sekuriti di pusat-pusat perubatan yang mempunyai bahan radioaktif kategori 1 dan 2 di Malaysia.	18 hingga 22 Ogos 2014
5	Kursus Patient Dose Management In Nuclear Medicine Using Medical Internal Radiation Dose (MIRD). Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi penekanan terhadap teknik yang sesuai dalam pengiraan dos sinaran dalaman dan kepentingan kuantiti sinaran dan prinsip yang digunakan dalam formula MIRD.	26 hingga 28 September 2014
6	Bengkel High Dose Rate (HDR) Brachytherapy di Hotel Armada, Petaling Jaya. Latihan ini telah diadakan khusus kepada pegawai- pegawai kementerian bagi memberi pemahaman tentang kepentingan program 'Quality Assurance Program' atau QAP dalam brakiterapi 'High Dose Rate'.	21 sehingga 23 November 2014
7	Refresher Course For Radiation Worker : Radiation Safety Awareness. Seramai 14 orang Penyelia Perlindungan Sinaran (RPS) PPUM telah menyertai kursus yang berlangsung di Tingkat 13, Menara Selatan. Kursus selama satu hari ini telah dianjurkan oleh Pegawai Perlindungan Sinaran (RPO) PPUM dan Unit Fizik Perubatan bagi menyampaikan maklumat terkini di samping berkongsi pengalaman serta mengadakan sesi pembelajaran semula bagi memastikan penyelia yang dilantik di setiap kawasan memahami tugas dan peranan mereka masing-masing	13 November 2014
8	Bengkel National Workshop On Security Culture For Radioactive Sources At Medical Institutions di Hotel Cititel Mid Valley, Kuala Lumpur. Bengkel ini diadakan bagi memastikan semua semua pekerja yang terlibat dengan program pemasangan peranti sekuriti di kawasan yang mempunyai bahan radioaktif kategori 1 dan kategori 2 faham akan budaya sekuriti terutama di dalam institusi perubatan yang sering dikaitkan dengan perkhidmatan penjagaan kesihatan pesakit. PPUM akan menjadi salah sebuah hospital yang terpilih untuk dilaksanakan kajian oleh pihak IAEA berkenaan dengan budaya sekuriti pada pertengahan tahun 2015.	3-5 Disember 2014





Latihan "Hands-On" oleh para peserta bengkel Magnetic Resonance Safety & Quality Control



Aktiviti Penceramah dan Peserta Kursus Patient Dose Management In Nuclear Medicine Using Medical Internal Radiation Dose (MIRD)



Amali (QC) HDR bersama pakar brakiterapi Prof. Madya Annette Haworth





Aktiviti mengenali budaya sekuriti dalam sektor perubatan





Aktiviti AOCRP-4 bersama pakar WHO, UNSCEAR dan IAEA

Konferen/Kongres Antarabangsa

Unit Fizik Perubatan di PPUM merupakan salah sebuah unit yang sering menjadi rujukan bagi perlaksanaan projek kerjasama dengan persatuan NGO seperti Malaysian Association Of Medical Physics (MAMP), Malaysian Radiation Protection Association (MARPA), badan-badan kerajaan seperti Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi, Kementerian Kesihatan Malaysia dan badan antarabangsa seperti International Atomic Energy Agency (IAEA).

Pada 2014, terdapat beberapa Pegawai Sains (Fizik) dari Unit Fizik Perubatan PPUM telah dipinjam atau dijemput bagi melaksana perbincangan secara intensif berkenaan projek perkhidmatan kawalan mutu dan silibus pembelajaran mengikut seksyen diagnostik radiologi, perubatan nuklear dan radioaterapi di bawah anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia. Antara aktiviti yang telah berlangsung pada 2014 seperti yang berikut:

- The 14th Asia-Oceania Congress Of Medical Physics & The 12th South East Asia Congress Of Medical Physics di Ho Chi Minh, Vietnam pada 23-25 Oktober 2014 telah dihadiri oleh Pn. Azleen Mohd Zain (Pembentang poster), Pn. Nurul Khamizah Taharim (Pembentang lisan), En. Mohd Moktar Mat Nudin (Pembentang poster) dan Cik Faizah Ahmad.

- ICTP-IAEA-UI-Batan Regional Workshop On Medical Physics For Advance Imaging Modalities In Interventional, Radiology and Radiotherapy di Jakarta, Indonesia pada 3-7 Disember 2013 telah dihadiri oleh En. Mohd Moktar Mat Nudin.


- College in Medical Physics (Advances in Medical Imaging Physics to Enhance Healthcare in the Developing Countries) pada 1-19 September 2014, International Centre for Theoretical Physics (ICTP), Trieste, Italy telah dihadiri oleh Pn. Anis Suhana Ahmad Sabri.

- BrainLab Australia RT User Meeting pada 30 Mei sehingga 1 Jun 2014 di Park Hyatt Hotel, Melbourne, Australia yang disertai oleh Pn. Zulaikha Jamalludin. Ia diadakan dengan tujuan untuk mengumpul wakil-wakil dari seluruh Australia khususnya dan Asia secara amnya yang menggunakan program komputer perancangan iPlan untuk perancangan rawatan stereotaktik radiosurgery/ radioterapi.

- Program Latihan Jarak Jauh (Distance Assisted Training-DAT) Untuk Juruteknologi Perubatan Nuklear bersama International Atomic Energy Agency (IAEA) Expert d anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia. Pengambilan pelajar baru telah dilaksanakan pada 9 Mei 2014. Seramai dua orang pelajar Juruteknologi Perubatan Nuklear dipilih dari PPUM dan Pn. Azleen Mohd Zain merupakan salah seorang AJK Pemandu bagi projek kebangsaan ini dan juga sebagai 'assessor' mengikut kepakaran.



Poster dari PPUM (Pn. Azleen Mohd Zain dan En. Mohd Moktar Mat Nudin)



Poster dari PPUM (Pn. Azleen Mohd Zain dan En. Mohd Moktar Mat Nudin)

Perkhidmatan Unit Fizik Perubatan

▶ Aktiviti Pegawai Sains (Fizik) di Jabatan Pengimejan Bioperubatan


Aktiviti	Keterangan
Projek Magnetic Resonance Imaging (MRI) - Perlaksanaan Kawalan Mutu dan Penilaian Imej Kualiti	Gegaran yang terhasil daripada hentakan kuat pada kawasan lantai tingkat atas bilik MRI semasa projek pengubahsuaian berhampiran kawasan MRI Suite telah menyebabkan terbentuknya artifak pada imej yang dihasilkan semasa pemgimejan. Pegawai Sains (fizik) telah memantau kerja-kerja pengubahsuaian oleh kontraktor bersama Jabatan Kejuruteraan. Pegawai Sains (Fizik) juga membantu pihak Jabatan kejuruteraan dalam melaksanakan pengukuran Gauss line yang terhasil di kawasan yang berdekatan dengan pusat iso sistem MRI.
Projek Ujian Pra-Penerimaan Mesin Digital Mamografi Tomosintesis	Melaksana ujian pra-penerimaan ke atas Mesin Mamografi Tomosintesis dan juga melakukan pemantauan mengikut keperluan perlesenan semasa ujian kawalan mutu dilakukan oleh syarikat kontraktor kelas H sebelum ianya boleh digunakan ke atas pesakit.
Projek Semakan QAP Radas Penyinaran dan Radas Non-Ionizing Radiation.	Unit Fizik Perubatan telah melaksanakan ujian kawalan mutu satu unit mesin Ultrasound mengikut draf protokol kegunaan dalam PPUM.
Projek Perolehan Radas Penyinaran Computed Tomography Di PPUM (Bangunan Trauma Dan Kecemasan).	Bertanggungjawab memantau perlaksanaan ujian pra-penerimaan dan kerja-kerja kawalan mutu yang dilaksanakan oleh syarikat kontraktor lesen H bagi pemasangan satu unit radas penyinaran Computed Tomography (CT) Model Ingenuity-128
Projek Pemeriksaan Ketebalan Perisai di Lokasi Yang Menempatkan Radas Penyinaran, Menara Selatan	Unit Fizik Perubatan digunakan dengan pemberian tanggungjawab untuk membuat semakan semula ke atas ketebalan perisaian bagi setiap ruang yang menempatkan radas penyinaran dan juga ruang yang melaksanakan aktiviti menggunakan bahan radioaktif.
Perkhidmatan Pengukuran ke atas View Box di Jabatan Pengimejan Bioperubatan	Ujian ini bertujuan untuk memastikan bacaan 'luminance'(kecerahan) pada View Box mencapai tahap yang telah ditetapkan. Kecerahan View Box ini penting untuk laporan diagnostik yang optimum oleh pakar radiologi. Ujian ini juga adalah satu keperluan di dalam piawaian MSQH. Terdapat beberapa unit View Box yang telah rosak dan dilupuskan oleh pengguna pada tahun 2014.
Perkhidmatan Pemeriksaan ke atas Personal Protective Equipment (PPE) : Lead Apron di PPUM	Projek ujian kebocoran peralatan perlindungan sinaran telah diperluaskan lagi dengan mengadakan ujian ke atas semua PPE yang baru dibeli bersama dengan radas penyinaran pada tahun 2014.



Ujian ke atas "Quech Pipe" - Pertama kali diadakan di Institusi Perubatan di Malaysia



Kaedah pemeriksaan ketebalan perisai di Menara Selatan





Pemeriksaan kebocoran apron plumbum mengguna sistem fluoroskopi

▶ Aktiviti Pegawai Sains (Fizik) di Unit Perubatan Nuklear, Jabatan Pengimejan Bioperubatan

Aktiviti	Keterangan
Projek Sentinel Lymph Node Biopsy di PPUM	Projek ini telah bermula pada awal tahun 2011. Dipertanggungjawabkan untuk memberikan kerjasama dalam menyediakan perkhidmatan pengukuran dosimetri ke atas staf termasuk pakar perubatan nuklear, juruteknologi perubatan nuklear/juru X-ray perubatan nuklear, jururawat perubatan nuklear, pakar bedah, pegawai perubatan dan jururawat dewan bedah semasa prosedur Sentinel Lymph Node Biopsy dilaksanakan.
Taklimat nyahkontaminasi di Unit Perubatan Nuklear, PPUM	Pegawai Perlindungan Sinaran PPUM telah memberikan taklimat kepada semua staf di Perubatan Nuklear berkenaan dengan kaedah/teknik yang betul dalam melaksana nyahkontaminasi radioaktif minor dan major berikutan didapati berlakunya kekeliruan berkenaan dengan protokol dalam menangani isu kontaminasi di kawasan luar makmal.
Projek Pembangunan Sistem Kawalan Programmable Logic Controller (PLC) di Tangki Septik, Menara Timur.	Pada tahun 2014, tangki septic yang dibina bagi menakung sisa radioaktif dari bilik-bilik rawatan terapi telah diselenggara semula oleh syarikat kontraktor bertauliah yang dilantik di bawah Jabatan Kejuruteraan PPUM. Aktiviti atau pengoperasian tangki septik yang menakung sisa radioaktif adalah dikawal oleh unit ini dengan kerjasama Jabatan Kejuruteraan PPUM. Sistem kawalan Programmable Logic Controller (PLC) yang boleh mengawal segala aktiviti pengaliran masuk dan keluar sisa radiaoktif dalam tangki septik tersebut telah baikpulih dan dipantau selama 6 bulan bagi memperolehi punca pencapaian operasi sebenar.
Statistik Rawatan Radioiodin-131 Terapi Berdos Tinggi dan Berdos Rendah di kendalikan oleh Pegawai Sains (Fizik) Perubatan Nuklear	Pegawai Sains (Fizik) PPUM juga bertanggungjawab terhadap perlaksanaan rawatan ke atas pesakit kanser tiroid di Wad 6TE. Pegawai yang bertugas akan bertanggungjawab untuk membuat pendispensan dos rawatan dan melaksana administrasi dos kepada pesakit secara oral di wad berkenaan.
Program Kalibrasi Tahunan Radas Penyinaran	Program kalibrasi tahunan semua radas penyinaran di PPUM adalah merupakan satu kewajipan yang perlu dipatuhi oleh PPUM berasaskan kepada syarat lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah keperluan AKTA 304 bagi tujuan perubatan.
Pemasangan Mesin Bone Mineral Densitometer Model LUNAR iDXA	Pada tahun 2014 sebuah mesin Bone Mineral Densitometer Model LUNAR iDXA telah dipasang di Unit Perubatan Nuklear bagi menggantikan model BMD yang telah usang. Pemasangan mesin ini telah dipantau oleh pegawai sains (fizik) PPUM yang bertugas di Unit Perubatan Nuklear.



Perlaksanaan pengukuran kadar dedahan sinaran pada permukaan tangki septik oleh pegawai sains (fizik) bertugas




Pendispensan dos radioaktif yang tinggi dan bilik rawatan pesakit kanser tiroid.

▶ Aktiviti Pegawai Sains (Fizik) di Penempatan Unit Onkologi Klinikal

Aktiviti	Keterangan
Projek CIGMIT Novalis TX Radiosurgery.	PPUM telah berjaya setapak lagi apabila berjaya mewujudkan satu era baru dalam dunia perubatan di Malaysia dengan menjalinkan kerjasama 'private public partnership' bagi projek 'Centre for Image Guided & Minimally Invasive Therapy-UM (CIGMIT)-Malin Fractional'. CIGMIT merupakan satu kaedah rawatan yang baru menggunakan dewan bedah hybrid di mana pengimejan dan pembedahan boleh dijalankan secara serentak semasa prosedur pembedahan dijalankan keatas pesakit.





Pemasangan mesin Novalis TX

▶ Aktiviti Pegawai Sains (Fizik) di Jabatan Lain Termasuk University Malaya Specialist Centre

- Pelupusan bahan radiaoaktif terkedap dan sisa radioaktif tak terkedap di PPUM dan FPUM.
- Pelupusan radas radiografi am, Jabatan Pengimejan Bioperubatan
- Sebagai penasihat dalam projek pemasangan radas penyinaran yang digunakan bagi tujuan perubatan dan juga projek pembangunan pusat perkhidmatan diagnostik radiologi / perubatan nuklear/radioterapi.
- Sebagai pusat rujukan bagi projek Quality Assurance Program (QAP) untuk radas penyinaran di Radiologi / Perubatan Nuklear / Radioterapi.
- Sebagai pusat rujukan / pusat pengajaraan untuk bantuan pengajaran spesifik dalam bidang teknikal dan binaan perisaian.
- Sebagai pusat rujukan dalam penjagaan keselamatan pekerja radiasi dan pesakit di hospital dalam perkara yang melibatkan penggunaan radiasi ke atas manusia.
- Latihan kepada pengendali berkenaan kaedah mengguna peralatan "Ferro Guard Detector" di bilik MRI , Dewan Bedah
- Latihan bersama pihak Kejuruteraan Bio-medikal tentang kaedah untuk membuat ujian aliran arus elektrik daripada bekalan kuasa utama.

Lain-lain Aktiviti

- Lawatan Ke Kemudahan Penyinaran Darah Dan Brakiterapi Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) Di Bawah Perlaksanaan Program Peningkatan Langkah-Langkah Sekuriti Kemudahan Bahan Radioaktif Di Malaysia. Penjagaan Sistem Peranti Sekuriti Di Bawah Projek IAEA-ANSTO-USDOE Ke Atas Sumber Radioaktif Ceasium-137 Kategori 1. Unit Fizik Perubatan adalah bertanggungjawab untuk memantau perkembangan projek ini dan memberikan kerjasama dalam menghasilkan laporan kepatuhan semasa pengauditan sekuriti bahan radioaktif dilakukan oleh pihak IAEA-ANSTO-USDOE setiap tahun. Anggota-anggota pemeriksa adalah terdiri daripada 2 orang wakil GTRI dan beberapa anggota dari pihak penguatkuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPK) yang berperanan sebagai penyelaras bagi projek kerjasama teknikal GTRI untuk sektor perubatan telah mengadakan lawatan pemeriksaan ke kemudahan penyinaran darah dan brakiterapi yang terdapat di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada 10 Disember 2014. Pada tahun 2013, PPUM telah diberikan kepercayaan sekali lagi dengan memperolehi tempoh jaminan kedua iaitu selama tiga tahun dengan penambahan alat peranti sekuriti baru yang dipasang mulai Oktober 2013 bagi memastikan pelan tindakan sekuriti dapat digunakan dengan efektif mengikut program yang ditetapkan.

- Pemindahan penempatan Unit Fizik Perubatan Dari menara timur ke Menara Selatan. Pada 9 Disember 2014 yang lalu, Unit Fizik Perubatan (UFP) dengan rasminya telah berpindah lokasi baru iaitu tingkat 10 Menara Selatan. Pemindahan ini bertujuan bagi memberi laluan kepada pemindahan klinik rawatan harian ke lokasi asal UFP iaitu di tingkat 2 Menara Timur. Di lokasi baru tersebut, pejabat tersebut dilengkapi dengan bilik Ketua Unit, 7 buah bilik bagi penempatan seramai 14 pegawai Sains (Fizik) dan sebuah bilik bagi seorang setiausaha pejabat.



Proses pemeriksaan kepatuhan kontrak pemasangan peranti sekuriti di PPUM





Proses pemeriksaan kepatuhan kontrak pemasangan peranti sekuriti di PPUM

Kejayaan

- Pegawai Sains (Fizik) telah terpilih sebagai AJK dalam penyediaan STANDARD SIRIM bagi "MRI Installation" pada tahun 2014. PPUM telah diwakili oleh Pn. Azleen Mohd Zain dan Cik Sharizan Shaharuddin. Input yang diberikan adalah amat bermakna di mana terdapat kriteria yang dipilih adalah mengambil contoh pemasangan mesin MRI di PPUM termasuklah kaedah pengujian dan juga simbol/ tanda amaran mengikut klasifikasi kawasan.

- PPUM juga merupakan pusat perubatan yang pertama dipilih bagi menjadi contoh kepada semua pusat perubatan lain di Malaysia di mana pemasangan peranti sekuriti di bilik sel penyinaraan gama (punca radioaktif kategori 1) telah selesai mulai tahun 2009 dan sehingga tahun 2014, sebanyak tiga kali tempoh jaminan selama 3 tahun berturut-turut diberikan pada PPUM atas dasar perlaksanaan aktiviti yang patuh terhadap peraturan yang disyorkan di bawah the International Atomic Energy Agency (IAEA) Code of Conduct on the Safety and Security of Radioactive Sources and IAEA Nuclear Security Series No. 11 (NSS 11), Security of Radioactive Sources Implementing Guide, May 2009.

- Pn. Azleen Mohd Zain telah dijemput sebagai panel pembentang mewakili Malaysia di The 4th Asian Oceanic Congress of Radiation Protection (AOCRP-4) dalam FORUM UNSCEAR dan FORUM International Commissioning of Radiological Protection (ICRP) pada 12 hingga 15 Mei 2014 di PWTC, kuala Lumpur.

- Bengkel Penjanaan Projek Kajian Dosimetri (Radiologi, Perubatan Nuklear, Radioterapi) Peringkat PPUM. Projek ini dilaksanakan bagi menjanakan konsep pengawalan dedahan radiasi terhadap manusia. Sehingga kini tiada lagi aktiviti seperti ini dilaksanakan di mana-mana hospital di Malaysia. Oleh itu, Unit Fizik Perubatan PPUM telah memulakan langkah bagi usaha untuk mewujudkan segala kepakaran yang ada untuk membentuk satu kaedah terbaik dalam menjanakan maklumat dosimetry bagi dedahan radiasi dalam semua prosedur yang melibatkan modaliti radas penyinaran berbeza-beza dan juga prosedur menggunakan mesin-mesin berteknologi hibrid.

- Bengkel Penjanaan Program Kawalan Mutu Radas Penyinaran Dan Peralatan Pengimejan /Pembilang Radioisotop Peringkat PPUM. Projek ini dilaksanakan bagi menjanakan program kawalan mutu radas penyinaran dan peralatan pengimejan/pembilang radioisotop yang standard di PPUM. Konsep ini akan mengambilkira perancangan/modul kawalan mutu yang bergantung pada modaliti radas/peralatan pembilang yang berbeza-beza. Prosedur ini telah berjaya disiapkan pada bulan Disember 2014.

UNIVERSITI MALAYA

PUSAT PERUBATAN UM

BUKAN KLINIKAL

JABATAN AUDIT DALAM

Jabatan Audit Dalam telah ditubuhkan pada 1 Disember 1988 melalui kelulusan Lembaga Pengurus bertarikh 17 Mac 1987. Ini adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1979 (digantikan dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004). Jabatan ini bertanggungjawab membantu PPUM mencapai matlamatnya dengan membuat penilaian ke atas risiko yang dihadapi, menilai dan memperbaiki kawalan dalaman, mengesyorkan penambahbaikan dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

Jabatan Audit Dalam menyediakan perkhidmatan seperti berikut:

- Menjalankan audit kewangan bagi memastikan hal-hal perkara berkaitan dengan peraturan kewangan, penyimpanan rekod dan pengurusan aset adalah diselenggarakan dengan cara yang betul bagi menentukan sumber-sumber digunakan secara ekonomi dan selamat.

- Menjalankan audit pengurusan yang berhubung kait dengan tanggungjawab pengurusan dalam pengurusan dana awam, harta benda, staf dan sumber-sumber lain bagi memastikan semua operasi pengurusan dan sistem maklumat adalah telus, efektif, efisyen dan boleh dipercayai.

- Menjalankan Audit Khas (tidak berjadual) seperti yang diarahkan oleh Pengarah PPUM dan Jawatankuasa Audit.

- Menjalankan audit susulan bagi memastikan tindakan yang diambil adalah berdasarkan laporan audit kewangan, audit pengurusan dan audit khas.

- Menjalankan tindakan susulan ke atas laporan Ketua Audit Negara dan agensi luar yang lain.

- Membantu pihak pengurusan atasan dengan menyalurkan maklumat yang tepat dan lengkap melalui laporan audit kepada Pengarah, Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengurus PPUM.

Perbandingan kedudukan pencapaian di antara tahun 2013 dengan 2014

Bil.	Jenis Pengauditan	2013	2014
1.	Audit Kewangan	2	2
2.	Audit ICT dan Pematuhan	1	3
3.	Auditan Pengurusan dan Prestasi	6	4
4.	Audit Khas dan Penyiasatan	1	1
Jumlah		**10**	**10**

Jawatankuasa Audit PPUM telah mengadakan mesyuarat sebanyak 5 kali bagi tahun 2014. Kesemua laporan audit dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk perakuan sebelum dibawa ke Lembaga Pengurus PPUM. Laporan-laporan audit kemudiannya akan dihantar ke Kementerian Pendidikan Malaysia. Keahlian Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:-

- Wakil Ketua Setiausaha, Kementerian Kewangan - Pengerusi
- Wakil Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia - Ahli
- Wakil Ketua Pengarah, Kementerian Kesihatan Malaysia - Ahli
- Ketua Audit Dalam, Jabatan Audit Dalam - Setiausaha

Hari keluarga Jabatan Audit Dalam bagi tahun 2014 telah diadakan di KL Steamboat Station Kelana Jaya pada 5 April 2014







JABATAN KEJURUTERAAN

Jabatan Kejuruteraan adalah bertanggungjawab untuk merancang, menentukan dasar dan seterusnya melaksanakan serta memantau dasar-dasar di bawah program utama yang telah dipertanggungjawabkan.

Aktiviti-aktiviti utama yang dilaksanakan di bawah bidang kuasa Jabatan Kejuruteraan merangkumi :

▶ Perkhidmatan kemudahan kejuruteraan (Awam, Mekanikal, Elektrik & Elektronik) dalam dan luar bangunan termasuk kerja-kerja pengubahsuaian ruang di PPUM

- Kejuruteraan Awam
  - Keseluruhan struktur bangunan di PPUM meliputi binaan luar dan dalam bangunan.
  - Pembaikan dan penyelenggaraan terhadap semua kemasan yang meliputi bahagian dalam dan luar bangunan.
  - Pembaikan dan penyelenggaraan dalam keseluruhan yang merangkumi ketukangan kayu, ketukangan paip dan ketukangan batu.
  - Memantau dan memastikan sistem bekalan air sebanyak – 1,329,009 Gallon dan bil air RM2.5 juta setahun.
  - Pembaikan dan penyelenggaraan dalam sistem Retukulasi paip kumbahan dan pembentungan untuk keseluruhan bangunan di PPUM.
  - Pembaikan dan penyelenggaraan dalam sistem Retukulasi paip domestik dalaman.
  - Membaiki dan menyelenggara semua jenis Loose & Build in Furniture termasuk kelengkapan pejabat di wad-wad, makmal, dewan bedah dan lain tempat.
  - Kawasan tanah dan seni taman – 60,000 m3.

- **Kejuruteraan Mekanikal**
  - Sistem bekalan air panas kapasiti 80 hp.
  - Sistem pendingin hawa berpusat dan bekalan air kokol dengan chiller berkeupayaan keseluruhan 10,000 tonnage. Pelbagai jenis sistem pendingin udara terdiri dari Unit Kendalian Udara (UKU), Air Cooled Package Unit, Air Cooled Mini Chiller, Water Cooled Package Unit dan Presicion Air Condition.
  - Sistem penyejukan dan pembekuan yang terdiri daripada peti sejuk, display chiller, peti simpanan mayat, freezer dan bilik sejuk.
  - Sistem pengalihan udara terdiri dari kipas pelawas, sistem bilik isolosi bertekanan negatif dan bilik bersih bertekanan positif.
  - Sistem gas perubatan (oksigen), tangki oksigen berkeupayaan 30,000 liter.
  - Sistem vakum dan udara mampat berkeupayaan 12,000/pm.
  - Sistem pencegah kebakaran.
  - Sistem Penyeliaan Automasi Bangunan (BAS).
  - Sistem kumbahan manusia, radioaktif dan sisa kimia.
  - Semua peralatan mekanikal seperti otokleb, dandang elektrik, pam, hot air oven, ultra sonic washer, bed pan washer dan lain-lain.
  - Kemasan dan alat kelengkapan diperbuat dari besi di semua tempat seperti di pejabat, wad-wad, makmal, dewan bedah dan lain tempat.
  - Penyelenggaraan dan pemantauan sistem lif.
  - Sistem penghantaran tiub hampagas (pneumatic system).
  - Penyelenggaraan kenderaan PPUM.
  - Sistem motor dan kawalan (sistem hantar bekalan air dan air kokol)

- **Kejuruteraan Elektrik**
  - Bangunan pencawang 33kV, 11kV.
  - Perkakasuis 33kV dan 11kV.
  - Papan suis utama (MSB), papan suis kecil (SSB) dan peti agihan.
  - Semua kabel termasuk bawah tanah.
  - Bateri dan pengecas.
  - Sistem pembumian dan penangkap kilat.
  - Sistem perlindungan/geganti, EF/OC.
  - Sistem pencahayaan dan soket alir keluar.
  - Lampu jalan dan pendawaian.
  - Menyelenggara kapasiti penggunaan tenaga elektrik sebanyak 13.4 MVA, 5.6 juta kWh dan bil elektrik RM 27 juta setahun.
  - Sistem bekalan elektrik kecemasan termasuk loji janakuasa berkeupayaan 18.0 MVA dan sistem bekalan elektrik tanpa gangguan (UPS) – 2120 KVA.
  - Semua alat kelengkapan dan utiliti yang menggunakan kuasa elektrik seperti semua jenis kipas, lampu/pencahayaan, cerek elektrik, microwave dan lain-lain.

- **Kejuruteraan Elektronik**
  - Sistem audio video dan PA.
  - Queue Management System (QMS)
  - Pemantauan dan penyelenggaraan peralatan-peralatan pejabat seperti mesin pencetak, faks dan sebagainya.
  - Sistem Panggilan Jururawat.
  - Sistem kad akses.
  - Penyelenggaraan sistem automatik seperti – barrier gate untuk tempat letak kereta, pintu automatik dan sebagainya.
  - Sistem PABX.
  - Extra-low voltage (ELV) dan alat perhubungan dua hala (Walkie Talkie).
  - Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV).
  - Peralatan makmal elektronik.
  - Satellite Main Aerial System (SMATV).
  - Sistem pintu automatik.

▶ Penyelenggaraan dan Khidmat Kejuruteraan

- Memberi khidmat kerja penyelenggaraan dan pembaikan bagi sistem dan peralatan kelengkapan kejuruteraan awam, elektrik, mekanikal dan elektronik termasuk pengubahsuaian dan pemasangan sistem baru.
- Mengendalikan secara 24 jam loji-loji perkhidmatan pusat seperti pendingin hawa, loji kuasa elektrik (Janakuasa Tunggu Sedia dan Sistem UPS-Uninterruptible Power Supply), sistem bekalan air panas dan sejuk, sistem pencegah kebakaran, sistem penghantaran hampagas (Pneumatic System) dan lain-lain sistem yang terdapat di PPUM.
- Memberi khidmat teknikal/kejuruteraan kepada PPUM bagi merancang dan melaksanakan projek pengubahsuaian dan pembangunan (menyediakan maklumat teknikal dan pemantauan projek sehingga siap).
- Bekerjasama dengan agensi Kerajaan bagi mewakili perkara-perkara kejuruteraan/teknikal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Suruhanjaya Tenaga, Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaaan

Malaysia (JKKP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Bomba dan lain-lain.

- Penyelenggaraan kenderaan PPUM.
- Memberi khidmat pembersihan luaran bangunan PPUM.
- Menguruskan segala aset Kejuruteraan PPUM.

▶ Fasiliti dan Kemudahan Am (Pengurusan Linen, Pembersihan Dalaman & Pengurusan Sisa Klinikal/Kimia)

Perkhidmatan ini diuruskan oleh Unit Fasiliti dan Kemudahan Am yang bertanggungjawab dalam tadbir urus perkhidmatan dan kemudahan am di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) seperti berikut:

• Pengurusan Linen

Bertanggungjawab dalam membekalkan linen bersih yang berkualiti untuk memenuhi keperluan PPUM merangkumi aktiviti-aktiviti pengambilan dan penghantaran linen, membasuh, mengering, menggosok, melipat dan penyimpanan stok linen serta menguruskan perolehan pakaian pesakit dan pakaian seragam untuk staf PPUM yang berkelayakan.

Statistik Perkhidmatan Pengurusan Linen

Perkhidmatan	Tahun		Perbezaan (%)
	2014	2014	
Kuantiti Cucian Linen (kg)	962,218	1,039,164.2	7.9
Pelupusan Linen	9,590	8,362	12.8

Berdasarkan kepada data di atas, kuantiti cucian linen meningkat sebanyak 7.9 peratus dari tahun 2013. Peningkatan ini adalah kerana berlaku pertambahan pesakit yang hadir ke PPUM. Manakala bagi pelupusan linen pula menurun sebanyak 12.8 peratus.

• Perkhidmatan Yang Dikontrakkan

Bertanggungjawab dalam memantau perkhidmatan-perkhidmatan yang dikontrakkan bagi menjaga kebersihan keseluruhan PPUM. Perkhidmatan penswastaan yang dipantau adalah seperti berikut:

• Pembersihan Dalaman Hospital

Pembersihan kawasan, peralatan pejabat, mesin dan perabot di pejabat, wad dan klinik yang meliputi aktiviti pembersihan seperti pencucian biasa (general cleaning); pembersihan menyeluruh (total cleaning); mengilat (polishing), menyental (scrubbing), dan menggilap (buffing) lantai; serta pengutipan dan pembuangan sampah domestik.

Bagi meningkatkan kecekapan dan kelancaran kerja-kerja pembersihan, kontraktor Impressia telah membekalkan mesin ride on untuk tujuan scrubbing dan polishing. Pengunaan mesin tersebut boleh mengurangkan kebergantungan kepada tenaga manusia

• Pencucian Cermin Aras Tinggi dan Aluminium Cladding


Menyediakan perkhidmatan mencuci dan membersih cermin aras tinggi (high level glass cleaning) dan aluminium cladding secara profesional di dalam memastikan kawasan yang diselenggara bersih, berkilat, dan bebas daripada kekotoran, palitan, habuk, sampah sarap, tumbuhan kulat, dan pokok serta semua punca yang boleh menyebabkan kekotoran.

• Pengurusan Sisa Klinikal

Perkhidmatan merangkumi pengumpulan, penyimpanan, pemindahan, pemprosesan dan pelupusan sisa klinikal di PPUM. Kos untuk pengurusan sisa klinikal sentiasa meningkat setiap tahun atas faktor-faktor berikut:


i. Peningkatan Jumlah pesakit setiap tahun.
ii. Penambahan wad dan klinik
iii. Pertambahan pengunaan bahan gunahapus.
iv. Kesedaran staf dan pengguna terhadap kesihatan dan keselamatan diri.

Jumlah Timbangan Sisa Klinikal di PPUM Tahun 2014



** Timbangan dalam Kilogram*

Perbandingan Kutipan Sisa Klinikal di PPUM



- **Pelupusan Sisa Kimia**

  Perkhidmatan pelupusan sisa kimia di PPUM sebelum proses pelupusan dilaksanakan oleh wakil Kualiti Alam. Pengumpulan atau pengutipan sisa kimia dibuat sekali setiap bulan.

- **Pengawalan Serangga dan Makhluk Perosak**

  Bertanggungjawab dalam memastikan PPUM bebas daripada serangga dan makhluk perosak di samping mengurangkan risiko disebabkan serangan serangga dan perosak.

Masalah-masalah yang dihadapi dalam menguruskan fasiliti dan kemudahan am adalah seperti berikut:


a) Penggunaan tandas dengan tidak betul seperti memijak pelapik mangkuk tandas.
b) Pembuangan sampah atau tuala wanita ke dalam lubang tandas dan sebagainya.
c) Tidak membuang sampah ke dalam tong sampah.
d) Penggunaan tisu tandas yang berlebihan.
e) Pengguna yang sewenang-wenang menggunakan gam atau pelekat di dinding bangunan.
f) Staf yang makan dan minum di meja pejabat dan makanan terdedah di dalam pantri yang akan mengundang serangga dan makhluk perosak seperti tikus dan lipas.
g) Kadar pertukaran pekerja pembersihan yang tinggi menjejaskan tahap kecekapan perkhidmatan.
h) Penyalahgunaan kemudahan yang disediakan untuk kegunaan staf dan orang awam agak tinggi.

- **Percetakan**

  Bertanggungjawab menguruskan percetakan semua dokumen rasmi yang meliputi borang dan bahan cetakan yang lain bagi memenuhi keperluan perkhidmatan di PPUM. Walau bagaimanapun, urusan percetakan dihadkan kepada permohonan untuk cetakan sebanyak 500 set ke atas. Percetakan dibahagikan kepada 2 kategori iaitu:


  - **Cetakan Dalaman** - Percetakan dilakukan sendiri oleh staf percetakan.

Perbandingan Percetakan Dalaman Borang Berdaftar di PPUM



  - **Cetakan Luaran** - Percetakan dilaksanakan oleh syarikat luar secara sebut harga.

Perbandingan Percetakan Luar Borang Berdaftar di PPUM



Berdasarkan kepada data di atas, Jumlah percetakan dalaman menurun sebanyak 27.48 peratus, manakala percetakan luar juga berkurang sebanyak 1.4%. Pengurangan ini berlaku disebabkan beberapa faktor:

i. Pemantauan yang jitu ke atas penggunaan borang di PPUM.
ii. Penggunaan sistem teknologi maklumat yang membekalkan borang atas talian (online).
iii. Peningkatan kesedaran staf kepada penggunaan sistem teknologi maklumat.

- **Pejabat Mel**

Bertanggungjawab sebagai pusat penerimaan dan penghantaran surat/dokumen rasmi bagi Pusat Perubatan Universiti Malaya. Penghantaran semua surat-surat rasmi PPUM melalui Pos Malaysia yang disediakan adalah berdasarkan kepada perkhidmatan berikut:

- Perkhidmatan penghantaran pos biasa dengan setem franking.
- Perkhidmatan pos berdaftar.
- Perkhidmatan Pos Laju.
- Perkhidmatan Mel Udara.

Manakala penghantaran dan pengagihan dengan tangan iaitu 'by hand' bagi surat/dokumen rasmi, sulit atau surat yang memerlukan tindakan segera juga disediakan mengikut arahan pentadbiran PPUM di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Jabatan/Fakulti Universiti Malaya.

Statistik Pengurusan Mel

Perkhidmatan	Tahun		Perbezaan (%)
	2014	2014	
Jumlah Penghantaran Surat (helai)	55,471	53,970	2.71
Jumlah Penerimaan Surat (helai)	75,497	69,369	8.12

Berdasarkan kepada data di atas, Jumlah percetakan dalaman menurun sebanyak 2.71 peratus manakala percetakan luar juga menurun sebanyak 8.12 peratus. Penurunan ini berlaku kerana disebabkan penghantaran surat dibuat secara emel, faksimili dan sebagainya.


▶ Projek Pembangunan Rancangan Jangka Pendek dan Jangka Panjang (RMK) 5 tahun Malaysia

- Mengkoordinasikan dan melaksanakan Projek Fiskal Rancangan Lima Tahun Malaysia.
- Mewujudkan satu sistem perantaraan dan perlaksanaan projek yang bersepadu serta mengawal selia projek pembangunan dan peningkatan sistem daripada masa ke semasa.
- Penyelaras bagi projek Pembangunan PPUM bersama Kementerian Pendidikan Malaysia, Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.
- Urus setia Jawatankuasa Pembangunan PPUM.

Aktiviti utama Jabatan Kejuruteraan adalah melibatkan penyelenggaraan dan pembaikan sistem serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di PPUM. Perbandingan data-data berkenaan dapat ditunjukkan seperti di bawah :-

Statistik Pengurusan Mel

Bahagian	2013	2014	Perbezaan (%)
	Permohonan Pembaikan		
Awam	7488	7731	3.25
Elektrik	4525	4808	6.25
Elektronik	1624	1444	-11.08
Mekanikal	5567	5633	1.19
Jumlah	19,204	19,616	2.15



(Sumber: EMMMS Jabatan Kejuruteraan)

Terdapat sedikit pertambahan dari segi Jumlah aduan yang diterima. Ini adalah disebabkan oleh pertambahan ruang bagi 2 buah bangunan iaitu Menara Selatan pada tahun 2013 dan Kompleks Kesihatan Wanita dan Kanak-kanak pada tahun 2011 dan telah digunakan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit pengurangan Jumlah aduan yang diterima. Ini adalah disebabkan oleh bilangan rondaan dan kerja penyelenggaraan bagi mencari dan mencegah kerosakan telah dipertingkatkan.

Pembangunan Fizikal

▶ Aktiviti Pegawai Sains (Fizik) di Penempatan Unit Onkologi Klinikal

Bil.	Nama Projek	Status
1.	Pengubahsuaian Kerja Sosial Aras 2 Menara Timur	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Mac 2015
2.	Pembaikan Sistem Pasif (Pintu Rintangan Api) di Lif Lobi Menara Utama (Keperluan FC Bomba)	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Mei 2015
3.	Kerja menggantikan pintu rintangan api termasuk pemasangan Electromagnetic (EM) Door Holder System	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Mei 2015
4.	Penggantian Carrier bagi Sistem Pneumatic Tube	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan April 2015
5.	Pengubahsuaian Gymnasium Aras 14 Menara Selatan	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Januari 2015
6.	Cadangan Kerja Ubahsuai Day Care Urologi Tingkat 3 Menara Timur	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Mac 2015
7.	Pemasangan Peralatan 15 Dewan Bedah (OT Light, Pendant) di Menara Utama dan Menara Timur	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Mei 2015
8.	Pengubahsuaian Wad Peperiksaan, Aras 3 Menara Timur	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Januari 2015
9.	Projek Pencawang Pembahagi Utama PPUM	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Mac 2015
10.	Penggantian UPS dan Papan Suis PE1, PPUM	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan April 2015
11.	Pengubahsuaian Jabatan Kejururawatan, Aras 5 Menara Timur	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Jun 2015
12.	Pemasangan Grab bar di Tandas & ubahsuai medication room di Wad Menara Utama	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Ogos 2015
13.	Kerja mengecat di Podium Menara Utama	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Januari 2015

14.	Kerja Pembaikan Pembetungan kumbahan di Parkir Dental	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Mac 2015
15.	Penggantian Pendingin Udara dan Sistem Cegah Kebakaran Dewan Bedah Aras 4, Menara Timur	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan April 2015
16.	Naik Taraf Bagi Pemasangan Baru Main Switchboard C&D di Menara Timur dan Panel 11kV di PE8	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Ogos 2015
17.	Naiktaraf dan Penggantian Sistem Pendingin Udara Di Dewan Bedah (Cigmit)	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Februari 2015
18.	Ubahsuai OT Aras 4 Menara Timur CICU Aras 2 Menara Selatan	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Mei 2015
19.	Cadangan Ubahsuai Kemasukan dan Discaj, Menara Selatan	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Mac 2015
20.	Ubahsuai 3 Dewan Bedah termasuk peralatan (OT light +Pendant) Aras 4 Menara Timur	Pembinaan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Mei 2015

▶ Projek pembangunan/kerja-kerja pengubahsuaian yang telah siap.

Bil.	Projek
1.	Pengubahsuaian dan menyiapkan sebahagian ruang tingkat 3, Kompleks Pendidikan Sains Kejururawatan untuk dijadikan Pejabat Jabatan Teknologi Maklumat dan Klinik O&G Di Kompleks Kesihatan Wanita dan Kanak-kanak
2.	Pengubahsuaian stor Kardiologi di Tingkat 7, Menara Selatan
3.	Pengubahsuaian dan kerja naik taraf tandas awam lelaki, wanita dan OKU di Aras 1, Bangunan Trauma & Kecemasan
4.	Kerja-kerja membina kaunter dan menaik taraf kawasan Farmasi Pesakit Luar, RUKA
5.	Pengubahsuaian Klinik Rehab untuk dijadikan Jabatan Perhubungan Awam di Konkos Menara Utama
6.	Pengubahsuaian Jabatan Transfusi Fasa 2
7.	Kerja-kerja mengecat Menara Utama
8.	Penggantian karpet Aras 14 Menara Utama
9.	Penggantian perkakasuis elektrik 415V - Pencawang Elektrik Menara Timur
10.	Pemasangan kipas besar foodcourt di BangunanTrauma & Kecemasan
11.	Naik taraf kaunter Jabatan Pengurusan Maklumat
12.	Pemasangan perkakasuis 11KV dan janakuasa serta kerja-kerja yang berkaitan di PE 2 PPUM
13.	Pengubahsuaian pejabat Perubatan Sukan Aras 5 Menara Selatan
14.	Naiktaraf Sistem Uninterruptible Power Supply (UPS)
15.	Naiktaraf Sistem Perubatan Udara Mampat (Compress Air)
16.	Naiktaraf Sistem Perubatan Vakum
17.	Pengubahsuaian Wad Neuro Medikal 5UA Menara Utama

▶ Senarai Projek Rancangan Malaysia Ke Sepuluh RMK10 (2011 – 2015)

Berikut adalah senarai projek yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah siap dan dalam peringkat pembinaan.

Bil.	Projek
1.	Pembinaan Kompleks Kesihatan Wanita dan Kanak-kanak (KKWK)
2.	Peralatan Kompleks Kesihatan Wanita dan Kanak-kanak (KKWK)
3.	Pembinaan Bangunan Menara Selatan
4.	Peralatan Bangunan Menara Selatan
5.	Naiktaraf ICU termasuk peralatan
6.	Penggantian Peralatan Usang 2015
7.	Peralatan Mini Cyclotron
8.	Peningkatan Kemudahan Bagi Aliran Pesakit dan Trafik di PPUM

JABATAN KEWANGAN

Jabatan Kewangan bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan dan perakaunan PPUM dengan memastikan penggunaan sumber dan penjanaan dana yang efisien tanpa membelakangkan pematuhan kepada peruntukan yang perlu dipatuhi.

Di antara perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Kewangan ialah:

Bahagian Hasil - memberi perkhidmatan terus ke atas pesakit iaitu melaksanakan pengebilan pesakit, kutipan dan taksiran pesakit. Kaunter-kaunter di bawah bahagian ini diwujudkan di setiap bangunan yang melaksanakan perawatan pesakit iaitu:

Kaunter Bayaran Tingkat Bawah, Menara Utama
Kaunter Bayaran Tingkat 2, Menara Utama
Kaunter Bayaran Tingkat 2, Menara Timur
Kaunter Bayaran Tingkat 2, Menara Kesihatan Wanita dan Kanak-kanak
Kaunter Bayaran Tingkat 1, Menara Selatan

Bahagian Bajet dan Pembayaran - menyediakan Cadangan Belanjawan untuk dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan, mengagihkan peruntukan serta mengawal perbelanjaan supaya tidak melebihi dari peruntukan yang telah diluluskan. Selain itu, bahagian ini juga berperanan memproses bayaran kepada pembekal atau pihak ketiga.

Bahagian Pengurusan Tunai - memantau baki wang tunai di dalam Akaun Terimaan serta Akaun Pembayaran melalui sistem e-Banker dan mengawal Panjar Wang Runcit PPUM. Bahagian ini juga melaksanakan pengurusan ke atas Pelaburan PPUM.

Bahagian Perakaunan - menyediakan Laporan Perbelanjaan, Penyata Kewangan dan menyelenggara rekod bayaran dan hasil.

Bahagian Aset dan Terimaan Am - melaksanakan pemantauan ke atas Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Daftar Aset. Bahagian ini turut bertanggungjawab ke atas Pendapatan Am (Bukan Pesakit).

Bahagian Kawalan dan Pematuhan - melaksanakan pemantauan berterusan ke atas pematuhan pengurusan kewangan PPUM.

Perkhidmatan Terbaru Yang Diperkenalkan


- Jabatan Kewangan memperkenalkan Invoice Payment Status dimana pembekal dan pihak ketiga boleh melihat status pembayaran dari dokumen lengkap diterima di Jabatan Kewangan sehingga pembayaran dilaksanakan dalam tempoh 14 hari bekerja melalui laman sesawang PPUM iaitu http://www.ummc.edu.my

- Penambahan mekanisma pembayaran oleh pihak ketiga bagi pembayaran semua jenis invois PPUM iaitu bagi bil rawatan pesakit, invois-invois lain bagi bukan pesakit dan invois Kumpulan Wang Amanah menggunakan kaedah Financial Process Exchange (FPX). FPX menawarkan pembayaran atas talian yang diproses secara masa nyata (real time) iaitu dengan mendebitkan terus dari akaun pesakit melalui bank-bank yang mengambil bahagian kepada PPUM.

- Bagi membolehkan PPUM mengambil bahagian dalam cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan mulai 1 April 2015, PPUM telah mendaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.


Kutipan Hasil Bil Pesakit bagi tahun 2010 sehingga tahun 2014

Tahun	Hasil (RM)	% Perbezaan Hasil
2010	66,640,439	11.14
2011	70,353,318	5.57
2012	68,566,944	- 2.54
2013	76,732,003	11.91
2014	78,394,102	2.17



Peruntukan dipohon, diluluskan dan diterima bagi tahun 2010 sehingga tahun 2014


Tahun	Peruntukan Dipohon	Peruntukan Diluluskan	Terimaan Dari Kerajaan
	(RM)		
2010	548,420,570	398,094,738	361,094,738
2011	459,800,000	389,834,562	354,444,562
2012	468,665,437	420,000,000	388,000,000
2013	468,475,525	448,647,200	417,675,511
2014	690,992,552	557,455,800	526,670,955



Pecahan Pendapatan

Tahun	Kerajaan	Pesakit	Bukan Pesakit	Amanah
	(RM)			
2010	361,094,738	66,640,440	10,823,259	-
2011	354,444,562	70,353,318	13,989,327	-
2012	388,000,000	68,566,944	17,807,222	-
2013	417,675,511	76,732,003	22,818,103	**18,215,355**
2014	**526,670,955**	**78,394,102**	**21,988,387**	**87,604,513**

Pecahan Pendapatan
Bagi Tahun 2010 Sehingga 2014



Aset Tetap

Perkara	Tahun				
	2010	2011	2012	2013	2014
Hartanah, loji dan mesin	356,997,654	364,899,908	365,779,378	931,589,423	924,767,012
Kerja dalam kemajuan	389,829,581	478,661,322	571,851,296	44,404,470	48,683,145

Aset Semasa

Perkara	Tahun				
	2010	2011	2012	2013	2014
Stok	12,098,589	13,328,086	14,097,934	12,841,151	14,936,347
Baki Tunai	54,590,335	15,392,189	46,694,771	27,182,746	38,928,808
Simpanan Tetap	180,400,000	218,766,605	206,000,000	269,040,000	338,040,000
Penghutang – Pinjaman Komputer	755,876	604,159	506,747	364,013	339,250
Penghutang – Pinjaman Kenderaan	1,915,512	1,789,101	1,644,208	1,570,823	1,327,778
Pelbagai Penghutang, Cagaran dan Bayaran Terdahulu	50,437,698	61,829,581	68,146,557	69,661,985	75,787,680

Pembelian Peralatan Baru

- Perolehan 1 unit Mesin Tebuk bagi Pengesahan pembayaran telah dibuat (paid) bernilai RM25,000.00
- Perolehan 15 unit Ultra Violet bagi kegunaan Kaunter-kaunter Bayaran di PPUM bernilai RM25,000.00

Aktiviti Jabatan

Jabatan Kewangan telah mengadakan Kursus Insurans Am PPUM pada 12 November 2014 dengan dihadiri oleh 200 orang peserta yang terdiri daripada staf PPUM bagi menjelaskan hak dan tanggungjawab staf mengenai polisi-polisi sedia ada.

Rancangan Masa Hadapan Jabatan

- Mempertingkatkan hasil dalaman PPUM dengan;
    - mewujudkan one stop counter di mana pesakit boleh membuat pembayaran deposit dan bil rawatan di mana-mana Kaunter Pembayaran di bawah Jabatan Kewangan, Jabatan Trauma & Kecemasan dan Perkhidmatan Ambulatori.
    - mengadakan pelbagai insentif bagi menggalakkan bayaran deposit dan bil rawatan kepada pesakit yang membayar dengan pemberian cenderahati dan pemberian diskaun.
- Selaras dengan dasar Kerajaan dalam melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan mulai 1 April 2015, Jabatan Kewangan akan mewujudkan seksyen yang bertanggungjawab dengan segala urusan pelaporan input dan output tax yang terlibat dengan GST.
- Mewujudkan Portal Jabatan Kewangan yang menggabungkan kesemua modul seperti modul Pembayaran, Pelupusan Aset, Hasil Pesakit, Pinjaman Kenderaan dan Komputer serta Terimaan Am di dalam satu sistem yang lebih mesra pengguna.
- Memantap dan meningkatkan hasil daripada penghutang dengan mewujudkan Unit Kawalan Kredit yang diberi kebenaran untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas penghutang yang enggan menjelaskan tunggakan bayaran.
- PPUM juga akan lebih melaksanakan langkah-langkah penjimatan bagi tahun 2015 selaras dengan pengurangan dana pendapatan dari kerajaan yang telah diumumkan kepada Badan Berkanun termasuk PPUM.

- Jabatan Kewangan bercadang untuk mengadakan penyusunan semula struktur Jabatan Kewangan pada suku tahun pertama pada tahun 2015.

Masalah Yang Dihadapi Oleh Jabatan

Dalam memenuhi hasrat dan harapan pihak Pengurusan untuk meningkatkan sumber dalaman PPUM, Jabatan Kewangan perlu ditempatkan di bawah satu bumbung agar memudahkan kawalan dan pemantauan dilaksanakan selain dapat menggembleng tenaga kerja sepenuhnya. Pada masa sekarang, Jabatan Kewangan dipecahkan kepada 3 buah lokasi utama secara berasingan iaitu di Tingkat 14 Menara Utama, Tingkat Bawah Menara Utama dan Tingkat 2 Menara Utama. Pengasingan ini menyebabkan wujudnya kesukaran dari segi kutipan hasil PPUM dan memaksa Jabatan Kewangan perlu mewujudkan banyak kaunter termasuk di Tingkat 14 Menara Utama.

JABATAN KUALITI

Jabatan Kualiti PPUM mula beroperasi pada 2 Februari 2012 dan mempunyai 2 fungsi utama di bawah Bahagian Pengurusan Kualiti dan Bahagian Pengurusan Risiko. Pada bulan Mac 2013, fungsi Unit Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan telah beroperasi di bawah Bahagian Pengurusan Risiko.

Objektif Jabatan

- Mengadakan Pelan Perancangan Kualiti dan Keselamatan seiring dengan keperluan untuk sentiasa menambah baik mutu perkhidmatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya.
- Merancang dan menyelaras dasar berkaitan dengan pembangunan jaminan kualiti, keselamatan dan pengurusan risiko bagi peningkatan semua aspek operasi penyampaian perkhidmatan.
- Merancang, mengendali dan memantau akreditasi dan pensijilan bagi perkhidmatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya agar selaras dengan standard kualiti terkini dan bertindak sebagai sekretariat audit kualiti dalaman.
- Membantu dalam pemantauan tahap kualiti dan jaminan kualiti semua program perkhidmatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya.
- Menyediakan latihan bagi staf PPUM yang berkaitan dengan pengurusan kualiti, risiko dan keselamatan pesakit untuk meningkatkan kualiti dan keselamatan dalam penjagaan pesakit.

Fungsi Jabatan

- **Pengurusan Kualiti**
  - Audit Kualiti
  - Akreditasi dan Pensijilan
  - Pengurusan Dokumen Kualiti
  - Penambahbaikan Kualiti
  - Tugas-tugas Kesetiausahaan dan Keurusetiaan Jawatankuasa-Jawatankuasa berkaitan Penambahbaikan Kualiti
  - Pengajaran, latihan dan kesedaran-penganjuran bengkel

- **Bahagian Pengurusan Risiko**
  - **Pengurusan Risiko klinikal:**
    - Pengurusan Risiko, pemantauan data insiden dan siasatan insiden
    - Menyediakan prosedur-prosedur dan dokumentasi PPUM yang berkaitan dengan pengurusan risiko dan keselamatan pesakit
    - Tugas-tugas kesetiausahaan jawatankuasa
    - Pengajaran, latihan, program kesedaran serta penganjuran bengkel

- **Unit Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan (OSHE):**
  - Pemeriksaan & Pemantauan Fasiliti dan Pengukuran
  - Tugas-tugas Kesetiausahaan jawatankuasa
  - Merancang kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan & alam sekitar dan menjalankan siri pengajaran, latihan dan kesedaran.
  - Mengumpul, mengurus dan menganalisis data-data bagi rekod insiden yang dilapor melalui sistem pelaporan (Ezform) bagi tujuan proses siasatan, penambahbaikan berterusan
  - Menjalankan pelaporan insiden kepada pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi kes yang ”time l oss injury” adalah melebihi 4hari dan ke atas.
  - Memantau penilaian risiko dibawah Sistem e-Risiko dan penilaian risiko di bawah pematuhan kepada akta dan peraturan
  - Menyediakan prosedur-prosedur dan dokumentasi PPUM selaras di bawah keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan persekitaran
  - Memberi nasihat dan merancang program aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan
  - Bekerjasama dan menjalankan hubungan dengan pihak luar bagi meningkatkan aktiviti dan komunikasi di dalam menyelaras aktiviti dan prosedur kerja seperti pihak bomba, polis, MKN dan hospital-hospital yang berdekatan

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- **Bahagian Pengurusan Kualiti**

  - Audit Kualiti

Mengkoordinasi aktiviti audit yang dilaksanakan di PPUM pada tahun 2014 iaitu:

Bil.	Aktiviti Audit	Tarikh
1	Audit Dalaman PPUM (MS ISO 9001:2008)	21 – 23 Januari 2014
2	Penilaian (Mock Survey) Akreditasi Standard Malaysian Society for Quality in Health (MSQH) Edisi ke-3	21 – 23 Januari 2014
3	Audit Pensijilan Semula oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	14 – 16 April 2014
4	Audit Berterusan peringkat dalaman PPUM: a. Audit Ketidakcapaian Objektif Kualiti Perkhidmatan Ambulatori (Klinik Ginekologi) b. Audit Identifikasi Pesakit c. Audit Pemberian Ubat-Ubatan Di Wad/Kawasan Penjagaan Pesakit	 25 & 26 Jun 2014 25 Julai 2014 & 10 Disember 2014 16 Jun 2014

- Akreditasi dan Pensijilan

  - Menerima permohonan dan rangka kerja cadangan standard akreditasi atau pensijilan yang berkaitan kualiti perkhidmatan dan keselamatan pesakit dan mengemukakan permohonan melalui Jawatankuasa Pra Akreditasi dan Pensijilan.
  - Merancang dan memantau usaha-usaha peningkatan kualiti perkhidmatan perawatan dan keselamatan pesakit melalui standard akreditasi dan pensijilan.
  - Menganalisis mengenai pengurusan kemudahan, perkhidmatan dan perawatan pesakit yang bersistematik dengan cadangan standard piawaian yang boleh dicapai.
  - Memberi bimbingan dan arahan kepada pasukan Kerja Akreditasi/ Pensijilan yang lain dalam melaksanakan tanggungjawabnya dan menerima laporan kemajuan secara berkala.

- Pengurusan Dokumen Kualiti

  - Menyenggara semua dokumen kualiti iaitu Manual Kualiti (MK), Prosedur Kualiti (PK), Arahan Kerja (AK), Dokumen

Sokongan (DS), Polisi (PL) dan Borang Kualiti (BK) yang ditulis dan didaftarkan oleh Jabatan/Unit dan memastikan semua dokumen kualiti mendapat kelulusan Wakil Pengurusan – Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) atau wakil yang dinamakan.
- Menyenggara senarai induk dokumen kualiti yang didaftar baru, dipinda dan dilupuskan.
- Memantau dokumen kualiti (luaran) yang dikeluarkan oleh agensi-agensi luar dan digunakan oleh PPUM sebagai panduan mengikut keperluan.
- Memastikan semua dokumen kualiti (kecuali dalam bentuk buku dan borang) serta senarai induk dimuat naik dalam Sistem Dokumen Kualiti PPUM.
- Memantau dokumen kualiti bagi projek rintis dan rekod kualiti.
- Memberi khidmat nasihat dengan mengadakan perbincangan bersama pengguna serta menyediakan minit perbincangan.
- Membuat semakan dokumen kualiti secara keseluruhan setiap 3 tahun sekali untuk memastikan pengemaskinian dibuat berdasarkan proses terkini.

- Penambahbaikan Kualiti

  - Menerima permohonan bagi penyataan petunjuk kualiti seperti objektif kualiti dan petunjuk kualiti klinikal dan projek kualiti seperti Projek Pasukan Projek Penambahbaikan Kualiti (QIT), Projek Easy Quality dan Projek Quality Assurance (QA).
  - Memantau perkembangan dan pencapaian objektif kualiti, petunjuk kualiti klinikal CQA, Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Malaysia Patient Safety Goals (MPSG), Petunjuk Prestasi standard MSQH edisi ke-4 dan projek penambahbaikan kualiti secara berkala.
  - Mengumpul data-data kualiti bagi penganalisisan pencapaian petunjuk kualiti PPUM dan mengukur pencapaian standard yang ditetapkan.
  - Melaksanakan kaji selidik berdasarkan tujuan tertentu.

Bil.	Kajian	Tempoh
1.	Kaji selidik Dokumen Kualiti 2014	Januari – April 2014
2.	Survey on Patient Culture in relation to Incident Reporting	1 Disember hingga 31 Disember 2014
3.	Survey on Patient Discharge	1 Jun 2014 hingga 30 Jun 2014
4.	Time Motion Study on Discharge Summary at ward 7U & 12U	22 Ogos 2014, 2-3 September 2014 (3 hari)

- Tugas-tugas Kesetiausahaan dan Keurusetiaan

  Menjalankan tugas-tugas kesetiausahaan dan keurusetiaan bagi:
  - o Jawatankuasa Pemandu Penambahbaikan Kualiti
  - o Jawatankuasa Penambahbaikan Kualiti
  - o Jawatankuasa Pra Akreditasi dan Pensijilan
  - o Pasukan Akreditasi dan Pensijilan
  - o Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan
  - o Mesyuarat Auditor Dalaman – Sistem Pengurusan Kualiti
  - o Mesyuarat/ Taklimat Pengurus Kualiti Jabatan (DQM)
  - o Perbincangan isu-isu khas bagi penambahbaikan kualiti
  - o Perbincangan isu-isu dokumen kualiti
  - o Urusan Pentadbiran Projek Akreditasi dan Pensijilan
  - o Jawatankuasa Polisi Dalaman Hospital
  - o Keurusetiaan Kursus/ Latihan yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Kualiti dengan kerjasama Bahagian Latihan, Jabatan Sumber Manusia

- Pengajaran, latihan dan kesedaran

  - Kursus-kursus anjuran Bahagian Pengurusan Kualiti, Jabatan Kualiti dengan kerjasama Bahagian Latihan, Jabatan Sumber Manusia.

Bil.	Nama Kursus	Jumlah Peserta
1.	Bengkel Latihan Akreditasi Di bawah Standard Malaysian Society For Quality In Health (MSQH) Edisi ke-4 (Kuantiti :1 kali setahun)	175
2.	Bengkel Teknik Menjawab Nota Ketidakpatuhan (NCR)/Laporan Penambahbaikan (OFI) - (Siri :1 kali setahun)	81
3.	Bengkel Pembentukan Dan Pemantauan Petunjuk Kualiti dan Pendedahan Aktiviti Penambahbaikan Kualiti & Keselamatan (Siri: 2 kali setahun)	-31
4.	Briefing on Awareness & Certification Process MS ISO 1900: 2014 (Syariah -Compliant) -(Siri: 1 kali setahun)	316
5.	Kursus Lead Auditor/ Auditor MS ISO - (Siri: 1 kali setahun)	20
6.	Bengkel Quality Assurance (QA) (Siri: 1 kali setahun)	60

- Memberi sumbangan dalam pengajaran sebagai penceramah bagi tajuk Dasar Kualiti di dalam Kursus Induksi Khusus (Orientasi), Pengajaran kepada pelajar Kolej Kejururawatan/ Radiografi/ Teknologi Makmal Perubatan dan Penceramah taklimat/ kursus/ latihan/ persidangan yang melibatkan tajuk program peningkatan kualiti dan keselamatan.

- **Bahagian Pengurusan Risiko**

- Pengurusan Risiko dan Pemantauan Insiden
  - Pengumpulan, analisa dan pemantauan ke atas semua insiden klinikal dan bukan klinikal yang berlaku di PPUM seperti:-
    - Kesalahan berkaitan pemberian ubat-ubatan
    - Kesalahan berkaitan tansfusi darah
    - Kes-kes Jatuh
    - Sentinel event (serious safety event)
    - Kes-kes yang dipantau oleh OSHE seperti kes tercucuk jarum.

  - Mengenal pasti risiko-risiko berkaitan dengan keselamatan pesakit melalui analisa data insiden dan mewujudkan Pelan Tindakan Risiko (Risk Action Plans) serta Pelan Penambahbaikan ke arah pengurangan risiko terhadap kualiti perkhidmatan dan keselamatan pesakit, langkah penambahbaikan telah diambil iaitu dengan menggubal dasar, polisi dan garis panduan yang berkaitan.

- Bahagian Pengurusan Risiko turut berfungsi sebagai urus setia kepada:
  - Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Keselamatan
    - Membuat kajian ke atas data/ penilaian risiko serta tren kejadian Serious Safety Event (SSE), aduan pesakit, kes pertikaian undang-undang (mediko-legal), kes yang berpotensi untuk tuntutan malpractice serta data/

penilaian risiko berkaitan keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan (OSHE), mencadangkan penambahbaikan dan menyelaras usaha-usaha bagi mencegah dan mengawal kerugian seperti pembangunan polisi, prosedur, meningkatkan kemudahan dan infrastruktur, menyediakan pelan keselamatan kebakaran, bencana dan latihan yang bersesuaian, mencadangkan program pendidikan dan latihan yang diperlukan untuk hospital secara keseluruhan atau untuk sesuatu jabatan khusus berkaitan aspek keselamatan termasuk keberkesanan program.

- Jawatankuasa Clinical Quality Assurance (CQA)
  - Bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Clinical Quality Assurance (CQA) yang bertanggungjawab mengurus mesyuarat dan perhubungan dengan ahli jawatankuasa dan Ketua-ketua Jabatan/ Unit dalam mengkoordinasi Data Indikator Kualiti Klinikal, Laporan Mortaliti/ Morbiditi, Laporan Kemalangan Klinikal dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan penambahbaikan kepada proses kerja.
  - Hasil keputusan jawatankuasa akan dimaklumkan kepada Jawatankuasa Penasihat Perubatan dan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Kualiti dan Keselamatan PPUM secara berkala bagi memastikan perkhidmatan berkualiti, cekap dan memenuhi kehendak pelanggan melalui perancangan, penilaian, pengawalan dan pembaharuan selaras dengan perkembangan perubatan masa kini.

- Jawatankuasa Credentialing & Privileging
  - Bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Credentialing & Privileging untuk memantau permohonan Credentialing & Privileging bagi pegawai-pegawai perubatan dan lain-lain pegawai kesihatan bersekutu mengikut kriteria yang dipersetujui serta mengeluarkan surat dan sijil pentauliahan kepada pemohon.

- Jawatankuasa Etika Perubatan
  - Mengurus mesyuarat dan perhubungan dengan Ahli Jawatankuasa dan penyiasat utama kajian-kajian PPUM dan FPUM, memberi khidmat nasihat, mengurus permohonan kajian perubatan dan penyelidikan serta memantau projek penyelidikan perubatan yang telah diluluskan.
  - Hasil keputusan Jawatankuasa Etika Perubatan hendaklah dimaklumkan kepada Jawatankuasa Penasihat Perubatan dan Lembaga Pengurus untuk makluman.

- Jawatankuasa "Root Cause Analysis"
  - Bertindak sebagai urus setia kepada Pasukan Root Cause Analysis yang dilantik oleh Pengarah, mengemukakan laporan-laporan hasil siasatan kepada Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh siasatan serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Penasihat Perubatan (MAC) dan Lembaga Pengurus sekiranya perlu.

- Bahagian Pengurusan Risiko bertanggungjawab untuk menyediakan latihan kepada Pegawai Perubatan Siswazah dan memantau latihan dan program pembelajaran bagi Pegawai Perubatan Siswazah.

Jadual Pelaksanaan Latihan Pengurusan Risiko Tahun 2014

Bil.	Nama Kursus	Tarikh/ Tempat
1.	Patient Safety Seminar	1 - 2 Dis 2014
2.	Healthcare Risk Management	15 - 16 Okt 2014
3.	Root Cause Analysis Workshop	Siri 1: 24 – 25 Mac 2014 Siri 2: 20 – 21 Ogos 2014 Siri 3: 19 – 20 Nov 2014
4.	Clinical Risk Management Workshop	28 – 29 April 2014
5.	Phlebotomy, Venipuncture & IV Medication Therapy (Bil. siri setahun: 3)	Siri 1: 18 – 20 Mac 2014 Siri 2: 17 – 20 Jun 2014 Siri 3: 23 – 26 Sep 2014

- **Unit Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan**

  - Pemeriksaan & Pemantauan Fasiliti dan Pengukuran
    Mengkoordinasi aktiviti pemeriksaan & pemantauan yang dilaksanakan di PPUM pada tahun 2014 iaitu:
    - Pemeriksaan & Pemantauan Fasiliti
    - Pemeriksaan ke atas Sistem Pengudaraan - Local Exhaust Ventilation (LEV)
    - Pemantauan bagi aktiviti pengangkutan bahan kimia daripada Jabatan/ Unit/ Makmal ke stor penyimpanan sisa kimia dan pelupusan
    - Pemeriksaan & Pemantauan Pelaksanaan "Permit to Work" (PTW) oleh kontraktor
    - Pengukuran Bising
    - Pengukuran Indoor Air Quality (IAQ)

  - Pemeriksaan & Pemantauan dan Pengukuran
    - Melaksanakan 14 kali pemeriksaan dan pemantauan fasiliti pada tahun 2014 di 17 buah lokasi.
    - Hasil pemeriksaan telah dibentang di dalam mesyuarat jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan & alam sekitar PPUM dan Mesyuarat Pentadbiran PPUM.
    - Berdasarkan hasil pemeriksaan dan pemantauan fasiliti [ada tahun 2014 adalah 187 isu yang ditemui, 133 isu (71%) telah selesai tindakan penambahbaikan, manakala 54 isu (29%) dalam tindakan.

  - Pemeriksaan ke atas Sistem Pengudaraan - Local Exhaust Ventilation (LEV)
    - Pelaksanaan pemeriksaan keselamatan ke atas Sistem Pengudaraan iaitu LEV adalah bagi pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Penggunaan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
    - Pemeriksaan dan pemantauan dijalankan melibatkan dua kategori iaitu
      - Pemeriksaan oleh orang yang kompeten (Setahun sekali)
      - Pemeriksaan Keselamatan yang dijalankan setiap bulan
    - PPUM mempunyai sebanyak 16 buah alat LEV di Makmal-makmal dibawah perkhidmatan PPUM yang perlu diperiksa setiap bulan.
    - Berdasarkan hasil pemeriksaan didapati; 80% sistem di dalam keadaan baik dan 20% lagi perlu pembaikan dan penyelenggaraan selanjutnya.

- Pemantauan ke atas aktiviti pengutipan dan pelupusan sisa bahan kimia berbahaya

- Pemantauan ke atas aktiviti pengutipan dan pelupusan sisa bahan kimia dilakukan pada setiap bulan pada 10 haribulan. Bahagian Fasiliti dan Kemudahan Am, Jabatan Kejuruteraan akan menjalankan pengutipan sisa bahan kimia dari lokasi yang telah ditetapkan.
- Pihak OSHE akan dihubungi sebelum aktiviti ini dilaksanakan bagi pengesahan ke atas tindakan dan elemen-elemen keselamatan dipatuhi.
- Manakala, pelupusan bahan kimia akan dijalankan sebanyak 2 kali setahun melalui Syarikat Kualiti Alam Sekeliling.
- Berdasarkan hasil pemantauan didapati;
- 100% pelaksanaan pengutipan sisa kimia dilaksanakan seperti di dalam garispaduan dan mematuhi aspek-aspek keselamatan di tempat kerja.

- Pemeriksaan & Pemantauan Pelaksanaan Permit to Work (PTW) oleh kontraktor
  - Pemeriksaan & pemantauan PTW dilaksanakan ke atas aktiviti/kerja pihak kontraktor yang menjalankan kerja-kerja bukan rutin.
  - Pada tahun 2014, sebanyak 610 aktiviti projek yang melibatkan kontraktor yang menjalankan kerja –kerja bukan runtin telah memohon borang PTW di PPUM
  - Berdasarkan hasil pemeriksaan & pemantauan PTW pada tahun 2014
    - Sebanyak 100% pihak kontraktor berjaya memohon borang PTW sebelum memulakan aktiviti kerja di PPUM
    - Sebanyak 30% Stop Work Instruction telah dikeluarkan kepada projek/ kontraktor yang gagal mematuhi aspek-aspek keselamatan semasa kerja-kerja dilaksanakan.
    - Melalui pelaksnaan PTW ini, semua pihak bertanggungjawab ke atas aktiviti/perkhidmatan yang dijalankan oleh pihak kontraktor yang dilantik

- Pengukuran Bising
  - Dilaksanakan dilokasi-lokasi yang telah dikenalpasti mempunyai risiko pendedahan bising.
  - Alat pengukuran yang digunakan untuk mengukur tahap pendedahan bising adalah “noise dosimeter”
  - Pada tahun 2014 sebanyak 4 lokasi telah diadakan pengukuran bising dan “noise mapping”.
  - Berdasarkan hasil pengukuran didapati;
    - Lokasi yang dijalankan pengukuran (Personal Monitoring) mempunyai bacaan “Pemissible Exposure Limit “ (PEL).
    - Manakala pengukuran (Area Monitoring) mempunyai bacaan atas Pemissible Exposure Limit “ (PEL).
    - Penambahbaikan yang telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah yang berkaitan dengan pendedahan bising di tempat kerja adalah:
  - Papan tanda mengenai lokasi yang mempunyai pendedahan bising
  - Penguatkuasaan pemakaian peralatan perlindungan peribadi
  - Pemantauan perubatan (basement audiology)

- Pengukuran “Indoor Air Quality” (IAQ)
  - Dilaksanakan bagi mengukur kualiti udara dalaman (dalam bangunan yang mempunyai pendedahan habuk, kelempapan yang tinggi dan gas-gas toksik yang boleh memberi pendedahan kepada kesihatan. Pelaksanaan aktiviti ini adalah di bawah Pasukan IAQ.

- **Tugas-tugas Kesetiausahaan dan Keurusetiaan**

  - Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar PPUM (JKKP & Alam Sekitar) PPUM dengan fungsi menyedia, mengkaji dan menyemak program keselamatan dan kesihatan pekerjaan & alam sekitar di tempat kerja dari semasa ke semasa.

  - Jawatankuasa Bencana PPUM berfungsi melaksanakan Pengurusan Bencana di PPUM serta mengkaji pelaksanaan pelan bencana termasuk luaran/ dalaman PPUM. Di bawah Jawatankuasa Bencana, pasukan yang melapor dibawahnya adalah Pasukan EiRT dan Pasukan Search and Response Team (SAR)


  - Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko (OSHE)
    - Bertindak sebagai jawatankuasa yang membincangkan isu-isu keselamatan dan kesihatan serta alam sekitar.
    - Memastikan pematuhan di bawah standard Malaysian Society for Quality in Health (MSQH) yang melibatkan isu alam sekitar dipatuhi.
    - Di bawah Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko (OSHE) mempunyai beberapa Pasukan iaitu;
      - Pasukan Indoor Air Quality (IAQ)
      - Pasukan Biological Hazard
      - Pasukan Sustainable Development
      - Pasukan Hazardous Materials/ Waste
      - Pasukan Health Surveillance

  - Jawatankuasa Tercucuk Jarum PPUM bertindak sebagai jawatankuasa yang melihat program dan cadangan penambahbaikan bagi pencegahan kepada insiden tercucuk jarum di PPUM.

  - Pasukan Root Cause Analysis (RCA) yang ditubuhkan bagi membincangkan insiden yang dikategorikan sebagai serius safety events (SSE) yang mempunyai potensi kejadian di masa hadapan jika punca kejadian tidak dicegah dan dikawal.

- **Jawatankuasa Etika Perubatan**

Perbandingan Jumlah Keseluruhan dan Jumlah Kelulusan Jawatankuasa Etika Perubatan Tahun 2013 dan 2014



Jawatankuasa Etika Perubatan telah bermesyuarat sebanyak 11 kali pada tahun 2014 (kecuali Disember). Bilangan permohonan untuk menjalankan kajian telah menurun sebanyak 21% iaitu sebanyak 463 permohonan pada tahun 2014 berbanding 587 permohonan pada tahun 2013. Peratus kajian yang diluluskan pada tahun 2014 adalah 95%.

- **Jawatankuasa Credentialing & Privileging**

Jawatankuasa telah bersidang sebanyak 5 kali sepanjang 2014. Sehingga 31 Disember 2014, Jumlah Pakar dan Pegawai Perubatan serta Staf Kesihatan Bersekutu yang telah ditauliahkan adalah seperti di bawah:

Jawatan	Bilangan pentauliahan sehingga 31 Disember 2014
Pakar Perunding Kanan	90
Pakar Perunding	159
Pakar Klinikal	277
Pegawai Perubatan	1107
Staf Kesihatan Bersekutu	1543

- **Pengajaran, latihan dan kesedaran**

Kursus	Jumlah Peserta/ Siri
Kursus Penyelian Tapak Projek Dan Kad Hijau CIDB	40 orang
Bengkel Pemantapan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar (Refresher Course)	60 orang
Bengkel Pelaporan & Penyiasatan Kemalangan Di Tempat Kerja	40 orang
Kursus Pengendalian Kecemasan Bahan Kimia (Hazmat)	120 orang
Pengurusan Stress di Tempat Kerja: Pencegahan Kemalangan Siri 1 & Siri 2	Siri 1 : 180 orang Siri 2: 170 orang
Latihan Fizikal Pasukan ERT di PPUM	Siri 1 hingga Siri 12 (Setiap siri 40-60 orang)
Kursus Keselamatan dan Keselamatan Pekerjaan & Alam Sekitar	Siri 1: 180 orang Siri 2 : 176 orang
Pengurusan Hazard di Tempat Kerja	Siri 1: 170 orang Siri 2 : 160 orang
Bengkel Pengurusan Bahan Kimia/Sisa di Tempat Kerja	Siri 1: 35 orang Siri 2 : 40 orang Siri 3: 40 orang
Indoor Air Quality : Problem and Prevention	170 orang
Kursus Pendedahan Bising dan Langkah Pencegahan	30 orang
Kursus Ergonomik di Tempat kerja: Pencegahan dan Pengawalan	Siri1 : 180 orang Siri 2 : 175 orang Siri 3 : 170 orang
Latihan Fire Drill PPUM 2014 (Mandatory for Certification)	Siri 1 : Asrama Anjung (300 orang)
Siri 2 : Bangunan Kompleks Wanita dan Kanak-Kanak	(600 orang)
Pemantapan Keselamatan Kebakaran (Lanjutan) & Praktikal	Siri1 : 180 orang Siri 2 : 175 orang Siri 3 : 170 orang Siri 4 : 180 orang
Taklimat Hazard Identification Risk Assessment and Risk Control (HIRARC)	Siri 1 hingga Siri 12 (Setiap siri ada 40 orang)
Kursus Induksi mengenai keselamatan dan kesihatan Pekerjaan & alam sekitar	Siri 1 hingga 10 siri (Setiap siri 15-30 orang)
Taklimat mengenai asas kebakaran kepada pelajar, staf baru (Jabatan Kejururawatan) dan Pegawai Perubatan	Siri 1 & 2 : 200 Siri 3 : 180 Siri 3 : 30 orang
Taklimat mengenai keselamatan kepada pihak kontraktor	Siri 1 hingga Siri 10

- Memantau penilaian risiko di bawah Sistem e-Risiko dan penilaian risiko di bawah pematuhan kepada akta dan peraturan
  - Chemical Health Risk Assessment (CHRA) bagi pusingan kedua-2014/ 2015
    - Projek CHRA dilaksanakan pada bulan Ogos hingga Disember 2014.Pelaksanaan ini adalah pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Penggunaan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.



Lawatan Stor Bahan Kimia



Penilaian di Makmal Suksess





Sesi dialog dan temuramah dengan pihak Jabatan/Makmal

- **Program Pengurusan Bencana**

  - Latihan Fire Drill : Siri 1/ 2014 (Asrama & Anjung Penyayang)
    - Telah dilaksanakan pada pada 06 Febuari 2014 di asrama pelatih bagi latihan fire drill kolej sains bersekutu di PPUM
    - Sebanyak 2 jentera bomba turut serta di dalam latihan ini. Latihan bermula pada jam 12 malam dan berakhir pada jam 2.00 pagi.

  - Latihan Fire Drill "Ops Comel" 2014
    - Dilaksanakan pada 13 November 2014 di Bangunan Kompleks Wanita dan Kanak-Kanak
    - Aktiviti adalah melibatkan pengungsian penuh bagi Bangunan Obsterik & Ginekology dan bangunan Pediatrik.
    - Penglibatan adalah, pesakit yang boleh dievakuasi, staf PPUM dan orang awam, Pasukan EiRT PPUM, Pihak Bomba dan Penyelemat Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.











Gambar : Sekitar Latihan Fire Drill " Ops Comel" 2014

- Latihan Mini Drill

  Latihan Mini Drill 2014 telah mula dilaksanakan pada tahun 2014 bagi menilai pelaksanaan, persediaan dan kesedaran kepada staf di jabatan/unit agar sentiasa bersiap siaga di dalam menghadapi situasi kecemasan. Latihan ini diadakan di jabatan/ Unit yang mempunyai tahap risiko pendedahan yang tinggi dengan kebakaran. Latihan ini disertai oleh Jawatankuasa Bencana PPUM, Jabatan/ Unit yang terlibat, Pasukan daripada Unit Keselamatan, Pasukan "Search and Response, Unit Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan (OSHE) sebagai penyelaras dan fasilitator kepada latihan ini. Lokasi pelaksanaan latihan mini fire drill adalah tersebut;

Lokasi	Tarikh
Wad NICU	10 Jun 2014
Unit Pensterilan Alat-Alat Dewan Bedah (UPAS)	14 Ogos 2014
Bangunan KPSK	12 Julai 2014
Wad Bersalin Tingkat 5 (ANW)	21 Ogos 2014
WAD Peads tingkat 4	12 September 2014
Klinik Bersalin Aras 2	27 September 2014
Farmasi RUKA	11 Oktober 2014
Wad Peads Tingkat 5	20 Oktober 2014
Klinik Peads Tingkat 2	12 November 2014
Wad Bersalin Tingkat 3	5 Disember 2014

- Latihan Pengurusan Bencana Negara (Ex-Strom) anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang telah disertai hampir 20 agensi termasuk hospital-hospital di sekitar Kuala Lumpur. Latihan ini telah diadakan pada 20 Ogos 2014 di KLCC. Sebanyak 5 drill insiden telah dijalankan iaitu melibatkan runtuhan bangunan, tumpahan bahan kimia, kebakaran, kemalangan jalan raya dan terperangkap di dalam terowong.

- **Permit to Work (PTW)**

  Pelaksanaan Sistem PTW telah diperkenalkan untuk menjalankan pemantauan ke atas kerja-kerja bukan rutin yang melibatkan kontraktor di PPUM. Pada tahun 2014, sebanyak 610 permohonan PTW telah dimohon oleh kontraktor yang dilantik menjalankan kerja-kerja bukan rutin iaitu kerja-kerja pengubahsuaian, pemasangan, perkhidmatan dan lain-lain.

- **Pelaksaanaan Sistem e-Risiko (Secara atas talian)**

  Sistem e-Risiko mula dilaksanakan secara rasmi pada bulan April 2014. Sistem ini membantu Jabatan/ Unit menjalankan penilaian risiko ke atas aktiviti, perkhidmatan dan peralatan yan berisiko di Jabatan/ Unit. Pegawai Pengurus Risiko Jabatan/ Unit yang dilantik memainkan peranan yang penting di dalam pelaksanaan sistem ini. Jabatan perlu melaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan penilaian risiko. Pada tahun 2014 sebanyak 54 penilaian risiko telah disediakan oleh Jabatan/ Unit. Berdasarkan penilaian sebanyak 70 % tindakan telah selesai dan 30 % di dalam tindakan.

Pengenalan Polisi Baharu

Polisi terkini yang diluluskan oleh Lembaga Pengurus adalah seperti berikut;

Hospital Wide Policy (HWP) / Clinical Services Policy (CSP)		
1.	PI-096	Complaint Management Policy for Non Patient Care Related
2.	PI-099	UMMC Disaster Plan (Emergency Preparedness)
3.	PI-100	Hazardous Materials and Waste Management Plan
4.	PI-101	Utility Management Plan
5.	PI-091	Fire Safety Management Plan
6.	PI-090	Facilities Management Plan
7.	PI-104	Assets Management Plan
8.	PI-105	Engineering Contingency Plan
9.	PI-106	Occupational Safety and Health Environmental (OSHE) Safety Management Plan
10.	PI-107	Ummc Zero Tolerance Abuse Policy
11.	PI-108	Death Management Policy and Procedures
12.	PI-109	Whistleblower Protection Policy

Bahagian Pengurusan Kualiti

Statistik Perbandingan Jumlah MK, PK, AK, DS, PL dan BK Baharu, Pindaan, dan Lupus

Permohonan	Dokumen Kualiti	Tahun	
		2013	2014
Baharu	Manual Kualiti (MK)	0	0
	Prosedur Kualiti (PK)	8	15
	Arahan Kerja (AK)	15	10
	Dokumen Sokongan (DS)	68	67
	Polisi (PL)	6	12
	Borang Kualiti (BK)	122	132
Pindaan	Manual Kualiti (MK)	1	2
	Prosedur Kualiti (PK)	29	45
	Arahan Kerja (AK)	61	104
	Dokumen Sokongan (DS)	73	145
	Polisi (PL)	14	12
	Borang Kualiti (BK)	142	113
Lupus	Manual Kualiti (MK)	0	0
	Prosedur Kualiti (PK)	2	4
	Arahan Kerja (AK)	0	8
	Dokumen Sokongan (DS)	8	27
	Polisi (PL)	15	1
	Borang Kualiti (BK)	68	179

Bahagian Pengurusan Risiko

Perbandingan Jumlah insiden dan kemalangan yang dilaporkan dalam sistem pelaporan Ezform

Tahun	2013	2014
Perbandingan Jumlah insiden dan kemalangan	671 kes	722 kes

erbandingan kes mortaliti yang disemak dan dibincangkan

Tahun	2013	2014
Perbandingan kes mortaliti yang disemak dan dibincangkan	967 kes	1,065 kes

Perbandingan kes mortaliti yang diterima oleh CQA committee dan Jabatan Maklumat Pesakit

Tahun	2013	2014
Total mortality reported by MCOD	1,856 kes	2,008 kes
Total mortality report received by Clinical Quality Assurance (CQA) Committee	967 kes	1,065 kes

KEJAYAAN / ANUGERAH

- Projek Pasukan Penambahbaikan Kualiti (QIT)/ Penjaminan Kualiti (QA) iaitu Getting To Zero Errors dan Reducing the Return of Reconstituted Cytotoxic Drugs from Paediatric Oncology and Haematology Unit telah terpilih untuk Pameran Poster di International Forum on Quality and Safety in Health Care, 8-11 April 2014, Le Palais Des.

- Pensijilan Semula MS ISO 9001 : 2008 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
  PPUM telah menjalani pensijilan semula MS ISO 9001 : 2008 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd pada 14 hingga 16 april 2014 dan telah mendapat pensijilan semula selama 3 tahun bermula 6 Mei 2014 hingga 2 Mei 2017.

AKTIVITI JABATAN

- Siri Audit Dalaman MS ISO 9001:2008 – QMS Tahun 2014 & Siri "Mock Survey" Malaysian Society for Quality in Health 3rd Edition telah diadakan pada 21 hingga 23 Januari 2014.

- Siri Audit Pensijilan Semula (MS ISO 9001:2008) oleh SIRIM QAS International Tahun 2013 telah diadakan pada 14 – 16 April 2014

- Siri Audit Berterusan PPUM 2014

Bil.	Aktiviti Audit	Tarikh
1.	Audit Ketidakcapaian Objektif Kualiti Perkhidmatan Ambulatori (Klinik Ginekologi)	25 & 26 Jun 2014
2.	Audit Identifikasi Pesakit	25 Julai 2014 & 10 Disember 2014
3.	Audit Pemberian Ubat-Ubatan di Wad/ Kawasan Penjagaan Pesakit	16 Jun 2014

- Mesyuarat Kaji semula Pengurusan PPUM Tahun 2014 telah diadakan pada 6 Mac 2014

- Lawatan ke hospital-hospital di Singapura pada 15 hingga 19 Disember 2014. Hospital-hospital yang dilawati adalah Singapore General Hospital (16 Disember 2014), Changi General Hospital (17 Disember 2014), Khoo Teck Puat Hospital (18 Disember 2014) dan National University Hospital Singapore (19 Disember 2014). Objektif program adalah:
  - Membolehkan perkongsian maklumat dalam isu-isu;
    - Peningkatan dan jaminan kualiti dan keselamatan
    - Kawalan jangkitan
    - Keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan
    - Teknologi perkhidmatan sokongan klinikal dan perawatan pesakit
  - Melaksanakan konsep penandaarasan untuk tujuan peningkatan dan jaminan kualiti secara berterusan ke arah mencapai standard kualiti ISO, MSQH dan JCI untuk jangka masa pendek serta jangka masa panjang.
  - Sebagai panduan untuk proses menutup jurang (gap) atau ketidakpatuhan dalam usaha pematuhan kepada standard kualiti sedia ada.
  - Mempelajari aspek pengurusan dan pelaksanaan aspek keselamatan, kesihatan dan persekitaran hospital yang dilawati.
  - Memberi pendedahan kepada delegasi untuk lebih memahami dan menanda aras fungsi hospital pengajaran yang bertaraf antarabangsa di dalam aspek perawatan pesakit, pengajaran dan penyelidikan.



▶ Aktiviti Penambahbaikan Kualiti

- Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Tahun 2014

Bil.	Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran Prestasi	Peratus Pencapaian
1.	To achieve and sustain certifications and accreditations	Yearly/ As per requirement	MS ISO certification
2.	Achievement of Hospital Performance and Quality Indicator	≥ 80%	95%
3.	Hand Hygiene Compliance	≥ 75%	70.2%
4.	Incidence Rate of MRSA	≤ 0.4%	0.1%
5.	Healthcare-associated Infection Rate (HAI)	< 5%	0.9%
6.	Patient Satisfaction	≥ 80%	76%
7.	Elective Surgery Cancellation Rate	<10%	7.4%
8.	Completeness Of Discharge Summary Upon Discharge	100%	99.9%
9.	Percentage of audit queries where response or action had been taken	100%	100%
10.	Attainment of set standards for waiting time (WT) to consult doctor or specialist at selected clinics: WT ≤ 120 minutes for at least ≥ 80% of patients for Medicine, Surgery & Gynaecology Clinics	100%	83.5%
11.	UMMC as partner in providing facilities for research activities that received grant yearly (National Private/Industries/International)	Minimal 1 Million per year	RM 7,090,098.00
12.	Percentage of CME attendance for individual houseman comply to mandatory training requirement	100%	100%

** Nota : PPUM mengemaskini penyataan KPI berdasarkan teguran dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri bermula tahun 2014*

▶ **Projek-Projek Pasukan Penambahbaikan Kualiti (QIT) / Penjaminan Kualiti (QA) yang didaftarkan tahun 2014**

Bil.	Jabatan//Unit	Tajuk Projek	Pencapaian
1.	Pusat Sumber Kanser Payudara	Information and Navigation for Treatment of Breast Cancer in UMMC	Tempat Pertama Pertandingan Projek Pasukan Penambahbaikan Kualiti (QIT) PPUM Tahun 2014
2.	Jabatan Perubatan Kecemasan	Minor Injury Fast Track	Tempat Kedua Pertandingan Projek Pasukan Penambahbaikan Kualiti (QIT) PPUM Tahun 2014
3.	Jabatan Perubatan Pemulihan	Templet Fleksibel Meningkatkan Mutu Rawatan di Bahagian Pemulihan Carakerja, Pusat Perubatan Universiti Malaya	Tempat Ketiga Pertandingan Projek Pasukan Penambahbaikan Kualiti (QIT) PPUM Tahun 2014
4.	Jabatan Kejururawatan	Multiple Approach Nursing Care Aimed at Reducing the Occurence of Ventilator Associated Pneumonia in PICU	Sagu hati Pertandingan Projek Pasukan Penambahbaikan Kualiti (QIT) PPUM Tahun 2014
5.	Jabatan Kualiti	Getting to Zero Errors	Telah dipilih bagi kategori pembentangan poster di International Forum on Quality and Safety in Health Care, Le Palais des Congres, Paris, France
6.	Makmal Kardiorespiratori	Menambahbaik Proses Kerja Yang Melibatkan Bayaran Bagi Pesakit Yang Menjalani Prosedur Angioplasty di Makmal Kardiorespiratori	

Projek Kualiti Yang Diwujudkan Lanjutan Dari Bengkel Quality Assurance (QA) Tahun 2014

Bil.	Tajuk Projek
1.	Prevention of ETT Dislodgement Among Adult Patient in UMMC
2.	Reducing Medication Error in Pediatric Ward in UMMC
3.	Improving Knowledge of Wound Care Among Surgical Patient in Surgical Ward
4.	Pengurangan Kadar Peratusan Pesakit Jatuh di Wad Medikal
5.	Expedite Discharge Summary Preparation in Surgical Ward
6.	Improving the Return Process of Patient Folder from Ward to Medical Record Department
7.	Improving the Accuracy of Patient Identification Undergoing CT Scan Procedure
8.	Penambahbaikan Pengurusan Kunci Utama PPUM
9.	Improving Financial Support Application Process at Medical Social Department
10.	Meningkatkan Pematuhan Pesakit Kepada Waktu Temujanji Perkhidmatan Pemulihan
11.	Pengurangan Pembatalan Kes-Kes Elektif Katerisasi Kardiak di Makmal Invasif Kardiovaskular
12.	Improving Hand Hygiene Compliance at UMMC
13.	Reducing Blood Sample Rejection at Department of Emergency Medicine UMMC
14.	Reducing Wastage of Unused Enteral Products
15.	Improving Patient's Compliance Towards Exercise Programme
16.	Reducing Unnecessary Crossmatch of Blood Products for Elective Operation in UMMC

▶ Objektif Kualiti dan Indikator Kualiti Klinikal PPUM Tahun 2014

Objektif Kualiti PPUM tahun 2014

Perkara	Jumlah
Objektif Kualiti Teras yang dipantau	44 penyataan
Objektif Kualiti Jabatan/ Unit yang dipantau	53 penyataan
Pencapaian keseluruhan Objektif Kualiti PPUM (sehingga September 2014)	91.3%

Indikator Kualiti Klinikal PPUM tahun 2014

Perkara	Jumlah
Indikator Kualiti Klinikal yang dipantau	55 penyataan
Pencapaian keseluruhan Indikator Kualiti Klinikal PPUM (sehingga September 2014)	96.08%

▶ Pertandingan Projek Pasukan Penambahbaikan Kualiti (QIT) PPUM Tahun 2014 Anjuran Bahagian Pengurusan Kualiti, Jabatan Kualiti telah diadakan pada 9 Oktober 2014 (Khamis)

Pasukan QIT yang bertanding :

Bil.	Jabatan	Tajuk Projek QIT
1.	Jabatan Perubatan Pemulihan	Templet Fleksibel Meningkatkan Mutu Rawatan di Bahagian Pemulihan Carakerja, Pusat Perubatan Universiti Malaya
2.	Jabatan Kejururawatan	Multiple Approach Nursing Care Aimed at Reducing the Occurence of Ventilator Associated Pneumonia in PICU
3.	Pusat Sumber Kanser Payudara	Information and Navigation for Treatment of Breast Cancer in UMMC
4.	Jabatan Perubatan Kecemasan	Minor Injury Fast Track

MASALAH YANG DIHADAPI OLEH JABATAN

▶ Masalah Pelanggan

- **Program Latihan Kesedaran**
  Kurang komitmen daripada Pegawai Perubatan/ Pegawai Perubatan Siswazah untuk menghadiri program latihan berterusan seperti mana yang telah dijadualkan.

- **Program Kualiti dan Keselamatan**
  - Kekurangan staf yang berpengalaman dan berpengetahuan luas di dalam pengurusan kualiti klinikal, penggubalan polisi dan garis panduan, urusan pemantauan akan pematuhannya oleh staf PPUM bagi tujuan akreditasi dan keselamatan pesakit.
  - Kurang kesedaran dan budaya meningkatkan kualiti dikalangan staf PPUM terutama dalam pengetahuan mengenai polisi dan prosedur di PPUM dan pelaksanaan inisiatif projek penambahbaikan kualiti/jaminan kualiti di Jabatan/Unit masing-masing.

▶ Alternatif Dasar

- **Program Kualiti dan Keselamatan**
  - Pihak pengurusan PPUM perlu mengenal pasti dan mengambil staf yang berpengetahuan luas di dalam bidang kualiti klinikal untuk ditempatkan di unit ini.
  - Memberi peluang bagi staf sedia ada untuk menjalani program latihan yang berkaitan dengan kualiti klinikal dan akreditasi.

RANCANGAN MASA HADAPAN

▶ Strategi Jangka Panjang Melebihi 5 Tahun

- **Program Kualiti dan Keselamatan**
  - Memberi peluang latihan/ pembelajaran kepada staf sedia ada dalam pengurusan kualiti klinikal hospital seperti "hospitalriskmanagement","rootcauseanalysis",Akreditasi JCI/ MSQH, Failure Modes and Effects Analysis (FMEA).
  - Memastikan PPUM diberi pengiktirafan akreditasi Malaysian Society for Quality in Health (MSQH) edisi ke-4 selama 4 tahun.

▶ Strategi Jangka Pendek Kurang Dari 5 Tahun

- **Sistem Dokumen Kualiti Menyeluruh**

  - Bahagian Pengurusan Kualiti, Jabatan Kualiti dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat akan menaik taraf sistem dokumen kualiti bermula dari permohonan dokumen kualiti baru, pinda dan lupus sehingga dokumen diselenggara dan pemohon mendapat maklum balas berdasarkan permohonan yang dibuat. Ini akan memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan dokumen kualiti. Inisiatif ini juga merupakan satu langkah penambahbaikan kualiti berdasarkan pencapaian objektif kualiti Bahagian Pengurusan Kualiti.
  - Perancangan galakan terhadap pelaksanaan inisiatif kualiti dan inovasi dikalangan staf PPUM terutama dari segi pelaksanaan projek penambahbaikan kualiti/jaminan kualiti.

- **Pelaksanaan Sistem Occupational Safety & Health Environmental Management System Certification OSHSAS 18001:2007, MS 1722:2011 & ISO 14001: 2004)**

  Unit Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan merancang bagi pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar yang komprehensif di PPUM dalam tempoh kurang daripada 5 tahun. Melalui pelaksanaan sistem ini, Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar di PPUM akan tersusun dan sistematik terutama dari segi dokumentasi, audit pensijilan yang berkala dan menggalakkan budaya kerja selamat dan sihat di PPUM. Sistem-sistem ini akan diintegrasikan dengan sistem-sistem pengurusan yang sedia ada di PPUM, khususnya, Sistem Pengurusan Kualiti, ISO 9001: 2008 dan MSQH/ JCI.

JABATAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Jabatan Pembangunan Perniagaan telah ditubuhkan pada 25 April 2013. Fungsi jabatan adalah seperti berikut:

- Mengawal selia, mentadbir urus dan menyelaras pengoperasian aktiviti penjanaan hasil dan aktiviti perkhidmatan sedia ada yang dijalankan secara komersial.

- Melaksanakan dan memantau perlaksanaan aktiviti-aktiviti penjanaan hasil seperti berikut :
  - PharmUMMC
  - Perkhidmatan ujian makmal kepada pihak swasta
  - Pengurusan tempat letak kereta
  - Hartanah (termasuk penginapan)
  - Sewaan ruang
  - Penjualan sistem dan perisian ICT
  - Penganjuran persidangan bengkel dan kursus
  - Perkhidmatan oleh Jabatan Obstetrik dan Ginekologi
  - Perkhidmatan oleh Jabatan Perubatan Kesukanan
  - Perkhidmatan CIGMIT
  - Lain-lain perkhidmatan

- Menjalankan kajian dan penyelarasan serta menganalisa peluang aktiviti perkhidmatan komersial dan pelaburan baru bagi aktiviti-aktiviti yang mampu berdaya saing dan boleh menjana hasil kepada PPUM.

- Menyedia dan mengesyor garis panduan, norma masa dan kadar bayaran insentif kepada jabatan dan staf kepada Jawatankuasa Penjanaan Hasil PPUM.

- Memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti penjanaan hasil bagi memastikan semua aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah selaras dengan objektif yang ditetapkan.

- Mengkoordinasi dengan pelbagai pihak dan jabatan yang berkaitan dengan aktiviti penjanaan hasil. Ia termasuklah memberi khidmat nasihat, panduan dan latihan kepada pihak yang berkenaan.

- Menjalankan pemasaran bagi aktiviti-aktiviti yang ditawarkan bagi menarik minat pelanggan baru.

- Menyedia dan mengemukakan laporan prestasi/kewangan secara berkala kepada Jawatankuasa Tabung Khazanah.

PENCAPAIAN PENTING DALAM TAHUN 2014

▶ Peningkatan Hasil Sewaan Ruang

Jawatankuasa Tabung Khazanah melalui pelbagai inisiatif telah berjaya meningkatkan hasil pendapatan sewaan ruang daripada RM4,275,564.00 setahun kepada RM7,983,804.00 setahun iaitu peningkatan sebanyak 86%.

Antara inisiatif yang dilakukan adalah rombakan semula sewaan ruang mengikut keperluan perkhidmatan, rombakan kadar sewaan berdasarkan tawaran tender terbuka, pengenalan sewaan ruang iklan dan sebagainya.

▶ Pengenalan Perkhidmatan Baru

Jawatankuasa Tabung Khazanah telah meluluskan pelbagai perkhidmatan baru yang disediakan oleh jabatan klinikal dan makmal. Antara perkhidmatan baru yang diuruskan di bawah seliaan jabatan ini adalah seperti berikut:

- **Jabatan Obstetrik dan Ginekologi**
  - Perkhidmatan IVF
  - Intrauterine Insemination (IUI)
  - Sperm Retrieval
  - Sperm Analysis
  - Frozem Embryo Transfer

- **Jabatan Perubatan Kesukanan**
  - VO2 max assessment
  - Isokinetic Strengh Assessment
  - VO2 Sub Maximal Test
  - Body Impediance Analysis
  - Stability Test

- **Jabatan Patologi**
  - Newborn Screening
  - BRAF
  - KRAS
  - Acetylcholine Receptor Antibody Test
  - Beta2 Microglobulin
  - MPO Quantitation (ELISA)
  - PR3 Quantitation (ELISA)
  - Procalcitonin Serum
  - 25 OH Vitamin D Serum

▶ Penempatan Peranti Perubatan Secara Consignment di PharmUMMC

Jawatankuasa Tabung Khazanah telah meluluskan penempatan peranti perubatan secara consignment di PharmUMMC bagi peranti perubatan Unit Kardiologi, Jabatan Pengimejan Bioperubatan, Jabatan Oftalmologi dan lain-lain.

Perubahan konsep ini mampu memberi penjimatan kepada kos operasi PPUM bagi pembekalan peranti tersebut yang selama ini dilaksanakan secara perolehan tender. Ia juga menambah kecekapan kutipan hasil dan pembayaran kepada syarikat yang terpilih di samping menjana pendapatan kepada PharmUMMC.

▶ Pemeteraian Perjanjian Dengan Syarikat Oratis Sdn Bhd.

PharmUMMC dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Perniagaan telah berjaya memeterai perjanjian dengan Syarikat Oratis Sdn Bhd. Pemeteraian perjanjian ini telah berjaya meningkatkan kerjaasama dengan Syarikat Oratis Sdn Bhd. Ia juga berjaya meningkatkan keberkesanan kutipan bayaran dan meningkatkan hasil kepada PharmUMMC melalui semakan semula harga mengikut harga pasaran (recommended retail price).

▶ Pemeteraian Perjanjian Sewaan Ruang Dengan UMSC Sdn Bhd

Jabatan Pembangunan Perniagaan telah berjaya menyelesaikan isu pemeteraian perjanjian berkenaan sewaan ruang dengan UMSC

Sdn Bhd. Pemeteraian perjanjian ini membolehkan beberapa isu berkaitan sewaan ruang seperti keluasan ruang yang disewakan, caj utiliti, caj perkhidmatan, kadar sewaan bulanan sebenar dan pelarasan terhadap inbois sewaan dapat dilakukan.

▶ Perubahan Struktur Organisasi Tabung Khazanah

Jawatankuasa Tabung Khazanah telah berjaya menyusun semula organisasi Tabung Khazanah di mana semua aktiviti dan perakaunan Tabung Khazanah telah disatukan. Sebelum perubahan struktur setiap aktiviti mempunyai akaun tersendiri dan surat ikatan amanah masing-masing. Selepas disatukan semua pendapatan dan perbelanjaan akan dikredit dan didebitkan kepada Tabung Khazanah dengan hanya surat ikatan amanah. Perubahan ini memudahkan mobilisasi kewangan jika ada keperluan untuk perkhidmatan baru dan peningkatan keberkesanan pengurusan dan kewangan Tabung Khazanah.

RANCANGAN MASA DEPAN JABATAN

- **Kajian Semula Kadar Caj Bagi Perkhidmatan Swasta**

  Jabatan Pembangunan Perniagaan merancang untuk menganjurkan bengkel dengan bantuan Jabatan Akauntan Negara bagi membuat kiraan semula terhadap caj perkhidmatan swasta. Ini bagi memastikan kadar caj yang dikenakan adalah berdasarkan kos sebenar dan memastikan PPUM menjana hasil daripada perkhidmatan yang disediakan.

- **Kajian Semula Keperluan Staf Bagi Perkhidmatan Di Bawah Tabung Khazanah**

  Kajian semula keperluan staf amat diperlukan bagi memastikan setiap perkhidmatan yang disediakan adalah cekap dan mampu memberi pulangan yang maksima kepada PPUM.

- **Menaik Taraf Sistem**

  Jabatan Pembangunan Perniagaan dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat akan menaik taraf sistem yang digunakan sekarang bagi menambah kecekapan pengurusan aktiviti di bawah Tabung Khazanah. Setelah sistem yang dinaik taraf boleh digunakan maka prestasi bagi setiap aktiviti dapat dipantau dengan lebih cekap.

- **Pembesaran Operasi PharmUMMC**

  Pembinaan PharmUMMC di Menara Selatan akan membolehkan pelbagai lagi perkhidmatan tambahan disediakan seperti penjualan alat prostetik payu dara, peranti perubatan dan lain-lain. Selain daripada cadangan untuk menjalankan fungsi sebuah kedai farmasi komuniti.

- **Penubuhan Syarikat PPUM**

  Penubuhan syarikat PPUM akan membolehkan aktiviti penjanaan pendapatan melalui aktiviti komersial dapat digiatkan lagi melalui penerokaan bidang baru secara usaha sendiri mahupun secara usahama dengan syarikat yang telah berjaya.

- **Projek Mega**

  Projek mega yang sedang dirancang adalah pembinaan pembinaan bangunan parkir 10 tingkat dan pembinaan kompleks komersial melibatkan pembinaan 1,500 buah bilik, 2,000 lot parkir, ruang niaga dan lain-lain.

- **Pendaftaran Dengan Human Resource Development Fund (HRDF)**

  Pendaftaran kursus yang dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Perniagaan dengan HRDF akan membolehkan kursus yang dianjurkan mudah dipasarkan terutama di kalangan sektor swasta.

- **Pembangunan Website Jabatan Pembangunan Perniagaan**

  Pembangunan website khusus untuk Jabatan Pembangunan Perniagaan akan memudahkan pengurusan dan jalinan kerjasama dengan pihak-pihak yang ingin menjalin hubungan perniagaan dengan PPUM. Di samping itu, ia menjadi medan kepada PPUM untuk pemasaran setiap perkhidmatan yang disediakan.

AKTIVITI JABATAN

▶ Kursus

- Kelas Pendidikan Kesihatan Ibu Mengandung di Dewan Sekapur Sireh, PPUM pada tarikh-tarikh berikut; 25 Januari 2014 (Bilik Konferens 3, Menara Selatan), 1 Mac 2014, 26 April 2014, 24 Mei 2014, 6 September 2014, 25 Oktober 2014 dan 29 November 2014.
- MRI Safety & Quality Control Workshop pada 27-28 Mei 2014, anjuran bersama Unit Fizik Perubatan, PPUM.
- Kursus Kaunseling Penyusuan Susu Ibu pada 2-7 Jun 2014.
- Kursus Dose Managements of Occupational & Patients Exposure Dedicated For Fluorocopy & Computed Tomograhphy Equipment, 9 – 11 Jun 2014 di The Summit Hotel Subang Jaya. Anjuran bersama Unit Fizik Perubatan, PPUM.
- Bengkel Oxycon Mobile Workshop,18-19 Ogos 2014, Auditorium Menara Selatan. Anjuran bersama Jabatan Perubatan Kesukanan, PPUM.
- Bengkel Patient's Dose Management In Nuclear Medicine Using Medical Internal Radiation Dose (MRID), 26-28 September 2014 di Furama Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Anjuran bersama Unit Fizik Perubatan, PPUM.
- High Dose Rate Brachytherapy, 21-23 November 2014 di Hotel Armada Petaling Jaya. Anjuran bersama Unit Fizik Perubatan, PPUM.

▶ Penyewaan Ruang

- Pemasangan Mesin ATM CIMB Bank Berhad di Kompleks Kesihatan Wanita & Kanak-Kanak, PPUM pada Mei 2014.
- Sewaan ruang kedai serbaneka di RUKA, Menara Utama pada September 2014.
- Sewaan ruang kedai bakeri di Kompleks Kesihatan Wanita & Kanak-Kanak, PPUM pada November 2014.
- Sewaan ruang kiosk makanan di Anjung Penyayang, PPUM pada November 2014.
- Sewaan ruang untuk tapak papan iklan (billboard) pada Disember 2014.

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI JABATAN



Peserta melakukan sesi senaman semasa hamil.







Peserta diberi penerangan peralatan oksigen digunakan semasa melahirkan anak, teknik penyusuan susu ibu dan memandikan bayi serta mencuci tali pusat.





Seminar MRI Safety & Quality Control Workshop bersama Penceramah Dr. Napapong daripada Thailand



Peserta Bengkel Oxycon Mobile bersama Jabatan Perubatan Kesukanan







Sekitar Majlis Perasmian Oxycon Mobile Workshop



Peserta Bengkel Patient's Dose Management in Nuclear Medicine Using Medical Internal Radiation Dose (MRID)



Peserta High Dose Rate Brachytherapy



Penceramah Prof. Annette Haworth daripada Australia



Kedai serbaneka D're Shop mula beroperasi pada September 2014



Kedai bakeri Mak'Cik mula beroperasi pada November 2014



Senarai menu di kiosk makanan Shikin Enterprise di Anjung Penyayang



Billboard di dalam ruang parkir staf PPUM

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM

Fungsi Jabatan Perhubungan Awam adalah untuk memastikan imej cemerlang Pusat Perubatan Universiti Malaya sentiasa terpelihara dan dipertingkatkan melalui persefahaman, penerimaan, kepercayaan, keyakinan dan kerjasama yang diperolehi berkaitan layanan dan perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan berkesan kepada semua pelanggan PPUM.

Di antara perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Perhubungan Awam:

Seksyen Pentadbiran & Kaunter Informasi - bertanggungjawab dalam menguruskan dan melaksanakan tugas-tugas berkaitan pentadbiran meliputi kewangan, latihan staf, mengendalikan urusan telefon dan faksimili serta kaunter informasi PPUM.

Seksyen Aduan, Pengurusan Am & Telekomunikasi

- **Bahagian Pengurusan Aduan** - bertanggungjawab mengendalikan aduan dari pelanggan seperti aduan, cadangan, penghargaan, pemantauan tindakan penambahbaikan, penyediaan statistik atau data aduan untuk Objektif Kualiti jabatan. Unit ini juga menjalankan Kajian Kepuasan Pelanggan bagi PPUM secara keseluruhan.

- **Bahagian Pengurusan Am** - bertanggungjawab sebagai urus setia kepada Mesyuarat Pentadbiran PPUM serta memantau dan merekod surat-surat Pekeliling PPUM secara atas talian.

Aktiviti Unit Pengurusan Am

Aktiviti	Tahun/Aktiviti	
	2013	2014
Mesyuarat Pentadbiran	7	5
Pekeliling yang dikeluarkan	311	331

- **Bahagian Telekomunikasi** - bertanggunjawab mengendalikan urusan permohonan baru talian telefon, elaun-elaun telefon dan bil-bil telefon.
- **Bahagian Khidmat Pelanggan** - mengendalikan operator konsol untuk penyambungan talian dan menyediakan maklumat am perkhidmatan PPUM. Membantu sistem komunikasi semasa berlaku sebarang bencana.

Seksyen Pengurusan Media - bertanggungjawab untuk membuat liputan bagi aktiviti rasmi di PPUM, mengemaskini laman web rasmi PPUM, bertindak sebagai penghubung dengan orang ramai dan pihak media, menyelaras perjumpaan dan dialog, mengeluarkan kenyataan akhbar serta menyelaras isu-isu semasa yang disiarkan oleh pihak media cetak dan elektronik.

Seksyen Pengurusan Acara - menguruskan majlis dan lawatan rasmi, penyediaan cenderahati rasmi PPUM, dan penyeliaan dewan-dewan PPUM.

Seksyen Komunikasi - bertanggungjawab dalam pengendalian program komunikasi dalaman kepada semua staf di PPUM agar hubungan kerjasama yang baik di antara staf melalui komunikasi berkesan (semangat berkumpulan) dapat diwujudkan disamping sebagai usaha untuk meningkatkan "Public Image" Pusat Perubatan Universiti Malaya. Program ini melibatkan "roleplay" dengan menggunakan "Simulated Patients"(SP's) yang terlatih. Dengan menggunakan SP's ini dan juga Senario yang kreatif akan dapat meningkatkan kemahiran peserta dalam bidang yang berkaitan.

Seksyen Hal Ehwal Islam & Kebajikan - mengendalikan urusan Jenazah Islam dan Saudara Baru, menjalankan aktiviti pengajaran serta acara keagamaan, mengadakan penerbitan risalah keagamaan, menyelia dan memantau keperluan di surau-surau awam PPUM serta urusan khairat dan ziarah kematian staf PPUM.

Maklum Balas Pelanggan Mengikut Kategori

Klasifikasi Aduan	2013	2014	Perbezaan %
Perkhidmatan Yang Diberikan	246	226	-8.1
Kemudahan Yang Disediakan	182	117	-35.7
Masa Menunggu	19	27	42.1
Komunikasi Bersama Pelanggan	62	66	6.5
Laporan Perubatan/Fail Pesakit	23	21	-8.7
Kompetensi Staf	0	0	-
Kualiti Makanan	14	21	50
Harga Barangan / Makanan	6	0	-100
Infrastruktur	4	5	25
Persekitaran Tempat Kerja	0	1	-
Mengenai Harta Pelanggan	1	5	20
Lain-lain	30	22	-26.7
Jumlah	582	511	-12.2

Secara keseluruhan, maklum balas pelanggan yang meliputi aduan dan cadangan bagi tahun 2014, menunjukkan adanya penurunan sebanyak 12.2%. Berdasarkan kategori maklum balas pelanggan yang diterima pada tahun 2014, antara peratusan kenaikan tertinggi dicatatkan ialah bagi kategori masa menunggu iaitu sebanyak 42.1%. Ini adalah berpunca daripada bilangan pesakit yang ramai sehingga melebihi kuota yang ditetapkan. Sebagai langkah penambahbaikan, pesakit telah dinasihatkan hadir mengikut tarikh dan masa janji temu yang telah ditetapkan.

Kategori komunikasi bersama pelanggan masih merupakan perkara yang perlu diberikan penekanan kerana mencatatkan pertambahan sebanyak 6.5% berbanding tahun sebelumnya. Aduan ini melibatkan aduan berkaitan cara layanan, percakapan, intonasi suara serta kata-kata yang dikeluarkan oleh staf semasa berurusan dengan pesakit atau waris pesakit. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 7 bengkel "Workshop On Communication Skills In The Workplace" telah dijalankan dengan melibatkan staf pelbagai jawatan.

Bagi aduan berkaitan kualiti makanan berlaku kenaikan sebanyak 50% berbanding tahun 2013. Aduan ini melibatkan perkhidmatan yang diswastakan iaitu penyediaan makanan untuk pesakit. Jabatan Dietetik telah membuat penyiasatan serta pemantauan berterusan bagi aduan berkaitan kualiti makanan pesakit ini.

Statistik Aktiviti Jabatan

Perkara	2013	2014	Perbezaan %
Majlis	35	48	37
Lawatan	54	58	7.4
Jenazah	50	231	362

Pada tahun 2014 bilangan majlis dan lawatan yang diadakan telah meningkat 19.1% iaitu 106 berbanding 89 pada tahun 2013. Manakala, pengurusan jenazah Islam sebanyak 231 orang jenazah telah diuruskan oleh Seksyen Hal Ehwal Islam, Jabatan Perhubungan Awam berbanding 50 orang jenazah pada tahun 2013

JABATAN PEROLEHAN

Fungsi Jabatan

Fungsi utama Jabatan Perolehan adalah untuk mengurus dan menyelaras perolehan, penyimpanan, pengagihan, penggunaan dan pemindahan barang-barang antara jabatan/unit. Ciri-ciri penting di dalam fungsi tersebut adalah:

- Membeli dan memperoleh dengan cara yang paling menguntungkan sama ada melalui tender awam, sebut harga atau lain-lain bagi semua peralatan/barang, kerja dan perkhidmatan yang dikehendaki oleh PPUM.
- Menyediakan surat setujuterima kontrak berdasarkan tempoh yang berkenaan dengan pembelian peralatan/barang-barang, kerja dan perkhidmatan yang berkaitan.
- Mengurus permintaan pembelian dan pengeluaran pesanan pembelian tempatan.
- Memberi khidmat nasihat dan menguatkuasakan peraturan semasa berkaitan perolehan dan pengurusan stor.
- Menerima, menyimpan dan membuat inventori bagi barang-barang dan memperoleh bangunan/ruang atau kelengkapan yang perlu bagi maksud tersebut.
- Menjalan, mengurus dan melaksanakan pengiraan secara fizikal ke atas barang-barang dan menyediakan laporan pengiraan stok dan nilai baki stok pada setiap akhir tahun kewangan.
- Menguruskan penerimaan dan pengesahan barang-barang dan perkhidmatan.
- Menguruskan pendaftaran pembekal atau syarikat.

Bagi melaksanakan fungsi di atas, aktiviti jabatan ini dibahagikan kepada empat (4) bahagian, iaitu:

Bahagian Dasar dan Pentadbiran

Fungsi:

- Mengkoordinasi proses pengiklanan tender dan pelawaan sebut harga termasuk penyediaan naskah meja dan fail daftar pembelian dokumen tender hingga proses pembukaan tender dan sebut harga.
- Mengemaskini Kontrak Panel Kerajaan, Pendaftaran Syarikat, urusan tandatangan dan pemulangan dokumen kontrak serta pemulangan Cagaran Kontrak setelah tamat tempoh kontrak.
- Memantau semua urusan keluar masuk surat rasmi, pengurusan fail, keperluan bekalan dan peralatan yang telah diluluskan di dalam belanjawan tahunan.
- Menguruskan perolehan perabot guna sama untuk jabatan/unit di PPUM.
- Mengurus permintaan pembelian dan mengeluarkan Pesanan Pembelian Tempatan.
- Melaksanakan fungsi kesetiausahaan bagi Jawatankuasa Sebut Harga, Lembaga Perolehan A dan B.

Bahagian Perolehan

Bahagian Perolehan terbahagi kepada 4 aktiviti utama seperti berikut:

- Perolehan alat kelengkapan perubatan dan bukan perubatan.
- Perolehan bekalan guna habis dan ubat-ubatan.
- Perolehan Perkhidmatan dan Kerja-kerja termasuk perolehan perkhidmatan penyelenggaraan peralatan perubatan dan bukan perubatan.
- Pembangunan.

Fungsi:

- Menguruskan tender dan sebut harga bagi bekalan, peralatan, perkhidmatan dan kerja-kerja
- Memastikan perolehan dibuat berdasarkan keperluan/ penggunaan dan peruntukan belanjawan tahunan yang diluluskan.
- Menyedia dan memantau semua kontrak perolehan dengan pembekal.

Bahagian Pengurusan Stor

Bahagian ini menguruskan segala urusan penerimaan bekalan yang dipesan daripada pembekal dan penghantaran keluar barangan di Stor Pusat kepada pengguna. Aktiviti utama merangkumi aspek-aspek yang berikut:

- Menerima, menyimpan dan merekodkan barangan yang diterima daripada pembekal.
- Mengeluarkan stok barangan kepada pengguna mengikut keperluan dan penggunaan.
- Mengawal stok barangan dengan cekap dan berkesan.
- Melaksanakan aktiviti pengiraan baki dan nilai stok setiap tahun.

Terdapat sembilan (9) buah sub stor yang diwujudkan selain di Jabatan Perolehan bagi melicinkan urusan penyimpanan, pengawalan stok dan agihan. Stor-stor kecil berkenaan adalah seperti berikut:

- Stor Farmasi Utama
- Stor Jabatan Kejuruteraan
- Stor Dobi dan Bekalan Kain
- Stor Unit Pembekalan Alat Steril (UPAS)
- Stor Dewan Bedah
- Stor Unit Pengurusan Makmal
- Stor Jabatan Pengimejan Bioperubatan
- Stor Makmal Kardiorespiratori (ECG)
- Stor Perubatan Kecemasan

Bahagian Kawalan dan Pemantauan

Bahagian ini mempunyai dua (2) aktiviti utama iaitu:-

- Penerimaan peralatan perubatan dan bukan perubatan
  - Terlibat dalam perancangan penerimaan bekalan mengikut kontrak, mengkoordinasikan urusan pentauliahan dan penghantaran perolehan peralatan ke jabatan/ lokasi.
  - Memantau tempoh penghantaran peralatan dan memastikan pihak pembekal akur kepada tempoh penghantaran yang telah dipersetujui.
  - Memastikan peralatan mengikut spesifikasi dan berfungsi dengan selamat dan berkesan.

- Urusan Logistik (khususnya bagi urusan membawa masuk bekalan yang diimport melalui kaedah Percuma Atas Kapal atau “Free On Board”) seperti berikut :
  - Mengendalikan pengurusan penerimaan bekalan barangan import yang dipesan secara Percuma Atas Kapal.
  - Menguruskan dan memantau pergerakan barangan/bekalan yang diimport daripada negara pengeluar sehingga barangan tersebut sampai ke destinasi iaitu PPUM.
  - Mengawal selia dan memantau proses panggilan sebut harga bagi pemilihan Agen Penghantaran Tempatan atau “Multimodal Transport Operator” (MTO).

Perkhidmatan Baharu

Sistem iPerolehan

Di dalam meningkatkan keberkesanan dan melicinkan proses perolehan, Jabatan Perolehan dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat telah membangunkan Sistem iPerolehan pada penghujung tahun 2013 di mana bermula daripada proses penyediaan spesifikasi sehinggalah pemilihan petender yang berjaya, dibuat secara atas talian.

Pada tahun 2013, projek rintis perolehan melalui sistem ini telah diadakan dengan pemilihan perolehan berkaitan peralatan teknologi maklumat. Sehingga hujung tahun 2014, semua perolehan peralatan telah dilaksanakan 90% secara atas talian.

Pengenalan Prosedur Baharu

Pendaftaran Syarikat Pembekal dengan Sistem iPerolehan

Mulai penghujung tahun 2013, semua syarikat pembekal digalakkan untuk mendaftar dengan Sistem iPerolehan PPUM di mana syarikat pembekal diwajibkan untuk mengemukakan maklumat syarikat, salinan sijil berkaitan dan bayaran pendaftaran sebanyak RM20.00 (bayaran sekali sahaja) bagi membolehkan syarikat log masuk ke dalam sistem.

Bilangan Mesyuarat Perolehan

Jawatankuasa Perolehan	2013	2014	Perbezaan %
Jawatankuasa Sebut Harga B	0	14	-
Jawatankuasa Sebut Harga	14	18	28.6%
Lembaga Perolehan B	12	9	-25%
Lembaga Perolehan A	0	2	-

Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga B mula bersidang hanya pada tahun 2014. Bilangan mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga pada tahun 2014 meningkat sebanyak 28.6% disebabkan terdapat perolehan-perolehan yang perlu diputuskan dengan segera menyebabkan mesyuarat ad-hoc dibuat. Terdapat penurunan bilangan mesyuarat Lembaga Perolehan B pada tahun 2014 sebanyak -25% kerana terdapat beberapa mesyuarat yang dipinda tarikhnya atas sebab yang tidak dapat dielakkan. Manakala mesyuarat Lembaga Perolehan A tidak diadakan pada tahun 2013 kerana tiada perolehan melebihi nilai RM20 juta untuk diluluskan.

Nilai Perolehan Yang Dilaksanakan

Perolehan	2013	2014	Perbezaan %
Aset Alih	62,127,984.00	38,193,503.72	-38.5%
Bekalan Guna Habis	128,395,322.68	69,605,423.19	-45.8%
Ubat-ubatan	97,923,806.42	74,497,136.18	-23.9%
Perkhidmatan dan Kerja-kerja	73,651,820.29	55,665,496.71	-24.4%
Jumlah	**362,098,933.39**	**237,961,559.80**	**-34.3**

Kuantiti Tender/Sebut Harga Yang Diproses

Perolehan	2013	2014	Perbezaan %
Aset Alih			
• Tender	35	14	-60%
• Sebut Harga	79	123	55.7%
• Rundingan Terus	0	6	-
Bekalan Guna Habis			
• Tender	39	35	-10.3%
• Sebut Harga	21	20	-4.8%
• Rundingan Terus	0	1	-
Ubat-ubatan			
• Tender	17	16	-5.9%
• Sebut Harga	0	4	-
• Rundingan Terus	0	0	-
Perkhidmatan dan Kerja-kerja			
• Tender	20	22	10%
• Sebut Harga	29	58	100%
• Rundingan Terus	5	5	-
Jumlah			
• Tender	**111**	**87**	**-21.6%**
• Sebut Harga	**129**	**205**	**58.91%**
• Rundingan Terus	**5**	**12**	**140%**

Kuantiti Pesanan Pembelian Tempatan Yang Dikeluarkan

Tahun	2013	2014	Perbezaan %
Kuantiti	7443	7465	0.3%
Nilai (RM)	258,437,677.35	231,005,481.63	-10.6%

Bilangan Penerimaan (GRN) dan Pengeluaran (OE) Bekalan di Semua Stor

Perkara	2013	2014	Perbezaan %
Penerimaan (GRN)	2,652	2,055	-22.5%
Pengeluaran (OE)	10,935	10,790	-1.3%

Bilangan penerimaan (GRN) pada tahun 2014 telah berkurangan sebanyak 22.5% berbanding tahun 2013. Sebab-sebab penurunan tidak dapat dikenal pasti dengan jelas. Walau bagaimanapun, penurunan mungkin disebabkan kekurangan peruntukan perolehan bekalan yang diluluskan bagi tahun 2014.

Begitu juga bagi bilangan pengeluaran (OE) pada tahun 2014 telah berkurangan sebanyak 1.3% berbanding tahun 2013. Penurunan mungkin disebabkan kekurangan permintaan oleh jabatan pengguna, kuantiti stok di stor-stor adalah kurang atau terdapat jenis bekalan yang tidak lagi digunakan di jabatan pengguna.

Pencapaian Jabatan

- Sepanjang tahun 2014, Jabatan Perolehan berjaya menguruskan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja-kerja yang telah meningkatkan kemudahan perawatan kepada pesakit.

Perolehan	Nilai Perolehan Yang Diuruskan Pada 2013 (RM)	Nilai Perolehan Yang Diuruskan Pada 2014 (RM)
Aset Alih	62,127,984.00	38,193,503.72
Bekalan Guna Habis	128,395,322.68	69,605,423.19
Ubat-Ubatan	97,923,806.42	74,497,136.18
Perkhidmatan dan Kerja-Kerja	73,651,820.29	55,665,496.71
Jumlah	**362,098,933.39**	**237,961,559.80**

- Jabatan Perolehan turut menyumbang kepada kutipan hasil bukan daripada pesakit dari segi penjualan dokumen tender, sebut harga serta pelupusan seperti berikut:

Perolehan	Nilai 2013 (RM)	Nilai 2014 (RM)
Tender	136,610.00	108,010.00
Sebut Harga	21,560.00	37,990.00
Pelupusan	8,751.00	39,562.80
Pendaftaran i-Perolehan	280.00	5,520.00
Jumlah	**167,201.00**	**191,082.80**

Pendaftaran syarikat pembekal dengan Sistem iPerolehan turut menyumbang hasil kepada PPUM di mana melalui pendaftaran, syarikat pembekal akan menerima pelawaan untuk menyertai tender atau sebut harga secara atas talian.

- Dalam masa yang sama, Jabatan Perolehan telah berjaya memberi penjimatan sebanyak RM637,276.13 melalui proses runding harga di dalam urusan perolehan bekalan, aset, perkhidmatan dan kerja-kerja sepanjang tahun 2014 seperti berikut:

Rundingan Harga	Nilai 2013 (RM)	Nilai 2014 (RM)
Aset Alih	385,270.00	117,016.00
Bekalan Guna Habis dan Ubat-ubatan	63,667.20	12,818.00
Perkhidmatan dan Kerja-kerja	963,159.16	507,442.13
Jumlah Pengurangan	**1,412,096.36**	**637,276.13**

Aktiviti Jabatan

▶ **Bengkel Pengendalian Tong Gas Perubatan**

Jabatan Perolehan dengan kerjasama syarikat pembekal tong gas perubatan iaitu syarikat Gas Pantai Timur Sdn Bhd telah mengadakan 2 sesi bengkel pengendalian tong gas perubatan bertujuan untuk meningkatkan keselamatan staf yang terlibat di dalam pengendalian tong gas perubatan iaitu pada 16 dan 18 Jun 2014 bertempat di Bilik Konferens, Jabatan Farmasi.

▶ **Bengkel Kemaskini AK/PK Dan Semakan 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP)**

Jabatan Perolehan telah mengambil langkah mengemaskini dan menambahbaik Arahan Kerja dan Prosedur Kerja jabatan. Sehubungan itu, Jabatan Perolehan telah mengadakan bengkel bagi mengemaskini Prosedur Kualiti dan Arahan Kerja jabatan serta menyelaras dan menyeragamkan peraturan dan tatacara perolehan terkini berdasarkan 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Bengkel telah diadakan pada 10 hingga 12 Oktober 2014 bertempat di Pangkor Coral Bay Resort, Pulau Pangkor Perak.

▶ **Kursus Penggunaan Mesin Fotostat di PPUM**

Jabatan Perolehan dengan kerjasama syarikat pembekal mesin fotostat (seca sewaan) telah mengadakan 1 sesi bengkel penggunaan mesin fotostat bertujuan untuk memberikan skil penggunaan mesin yang betul dan memberi pengetahuan tindakan yang perlu diambil sekiranya menghadapi masalah penggunaan mesin fotostat kepada staf yang terlibat iaitu pada 15 Oktober 2014 bertempat di Bilik Muzakarah, Jabatan Perolehan.

▶ **Kursus Pengurusan Perolehan Yang Berkesan (Khusus)**

Pada 20 dan 21 November 2014, Jabatan Perolehan telah menganjurkan Kursus Pengurusan Perolehan Yang Berkesan (Khusus) bertempat di Bilik Puspasari, Tingkat 1, Menara Utama. Para peserta terdiri daripada jabatan-jabatan pengguna yang terlibat secara langsung dengan proses perolehan dan penyediaan Borang Pesanan (PR) di jabatan masing-masing. Antara tujuan kursus ini adalah untuk meningkatkan kefahaman tentang dasar dan peraturan perolehan kerajaan supaya pengurusan perolehan dapat dilaksanakan secara cekap dan betul serta memberi nilai faedah yang terbaik kepada PPUM.

Rancangan Masa Hadapan Jabatan

Penggunaan sistem iPerolehan sepenuhnya dalam pengurusan perolehan bermula dari urusan penyediaan peruntukan, proses tender dan sebutharga, kelulusan, urusan kontrak, pesanan, penghantaran dan penerimaan dan pengurusan stor termasuk pelupusan untuk semua jenis perolehan iaitu bekalan gunahabis, ubat-ubatan, kerja-kerja dan perkhidmatan termasuk penyelenggaraan peralatan.

JABATAN SUMBER MANUSIA

Jabatan Sumber Manusia bertanggungjawab menguruskan hal ehwal sumber manusia di PPUM dengan fungsinya seperti berikut:

- Menguruskan hal-hal berkaitan perjawatan dan pembangunan kerjaya sumber manusia di PPUM meliputi pelantikan, penempatan dan pertukaran, kenaikan pangkat, pendaftaran dan pembaharuan sijil amalan tahunan serta penempatan klinikal.
- Mengendalikan hal-hal berkaitan perkhidmatan sumber manusia di PPUM merangkumi pengesahan dalam pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pengesahan taraf berpencen, prestasi tahunan, pemantauan kehadiran, cuti dalam perkhidmatan, pakaian seragam, perkhidmatan pelanggan, pengurusan pencen dan persaraan serta penamatan perkhidmatan.
- Menguruskan hal-hal yang berkaitan tata kelakuan dan tatatertib staf selaras dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
- Mengendalikan aktiviti berkaitan dengan kebajikan staf termasuklah pengurusan bantuan kebajikan seperti bantuan am (perkahwinan, mendapat anak dan kemasukan ke wad melebihi tiga (3) hari), rawatan perubatan di klinik / hospital swasta, kematian, bencana alam, pergigian, pendidikan, insentif bagi staf yang melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi, Taska PPUM serta kemudahan perubatan untuk pesara PPUM dan tanggungan yang layak.
- Mengendalikan kes-kes kaunseling staf PPUM dan mengendalikan program-program untuk staf PPUM yang berprestasi rendah.
- Mengurus semua aktiviti sukan dan kebudayaan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Kebajikan, Sukan dan Kebudayaan PPUM.
- Menguruskan hal-hal berkaitan perakuan pemakaian pekeliling, surat pekeliling, surat edaran, arahan berkaitan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa, penyediaan dan pengurusan deskripsi tugas, pelaksanaan aktiviti naziran perjawatan dan pengurusan carta organisasi keseluruhan di PPUM.
- Menguruskan pembayaran emolumen staf PPUM termasuk elaun, kemudahan pinjaman serta urusan pembayaran caruman kepada badan-badan berkanun yang lain seperti KWSP dan PERKESO.
- Mengesahkan maklumat staf kepada pihak ketiga, menyediakan statistik perjawatan dan mengurus semua rekod dan dokumentasi berhubung dengan perkhidmatan staf PPUM.
- Mengurus dan menyelaras latihan dalam perkhidmatan dengan merancang keperluan latihan, mengenalpasti dan menyelaras aktiviti-aktiviti latihan dalam perkhidmatan di dalam dan luar negara yang bersesuaian dengan kompetensi staf serta mengendali dan menyelaras kursus-kursus mandatori seperti Program Orientasi dan Program Transformasi Minda.
- Mengurus dan menyelaras urusan Lanjut Pengajian dan Cuti Belajar termasuk memantau kontrak/perjanjian staf yang melanjut pengajian dan cuti belajar.
- Mengurus dan menyelaras peperiksaan perkhidmatan dan lain-lain peperiksaan yang berkaitan dengan perkhidmatan.
- Mengurus dan menyelaras latihan industri dan penempatan bagi pelajar dari IPTA/IPTS termasuk urusan MoU.
- Memastikan peruntukan kewangan yang dibelanjakan mendatangkan pulangan positif kepada PPUM.
- Menyelenggara rekod kursus dan merekodkan maklumat-maklumat kursus yang dihadiri staf.

Jabatan Sumber Manusia terbahagi kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:

▶ **Bahagian Pengurusan Perjawatan, Perkhidmatan dan Kebajikan**

Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan:

- Pelantikan, kenaikan pangkat dan pemangkuan tugas staf
- Tapisan keselamatan
- Latihan Pegawai Perubatan Siswazah dan Pegawai Farmasi Provisional
- Penempatan dan pertukaran
- Pelan penggantian
- Skim perkhidmatan
- Urusan tatatertib dan tatakelakuan staf
- Pengisytiharan harta
- Pengurusan fail sulit
- Urusan pengesahan lantikan
- Majlis Bersama Jabatan
- Penamatan perkhidmatan
- Pengurusan sijil perakuan amalan tahunan dan sijil perakuan amalan sementara
- Penempatan klinikal
- Pelanggaran syarat dan kontrak perkhidmatan
- Permohonan kerja luar dan kerja sambilan
- Laporan penilaian prestasi tahunan
- Pelarasan gaji
- Majlis Penghargaan Perkhidmatan iaitu Anugerah Khidmat Cemerlang, Pengkhidmat Setia dan Persaraan
- Pencalonan Pingat dan Darjah Kebesaran
- Pengurusan pakaian seragam
- Time Management System (TMS) dan waktu bekerja
- Program psikologi dan khidmat kaunseling
- Pengurusan kebajikan termasuk Taska PPUM dan kemudahan rawatan perubatan staf dan pesara serta tanggungan
- Pengurusan cuti dan pelepasan staf
- Persaraan
- Pengesahan dalam perkhidmatan
- Pengesahan taraf berpencen
- Aktiviti sukan

▶ Bahagian Dasar, Saraan dan Pengurusan Maklumat

Bahagian ini menguruskan:

- Dasar sumber manusia
- Naziran perjawatan
- Deskripsi tugas
- Carta organisasi
- Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia
- Pemakaian dan penguatkuasaan pekeliling perkhidmatan

- Pembayaran emolumen, elaun tetap dan tidak tetap
- Urusan pinjaman komputer dan kenderaan
- Perubahan gaji (kenaikan / anjakan / tahan / turun gaji)
- Permohonan perjawatan dan statistik perjawatan
- Pengurusan Human Resource Management Information System (HRMIS) dan sistem eHR
- Pengesahan majikan dan surat pengesahan diri
- Pengurusan fail dan rekod perkhidmatan staf
- Perkhidmatan kaunter

▶ Bahagian Pengurusan Latihan

Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan:

- **Latihan Dalam Perkhidmatan**
  Mengurus serta mengendalikan kursus/latihan dalam perkhidmatan termasuk kursus wajib (Program Transformasi Minda), kursus kompetensi generik & fungsional di dalam dan luar negara.

- **Melanjutkan Pengajian dan Cuti Belajar**
  Menguruskan permohonan staf melanjutkan pengajian di luar dan dalam negara seperti Ijazah Lanjutan, Diploma Lanjutan, Pos Basik, Latihan Pensijilan, Kursus Peralihan secara sepenuh, separuh masa atau jarak jauh.

- **Latihan Industri dan Elective Posting**
  Menguruskan permohonan dan penempatan pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) untuk menjalani latihan industri di PPUM termasuk urusan permohonan pelajar perubatan untuk menjalani elective posting.

- **Dasar dan Pentadbiran Latihan**
  Bahagian ini menyediakan perkhidmatan sokongan latihan, pengurusan bajet latihan & kewangan, dokumentasi, penyediaan peralatan kursus dan teknikal.

- **Program Pembangunan Profesional Berterusan**
  Jabatan Latihan juga menguruskan program pembangunan profesional berterusan(CPD).

- **Pengurusan Peperiksaan**
  Menguruskan permohonan staf untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Awam, Subjek Jabatan termasuk Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK).

Sepanjang tahun 2014, Jabatan Sumber Manusia telah melaksanakan beberapa program/kemudahan dan penambahbaikan terhadap proses kerja/perkhidmatan di Jabatan Sumber Manusia seperti berikut:

▶ Sistem Jadual Bertugas Secara Atas Panggilan Pegawai Perubatan, Sistem Jadual Lokum Dalam Talian dan Sistem Tuntutan Lokum Dalam Talian

Sistem jadual bertugas secara atas panggilan bagi Pegawai Perubatan ini telah mula dilaksanakan mulai bulan September 2014. Kebaikan sistem ini adalah jadual bertugas tidak boleh diubah sewenang-wenangnya, pelaksanaan tuntutan dapat dibuat dengan lebih teratur dan pemantauan dapat dilaksanakan terhadap tuntutan tersebut. Sistem ini ditadbir oleh Unit Saraan, Jabatan Sumber Manusia. Sebarang pertukaran jadual hendaklah dimaklumkan kepada unit tersebut seperti yang dipersetujui antara Ketua Jabatan dan Pengurusan.

Di samping itu, penggunaan sistem tuntutan lokum dalam talian ini menggantikan mekanisma tuntutan yang sebelum ini menggunakan borang. Penggunaan sistem ini dilihat lebih memberi manfaat kerana tidak menggunakan kertas, mempercepatkan proses pembayaran dan pengiraan tuntutan secara automatik yang boleh menjimatkan masa. Sistem tuntutan lokum ini mula digunakan sejak Januari 2014 melibatkan staf di Jabatan Farmasi dan Jabatan Perubatan Kecemasan. Pentadbiran telah melaksanakan empat (4) sesi taklimat kepada wakil daripada kedua-dua jabatan tersebut pada 10 Disember 2013 dan 11 Disember 2013 seperti berikut:

Sesi	Tarikh	Masa	Tempat
1	10 Disember 2013	10.00 pagi – 11.00 pagi	Tingkat 4, Kompleks Sains Kejururawatan
2	10 Disember 2013	3.00 petang – 4.00 petang	-45.8%
3	11 Disember 2013	10.00 pagi – 11.00 pagi	-23.9%
4	11 Disember 2013	3.00 petang – 4.00 petang	-24.4%

▶ Permohonan Bantuan Ibu Tunggal di Bawah Tabung Kebajikan Kakitangan PPUM

Lembaga Pentadbir Tabung Kebajikan Kakitangan PPUM yang bermesyuarat pada 15 Mei 2013 telah bersetuju untuk mewujudkan dan melaksanakan satu lagi jenis bantuan iaitu Bantuan Ibu Tunggal berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014. Staf yang berkelayakan boleh mengemukakan permohonan kepada Jabatan Sumber Manusia dengan menggunakan menu Bantuan Kebajikan di Portal PPUM.

▶ Permohonan Bayaran Insentif Pakar Dalam Talian

Permohonan Bayaran Insentif Pakar dalam talian telah dilaksanakan pada bulan Mac 2014 menggunakan sistem Credentialing dan Privileging di mana proses permohonan, sokongan Ketua Jabatan dan Timbalan Pengarah serta kelulusan Pengarah dibuat melalui dalam talian sepenuhnya.

▶ Pengemaskinian maklumat staf melalui Portal PPUM

Mulai 5 Februari 2014, Jabatan Sumber Manusia dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat telah memberikan akses kepada semua staf PPUM untuk mengemaskini maklumat diri dan keluarga. Semua pengemaskinian perlu disertakan dengan dokumen sokongan yang dimuat naik seperti salinan kad pengenalan, salinan kelayakan akademik, salinan sijil nikah dan sijil kelahiran anak untuk pengesahan dan rekod Jabatan Sumber Manusia.

▶ Kemudahan Tuntutan Bayaran Rawatan Di Klinik / Hospital Swasta Untuk Staf PPUM Yang Bertaraf Tetap

Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia pada 2 Mei 2014 telah meluluskan pelaksanaan pemanjangan kemudahan rawatan perubatan di klinik / hospital swasta untuk staf PPUM yang bertaraf tetap berkuat kuasa 2 Mei 2014. Staf boleh

membuat tuntutan bayaran rawatan yang dikenakan oleh klinik / hospital swasta berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan tidak melebihi RM 300.00 setahun. Staf boleh membuat tuntutan bayaran rawatan dalam talian melalui Portal PPUM/Personal/ Bantuan Kebajikan/Bantuan Rawatan Di Klinik/Hospital Swasta.

PENGENALAN PROSEDUR BARU

▶ Pelaksanaan Penggunaan Garis Panduan Pemberian Insentif Ketua Klinikal / Ketua Jabatan

Pelaksanaan penggunaan Garis Panduan Pemberian Insentif Ketua Klinikal / Ketua Jabatan (DS-1045-E02) telah diluluskan berkuat kuasa mulai 17 Mac 2014. Garis panduan Pemberian Insentif Ketua Klinikal / Ketua Jabatan ini disediakan dengan tujuan memberi panduan berhubung dasar dan prosedur pemberian insentif Ketua Klinikal/Ketua Jabatan di PPUM.

▶ Pelaksanaan Penggunaan Garis Panduan Urusan Penempatan dan Pertukaran Staf di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)

Pelaksanaan penggunaan Garis Panduan Urusan Penempatan dan Pertukaran Staf di PPUM (DS-1076-E01) telah diluluskan berkuat kuasa mulai 19 Jun 2014. Garis panduan ini bertujuan menjelaskan mengenai dasar, pelaksanaan dan prosedur urusan penempatan dan pertukaran dalaman (pusingan kerja) staf Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) supaya urusan ini dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan memberi nilai tambah kepada kualiti perkhidmatan di PPUM.

▶ Pelaksanaan Penggunaan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Garis panduan kenaikan pangkat secara time-based berasaskan kecemerlangan kumpulan Pengurusan dan Profesional (DS-1105-E01) telah diluluskan berkuat kuasa mulai 28 Oktober 2014. Garis panduan ini disediakan bagi menjelaskan pelaksanaan dasar kenaikan pangkat secara time based berasaskan kecemerlangan bagi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

▶ Sistem Merekod Kehadiran Kursus Secara Elektronik

Bahagian Latihan dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat telah memulakan pembangunan sistem merekod kehadiran kursus secara elektronik pada bulan Mac 2014. Beberapa sesi pilot projek telah dilaksanakan sehingga bulan Disember 2014. Sistem ini telah digunapakai secara berperingkat mulai Januari 2014.

Kebaikan sistem:

- Memudahkan rekod kehadiran berkursus dikemaskini secara integrasi (terus) dengan Sistem Kehadiran Staf (Time Management System-TMS)
- Menjimat masa
- Mengurangkan kos operasi sumber
- Meningkatkan ketepatan data merekod kehadiran berkursus
- Kehadiran staf boleh disemak terus melalui sistem TMS

▶ Sistem Permohonan Latihan Industri Secara Atas Talian

Bahagian Latihan dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat telah membangunkan sistem permohonan latihan industri secara atas talian bagi menggantikan proses permohonan secara manual.

Projek ini mula dibangunkan pada awal tahun 2014, yang mana sistem ini dibuka kepada institutusi pengajian tinggi awam/swasta yang telah menandatangani Ikatan Persefahaman (Memorandum of Understanding) dengan Pusat Perubatan Universiti Malaya. Sistem ini akan mula digunakan mulai Februari 2015.

Kebaikan sistem:

- Memudahkan pengurusan secara keseluruhan latihan i ndustri
- Menjimatkan masa operasi
- Memudahkan pemantauan permohonan pelajar dan lokasi penempatan
- Memudahkan proses kelulusan di peringkat Jabatan/Unit

▶ Menu Analisa Keberkesanan Latihan Fungsional

Bahagian Latihan dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat telah membangunkan Menu Analisa Keberkesanan Latihan secara atas talian. Projek ini mula dibangunkan pada Oktober tahun 2014, yang mana sistem ini digunakan oleh penyelia dan/atau Ketua Jabatan untuk menilai tahap keberkesanan kursus yang dihadiri oleh staf.

Kebaikan sistem:

- Menilai prestasi kompetensi sebelum dan selepas kursus
- Sistem untuk menguruskan profil jawatan
- Profil kompetensi, senarai latihan menurut kompetensi
- Sistem penilaian kompetensi secara menyeluruh

PENGISIAN


Kumpulan Perkhidmatan	Pengisian		Peratus Perbezaan Pengisian Tahunan (2013 dan 2014)
	2013	2014	
Pengurusan Tertinggi	1	1	0
Pengurusan & Profesional	647	650	0.46%
Kumpulan Sokongan 1	3288	3593	9.28%
Kumpulan Sokongan 2	1187	1270	6.99%
Jumlah	**5123**	**5514**	**16.73%**

Pengisian jawatan di bawah OS11000 pada tahun 2014 adalah sebanyak 5514 berbanding 5123 pengisian pada tahun 2013. Pengisian yang semakin meningkat pada tahun 2014 adalah berikutan kelulusan tambahan sebanyak 483 perjawatan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi memenuhi keperluan perkhidmatan sedia ada dan perkhidmatan baru di bangunan Menara Selatan yang menempatkan perkhidmatan rehabilitasi, fisioterapi, radiologi, kardiologi, kardioterapi dan terapi cara kerja.

Pertambahan 483 perjawatan baru menyebabkan pertambahan sebanyak 9.35 peratus perjawatan sedia ada seperti berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Perjawatan Tahun 2013	Perjawatan Tahun 2014
Pengurusan Tertinggi	1	1
Pengurusan & Profesional	661	691
Kumpulan Sokongan 1	3308	3660
Kumpulan Sokongan 2	1194	1295
Jumlah	**5164**	**5647**


PELANTIKAN / PERUBAHAN JAWATAN




Pada tahun 2014, seramai 1140 orang telah dilantik untuk mengisi pelbagai jawatan di PPUM berbanding 702 pada tahun 2013. Terdapat peningkatan dalam pelantikan sebanyak 438 orang atau 62.39 peratus. Peningkatan lantikan ini adalah disebabkan oleh keperluan sumber manusia yang meningkat berikutan pembukaan perkhidmatan-perkhidmatan perawatan kesihatan/klinikal yang baru serta perluasan skop perkhidmatan yang sedia ada.

Daripada Jumlah lantikan pada tahun 2014 tersebut, sebanyak 393 lantikan adalah lantikan sementara manakala 71 lantikan adalah lantikan kontrak. Kategori jawatan yang paling banyak dilantik secara sementara dan kontrak ini adalah jawatan Jururawat Gred U29, Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29 dan Juru X-Ray Gred U29. Mereka adalah merupakan pelatih program diploma tajaan Pusat Perubatan Universiti Malaya. Dan mereka ini dijangka akan mengisi keperluan perkhidmatan di PPUM kelak.

PELANTIKAN SEMENTARA DAN KONTRAK




KENAIKAN PANGKAT




Pada tahun 2014, seramai 455 orang telah dinaikkan pangkat berbanding 107 orang pada tahun 2013. Daripada Jumlah tersebut, seramai 39 orang telah dinaikkan pangkat secara hakiki, 94 orang telah dinaikkan pangkat melalui laluan kerjaya dan 322 orang telah dinaikkan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

PELETAKAN JAWATAN / TAMAT TEMPOH PENEMPATAN




Pada tahun 2014, seramai 273 orang staf daripada pelbagai jawatan telah meletak jawatan / tamat tempoh penempatan berbanding 301 pada tahun 2013 iaitu penurunan sebanyak 9.30 peratus ataupun 28 orang. Daripada Jumlah tersebut, seramai 147 orang adalah daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional, 89 orang adalah daripada Kumpulan Sokongan I dan 37 orang daripada Kumpulan Sokongan II.

PERSARAAN



Pada tahun 2014, seramai 75 orang staf telah bersara berbanding 45 orang pada tahun 2013 telah menjadikan peningkatan sebanyak 30 orang ataupun 66.67 peratus. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan dalam Jumlah staf yang bersara wajib, bersara pilihan, bersara atas sebab kesihatan dan juga meninggal dunia dalam perkhidmatan berbanding tahun sebelumnya.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)



PENGURUSAN KURSUS/LATIHAN

Statistik Staf Menghadiri Kursus Jangka Pendek Dianjurkan oleh PPUM, Agensi Kerajaan dan Swasta Bagi Tahun 2013 dan 2014

Bulan	Kursus Dalam Negeri				Perbezaan Jumlah Peserta	Kursus Luar Negeri				Perbezaan Jumlah Peserta
	Jumlah Kursus		Jumlah Peserta			Jumlah Kursus		Jumlah Peserta		
	2013	2014	2013	2014	-	2013	2014	2013	2014	-
Januari	75	36	996	1255	259	0	0	0	0	0
Februari	58	82	2927	3442	515	0	1	0	2	2
Mac	105	120	3226	4573	1347	1	1	1	1	0
April	99	142	4663	4527	-136	0	3	0	5	5
Mei	74	112	2878	4117	1239	3	8	6	14	8
Jun	118	123	3054	3821	767	2	2	6	4	-2
Julai	77	58	2452	1289	-1163	1	2	1	2	1
Ogos	57	122	1930	3740	1810	2	5	7	9	2
September	114	135	3657	3201	-456	19	7	9	17	8
Oktober	131	97	3831	2872	-959	3	9	3	22	14
November	95	104	2670	2662	-8	4	11	5	22	17
Disember	87	69	3053	2469	-584	7	1	12	2	-10
Jumlah	**1090**	**1200**	**35337**	**37968**	**2631**	**42**	**50**	**50**	**100**	**50**

Staf Yang Menghadiri Kursus Mulai Januari 2014 Hingga Disember 2014

Bil	Kumpulan	Bilangan Staf	KURSUS PENDEK					Bilangan Staf Yang Belum Berkursus	Bilangan Staf Yang Hadir Kursus Panjang Melebihi 3 Bulan
			Bilangan Staf Yang Hadir 10 Hari dan Lebih	Bilangan Staf Yang Hadir 7 - 9 Hari	Bilangan Staf Yang Hadir 4 - 6 Hari	Bilangan Staf Yang Hadir 1 - 3 Hari	Bilangan Staf Yang Hadir Kurang 1 Hari		
1.	JUSA	0	0	0	0	0	0	0	0
2.	Pengurusan Dan Profesional	911	322	61	88	139	60	241	41
3.	Sokongan I	3794	1578	1506	553	111	12	34	87
4.	Sokongan II	1272	201	724	252	81	0	14	0
Jumlah		**5977**	**2101**	**2291**	**893**	**331**	**72**	**289**	**128**
Peratusan		**100.00**	**35.15**	**38.33**	**14.94**	**5.54**	**1.20**	**4.84**	**2.14**

Nota: Selaras dengan pemakaian Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) yang menetapkan semua staf di semua peringkat mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun, sila rujuk Jadual 2 bagi statistik bilangan staf yang menghadiri kursus mulai 1 Januari hingga 30 Disember 2014.

PEMBANGUNAN KERJAYA BERTERUSAN

Statistik Staf yang Melanjutkan Pengajian

Jenis Pengajian	Mod Pengajian	Bilangan Staf		Perbezaan (%)
		2013	2014	
Doktor Falsafah	Sepenuh Masa	0	0	0
Ijazah Sarjana (Klinikal)	Sepenuh Masa	16	18	12.5
Ijazah Sarjana	Sepenuh Masa	3	3	0
	Separuh Masa	4	11	175
Ijazah Sarjana Muda	Sepenuh Masa	0	2	0
	Separuh Masa	26	5	-80.8
Diploma Lanjutan/Pos Basik	Sepenuh Masa	91	92	1.1
Jumlah Keseluruhan		**140**	**131**	**-9**

Nota: Penurunan bilangan staf yang melanjutkan pengajian bagi tahun 2014 bagi Ijazah Sarjana Muda secara separuh masa/pendidikan jarak jauh memandangkan terdapat permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Permohonan Lanjut Pengajian (DS 0872).

Statistik Keseluruhan Staf Yang Mengikuti Kursus Lanjutan Kejururawatan Dalam Perkhidmatan (Di bawah Tajaan PPUM)

Kursus	Bilangan Staf		Perbezaan (%)
	2013	2014	
Pos Basik Kementerian Kesihatan Malaysia	0	0	0
(Sesi Januari)	31	19	-38.7
Pos Basik Kementerian Kesihatan Malaysia (Sesi Kemasukan Julai 2014)	25	0	-100.0
Diploma Lanjutan Anjuran KKM (Sesi Kemasukan Mac/September 2014)	12	37	208.3
Diploma Lanjutan **	0	2	0
(Tajaan PPUM)	35	36	2.9
Diploma Lanjutan	91	92	1.1
(Tajaan Agensi Luar)	11	24	118.2
Jumlah Keseluruhan	**114**	**113**	**-0.9**

Nota: Lembaga Pendidikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menaiktaraf kursus perawatan Onkologi, Koronori , Garentologi Rapi, Perioperatif dan Palatif kepada kursus Diploma Lanjutan dari 6 bulan ke 12 bulan. BPL KKM menangguhkan pengambilan kursus sesi Januari 2014 kepada sesi September 2014 untuk memberi masa bagi Institusi Latihan KKM membuat persiapan menaik taraf sumber latihan.

Jumlah Pelatih Program Diploma Lanjutan Di Pusat Perubatan Universiti Malaya (Tajaan PPUM)

Diploma Lanjutan	2013	2014	Perbezaan (%)
Perawatan Renal	-	1	0
Perawatan Koronari	-	-	0
Perawatan Kecemasan	-	6	0
Metodologi Pengajaran	-	12	0
Perawatan Kritikal	28	17	-39.3
Pendidikan Diabetes	7	-	-100.0
Jumlah	**35**	**36**	**2.9**

Nota: Penganjuran Program Diploma Lanjutan PPUM adalah di bawah urus tadbir Kolej Sains Kesihatan dan berlaku pengambilan tahun 2014 bagi Perawatan Kecemasan dan Metodologi Pengajaran (bagi memenuhi syarat wajib sebagai pengajar di PPUM).

Kursus Generik Yang Dilaksanakan Tahun 2014

Kursus	Perancangan	Pelaksanaan	Perbezaan (%)
Mandatori (Tempoh Perkhidmatan 0 - 11 Bulan)- Orientasi	12	11	-1
Peringkat Asas (Tempoh Perkhidmatan 1-3 tahun)	24	23	-1
Peringkat Pertengahan I (Tempoh Perkhidmatan 3 - 5 tahun)	17	17	0
Peringkat Pertengahan II (Tempoh Perkhidmatan 5 - 10 tahun)	16	16	0
Peringkat Lanjutan (Tempoh Perkhidmatan 10 Tahun Ke Atas)	14	14	0
Peringkat Peralihan (Tempoh Perkhidmatan: 5 Tahun Sebelum Bersara)-Pra Persaraan	1	1	0
Umum (Terbuka Kepada Semua Staf)	58	58	0
Program Kepimpinan Profesionalisma Pegawai PPUM	32	33	1
Jumlah Keseluruhan	**174**	**173**	**1**

Nota: Penganjuran Program Orientasi adalah bergantung kepada kemasukan staf baru di bawah seliaan Unit Pelantikan Jabatan Sumber Manusia.

Statistik Ikatan Persefahaman (Mou) Latihan Industri di antara PPUM dengan IPTA/IPTS

Bil.	Status MoU	Bilangan
1	Selesai	9
2	Semakan di Peringkat Perundangan, PPUM	0
3	Dalam Proses Semakan di Peringkat IPTA/IPTS	1
4	Tiada Maklum balas/Ditolak	0
Jumlah		**10**

Statistik Pelajar Mengikuti Latihan Industri

Latihan Industri	Bilangan Pelajar		Perbezaan (%)
	2013	2014	
	65	110	69.2

Nota: Peningkatan peratusan pelajar mengikuti Latihan Industri di PPUM adalah disebabkan berlakunya pertambahan Memorandum Persefahaman MoU Latihan Industri di antara PPUM dengan IPTA/IPTS dan membolehkan urusan penempatan pelajar di PPUM lebih lancar dengan syarat-syarat yang telah dipersetujui.

Statistik Staf Melanjutkan Pengajian Dengan Tajaan dan Tanpa Tajaan

Pengajian	Bilangan Pelajar		Perbezaan (%)
	2013	2014	
Sepenuh Masa Dengan Tajaan	4	23	475.0
Separuh Masa Tanpa Tajaan	27	16	-40.7
Jumlah	**31**	**39**	**25.8**

Nota: Pertambahan Pegawai Perubatan yang melanjutkan pengajian di dalam pelbagai program Sarjana Klinikal di IPTA bagi sesi kemasukan 2014/2015.

Statistik Staf Mengikuti Peperiksaan Perkhidmatan Awam Kerajaan

Peperiksaan	Bilangan Staf		Perbezaan (%)
	2013	2014	
Perkhidmatan Awam	114	269	136.0
Subjek Jabatan	6	62	933.3
Jumlah Keseluruhan	**120**	**331**	**175.8**

Nota: Pertambahan staf kontrak/sementara yang dilantik ke lantikan tetap pada tahun 2014 dan staf perlu menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Awam/Subjek Jabatan yang merupakan salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan.

AKTIVITI JABATAN

▶ Majlis Penghargaan Perkhidmatan Tahun 2014

Majlis Penghargaan Perkhidmatan Tahun 2014 telah diadakan pada 30 April 2014 di Dewan Banquet MBPJ, Petaling Jaya, Selangor. Majlis dimulakan dengan pendaftaran para penerima anugerah pada jam 8.00 pagi, seterusnya ketibaan para jemputan dan tetamu kehormat. Pada majlis tersebut, seramai 419 orang staf diberi Anugerah Khidmat Cemerlang, 77 orang staf bersara dan masing-masing 68 orang dan 271 orang pengkhidmat setia yang telah menyempurnakan 20 tahun dan 30 tahun perkhidmatan di PPUM. Penerima Anugerah Khidmat Cemerlang telah menerima Sijil Penghargaan dan Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional (BSN) bernilai RM 1,000.00. Staf yang bersara pula menerima Sijil Penghargaan, Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM 200.00 beserta cenderahati. Penerima Anugerah Khidmat Setia telah menerima Sijil Penghargaan dan Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM100.00.





▶ Pemberian Cenderamata Sempena Hari Pekerja Tahun 2014

Pemberian cenderamata kepada semua warga PPUM sebagai tanda terima kasih dan pengiktirafan Pengurusan ke atas sumbangan warga PPUM sempena Hari Pekerja Tahun 2014 telah diadakan pada 26 Mei 2014 di Dewan Sekapur Sirih, Bangunan Trauma dan Kecemasan, PPUM. Penyerahan cenderamata ini telah disempurnakan oleh Pengarah PPUM, YBhg. Dato' Dr. Ikram Shah bin Ismail. Cenderamata yang diberikan kepada staf pada tahun ini adalah beg galas.



▶ Sambutan Hari Keluarga PPUM Tahun 2014

Sambutan Hari Keluarga PPUM Tahun 2014 dengan tema Kasihi Keluarga, Sayangi Kerjaya telah diadakan pada 18 Oktober 2014 (Sabtu) bertempat di Padang Anjung Puteri, Pusat Perubatan Universiti Malaya mulai jam 7.00 pagi hingga 2.00 petang. Pelbagai acara dianjurkan untuk penyertaan seisi keluarga staf PPUM seperti sukaneka keluarga, sukaneka VIP, sukaneka kanak-kanak, fun fair kanak-kanak, senam tari, cabutan bertuah, penyampaian hadiah sukan Bulan Hari Keluarga, iringan band dan nyanyian dan gerai jualan serta car boot sale.



▶ Perhimpunan Hari Pekerja Tahun 2014

Perhimpunan Hari Pekerja Peringkat Nasional 2014 telah diadakan pada 21 Jun 2014 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC). Perhimpunan ini telah disertai seramai 100 orang staf PPUM. Tema Hari Pekerja pada tahun ini ialah Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi. Majlis perhimpunan tersebut telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.



▶ Majlis Meraikan Kanak-Kanak Tamat Penempatan Taska PPUM 2014

Majlis tersebut telah diadakan pada 20 November 2014 bertempat di Taska PPUM bagi meraikan kanak-kanak yang telah mencapai umur 4 tahun pada tahun 2014 sekaligus telah tamat penempatan di taska. Seramai 14 orang kanak-kanak bersama ibu bapa mereka telah diraikan dalam majlis tersebut.



▶ Program Imunisasi Hepatitis B di Kalangan Staf PPUM

Jabatan Sumber Manusia dengan kerjasama Jabatan Kawalan Jangkitan, Jabatan Mikrobiologi Perubatan, Jabatan Kejururawatan dan Jabatan Farmasi telah melaksanakan program pemberian imunisasi Hepatitis B di kalangan staf PPUM selaras dengan piawaian standard Malaysian Society for Quality in Health (MSQH) yang menyatakan bahawa staf yang menjalankan tugas klinikal perlu diberikan imunisasi terhadap virus Hepatitis B. Sehubungan dengan itu, sebagai permulaan, seramai lebih kurang 2927 orang staf yang terdiri daripada Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat dan Pembantu Perawatan Kesihatan telah menjalani sesi pengambilan darah, dan seterusnya diberi vaksin mengikut dos yang bersesuaian dengan tahap antibodi mereka.



▶ Sesi Pendaftaran Peserta Kursus menggunakan sistem kehadiran NFC



▶ Sistem Permohonan Latihan Industri Secara atas Latihan



▶ Taklimat Mengenai Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 Akta 605

Taklimat ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang peraturan-peraturan tatatertib bagi kakitangan awam dan menjelaskan prosedur atau tatacara pengurusan tatatertib. Penceramah bagi kursus dan taklimat ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Bahagian PengurusanTatatertib, Jabatan Sumber Manusia, PPUM.

Pada tahun 2014, Jabatan Sumber Manusia telah menganjurkan 4 sesi taklimat bertempat di Dewan Sekapur Sirih, Bangunan Trauma dan Kecemasan selama 4 jam. Taklimat ini telah diadakan pada 5 Mac 2014, 23 Jun 2014, 29 Ogos 2014 dan 27 Oktober 2014. Jumlah peserta bagi keempat-empat sesi ini adalah seramai 470 orang staf daripada pelbagai kategori staf di PPUM.



▶ Bengkel Pembentukan Polisi Pakaian Seragam PPUM

Bengkel ini diadakan bagi tujuan untuk menyediakan Polisi Pakaian Seragam PPUM. Polisi ini diwujudkan sebagai rujukan Jawatankuasa dalam membekalkan pakaian seragam setiap tahun kepada staf yang berkelayakan mengikut prosedur perolehan dan peraturan kewangan. Staf yang menghadiri bengkel ini adalah di kalangan ahli dan urus setia Jawatankuasa Pakaian Seragam PPUM serta staf yang terlibat dalam pengurusan pakaian seragam dan lain-lain pakaian berkaitan di PPUM.

Hasil dari bengkel berkenaan akan meningkatkan pengetahuan maklumat berkaitan peraturan pemakaian pakaian di PPUM serta pengurusan urusan pakaian untuk staf PPUM dapat diurus dengan teratur dan efisien. Bengkel telah diadakan di Cherengin Hills, Convention and Spa Resort, Janda Baik, Pahang pada 7 November hingga 9 November 2014.



JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) ialah Jabatan yang bertanggungjawab untuk membangun, mengurus, memantau, mengawal selia dan memastikan perjalanan teknologi maklumat di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) sentiasa diuruskan dengan baik dan efisyen. Jabatan ini berfungsi dengan memfokuskan kepada pembangunan aplikasi, pelaksana dan pemantau projek, mengurus dan menyelenggara infrastruktur ICT, memberikan perkhidmatan meja bantuan dan memberi latihan ICT kepada pengguna di PPUM.

Semua urusan ICT Jabatan telah dibahagikan kepada tiga (3) seksyen utama iaitu Seksyen Aplikasi, Seksyen Pembangunan dan Seksyen Infrastruktur. Manakala Unit pentadbiran akan menguruskan pentadbiran keseluruhan Jabatan Teknologi Maklumat.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2014 Jabatan Teknologi Maklumat telah melaksanakan projek-projek menaik taraf infrastruktur ICT, pembangunan sistem dalaman dan naik taraf sistem antaranya naiktaraf sistem wireless rangkaian, pembangunan Sistem iDiet dan pelaksanaan Sistem EMR. Latihan ICT juga telah dilakukan secara berterusan bersesuaian dengan pelaksanaan sistem dalaman dan projek yang dijalankan di sepanjang tahun 2014. Objektif Jabatan ialah untuk memastikan pengguna PPUM celik IT dan boleh mengaplikasikan sistem yang dibangun dan dilaksanakan dalam semua urusan sama ada perawatan pesakit, pembelajaran, penyelidikan mahupun urusan pentadbiran di PPUM.

Berikut adalah perkhidmatan mengikut unit yang diberikan oleh Jabatan Teknologi Maklumat :

Seksyen Aplikasi

Pada tahun 2014 ini, JTM melancarkan beberapa sistem dalaman bagi menambahbaik keperluan PPUM dalam memberikan perkhidmatan kesihatan, pengajaran dan penyelidikan terbaik.

- **Sistem Klinikal**
  2014 adalah tahun pilot **Electronic Medical Record (EMR)** dalam Jumlah yang lebih besar berbanding tahun 2013. Pada tahun ini PPUM telah diperkenalkan dengan modul 'Order' melibatkan pesanan makmal dan radiologi dan penggunaan modul 'Results' dan 'Report' melibatkan keputusan makmal dan laporan pengimejan. Selain itu, pada tahun ini juga, modul Nota Klinikal telah mula digunakan secara sepenuhnya oleh Klinik Kakitangan dan Klinik Perubatan Am (RUKA). Didapati penggunaan juga telah meningkat pada suku ke-tiga. Ini juga adalah kesan langsung kepada perlaksanaan modul e-Document yang menyeluruh pada tahun ini, di mana para perawat perlu merujuk kepada modul e-Document bagi melihat nota-nota yang telah diimbas tanpa folder dibekalkan. Selain itu, modul laporan EEG juga telah dibangunkan pada tahun ini dan dilaksanakan sepenuh sebagai sebahagian daripada modul EMR.

- **Sistem Sokongan Klinikal**
  Pada tahun ini tiada naiktaraf sistem yang dilakukan bagi sistem-sistem sokongan Klinikal seperti Sistem Farmasi (PIS), Sistem Pengimejan (RIS dan PACS telah dinaiktaraf pada 2013), Sistem Endoscopy, Sistem Obsentral, Sistem Kardio (CVIS) dan lain–lain. Sistem-sistem tersebut diselenggara pada versi sedia ada. Walau bagaimanapun Sistem Dietetik yang sebelum ini dibekalkan secara Projek THIS pada tahun 2008/2009, telahpun digantikan dengan sistem **iDiet** yang telah dibangunkan secara dalaman dengan reka bentuk dan fungsi yang telah ditambahbaik serta mengatasi isu-siu penggunaan sebelum ini. Sistem iDiet telah digunakan secara sepenuhnya semenjak 9 September 2014.

- **Sistem Pentadbiran dan Pengurusan**
  2014 merupakan tahun yang paling banyak melibatkan perlaksanaan tambahbaik berterusan bagi sistem-sistem Pentadbiran dan Pengurusan seperti perlaksanaan sistem iPerolehan, ePayment, MyEDMS, Perlupusan Aset, Penilaian Risiko, Kemasukan Pelajar Sarjana Perubatan, Locum, Penempatan Elektif dan lain-lain yang telah dibangunkan semenjak 2013. Kesemua tambahbaik ini membolehkan pengurusan dan pentadbiran di PPUM dijalankan dengan lebih terurus dan sistematik serta memudahkan operasi. Pembangunan dalaman melibatkan Pengurusan Aset, Inventori dan Kewangan bagi menambahbaik sistem Kewangan sediaada juga telah mula dilaksanakan bagi membolehkan pengurusan dan pentadbiran di PPUM lebih seragam dan lebih terurus.

- **Sistem Integrasi**
  Pada tahun ini, sistem Integrasi SeeBeyond yang telah dilaksanakan semenjak 2008 di dalam Projek THIS yang melibatkan integrasi HL7, jenis ADT serta integrasi bukan Klinikal telah digantikan dengan sistem Integrasi Mirth versi 3.0.2 sepenuhnya pada Julai 2014. Selain daripada menggantikan integrasi yang dilaksanakan semasa Projek THIS, sistem Integrasi Mirth telah dibangunkan semenjak 2013 dan telah ditambahbaik, dinaik taraf dan dibangunkan lebih lengkap pada tahun ini. Pada tahun ini Mirth ini telah digunakan sepenuhnya bagi jenis mesej ORM, ORU, ORR, PO3 dan bukan klinikal.

Seksyen Pembangunan

Pada tahun 2014 ini, JTM mengambil beberapa langkah untuk membangunkan beberapa sistem baru bagi memastikan sistem-sistem di PPUM menepati keperluan piawai dari segi fungsi mahupun reka bentuk.

- **Sistem Farmasi iPesakit**

  Sistem Farmasi iPesakit ini telah dibangunkan dengan pesat pada tahun 2014 melibatkan modul e-prescribing, dispensing, pengurusan stor, integrasi IMIMS dan lain-lain. Sistem dijangka untuk digunakan pada tahun 2015 bagi menggantikan sistem PIS sedia ada.

- **Sistem Pengurusan Kewangan**

  Sistem ini juga telah mendapat kebenaran Pengurusan untuk dibangunakan sepenuhnya serta mengambilkira modul-modul tambahan yang diperlukan bagi menggantikan Sistem Kewangan yang dilaksanakan daripada Projek THIS pada 2008. Pada 2014 terdapat beberapa modul asas telah dibangunkan, manakala modul-modul lain akan dibangunkan sepenuhnya pada tahun 2015. JTM mengjangkakan perlaksanaannya akan dilaksanakan pada 2016.

- **Electronic Medical Records (EMR)**

  Pembangunan EMR telah dibangunakan dengan pesat pada tahun ini, mengambilkira segala keperluan pengguna melibatkan integrasi laporan obsentral, endoskopi, nota-nota klinikal, tambahbaik rekabentuk modul Order, tambahbaik nota klinikal, tambahbaik e-document dan tambahbaik results. Pada tahun

2014, pembangunan EMR telah menepati 80% keperluan asas EMR dan dijangkakan pembangunan pada tahun 2015 akan melengkapkan lagi EMR.

- **Pembangunan tambahbaik berterusan**

Pembangunan Tambahbaik berterusan pada tahun ini mengambilkira sistem–sistem yang telah dibangunkan tetapi masih perlu dilengkapkan dan ditambahbaik seperti modul-modul di dalam Sistem EHR/Sistem Portal (Pengurusan Sumber Manusia), Sistem iPerolehan, Sistem Kebajikan Pesakit, Sistem External Service System, Sistem Pnuematic Tube, MyEDMS dan lain-lain. Pembangunan Tambahbaik Berterusan ini telah dibangunkan pada tahun ini mengikut prioriti yang telah dipersetujui dan disambung lagi ke tahun hadapan.

Seksyen Infrastruktur

Seksyen ini merangkumi tiga (3) unit utama iaitu Unit Pusat Data, Unit Rangkaian & Keselamatan dan Unit Khidmat Pelanggan di mana setiap unit tersebut diwujudkan untuk menguruskan aduan ICT, memantau dan menyelenggara infrastruktur ICT termasuk komputer, pencetak, pelayan, storan, sistem rangkaian dan keselamatan yang digunakan di seluruh PPUM.


Pada tahun 2014, unit Pusat Data telah melaksanakan Projek menaik taraf pelayan-pelayan EMR, perolehan dua (2) unit storage baru berkapasiti 40TB setiap satu, penambahan dua (2) unit Network Attached Storage (NAS) di mana satu (1) unit telah diletakkan di Pusat Data, Universiti Malaya (UM) dan pelanjutan pelaksanaan sistem penduaan yang bersepadu kepada semua pelayan fizikal dan virtual menggunakan perisian penduaan berjenama Atempo.

Dengan pelaksanaan-pelaksanaan ini, peningkatan data-data baru yang perlu disimpan di storan telah diatasi berikutan kekangan kapasiti storan pada tahun sebelumnya. Dalam masa yang sama, pendekatan dengan menempatkan satu (1) unit NAS di UM ialah sebagai mengekang risiko kehilangan data jika Pusat Data Utama dan Bilik DR di Trauma mengalami bencana.

Dari segi kebolehcapaian kepada sistem dan infrastruktur di sepanjang tahun 2014, Graf 1 telah menunjukkan pencapaian 99% kebolehcapaian JTM di sepanjang tahun 2014 kecuali pencapaian sebanyak 97.64%, 98.85% dan 98.31% bagi bulan Mac, April dan Mei.


Bagi memastikan, kebolehcapaian ini sentiasa mematuhi piawaian 99%, JTM telah melakukan pemantauan dan penyelenggaraan yang lebih komprehensif kepada infrastruktur sedia ada contohnya untuk Pusat Data, penyelenggaraan rutin telah dilakukan setiap bulan di mana aktiviti window update dan semakan kepada storan dilakukan setiap hari bersama seksyen aplikasi. Untuk rangkaian, aktiviti penyelenggaraan berkala telah dilakukan dua (1) kali setahun manakala, untuk wifi sekali setahun. Bagi unit khidmat pelanggan pula, penyelenggaraan berkala juga dilakukan setiap bulan untuk semua lokasi perawatan pesakit. Pendekatan lain seperti latihan kepada pengguna yang berterusan dan standby di lokasi pengguna apabila sesuatu sistem LIVE juga membantu dalam kebolehcapaian ini bagi bulan-bulan seterusnya pada tahun 2014.

Statistik Kebolehcapaian JTM Bagi Tahun 2014



Graf 1: Statistik Kebolehcapaian Aplikasi dan Infrastruktur JTM Bagi Tahun 2014

Untuk unit Rangkaian, penambahan 140 access point telah dilaksanakan dan projek ini telah siap sepenuhnya pada bulan Disember 2014. Penambahan ini akan meningkatkan prestasi signal wifi sedia ada di wad dan di kawasan perawatan pesakit. Di samping itu, pelaksanaan ini juga merangkumi peluasan signal wifi di kawasan asrama dan hostel. Ini telah membolehkan pengajar, pelajar dan doktor pelatih mencapai sistem-sistem yang diguna pakai di PPUM. Bagi kemudahan untuk capaian ke sistem dari luar PPUM, pelaksanaan Virtual Desktop Infrastructure (VDI) telah dilaksanakan pada awal Mac 2014 dan telah siap sepenuhnya pada Ogos 2014. Pendekatan ini telah memudahkan capaian dan akses staf JTM mahupun doktor dengan menggunakan tablet, smart phone dan komputer di luar rangkaian PPUM. Bagi kemudahan dan penggunaan internet, Graf 2 ialah statistik bandwidth internet pada tahun 2014 di mana data menunjukan penggunaan internet amat baik dan stabil.




Graf 2: Statistik Bandwith Internet pada tahun 2014

Bagi menguruskan infrastruktur dan operasi ICT di PPUM, Unit Khidmat Pelanggan merupakan tulang belakang dan tunjang kepada sokongan utama bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Teknologi maklumat (JTM). Oleh yang demikian, unit ini merupakan platform bagi menguruskan setiap pemasalahan yang merangkumi keseluruhan perkara berkenaan ICT, sokongan teknikal, baik pulih perkakasan dan penyelenggaraan berkala ke atas perkakasan ICT.

Bagi memantapkan lagi perkhidmatan dan pengurusan ICT di PPUM, unit ini telah melaksanakan beberapa projek baru yang melibatkan penghantaran dan pemasangan perkakasan ICT di seluruh PPUM.

Walaupun, JTM memperolehi perkakasan ICT baru pada tahun 2014, aktiviti penyelenggaraan berkala yang dijadualkan empat (4) kali setahun juga dilaksanakan kerana pendekatan ini terbukti telah membantu untuk meningkatkan prestasi infrastruktur sedia ada. Rujuk Graf 3 untuk prestasi komputer yang telah dilakukan penyelenggaraan berkala melalui pengukuran Speed Test.




Graf 3: Prestasi komputer melalui pengukuran Speed Test

Pada tahun 2014, Jumlah aduan yang telah diterima ialah berJumlah 11,966 berbanding dengan 11,070 aduan bagi tahun 2013. Penambahan 896 aduan ini adalah berikutan daripada pelaksanaan sistem baru seperti peralihan sistem Dietry kepada iDiet, pelaksanaan sistem pesanan (EMR) dan kerja-kerja penambahbaikan kepada infrastruktur sedia ada di PPUM.

Bagi menambahbaik sistem pengurusan aduan dan operasi ICT secara keseluruhannya di PPUM, JTM telah menerima penambahan sebanyak lima (5) orang Juruteknik FT17 telah diterima di JTM pada 18 November 2013 dan 6 Januari 2014. Penambahan ini dilakukan bagi menampung kepincangan dari segi mutu perkhidmatan kepada pesakit dan juga sokongan kepada perkakasan ICT contohnya seperti komputer dan pencetak yang digunakan di kawasan perawatan pesakit di seluruh PPUM. Berikut adalah keseluruhan pencapaian objektif kualiti JTM bagi tahun 2014.

Month	Objektif Kualiti [priority 1] (100% within 24 hours)	Objektif Kualiti [priority 2] (80% within 48 hours)	Objektif Kualiti [priority 3] (80% within 3 working days)	Objektif Kualiti [priority 4] (80% within 5 working days)	Grand Total
Jan-14	96.0%	87.8%	86.8%	90.0%	1072
Feb-14	97.6%	90.9%	89.4%	91.8%	1022
Mac-14	97.6%	85.5%	92.5%	96.6%	1051
Apr-14	100.0%	91.2%	92.1%	96.4%	1233
Mei-14	100.0%	81.7%	91.2%	98.5%	988
Jun-14	100.0%	86.7%	92.9%	89.0%	1026
Jul-14	100.0%	82.2%	92.1%	100.0%	945
Ogos-14	100.0%	80.6%	85.1%	98.6%	927
Sept-14	100.0%	80.5%	88.9%	95.7%	978
Okt-14	100.0%	85.6%	88.6%	98.6%	945
Nov-14	100.0%	80.3%	90.3%	90.1%	873
Dis-14	100.0%	81%	90.1%	94.7%	907



Graf 4 : Peratusan penyelesaian aduan bagi tahun 2014

KOLEJ SAINS KESIHATAN (KSK)

Kolej Sains Kesihatan (KSK) mempunyai visi dan misi untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang sains kesihatan dengan menyediakan pendidikan yang cemerlang kepada pelajar, dalam dan luar negara, dengan menawarkan kursus dan aktiviti yang bertujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi individu berkaitan dengan profesion serta perkembangan kendiri yang berterusan.

Perkhidmatan yang disediakan oleh KSK adalah seperti berikut:

▶ Program Diploma Kejururawatan

Program Kejururawatan menjalankan kursus Diploma Kejururawatan secara sepenuh masa selama 3 tahun dengan pengambilan pelajar seramai 200 orang setahun. Program Kejururawatan melaksanakan aktiviti perancangan, penyediaan dan pengurusan latihan kepada pelajar jururawat agar bekalan tenaga manusia bagi kumpulan paramedik adalah mencukupi, berkelayakan dan berkualiti untuk memenuhi keperluan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada masa sekarang dan akan datang.

▶ Program Diploma Teknologi Makmal Perubatan

Program Teknologi Makmal Perubatan (TMP) menjalankan kursus Diploma Teknologi Makmal Perubatan dalam pelbagai bidang supaya mereka kompeten bertugas di makmal diagnostik klinikal serta makmal-makmal yang terlibat dalam pengajaran dan penyelidikan berkaitan dengan bidang perubatan dan sains bioperubatan setelah lulus dalam pengajian. Kursus ini dikendalikan secara sepenuh masa selama 3 tahun.

▶ Program Diploma Radiografi

Program Radiografi menjalankan kursus Diploma Radiografi secara sepenuh masa selama 3 tahun dengan pengambilan pelajar seramai 30 orang setahun. Pendidikan Radiografi adalah satu proses yang berterusan, kearah kecemerlangan pengajaran dalam bidang radiografi dan perlindungan sinaran serta bertujuan untuk menimba pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam praktis Radiografi (Pengimejan Perubatan) secara holistik dan berkualiti bagi mewujudkan seorang Juru X-ray yang berpengetahuan tinggi, cekap dan mahir. Kebanyakan calon-calon yang memenuhi kriteria pemilihan, terpilih untuk mengikuti pengajian adalah daripada tajaan PPUM di mana mereka akan berkhidmat di PPUM selepas tamat kursus. Program Radiografi juga menawarkan tempat latihan kepada calon-calon dari hospital-hospital swasta.

▶ Program Pendidikan Lanjutan Kejururawatan (PPLK)

Program Pendidikan Lanjutan Kejururawatan (PPLK) mengendalikan program Diploma Lanjutan Kejururawatan dalam bidang pengkhususan klinikal. Bidang pengkhususan klinikal yang ditawarkan adalah seperti Perawatan Kritikal, Koronari, Kecemasan, Pendidikan Diabetes, Renal, Perioperatif, Onkologi dan Pediatrik. Bagi bidang bukan klinikal pula, kursus yang ditawarkan adalah Diploma Lanjutan Metodologi Pengajaran. Selain itu, PPLK juga menawarkan kursus jangka pendek dan bengkel seperti Kursus Kemahiran Intravena, Bengkel Pengambilan Darah, Essentials of Clinical Teaching, Bengkel Metodologi Pengajaran dan juga bengkel-bengkel untuk Program Pembelajaran Berterusan bagi jururawat PPUM dan staf Sains Kesihatan yang lain.

Program Baru Yang Diperkenalkan

PPLK telah memperkenalkan satu program baru pada 2014 iaitu Sijil Perawatan Renal. Program ini mendapat permintaan tinggi daripada organisasi kesihatan kerajaan serta swasta. Kursus tersebut telah bermula pada 17 Mac 2014 selama 6 bulan dengan Jumlah pelajar seramai 25 orang.

Nilai Perolehan Yang Dilaksanakan

Tahun	2013	2014
1	188	186
2	188	185
3	167	188
Jumlah	**544**	**559**

Jumlah Pelajar Program Makmal Teknologi Perubatan bagi tahun 2013 berbanding 2014

Tahun	2013	2014
1	35	29
2	30	35
3	28	30
Jumlah	**93**	**94**

Jumlah Pelajar Program Radiografi bagi tahun 2013 berbanding 2014

Tahun	2013	2014
1	31	27
2	26	31
3	30	26
Jumlah	**87**	**84**

Kursus Diploma Lanjutan/Sijil Kejururawatan Bagi Tahun 2014

Bil.	Kursus	Bilangan
1.	Perawatan Kecemasan (Sesi 2014/2015)	13
2.	Perawatan Kritikal (Sesi 2014/2015)	22
3.	Metodologi Pengajaran (Sesi 2014/2015)	12
4.	**Sijil Perawatan Renal**	**25**
Jumlah		**72**

Kursus Kemahiran Jangkamasa Pendek (2 – 5 hari) Bagi Tahun 2014

Bil.	Kursus	Bilangan
1.	Kursus Kemahiran Terapi Intravena (5 sesi)	242
2.	Bengkel Tatacara Pengambilan Darah (3 sesi)	66
3.	Bengkel Metodologi Pengajaran (2 sesi)	32
4.	**Bengkel The Essential of Clinical Teaching (2 sesi)**	**41**
Jumlah		**381**

Pembelian peralatan baharu

▶ **Program Makmal Teknologi Perubatan**

Pada tahun 2014, program Teknologi Makmal Perubatan telah mendapat peruntukan kira-kira RM 29,000.00 untuk pembelian peralatan makmal berikut:

Bil.	Peralatan	Kuantiti
1.	pH meter	2
2.	Water bath digital	2
3.	Serofuge Dia Cent -12	2
4.	Micropipette”	18
5.	Microcentrifuge	1

▶ **Program Pendidikan Lanjutan Kejururawatan**

Sebagai persediaan untuk menjalankan kursus Diploma Lanjutan Perawatan Kebidanan, PPLK telah membeli beberapa peralatan baru. Bilik Kuliah 2 di Aras G Wisma R&D telah diubahsuai untuk menjadi Makmal Kemahiran 2 bagi mengendalikan kursus Diploma Lanjutan Perawatan Kebidanan.

Kejayaan Yang Dicapai

Program diploma dan diploma lanjutan KSK telah berjaya mendapat kelulusan Senat Universiti Malaya pada 27 November 2014 yang bersetuju supaya Pengurusan Akademik Program Diploma KSK PPUM berada di bawah seliaan Fakulti Perubatan Universiti Malaya (FPUM) yang berkuat kuasa 9 Julai 2014. Berikut adalah pencapaian akademik mengikut program:

- **Program Kejururawatan**

Seramai 167 orang pelajar Tahun 3 telah lulus peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia dengan 158 orang daripada mereka adalah tajaan PPUM dan 9 orang adalah tajaan Hospital Swasta. Kesemua graduan tajaan PPUM telah mula bertugas sebagai Jururawat Terlatih bertauliah di PPUM.

- **Program Makmal Teknologi Perubatan**

Seramai 28 orang pelajar menduduki peperiksaan akhir diploma Teknologi Makmal Perubatan dalam bulan Jun 2014. Kesemua 28 orang pelajar d ibawah tajaan PPUM telah lulus peperiksaan akhir tersebut dan menerima sijil diploma dalam Majlis Konvokesyen pada 1 November 2014.

- **Program Radiografi**

Pada bulan Jun 2014, seramai 30 orang pelajar tahun 3 telah lulus peperiksaan akhir Diploma Radiografi. 29 orang daripada mereka adalah tajaan PPUM dan seorang adalah tajaan Hospital Tung Shin. Kesemua tajaan PPUM telah ditempatkan di Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan dan mula bertugas sebagai Juru X-ray bertauliah.

- **Program Pendidikan Lanjutan Kejururawatan**

Bagi tahun 2014, seramai 61 pelajar telah tamat pengajian mereka dengan jayanya. Mereka telah menerima Diploma Lanjutan dan Sijil mereka di Majlis Konvokesyen 2014 pada 1 November 2014.

Aktiviti Kolej Sains Kesihatan PPUM

- Lawatan Mr Danny dari Belgium untuk program PPLK
- Lawatan Pengajar dari Baghdad untuk program PPLK
- Lawatan dari Pengurus Sumber Manusia dan Pegawai Kejururawatan An Nur untuk membincangkan Kursus Diploma Lanjutan Kejururawatan yang boleh diikuti oleh staf kejururawatan An Nur
- Lawatan ke Penjara Kajang 4 September dan 28 Oktober dan Penjara Bentong 9 September dan 25 September oleh program Kejururawatan
- Malam Graduan KSK PPUM (14 Jun 2014)
- Pendaftaran pelajar baru sesi 2014 / 2017 (22 Jun 2014)
- Penutup Minggu Orientasi Suaikenal (26 Jun 2014)
- Program Qiamullail (4 Julai 2014)
- Majlis Berbuka Puasa bersama Anak-anak Yatim Sekendi Sabak Bernam Selangor (19 Julai 2014)
- Gotong Royong Wisma R&D (20 Ogos 2014)
- Majlis Korban KSK (6 Oktober 2014)
- Hari Keluarga PPUM (18 Oktober 2014)
- Majlis Konvokesyen PPUM (1November 2014)
- Majlis Makan Malam KSK (5 November 2014)
- Latihan Kebakaran Wisma R&D (17 November 2014)
- Majlis Bacaan Yasin Pelajar KSK (18 November 2014)
- Kursus Kepimpinan Cemerlang Lumut (5-7 November 2014)
- Bengkel Problem Based Learning (15 dan 18 November 2014 2014)
- Majlis Penutup Titian Kasih Bersama Kanak-kanak Kebajikan Sekendi (27-28 Disember 2014)

RANCANGAN MASA HADAPAN KSK

▶ Program Kejururawatan, Program Radiografi dan Program Teknologi Makmal Perubatan

- Pelajar tahun pertama bagi ketiga-tiga program akan ditaja oleh PPUM selama setahun agar mereka terikat dengan kontrak dan dikehendaki bekerja dengan PPUM selepas tamat pengajian. Pelajar-pelajar ini kemudiannya boleh memohon pembiayaan pendidikan bagi membiayai sendiri yuran pengajian mereka pada tahun kedua dan ketiga pengajian.
- Program Radiografi dan Teknologi Makmal Perubatan akan mengendalikan kursus pengkhususan di bawah Jabatan Pembangunan Perniagaan dalam masa yang terdekat.

▶ Program Pendidikan Lanjutan Kejururawatan

- PPLK merancang untuk menjalankan kursus Diploma Lanjutan Kebidanan pada bulan Mac 2015 selepas lawatan proses akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia dan Lembaga Jururawat Malaysia yang dijangka pada bulan Februari 2015.

MASALAH YANG DIHADAPI OLEH KSK

Buat masa ini KSK tidak mempunyai ruang atau dewan bagi menempatkan pelajar seramai 1,000 orang pada satu-satu masa. Ia merupakan suatu keperluan bagi menjalankan pelbagai aktiviti seperti taklimat pelajar, suaikenal, seminar serta lain-lain aktiviti yang memerlukan dewan yang berkapasiti tinggi seperti yang dinyatakan.

UNIT KEJURUTERAAN BIOMEDIKAL

Unit Kejuruteraan Biomedikal menyediakan perkhidmatan kejuruteraan kepada persekitaran klinikal yang menyokong teknologi, perubatan dan medium antara teknologi dan pesakit, untuk mengurangkan risiko, meningkatkan kesihatan pesakit dan meningkatkan penjagaan pesakit dengan lebih berkesan.

Di antara perkhidmatan utama yang disediakan oleh Unit Kejuruteraan Biomedikal ialah:


- Perkhidmatan perundingan teknikal untuk tujuan perolehan termasuk penyediaan spesifikasi dan penilaian teknikal sebutharga/tender.
- Perkhidmatan Pengujian dan Pentauliahan bagi kesemua alat baru yang dibawa masuk ke PPUM sama ada melalui perolehan baru, demo, sewaan atau pinjaman.
- Perkhidmatan penyelenggaraan termasuk penyelenggaraan mencegah, kalibrasi dan baik-pulih.

Perkhidmatan baru yang disediakan oleh Unit Kejuruteraan Biomedikal dalam pemantapan perkhidmatan kejuruteraan biomedikal adalah:

- Perkhidmatan pengendalian alat-alat yang rosak akibat daripada kecuaian. Perkhidmatan telah dijalankan secara dalaman dengan kerosakan dikenalpasti dan disiasat bagi mengetahui punca, dan kos yang terlibat. Laporan kemudiannya kan dilaporkan kepada pihak pengurusan dalam usaha untuk mengurangkan kos-kos baik pulih dan sebagai langkah penjimatan.

Perkhidmatan Perundingan Perolehan

Tender/ Sebutharga	Tahun 2012		Tahun 2013		Tahun 2014	
	Bil.	Bajet (RM)	Bil.	Bajet (RM)	Bil.	Bajet (RM)
Tender	28	62,159,470	35	44,435,000	21	22,845,689
Sebutharga	91	17,237,446	60	12,012,748	77	14,345,285
Jumlah	**119**	**79,396,916**	**95**	**56,447,748**	**98**	**37,190,974**




Perkhidmatan Pengujian & Pentauliahan

Perkara	Bilangan Peralatan (2012)	Bilangan Peralatan (2013)	Bilangan Peralatan (2014)
Bilangan Peralatan baru yang diterima untuk proses T/C.	Tiada rekod	613	694
*Bilangan Keseluruhan peralatan biomedikal di PPUM	5496	6154	6400

**Bilangan keseluruhan termasuk peralatan baru yang diterima melalui tender/sebutharga/derma, dan mengambil kira alat yang dikeluarkan untuk pelupusan.*

Perkhidmatan Penyenggaraan

ADUAN	2012	2013	2014
Baik Pulih	3016	3500	2786
Penyenggaraan Mencegah/ Kalibrasi	3965	5512	4698
Jumlah Aduan	6981	9012	7484



Pembelian peralatan baharu

Pada tahun 2014, seJumlah RM196,900.00 telah diperuntukkan kepada Unit BME untuk pembelian baru alat-alat pengujian peralatan biomedikal termasuk:

- Electrical Safety
- NIBP Tester
- Phototherapy Light
- Spo2 Tester

Peralatan-peralatan ini merupakan alat-alat ujian yang diguna pakai oleh penolong jurutera bagi rutin kerja harian penyenggaraan dan baik pulih.

RANCANGAN MASA HADAPAN

▶ **Pemindahan Unit BME ke lokasi penempatan baru**

Sebagai persediaan untuk menjalankan kursus Diploma Lanjutan Perawatan Kebidanan, PPLK telah membeli beberapa peralatan baru. Bilik Kuliah 2 di Aras G Wisma R&D telah diubahsuai untuk menjadi Makmal Kemahiran 2 bagi mengendalikan kursus Diploma Lanjutan Perawatan Kebidanan.

▶ **Penambahan bilangan staf**

Unit BME sedang berusaha mendapatkan lebih kakitangan teknikal dalam menampung beban kerja yang semakin bertambah.

▶ **Pemantapan aturan kerja mengikut standard yang disyorkan**

Berikutan PPUM akan diakredatasi oleh MSQ standard, Unit BME juga akan mengambil peluang dalam memantapkan lagi proses kerja selaras dengan kehendak MSQH standard dan standard yang ditetapkan oleh Medical Device Act.

MASALAH YANG DIHADAPI

▶ **Sistem pengurusan aset sedia ada tidak efektif dan berasingan**

Ketika ini Unit BME menggunakan dua sistem yang berbeza yang diguna pakai iaitu sistem pengurusan aset yang dibangunkan untuk Jabatan Kewangan dan sistem penyenggaraan yang dibangunkan untuk Jabatan Kejuruteraan. Oleh kerana dua sistem ini adalah berbeza dan sukar untuk diintegrasi sehingga menyebabkan beberapa masalah ketika penyenggaraan aset.

Ia akan lebih efektif sekiranya terdapat satu sistem pengurusan aset setempat di mana, di dalam sistem tersebut segala rekod penyenggaraan dan baik pulih dapat dilihat untuk setiap aset yang didaftarkan. Sistem aduan akan berdasarkan kepada sistem pengurusan aset setempat ini. Ia juga dapat mengurangkan beban kerja jurutera dalam memantau kerja-kerja penyenggaraan dan baik pulih.

UNIT KESELAMATAN

Unit Keselamatan bertanggungjawab dalam menguatkuasakan peraturan-peraturan keselamatan, peraturan lalu lintas, pasukan tindakan kecemasan dan juga siasatan & pencegahan. Unit ini memberi perkhidmatan selama 24 jam sehari bagi menjaga keselamatan aset, staf, pelajar, pesakit dan juga pelawat di dalam Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Di antara perkhidmatan yang disediakan oleh unit ini ialah:

▶ Kawalan Dalam Bangunan

Bahagian ini berfungsi membuat kawalan statik dan rondaan serta melaksanakan tugasan pemeriksaan keselamatan dalam bangunan.

▶ Pasukan Tindakan Kecemasan dan Kebakaran

Bahagian ini bertanggungjawab memberi bantuan semasa kecemasan dan kawalan kebakaran. Bahagian ini juga memastikan semua peralatan mencegah kebakaran sama ada yang tetap atau mudah alih dalam keadaan baik dan berfungsi. Pemeriksaan berkala dan penyelenggaraan sentiasa dilakukan bagi menjamin keberkesanan alatan tersebut. Bahagian ini juga membantu dalam memberi latihan kebakaran, pengungsian bangunan dan juga tatacara pengendalian alat pemadam api kepada staf dan pelajar-pelajar.

▶ Bahagian Kawalan Trafik dan Lalu Lintas

Bahagian Kawalan Trafik dan Lalu Lintas berfungsi dalam menguatkuasakan peraturan-peraturan trafik dan kawalan lalu lintas di dalam PPUM. Bahagian ini juga berperanan membantu memastikan kelancaran trafik dan lalu lintas di dalam PPUM.

▶ Bahagian Sistem Keselamatan

Bahagian ini berfungsi memantau dan mengendalikan semua sistem keselamatan di dalam PPUM dan memastikan ia beroperasi dengan baik. Di antara sistem keselamatan di bawah kendalian bahagian ini ialah Kawalan Akses, Kamera Litar Tertutup (CCTV), alat perhubungan komunikasi dan panel sistem kebakaran. Bahagian ini juga bekerjasama erat dengan Bahagian Elektronik, Jabatan Kejuruteraan bagi memastikan semua peralatan tersebut diselenggara, diubah, dipasang dan dibaiki serta berfungsi dengan baik.

Selain itu Bahagian Sistem Keselamatan juga berfungsi dalam mengeluarkan pas–pas kenderaan dan pas–pas kontraktor di PPUM.

▶ Bahagian Siasatan dan Pencegahan

Bahagian ini berfungsi menerima semua laporan insiden berkaitan keselamatan dan menjalankan siasatan serta mengemukan laporan siasatan dan cadangan penambahbaikan. Bahagian ini juga berperanan dalam membuat rondaan pencegahan. Selain itu, ia juga berkerjasama erat dengan agensi penguatkuasa lain seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan lain-lain agensi yang berkaitan. Bahagian ini juga turut terlibat dalam tugasan mengiring pelawat-pelawat kenamaan yang hadir bagi tugas atau lawatan rasmi di PPUM.

▶ Bahagian Pengurusan Kunci Keselamatan

Bahagian ini berperanan memberi perkhidmatan kunci keselamatan kepada semua pengguna di PPUM. Bahagian ini juga memastikan semua pengguna mematuhi peraturan penggunaan kunci, mengklasifikasikan dan juga menyelenggara.

PERKHIDMATAN TERBAHARU

▶ Pemindahan ke Pejabat Keselamatan Baru


Pada 30 Jun 2014, Unit Keselamatan telah ditempatkan ke pejabat baru di tingkat bawah, Menara Utama. Pejabat ini juga ditempatkan sebagai pejabat pentadbiran bagi Unit Keselamatan selain sebuah bilik operasi dan persidangan bagi Pengurusan Bencana. Manakala, pejabat lama di Bilik Kawalan Keselamatan, Menara Utama dijadikan sebagai Pejabat Bahagian Operasi dan Pejabat Bahagian Trafik.





▶ Penilaian dan Penguatkuasaan Laluan Kecemasan di PPUM

Lanjutan dari penambahbaikan laluan utama bagi membolehkan jentera BOMBA melalui ke Asrama Puteri dan Taska, laluan yang dikenalpasti perlu ditambahbaik di Jabatan Kejuruteraan telah siap sepenuhnya. Ujian jentera TTL dari BOMBA dilaksanakan sekali lagi pada 25 Jun 2014 dan telah melepasi had ketinggian tersebut. Ini adalah lanjutan daripada ujian kelancaran lalu lintas melibatkan Jentera Magirus dari Jabatan Bomba dan Penyelamat yang telah dijalankan pada bulan September 2013 anjuran bersama Unit OSHE, Jabatan Perhubungan Awam dan Jabatan Kejuruteraan bagi menilai tahap kelancaran jentera jika berlaku kecemasan di laluan utama melibatkan laluan Komplek Kesihatan Wanita dan Kanak-Kanak, laluan Stor Pusat , laluan Anjung Penyanyang dan juga kawasan letak kereta Anjung Puteri.





▶ Perlaksanaan Proses Pengaktifan Kad Bagi Kawasan Terperingkat


Pada Januari 2014, semua pengaktifan kad bagi kawasan terperingkat telah diselenggarakan oleh Bahagian Sistem Keselamatan, Unit Keselamatan manakala bagi pengeluaran kad dan kawasan umum dikendalikan oleh Jabatan Sumber Manusia sejak Disember 2013.

MAKLUMAT STATISTIK AKTIVITI

Bahagian Trafik dan Lalu Lintas

Pada 30 Jun 2014, Unit Keselamatan telah ditempatkan ke pejabat baru di tingkat bawah, Menara Utama. Pejabat ini juga ditempatkan sebagai pejabat pentadbiran bagi Unit Keselamatan selain sebuah bilik operasi dan persidangan bagi Pengurusan Bencana. Manakala, pejabat lama di Bilik Kawalan Keselamatan, Menara Utama dijadikan sebagai Pejabat Bahagian Operasi dan Pejabat Bahagian Trafik.

GRAF BILANGAN KUNCI TAYAR DAN KUTIPAN YURAN BUKA KUNCI BAGI TAHUN 2012-2014



Bahagian Tindakan Kecemasan dan Kebakaran

Bahagian ini telah bekerjasama dengan Unit OSHE bagi mengendalikan latihan dan kursus asas kebakaran dan pengendalian alat pemadam api sebanyak 7 sesi di sepanjang tahun 2014 di mana telah melibatkan seramai 636 orang staf dari pelbagai Unit / Jabatan.

Tahun	2012	2012	2013	2014
Bilangan Sesi Latihan	12	8	8	7
Jumlah Staf Terlibat	1214	924	685	636

Kadar bagi kes kebakaran kecil telah mencatat sebanyak 4 kes kebakaran kecil dan bantuan awal kawalan keselamatan kebakaran telah berjaya diberikan dan dikawal sepenuhnya. Manakala, sebanyak sepuluh (10) panggilan kecemasan bagi keselamatan kebakaran telah diterima pada tahun 2014.

Tahun	2012	2012	2013	2014
BILANGAN KES KESELAMATAN KEBAKARAN	6	2	3	4





Kes kebakaran kecil di Bilik Teknikal Sekapur Sirih dan Jabatan Maklumat Pesakit

Bagi Tahun 2014, Jumlah keseluruhan alat pemadam api sedia ada adalah sebanyak 1501 balang di mana 977 adalah jenis dry powder dan 524 adalah jenis Co2.





Seminar Keselamatan Kebakaran 2014 anjuran Jabatan BOMBA dan Penyelamat Kuala Lumpur.

Bahagian Kunci Keselamatan

Sebanyak 2626 anak kunci keselamatan telah diselenggarakan pada tahun 2014 di semua bangunan dan di dalam proses penambahbaikan di mana pengwujudan kategori kunci akan dilaksanakan sepenuhnya.

Bahagian Sistem Keselamatan

Pada tahun 2014, Bahagian Sistem Keselamatan telah didedahkan kepada sistem keselamatan melalui beberapa siri kursus dan latihan luar di antaranya:

- Kursus Physical Protection And Security Management (PPSM) anjuran Global Threat Radiation Initiative (GTRI) di Langkawi, Kedah.




- IFSEC Souteast Asia /ISTEC International Security Technology Conference di KL Convention Center





- Kursus Teknikal dan Pengoperasian Kamera Litar Tertutup (AVL Technology)





PEMBELIAN PERALATAN BARU

Terdapat penambahan dan pembelian peralatan baru bagi sokongan Pasukan Tindakan Kecemasan telah diterima pada 2014 di mana penambahan fire fighting suit telah ditambah sebanyak 6 unit. Senarai peralatan dan suit kebakaran terkini bagi 2014 adalah seperti berikut :

Bil	Jenis Peralatan	Kuantiti/Unit
1	Fire Fighting Helmet c/w Neck Curtain & Visor Brand/Made : KZPT (Poland)	6
2	Fire Fighting Leather Gloves Brand/Made : Southcombe Brothers Ltd. (UK)	6
3	Fire Fighting Suit (Jacket & Over trouser) Brand/Made : Australia Defense Apparel (Australia)	12
4	Fire Fighting Rubber Boots Brand/Made : Harvik Rubber	10
5	Full Face Mask (Air Purifying Respiratory) c/w 1 Pair Filter / Catridge Brand/Made : MSA (USA)	2





KEJAYAAN DAN ANUGERAH

Kelulusan Penubuhan dan Kuasa Polis Bantuan telah diperolehi dari Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti (JPJKK), Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Pada peringkat permulaan PPUM telah diberikan kelulusan seramai 75 jawatan pelbagai pangkat untuk diberikan kuasa tersebut berkuatkuasa pada 26hb Disember 2014. Dengan adanya kuasa dan penubuhan ini, ia akan dapat mempertingkatkan lagi tahap penguatkuasan serta kawalan keselamatan di PPUM.



AKTIVITI JABATAN

▶ Latihan melibatkan Polis DiRaja Malaysia

Sebanyak tiga sesi latihan melibatkan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah diadakan di mana melibatkan jurulatih dan penceramah dari Maktab Polis DiRaja Malaysia, Cheras.

Ceramah dan Latihan Asas Siasatan



Ceramah dan Latihan Ancaman Bom dan Bencana





Ceramah dan Latihan Keselamatan Trafik dan Lalulintas





Lawatan oleh Ketua Polis Selangor ke PPUM (wad 6U - Melawat isteri Timbalan Ketua Polis Selangor)





Lawatan Kerja ke Hospital – Hospital di Singapura - (Jabatan Kualiti)





RANCANGAN MASA HADAPAN

Pelaksanaan Sistem Kawalan Pelawat

Sistem Kawalan Pelawat (VMS) akan diperkenalkan di mana semua laluan masuk pintu utama akan dikuatkuasakan pemeriksaan dan kawalan masuk pelawat. Ini adalah bagi menjamin kualiti keselamatan supaya ditambahbaik dan ditingkatkan. Kawalan ini juga tidak terhad kepada kawalan pelawat malah sebagai tempat pemeriksaan pergerakan aset–aset hospital.

Persiapan Polis Bantuan

Sejajar dengan Penubuhan dan Kelulusan Kuasa Polis Bantuan yang diterima baru-baru ini, Unit Keselamatan telahpun mempunyai 34 orang calon bekas Polis Bantuan dari agensi lain yang telah berkhidmat dengan PPUM untuk dilantik sebagai Polis Bantuan PPUM. Manakala, bakinya adalah staf keselamatan yang perlu dihantar mengikuti latihan asas Polis Bantuan yang akan dijalankan di Pusat Latihan Polis (PULAPOL). Permohonan tambahan anggota akan dibuat setelah semua jawatan yang ditawarkan dipenuhi.

Beberapa siri latihan melibatkan latihan kepolisian juga akan ditambah bagi memperkasakan Polis Bantuan PPUM. Dengan adanya kuasa tersebut, perkhidmatan akan dapat diberikan dengan lebih baik dari segi pemakaian kuasa dan ini memberi imej baru kepada PPUM.

Penambahbaikan Proses Kunci Keselamatan

Pada masa ini semua kunci kesealamatan sedang diselanggarakan dan disemak semula. Ini adalah bagi memastikan tatacara dan pengkelasan kunci yang betul dan mematuhi ketetapan dalam Arahan Keselamatan.

Pengurusan Keselamatan Kontraktor

Unit Keselamatan juga dalam rangka kerja bersama Unit OSHE untuk memberikan latihan induksi kepada semua kontraktor yang sedang dan akan bekerja di PPUM. Ini akan memberi lebih kefahaman akan keperluan dari segi aspek keselamatan (security) dan keselamatan pekerjaan (safety). Keperluan lanjut adalah dari segi pemantauan akan pematuhan-pematuhan peraturan–peraturan yang digariskan dari aspek Security and Safety.



UNIT PERUNDANGAN

Unit Perundangan bertanggungjawab memberikan perkhidmatan perundangan kepada PPUM. Di antara perkhidmatan perundangan yang disediakan oleh Unit Perundangan meliputi:-

- khidmat nasihat perundangan - memberikan nasihat dan pandangan undang-undang kepada pihak pengurusan dan jabatan/unit di PPUM;
- aduan mediko-legal - mengendali kes-kes aduan mediko-legal yang mempunyai implikasi undang-undang yang serius termasuk menjalankan siasatan, mentadbir polisi insurans medical malpractice liability dan membantu menyediakan surat jawapan kepada pengadu;
- semakan dokumen perundangan - menggubal, menyemak dan memuktamadkan Kontrak, Memorandum Persefahaman, Surat Niat dan pelbagai dokumen perundangan yang berkaitan;
- tindakan undang-undang - mengendali dan menyelaras tindakan undang-undang oleh atau terhadap PPUM termasuk menyediakan laporan dan kertas kerja yang berkaitan, menyemak kertas-kertas kausa serta mengeluarkan notis tuntutan melalui peguam;
- pendidikan undang-undang - memberi taklimat, syarahan dan ceramah mengenai undang-undang terutamanya undang-undang perubatan kepada para pelajar Program Diploma, Pos-Basik, Diploma Lanjutan, dari Kolej Sains Kesihatan, Ijazah Sarjana Muda, Program Orientasi Pelajar Baru serta Kursus Induksi.

Bilangan Memorandum Persefahaman dan Kontrak Yang Disemak

Semakan Dokumen Perundangan	2013	2014	Perbezaan (%)
Memorandum Persefahaman	16	13	18.75
Kontrak	28	14	50
Nasihat Perundangan	-	34	34

Statistik bilangan Memorandum Persefahaman dan Kontrak yang dirujuk kepada Unit Perundangan untuk semakan pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 menunjukkan penurunan susulan kepada penubuhan Jabatan Pembangunan Perniagaan di mana Memorandum Persefahaman dan Kontrak di bawah bidang kuasa jabatan tersebut akan digubal, disemak dan dimuktamadkan oleh Pegawai Tadbir yang mempunyai latar belakang pendidikan undang-undang. Walau bagaimanapun, penurunan tersebut tidak menggambarkan pengurangan ketara bebanan kerja kerana fail yang sedia ada di Unit Perundangan adalah rumit dan kompleks di samping bilangan kerja-kerja penasihatan perundangan yang meningkat.

Rancangan Masa Hadapan Unit Perundangan

▶ Strategi Jangka Pendek (Kurang dari 5 Tahun)

Sistem Pengurusan Dokumen Perundangan

Unit Perundangan berhasrat mendapatkan khidmat nasihat dan kepakaran Jabatan Teknologi Maklumat untuk membangunkan satu sistem pengurusan maklumat dan dokumen perundangan. Sistem ini bertujuan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan perkara-perkara perundangan di mana maklumat dan dokumen perundangan boleh diakses oleh pegawai yang bertanggungjawab dan juga pihak pengurusan bagi tujuan rujukan dan analisa dan seterusnya merangka rancangan dan tindakan susulan.

▶ Strategi Jangka Panjang (Lebih dari 5 Tahun)

Pendidikan Undang-Undang

Selain daripada menyumbang sebagai tenaga pengajar bagi program-program Kolej Sains Kesihatan, Unit Perundangan berhasrat untuk lebih aktif dalam memberikan pendidikan undang-undang kepada warga PPUM dengan menganjurkan taklimat dan woksyop secara berterusan. Usaha ini bertujuan memberikan pendedahan dan juga meningkatkan pengetahuan warga PPUM mengenai undang-undang Malaysia dan perkembangan perundangan semasa yang berkaitan dengan tugas mereka dan juga hospital. Unit Perundangan juga berhasrat untuk menganjurkan free legal clinic yang mana staf PPUM boleh bertemu dengan peguam jemputan bagi mendapatkan nasihat undang-undang secara percuma.

Latihan Kepada Staf Unit Perundangan

Selaras dengan perkembangan dalam bidang undang-undang, Unit Perundangan ingin memastikan stafnya mendapat peluang latihan yang meluas dalam bidang kepakaran masing-masing agar staf tersebut akan menjadi sebagai pusat rujukan oleh pihak dalaman dan juga luaran.

Masalah Yang Dihadapi Oleh Unit Perundangan

Selaras dengan perluasan fungsi unit dan peningkatan bebanan tugas serta tahap kerumitan sesuatu perihal perundangan melibatkan PPUM, Unit Perundangan perlu menambah bilangan perjawatan bagi memastikan fungsi-fungsi unit dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan efektif. Pengagihan bebanan tugas yang lebih praktikal di antara pegawai sedia ada dan yang baru diharapkan akan dapat meningkatkan produktiviti, menjamin penghasilan mutu kerja dan komitmen yang bersepadu demi menjamin kepentingan dan hak PPUM sentiasa terpelihara.

Selain daripada itu, Unit Perundangan juga memerlukan ruang pejabat yang lebih besar dan kondusif memandangkan ruang pejabat sediada adalah sempit serta tidak kondusif bagi pegawai untuk menyemak dokumen perundangan dan membuat penyelidikan dan staf menjalankan tugas mereka. Malahan isu ruang pejabat yang sempit dan tidak kondusif ini telah beberapa kali mendapat teguran audit.

UNIVERSITI MALAYA

PUSAT PERUBATAN UM

PENYATA KEWANGAN

UNIVERSITI
MALAYA

PUSAT PERUBATAN UM

PENYATA KEWANGAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengurus Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengurus bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000. Lembaga Pengurus juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti

tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

(JACINTA WONG NGOUK HUA)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
22 JUN 2015

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

PENYATA OLEH AHLI LEMBAGA PENGURUS

Kami, **PROFESOR EMERITUS DATO' DR. LIAN CHIN BOON** dan **PROFESOR DATO' DR. IKRAM SHAH BIN ISMAIL**, dua orang daripada ahli-ahli Lembaga Pengurus **PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengurus, Penyata Kewangan di muka surat 3 hingga 29 adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA** pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengurus,

.....

PROFESOR EMERITUS DATO' DR. LIAN CHIN BOON

PENGERUSI
LEMBAGA PENGURUS

Kuala Lumpur

.....

PROFESOR DATO' DR. IKRAM SHAH BIN ISMAIL

PENGARAH
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

Kuala Lumpur

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

Saya, **HASHIM BIN ANUAR** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kewangan di muka surat 3 hingga 29 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas, **HASHIM BIN ANUAR**)
di **SHAH ALAM** dalam Negeri **SELANGOR DARUL EHSAN**)
pada 16 JUN 2015)

.....
HASHIM BIN ANUAR

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA

No B331
Nama ZALEHA BINTI ZAINI

.....
PESURUHJAYA SUMPAH

NO. 203A, LEVEL 2
BLOK 1, LAMAN SERI BUSINESS PARK
SEKSYEN 13
40100 SHAH ALAM
SELANGOR.

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
HARTANAH, LOJI DAN MESIN	3	924,961,477	931,589,423
KERJA DALAM KEMAJUAN	4	48,683,145	44,404,470
ASET SEMASA			
Stok	5	14,936,347	12,841,151
Penghutang, cagaran dan bayaran terdahulu	6	75,787,680	69,650,329
Penghutang-Pinjaman Komputer	7	339,250	364,013
Penghutang-Pinjaman Kenderaan	8	1,327,778	1,570,823
Simpanan tetap	9	338,040,000	269,040,000
Wang dalam tangan dan di bank	10	38,928,808	27,182,746
		469,359,863	380,649,062
LIABILITI SEMASA			
Liabiliti terakru		431,920	795,420
Pemiutang, cagaran tender dan kredit lain	11	11,894,682	18,960,103
Manfaat kakitangan jangka pendek		1,070,557	1,059,537
		13,397,159	20,815,060
ASET SEMASA BERSIH		455,962,704	359,834,002
		1,429,607,326	1,335,827,895
DIBIAYAI OLEH:			
KUMPULAN WANG TERKUMPUL	12	350,416,552	261,668,547
KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN		8,500,000	8,500,000
KUMPULAN WANG PINJAMAN KOMPUTER		1,000,000	1,000,000
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	13	1,000,718,069	1,027,189,740
KUMPULAN WANG AMANAH	14	58,832,748	26,124,693
		1,419,467,369	1,324,482,980
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Manfaat kakitangan jangka panjang		10,139,957	11,344,915
		1,429,607,326	1,335,827,895

Lembaran Imbangan di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 7 hingga 29.

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
PENDAPATAN			
Geran Mengurus		526,670,955	417,675,511
Geran Pembangunan dilunaskan		54,471,671	26,788,409
Pendapatan dari:			
Pesakit	15	78,394,102	76,732,003
Bukan pesakit	16	21,992,427	22,818,103
Amanah	17	87,604,513	18,215,355
		187,991,042	117,765,461
JUMLAH PENDAPATAN		769,133,668	562,229,381
PERBELANJAAN			
Emolumen kakitangan	18	273,135,168	245,999,827
Perkhidmatan dan bekalan	19	230,885,483	240,863,377
Pemberian dan kenaan faedah	20	6,114,901	6,018,441
Perbelanjaan Mengurus		510,135,552	492,881,645
Amanah	21	61,876,700	25,283,411
Susutnilai		71,437,904	42,426,900
Peruntukan hutang ragu:			
Pesakit		9,620,533	14,303,001
Bukan pesakit		25,624	709,835
Kerugian atas pelupusan		1,587,952	886,743
JUMLAH PERBELANJAAN		654,684,265	576,491,535
LEBIHAN (KURANGAN) / PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN		114,449,403	(14,262,154)
DIPINDAHKAN :			
KE KUMPULAN WANG TERKUMPUL		88,748,005	(7,191,250)
KE KUMPULAN WANG AMANAH		25,701,398	(7,070,904)
		114,449,403	(14,262,154)

Penyata Pendapatan di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 7 hingga 29.

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	Kumpulan Wang Terkumpul (RM)	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan (RM)	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer (RM)	Kumpulan Wang Pembangunan (RM)	Kumpulan Wang Amanah (RM)	Jumlah (RM)
Baki setakat 1 Januari 2013	268,146,139	8,500,000	1,000,000	946,978,149	-	1,224,624,288
Penerimaan Tahun Semasa	-	-	-	107,000,000	-	107,000,000
Pindahan dari Akaun Tabung Amanah Khas dan Akaun Tabung Amanah Am	-	-	-	-	33,195,597	33,195,597
Geran Pembangunan dilunaskan	-	-	-	(26,788,409)	-	(26,788,409)
Pelarasan	713,658	-	-	-	-	713,658
Kurangan Pendapatan Untuk Tahun Kewangan 2013	(7,191,250)	-	-	-	(7,070,904)	(14,262,154)
Baki Setakat 31 Disember 2013	**261,668,547**	**8,500,000**	**1,000,000**	**1,027,189,740**	**26,124,693**	**1,324,482,980**
Penerimaan Tahun Semasa	-	-	-	28,000,000	-	28,000,000
Pindahan dari Akaun Tabung Amanah Khas dan Akaun Tabung Amanah Am	-	-	-	-	7,006,657	7,006,657
Geran Pembangunan dilunaskan	-	-	-	(54,471,671)	-	(54,471,671)
Pelarasan	-	-	-	-	-	-
Lebihan Pendapatan Untuk Tahun Kewangan 2014	88,748,005	-	-	-	25,701,398	114,449,403
Baki Setakat 31 Disember 2014	**350,416,552**	**8,500,000**	**1,000,000**	**1,000,718,069**	**58,832,748**	**1,419,467,369**

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan / (Kurangan) pendapatan daripada perbelanjaan		114,449,403	(14,262,154)
Pelarasan bagi perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana :			
Susutnilai		71,437,904	42,426,900
Peruntukan hutang ragu		9,646,157	15,012,836
Hapuskira aset		1,587,952	886,743
Pelarasan Kumpulan Wang		7,045,235	33,182,346
Hutang lapuk terpulih		(2,450,343)	(168,228)
Aliran tunai daripada operasi sebelum perubahan modal kerja		201,716,308	77,078,443
Perubahan dalam modal kerja :			
(Pertambahan) / Pengurangan Stok		(2,095,196)	1,256,783
(Pertambahan) Penghutang dan cagaran		(13,065,357)	(16,132,261)
(Pengurangan) / Pertambahan Liabiliti terakru		(363,500)	448,372
(Pengurangan) Pemiutang, Cagaran tender dan kredit lain		(8,297,937)	(17,658,091)
		(23,821,990)	(32,085,197)
Penghasilan tunai daripada aktiviti operasi		177,894,318	44,993,246
Penerimaan Geran Pembangunan		28,000,000	107,000,000
Geran Pembangunan dilunaskan		(54,471,671)	(26,788,409)
		(26,471,671)	80,211,591
Aliran bersih tunai daripada aktiviti operasi		151,422,647	125,204,837
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian aset tetap		(70,676,585)	(81,676,862)
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		(70,676,585)	(81,676,862)
Pertambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai		80,746,062	43,527,975
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari		296,222,746	252,694,771
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	23	376,968,808	296,222,746

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. KEGIATAN UTAMA

(a) Kegiatan Utama

Kegiatan utama Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) ialah menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan, latihan dan penyelidikan yang berkualiti tinggi dalam perkhidmatan perubatan tertiar, komuniti dan kebajikan pesakit.

Tiada perubahan yang ketara bagi kegiatan PPUM sepanjang tahun ini.

(b) Status Perundangan dan Negara Diperbadankan

PPUM diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

PPUM adalah sebuah hospital pengajaran di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan merupakan sebuah badan berkanun, ditubuhkan di bawah Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya.

(c) Tarikh Kelulusan Penerbitan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diluluskan oleh Lembaga Pengurus melalui Resolusi Pekeliling bertarikh 16 Jun 2015.

2. DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas Perakaunan

Penyata Kewangan ini disediakan mengikut kos asal, menepati Keperluan Pendedahan Am (*General Disclosure Requirements*) dan berdasarkan kepada prinsip-prinsip perakaunan di bawah *Private Entity Reporting Standards* (PERS) yang diluluskan di Malaysia.

Penyediaan Penyata Kewangan berdasarkan kepada pembentangan mengikut Kumpulan Wang Amanah buat pertama kali digunapakai dalam tahun kewangan ini.

(b) Persembahan Matawang

Matawang yang dinyatakan di dalam penyata kewangan adalah dalam Ringgit Malaysia dan jumlah dinyatakan di dalam Ringgit.

(c) Bantuan Kerajaan Malaysia

Bantuan Kerajaan Malaysia yang diterima untuk kegunaan Pengurusan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun tersebut.

(d) Geran Kerajaan Bagi Projek Pembangunan

Pemberian Kerajaan bagi Projek Pembangunan akan diiktiraf sebagai Geran Modal Tertunda dan akan dilunaskan mengikut susutnilai projek yang telah siap dan aset yang dibeli serta belanja operasi yang tidak dipermodalkan.

(e) Pendapatan

(i) Pendapatan Dari Pesakit

Pendapatan dari pesakit diambil kira berasaskan akruan setelah ditolak pengenepian, pengurangan dan pelepasan terhadap Kakitangan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

(ii) Pendapatan Bukan Pesakit

Pendapatan bukan pesakit yang terdiri dari sewaan dan faedah dari simpanan tetap diambil kira berasaskan akruan.

(f) Kemerosotan Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh Lembaran Imbangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda kemerosotan. Jikalau wujud tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperoleh dianggarkan. Nilai dijangka dapat diperoleh merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka didiskaunkan.

Kerugian kemerosotan dicajkan terus kepada Penyata Pendapatan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperoleh diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktirafkan sebelum ini.

(g) Hartanah, Loji dan Mesin dan Susutnilai

(i) Tanah dan Bangunan asal PPUM direkodkan pada nilai nominal sebanyak RM10. Tanah dan Bangunan adalah tanah milik bebas atas Lot 1, Jalan Universiti, Seksyen 15 yang diduduki oleh PPUM dengan Universiti Malaya yang didaftarkan di bawah nama Federal Land Commissioner, Federation of Malaya.

(ii) Semua Hartanah, Loji dan Mesin yang bernilai lebih daripada RM3,000 ke atas dipermodalkan dan disusutnilai mengikut kaedah garis lurus atas tempoh penggunaan yang dijangkakan bagi harta berkenaan.

Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:-

Bangunan	2%
Kenderaan	10 – 25%
Peralatan pemprosesan data	20%
Perabot dan kelengkapan	5 – 50%
Peralatan dapur	10 – 20%
Peralatan pejabat	20 – 50%
Loji, mesin, alat hawa dingin dan lain-lain	5 – 33.3%
Peralatan perubatan, pembedahan dan makmal	5 – 50%

Tanah milik bebas PPUM tidak dilunaskan kerana mempunyai hayat infinit.

(iii) Hartanah, Loji dan Mesin dinyatakan pada nilai kos dan ditolak susutnilai terkumpul.

(iv) Keuntungan atau kerugian dari penjualan akan ditentukan secara perbandingan jumlah hasil jualan bersih dengan jumlah yang tercatat dalam penyata pendapatan.

(h) Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan terdiri daripada alat kelengkapan yang belum siap dipasang dan bangunan dalam pembinaan. Tiada peruntukan susutnilai dibuat dalam Penyata Kewangan ke atas Kerja Dalam Kemajuan.

(i) Stok

Stok terdiri daripada bekalan farmaseutikal, bekalan surgikal, pembalut dan bekalan wad, bekalan makmal, tabung darah, kardiorespiratori, neurologi, perubatan nuklear, radiologi, anestetik dan dispensari, bekalan kejuruteraan, bahan membersih, dobi dan bahan makanan kering serta lain-lain barang.

Stok dinyatakan pada yang mana lebih rendah antara kos dan nilai realisasi bersih. Kos ditentukan pada dasar “masuk dahulu keluar dahulu”.

(j) Penghutang

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran untuk hutang ragu telah dibuat berdasarkan atas semakan semua amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Peruntukan khas hutang ragu dibuat berasaskan kepada anggaran kerugian yang mungkin timbul daripada ketidakupayaan mengutip hutang dari akaun tertentu yang dikenal pasti.

(k) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai semasa yang perlu dibayar pada masa hadapan bagi bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima.

(l) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan Kesetaraan Tunai merangkumi baki tunai dalam tangan dan bank dan simpanan tetap yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak penting.

(m) Cukai Pendapatan

Pendapatan yang diterima oleh PPUM adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan berdasarkan kepada kedudukan status penubuhan PPUM.

(n) Manfaat Kakitangan

(i) Manfaat Kakitangan Jangka Pendek

Manfaat kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan sosial. Faedah tersebut diakru apabila terjadi dan dikira pada asas yang tidak didiskaunkan. PPUM juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat kakitangan jangka pendek.

(ii) Manfaat Kakitangan Jangka Panjang

Bayaran manfaat kakitangan yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan tahun semasa sebagai Perbelanjaan Manfaat Kakitangan dan dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Kakitangan Jangka Panjang.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bagi bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja yang telah mencapai umur 48 tahun dengan andaian seorang pekerja akan mengumpulkan cuti tahunannya sebanyak 15 hari setahun sehingga mencapai maksima 150 hari semasa ianya bersara. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

(iii) Faedah Selepas Perkhidmatan

(a) Pelan Sumbangan Ternyata

PPUM mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj ke dalam penyata pendapatan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(b) Faedah Persaraan

PPUM memperuntukkan faedah persaraan tidak berdana kepada kakitangan yang layak. Peruntukan faedah persaraan dikira pada asas satu bulan gaji untuk setiap tahun perkhidmatan yang dilengkapkan.

(o) Instrumen Kewangan

Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan PPUM adalah bertujuan memastikan PPUM memaksimumkan pulangan yang diterima di samping meminimumkan pendedahan kepada risiko atau kos yang berkaitan dengan aktiviti kewangan, pelaburan dan operasi PPUM.

Polisi pengurusan risiko kewangan PPUM bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi PPUM dengan lancar. PPUM membiayai operasi dengan sumbangan yang diterima dari Kerajaan dan dana dalaman. Oleh itu PPUM tidak terdedah kepada risiko kadar faedah daripada pinjaman bank. PPUM tidak melabur di dalam saham tersiar harga dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat risiko turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan harga pasaran.

(i) Risiko Kredit

Risiko Kredit, atau risiko pihak peniaga balas gagal melaksanakan urusan mengikut kontrak dikawal dengan pemantauan yang berterusan. Anggaran dibuat bagi hutang ragu setelah kajian semula ke atas baki yang belum dijelaskan pada tarikh Lembaran Imbangan.

(ii) Risiko Kadar Faedah

Pendapatan dan aliran tunai operasi PPUM adalah bergantung kepada perubahan dalam kadar faedah pasaran. Pendedahan dalam kadar faedah ini terbit daripada deposit PPUM. PPUM tidak menangani risiko kadar faedah ini.

(iii) Risiko Mudah Tunai

PPUM mengamalkan pengurusan Risiko Mudah Tunai yang berhemah untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan bersamaan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

(iv) Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan bersamaan tunai, pendapatan tertunggak, pelbagai dan lain-lain belum terima, pelbagai dan lain-lain belum bayar menghampiri nilai saksama kerana sifat tempoh instrumen kewangan yang pendek dan singkat.

3. HARTANAH, LOJI DAN MESIN

3.1 Perincian Hartanah, Loji dan Mesin Kumpulan Wang Mengurus

2014	KOS				SUSUTNILAI				
	Baki Pada 1.1.2014	Pindahan/ Tambahan 2014	Penjualan/ Pelupusan 2014	Baki Pada 31.12.2014	Baki Pada 1.1.2014	Susutnilai Dalam Tahun 2014	Penjualan/ Pelupusan 2014	Baki Pada 31.12.2014	NILAI BUKU BERSIH 2014
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
*Tanah	10	-	-	10	-	-	-	-	10
Bangunan	14,455,403	842,331	-	15,297,734	973,046	302,615	-	1,275,661	14,022,073
Kenderaan	4,847,125	211,625	(1,205,947)	3,852,803	4,289,059	189,454	(1,205,939)	3,272,574	580,229
Peralatan Pemprosesan Data	20,714,267	3,145,500	(750,700)	23,109,067	14,483,520	4,044,495	(738,970)	17,789,045	5,320,022
Perabot & Lengkapan	3,312,235	503,600	(438,598)	3,377,237	2,310,187	220,646	(413,696)	2,117,137	1,260,100
Peralatan Dapur	608,755	-	(29,660)	579,095	608,732	-	(29,657)	579,075	20
Peralatan Pejabat	2,580,378	43,750	(56,115)	2,568,013	2,136,283	137,988	(54,744)	2,219,527	348,486
Loji Mesin Alat Hawa Dingin dan Lain-lain	16,010,865	910,000	(606,206)	16,314,659	8,961,884	1,104,935	(201,798)	9,865,021	6,449,638
Peralatan Perubatan	150,194,482	8,868,267	(8,248,930)	150,813,819	98,665,806	12,235,658	(7,847,545)	103,053,919	47,759,900
Jumlah:	212,723,520	14,525,073	(11,336,156)	215,912,437	132,428,517	18,235,791	(10,492,349)	140,171,959	75,740,478

*** Tanah PPUM direkodkan pada nilai nominal sebanyak RM10 dan tidak disusutnilaikan kerana mempunyai hayat infinit.**

3. HARTANAH, LOJI DAN MESIN

3.2 Perincian Hartanah, Loji dan Mesin Kumpulan Wang Pembangunan

2014	KOS				SUSUTNILAI				
	Baki Pada 1.1.2014	Pindahan/ Tambahan 2014	Penjualan/ Pelupusan 2014	Baki Pada 31.12.2014	Baki Pada 1.1.2014	Susutnilai Dalam Tahun 2014	Penjualan/ Pelupusan 2014	Baki Pada 31.12.2014	NILAI BUKU BERSIH 2014
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	755,150,310	4,235,628	-	759,385,938	72,691,699	15,652,869	-	88,344,568	671,041,370
Kenderaan	-	115,000	-	115,000	-	26,354	-	26,354	88,646
Peralatan Pemprosesan Data	49,347,581	2,333,314	(3,500)	51,677,395	7,858,046	8,772,519	(2,100)	16,628,465	35,048,930
Perabot & Lengkapan	1,946,858	694,571	(19,572)	2,621,857	628,226	273,256	(19,571)	881,911	1,739,946
Peralatan Pejabat	1,891,688	38,000	-	1,929,688	1,181,911	192,019	-	1,373,930	555,758
Loji Mesin Alat Hawa Dingin dan Lain-lain	68,018,135	891,466	(721,640)	68,187,961	28,507,809	6,219,001	(49,765)	34,677,045	33,510,916
Peralatan Perubatan	140,995,227	43,175,828	(8,474,486)	175,696,569	55,278,616	22,039,680	(8,403,617)	68,914,679	106,781,890
Jumlah:	1,017,349,799	51,483,807	(9,219,198)	1,059,614,408	166,146,307	53,175,698	(8,475,053)	210,846,952	848,767,456

3. HARTANAH, LOJI DAN MESIN

3.3 Perincian Hartanah, Loji dan Mesin Kumpulan Wang Amanah

2014	KOS				SUSUTNILAI				
	Baki Pada 1.1.2014	Pindahan/ Tambahan 2014	Penjualan/ Pelupusan 2014	Baki Pada 31.12.2014	Baki Pada 1.1.2014	Susutnilai Dalam Tahun 2014	Penjualan/ Pelupusan 2014	Baki Pada 31.12.2014	NILAI BUKU BERSIH 2014
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Peralatan Pemprosesan Data	7,200	4,158	-	11,358	240	1,648	-	1,888	9,470
Perabot & Lengkapan	28,775	34,785	-	63,560	877	3,924	-	4,801	58,759
Peralatan Pejabat	-	20,370	-	20,370	-	1,893	-	1,893	18,477
Loji Mesin Alat Hawa Dingin dan Lain-lain	-	203,145	-	203,145	-	292	-	292	202,853
Peralatan Perubatan	57,800	126,572	-	184,372	1,730	18,658	-	20,388	163,984
Jumlah:	93,775	389,030	-	482,805	2,847	26,415	-	29,262	453,543
JUMLAH BESAR	1,230,167,094	66,397,910	(20,555,354)	1,276,009,650	298,577,671	71,437,904	(18,967,402)	351,048,173	924,961,477

3. HARTANAH, LOJI DAN MESIN

3.4 Perincian Hartanah, Loji dan Mesin mencapai nilai buku bersih RM1

Bilangan Hartanah, Loji dan Mesin PPUM yang telah mencapai nilai buku bersih pada RM1 adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
NILAI SUSUTNILAI PENUH ASET		
MENGURUS		
Tanah dan Bangunan	54	54
Kenderaan	2,896,035	3,994,232
Peralatan Pemprosesan Data	9,873,268	7,664,198
Perabot & Lengkapan	974,464	1,280,544
Peralatan Dapur	579,097	608,755
Peralatan Pejabat	1,723,614	1,600,778
Loji Mesin Alat Hawa Dingin dan Lain-lain	3,997,645	3,085,028
Peralatan Perubatan	57,078,677	54,296,615
Jumlah	77,122,854	72,530,204
PEMBANGUNAN		
Peralatan Pemprosesan Data	6,799,001	6,799,001
Perabot & Lengkapan	272,704	292,276
Loji Mesin Alat Hawa Dingin dan Lain-lain	9,043,663	4,611,701
Peralatan Perubatan	16,239,097	22,733,649
Jumlah	32,354,465	34,436,627
Jumlah Keseluruhan	109,477,319	106,966,831

3. HARTANAH, LOJI DAN MESIN

3.5 Perincian Hartanah, Loji dan Mesin Kumpulan Wang Mengurus

2013	KOS				SUSUTNILAI				
	Baki Pada 1.1.2013	Pindahan/ Tambahan 2013	Penjualan/ Pelupusan 2013	Baki Pada 31.12.2013	Baki Pada 1.1.2013	Susutnilai Dalam Tahun 2013	Penjualan/ Pelupusan 2013	Baki Pada 31.12.2013	NILAI BUKU BERSIH 2013
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
*Tanah	10	-	-	10	-	-	-	-	10
Bangunan	6,865,568	7,589,835	-	14,455,403	805,070	167,976	-	973,046	13,482,357
Kenderaan	4,812,423	218,761	(184,059)	4,847,125	4,295,392	177,722	(184,055)	4,289,059	558,066
Peralatan Pemprosesan Data	17,359,865	3,679,646	(325,244)	20,714,267	11,910,278	2,898,422	(325,180)	14,483,520	6,230,747
Perabot & Lengkapan	3,524,834	258,000	(470,599)	3,312,235	2,534,723	169,763	(394,299)	2,310,187	1,002,048
Peralatan Dapur	608,755	-	-	608,755	608,732	-	-	608,732	23
Peralatan Pejabat	2,435,605	460,732	(315,959)	2,580,378	2,173,251	266,118	(303,086)	2,136,283	444,095
Loji Mesin Alat Hawa Dingin dan Lain-lain	12,962,763	4,205,408	(1,157,306)	16,010,865	8,535,990	1,508,619	(1,082,725)	8,961,884	7,048,981
Peralatan Perubatan	160,707,183	14,428,987	(24,941,688)	150,194,482	110,525,248	12,427,594	(24,287,036)	98,665,806	51,528,676
Jumlah:	209,277,006	30,841,369	(27,394,855)	212,723,520	141,388,684	17,616,214	(26,576,381)	132,428,517	80,295,003

*** Tanah PPUM direkodkan pada nilai nominal sebanyak RM10 dan tidak disusutnilaikan kerana mempunyai hayat infinit.**

3. HARTANAH, LOJI DAN MESIN

3.6 Perincian Hartanah, Loji dan Mesin Kumpulan Wang Pembangunan

2013	KOS				SUSUTNILAI				
	Baki Pada 1.1.2013	Pindahan/ Tambahan 2013	Penjualan/ Pelupusan 2013	Baki Pada 31.12.2013	Baki Pada 1.1.2013	Susutnilai Dalam Tahun 2013	Penjualan/ Pelupusan 2013	Baki Pada 31.12.2013	NILAI BUKU BERSIH 2013
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	284,564,137	470,586,173	-	755,150,310	65,364,221	7,327,478	-	72,691,699	682,458,611
Peralatan Pemprosesan Data	7,467,368	41,946,303	(66,090)	49,347,581	7,012,885	911,176	(66,015)	7,858,046	41,489,535
Perabot & Lengkapan	1,737,238	209,620	-	1,946,858	467,358	160,713	155	628,226	1,318,632
Peralatan Pejabat	1,817,138	74,550	-	1,891,688	996,483	185,428	-	1,181,911	709,777
Loji Mesin Alat Hawa Dingin dan Lain-lain	48,326,775	19,691,360	-	68,018,135	24,119,383	4,388,304	122	28,507,809	39,510,326
Peralatan Perubatan	96,000,867	45,680,538	(686,178)	140,995,227	44,062,137	11,834,740	(618,261)	55,278,616	85,716,611
Jumlah:	439,913,523	578,188,544	(752,268)	1,017,349,799	142,022,467	24,807,839	(683,999)	166,146,307	851,203,492

3. HARTANAH, LOJI DAN MESIN

3.7 Perincian Hartanah, Loji dan Mesin Kumpulan Wang Amanah

2013	KOS				SUSUTNILAI				
	Baki Pada 1.1.2013	Pindahan/ Tambahan 2013	Penjualan/ Pelupusan 2013	Baki Pada 31.12.2013	Baki Pada 1.1.2013	Susutnilai Dalam Tahun 2013	Penjualan/ Pelupusan 2013	Baki Pada 31.12.2013	NILAI BUKU BERSIH 2013
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Peralatan Pemprosesan Data	-	7,200	-	7,200	-	240	-	240	6,960
Perabot & Lengkapan	-	28,775	-	28,775	-	877	-	877	27,898
Peralatan Pejabat	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Loji Mesin Alat Hawa Dingin dan Lain-lain	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Peralatan Perubatan	-	57,800	-	57,800	-	1,730	-	1,730	56,070
Jumlah:	-	93,775	-	93,775	-	2,847	-	2,847	90,928
JUMLAH BESAR	649,190,529	609,123,688	(28,147,123)	1,230,167,094	283,411,151	42,426,900	(27,260,380)	298,577,671	931,589,423

3. HARTANAH, LOJI DAN MESIN

3.8 Perincian Hartanah, Loji dan Mesin mencapai nilai buku bersih RM1

Bilangan Hartanah, Loji dan Mesin PPUM yang telah mencapai nilai buku bersih pada RM1 adalah seperti berikut:

	2013 RM	2012 RM
NILAI SUSUTNILAI PENUH ASET		
MENGURUS		
Tanah dan Bangunan	54	54
Kenderaan	3,994,232	4,178,291
Peralatan Pemprosesan Data	7,664,198	7,985,733
Perabot & Lengkapan	1,280,544	1,424,720
Peralatan Dapur	608,755	608,755
Peralatan Pejabat	1,600,778	1,848,127
Loji Mesin Alat Hawa Dingin dan Lain-lain	3,085,028	3,591,914
Peralatan Perubatan	54,296,615	66,796,410
Jumlah	72,530,204	86,434,004
PEMBANGUNAN		
Peralatan Pemprosesan Data	6,799,001	6,860,081
Perabot & Lengkapan	292,276	272,704
Loji Mesin Alat Hawa Dingin dan Lain-lain	4,611,701	2,575,851
Peralatan Perubatan	22,733,649	22,507,750
Jumlah	34,436,627	32,216,386
Jumlah Keseluruhan	106,966,831	118,650,390

4. KERJA DALAM KEMAJUAN

Projek	Baki pada 1.1.2014	Tambahan Tahun 2014	Dipindah Ke Aset	Baki Pada 31.12.2014
PEMBANGUNAN				
Bangunan Tambahan Perkhidmatan Obstetrik	-	1,232,230	(1,232,230)	-
Bangunan Perkhidmatan Pediatrik	2,676,456	4,172,221	(3,158,338)	3,690,339
Peralatan Menara Timur	188,575	522,633	-	711,208
Alat Kelengkapan Obstetrik/ Pediatrik	556,373	719,859	(763,236)	512,996
Bangunan Baru Perubatan Pemulihan	4,667,267	8,469,713	(81,171)	13,055,809
Naik Taraf Sistem Komputer	10,162	3,180,325	(1,697,702)	1,492,785
Peralatan Menara Selatan	15,305,867	35,830,503	(45,702,633)	5,433,737
Peralatan Penyelidikan Obstetrik dan Pediatrik	150,100	124,972	(124,972)	150,100
Ubahsuai Bangunan dan Kemudahan Hospital	-	196,709	(19,495)	177,214
	23,554,800	54,449,165	(52,779,777)	25,224,188
MENGURUS				
Alat Kelengkapan	9,687,588	2,521,944	(3,307,665)	8,901,867
CIGMIT	6,400,000	800,000	-	7,200,000
Ubahsuai Kemudahan Klinik	4,568,188	865,900	(535,671)	4,898,417
Ubahsuai 12 unit Dewan Bedah	193,894	1,531,586	-	1,725,480
Ubahsuai Ruang Pejabat	-	733,193	-	733,193
	20,849,670	6,452,623	(3,843,336)	23,458,957
	44,404,470	60,901,788	(56,623,113)	48,683,145

Nota : Kerja Dalam Kemajuan Pembangunan dipermodalkan

Diterima dan dipermodal dalam tahun semasa	34,024,776
Diterima dalam tahun sebelum dan dipermodal dalam tahun semasa	18,755,001
	52,779,777

5. STOK	2014 RM	2013 RM
Dinyatakan pada kos:-		
Bekalan farmaseutikal	9,711,111	8,480,048
Bekalan surgikal, pembalut dan bekalan wad	2,553,907	2,173,972
Bekalan makmal, tabung darah, kardiorespiratori, neurologi, perubatan nuklear, radiologi, anestetik dan dispensari	1,560,840	1,449,296
Bekalan kejuruteraan, bahan membersih, dobi dan bahan makanan kering	649,012	439,723
Lain-lain bekalan	461,477	298,112
	14,936,347	12,841,151

6. PENGHUTANG, CAGARAN DAN BAYARAN TERDAHULU	2014 RM	2013 RM
MENGURUS		
Penghutang Pesakit	68,691,615	70,494,367
Peruntukan Hutang Ragu	(13,449,280)	(13,379,467)
	55,242,335	57,114,900
Penghutang Kakitangan (Langgar Perjanjian)	6,117,277	5,704,894
Pelbagai Penghutang	3,488,679	3,056,132
Peruntukan Hutang Ragu	(394,701)	(2,819,419)
	9,211,255	5,941,607
Faedah dari Bank	901,792	808,020
Penghutang Sewa	846,025	1,296,225
Penghutang Perkhidmatan UMSC	1,444,595	4,278,792
	3,192,412	6,383,037
	67,646,002	69,439,544
AMANAH		
Pelbagai Penghutang	8,052,726	165,012
Faedah dari Bank	88,952	45,773
	8,141,678	210,785
Jumlah	75,787,680	69,650,329

7. PENGHUTANG PINJAMAN KOMPUTER	2014 RM	2013 RM
Baki pada 1 Januari	364,013	506,747
Pinjaman yang diberikan dalam tahun	148,200	130,400
	512,213	637,147
Bayaran balik yang diterima dalam tahun	(172,963)	(273,134)
Baki pada 31 Disember	339,250	364,013

8. PENGHUTANG PINJAMAN KENDERAAN	2014 RM	2013 RM
